



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)



PENGURUSAN PROJEK BEKALAN
AIR LUAR BANDAR SARAWAK
DAN SABAH DI BAWAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH



DR. 3 TAHUN 2025





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN PENGAL KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
INFOGRAFIK	
GLOSARI	
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG	4
5. KETERANGAN SAKSI	7
5.1. Laporan Ketua Audit Negara-Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)	7
a) 44,059 Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat	7
b) Penyambungan Meter Tidak Dibuat – BALB Sabah	8
c) Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan – BALB Sarawak	8
d) Komponen Aset Projek Rosak – BALB Sabah	9
5.2. Maklum Balas Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta JBALB dan JANS – Keterangan KSU, KKDW serta Pengarah JBALB dan Pengarah JANS	9
a) Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat	10
b) Penyambungan Meter Tidak Dibuat – BALB Sabah	10
c) Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan – BALB Sarawak	12
d) Komponen Aset Projek Rosak – BALB Sabah	14
6. PENEMUAN PAC	14
6.1. Lawatan Kerja PAC Parlimen Projek BALB Di Sandakan, Sabah	14
6.2. Fungsi Kementerian & Agensi Di Bawah Program BALB	20
6.3. Perlantikan Perunding Projek BALB	24
6.4. Kelulusan & Pemantauan Projek BALB	25
6.5. Kerajaan Persekutuan Tiada Pelan Induk & Blueprint BALB	26
6.6. Cabaran, Masalah & Punca Kelewatan Projek BALB	28
a) Bantahan Penduduk	29
b) Urusan Tanah & Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	30
c) Kos Projek BALB Yang Tinggi	31
d) Impak Kelewatan Terhadap Kos	33
6.7. Pengurusan Penyenggaraan Projek BALB	33
a) Prosedur Operasi Standard (SOP)	35

PERKARA	MUKA SURAT
6.8. Keperluan Pemasangan Tangki Di Sabah	37
6.9. Sumber Air Alternatif	38
6.10. Penyaluran Dana Kepada RISDA Bagi Tujuan Pembayaran Projek BALB	39
6.11. Bekalan Elektrik & Penggunaan Generator Bagi Projek BALB	41
a) Pembekalan Diesel Bagi Sistem Generator di LRA	44
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	47
8. SYOR PAC PARLIMEN	48
GAMBAR PROSIDING	
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	
DOKUMEN PEMBENTANGAN	



GLOSARI

GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
AGD	<i>Auditor General's Dashboard</i>
AP	Arahan Perbendaharaan
BALB	Bekalan Air Luar Bandar
CPC	<i>Certificate of Practical Completion</i> / Sijil Perakuan Siap
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JANS	Jabatan Air Negeri Sabah
JBALB	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLH	juta liter sehari
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KAN	Ketua Audit Negara
KE	Kementerian Ekonomi
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPP	Ketua Penolong Pengarah
KSU	Ketua Setiausaha
LAK	Lembaga Air Kucing
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LRA	Loji Rawatan Air
M&E	mekanikal dan elektrik
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MyGPIS	Sistem Maklumat Bersepadu Kerajaan
PAC	Jawatankuasa Kira – kira Wang Negara
PBAN	Pihak Berkuasa Air Negeri

GLOSARI

PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
PL	Prasarana Lengkap
PM	Peraturan Mesyuarat
PPMMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RMK	Rancangan Malaysia
SAWAS	<i>Sarawak Alternative Water Supply</i>
SESB	<i>Sabah Electricity Sdn Bhd</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i> / Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUB	Setiausaha Bahagian
TKAN	Timbalan Ketua Audit Negara
TKP	Timbalan Ketua Pengarah
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
TSUB	Timbalan Setiausaha Bahagian



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



*Nota PAC: Penyata ini lebih menjurus kepada isu BALB di Sabah berbanding Sarawak memandangkan lawatan kerja PAC isu ini hanya dapat dilakukan di Sabah di atas kekangan masa.

Saksi



- ▶ Jabatan Audit Negara
- ▶ Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- ▶ Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
- ▶ Jabatan Air Negeri Sabah

Latar Belakang




- ▶ Tujuan Projek BALB - Penyediaan kemudahan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan.
- ▶ Mula dilaksanakan di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* sejak RMKe-2

6 (17.1%)
Projek Dalam Pelaksanaan

4,541
(15.4%)
RUMAH

22,705
(15.4%)
PENDUDUK



Teloh Mencapai Sasaran

6,100
RUMAH

17 (48.6%)
Projek Siap

15,248
(51.9%)
RUMAH

76,240
(51.9%)
PENDUDUK

**PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK
BALB RETIKULASI DAN NAIK
TARAF/BINA BARU LOJI SABAH
SEHINGGA OKTOBER 2023**

**PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK
BALB RETIKULASI DAN NAIK
TARAF/BINA BARU LOJI SABAH
SEHINGGA OKTOBER 2023**

12 (34.3%)
Projek Dalam Perancangan

9,608
(32.7%)
RUMAH

48,040
(32.7%)
PENDUDUK

8 (2.1%)
Projek Dalam Pelaksanaan

7,289
(12.1%)
RUMAH

36,445
(12.1%)
PENDUDUK

24 (6.4%)
Projek Dalam Perancangan

22,621
(37.5%)
RUMAH

113,105
(37.5%)
PENDUDUK

330 (87.6%)
Projek Siap

20,790
(34.4%)
RUMAH

103,950
(34.4%)
PENDUDUK



15 (3.9%)
Projek Batal

9,682
(16%)
RUMAH

48,410
(16%)
PENDUDUK

Teloh Mencapai Sasaran

6,300
RUMAH





Penemuan PAC



1. Fungsi Kementerian & Agensi Di Bawah Program BALB

KEMENTERIAN PERALIHAN DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

Pengubalan dasar, pematuhan aspek perundangan

Pelaksanaan projek pembangunan bagi menyediakan sumber air ke paip utama

Menyelaraskan pinjaman bagi pelaksanaan projek bekalan air kepada Kerajaan Negeri

PIHAK BERKUASA AIR NEGERI (PBAN)

Pembinaan loji rawatan air dan paip utama

Pengoperasian dan penyelenggaraan sistem bekalan air

Kutipan tarif air

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

Penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air

Menyediakan sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomi untuk penyambungan paip retikulasi

2. Perlantikan Perunding Projek BALB

- Berdasarkan senarai perunding di bawah Sistem Maklumat Bersepadu Kerajaan (MyGPIS) dan berdasarkan tiga (3) kaedah:
 - i. Lantikan terus, berserta kos siling
 - ii. Tender Terbuka Pra-Kelayakan
 - iii. Tender Terbuka

3. Kelulusan & Pemantauan Projek BALB

- Projek yang diluluskan adalah berdasarkan kos sebenar dan setelah mengambil kira keperluan daripada PBAN atau Jabatan Air Negeri
- Proses dan pengurusan perolehan dan projek BALB adalah tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan MOF dan KE.
- Pemantauan berkala melalui Jawatankuasa Teknikal serta penglibatan Jabatan Teknikal dilaksanakan oleh KKDW

4. Kerajaan Persekutuan Tiada Pelan Induk & Blueprint BALB

- Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai Pelan Induk & Blueprint BALB dan bergantung sepenuhnya kepada perancangan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri, PBAN dan Jabatan Air Negeri.

5. Cabaran, Masalah & Punca Kelewatan Projek BALB

- Bantahan Penduduk
- Urusan Tanah & Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri
- Kos Projek BALB Yang Tinggi
- Impak Kelewatan Terhadap Kos

6. Pengurusan Penyenggaraan Projek BALB

- Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi tujuan penyenggaraan berkala dan preventif telah disediakan. Namun, tiada SOP khusus dibangunkan bagi kerja-kerja *predictive*.

7. Keperluan Pemasangan Tangki Di Sabah

- Enakmen Air Negeri Sabah telah menetapkan bahawa setiap rumah wajib mempunyai tangki air
- Kapasiti tangki telah ditetapkan pada saiz sekurang-kurangnya 400 galon. Kos purata tangki bagi kapasiti berkenaan adalah RM600.

8. Sumber Air Alternatif

- RM5 juta diperuntukkan bagi Sarawak dan Sabah untuk projek di bawah bekalan air alternatif
- KKDW banyak meluluskan projek di bawah inisiatif *Sarawak Alternative Water Supply (SAWAS)*



9. Penyaluran Dana Kepada RISDA Bagi Tujuan Pembayaran Projek BALB

- Saluran dana telah dibuat ketika negara dilanda pandemik Covid-19 bagi membenarkan serta memudahkan bayaran kepada pihak kontraktor Projek BALB.
- Namun, masih terdapat lagi baki yang belum dibayar dan dipegang oleh pihak RISDA

10. Bekalan Elektrik & Penggunaan Generator Bagi Projek BALB

- Pembekalan Diesel Bagi Sistem Generator di LRA
 - i. Diesel dibekalkan oleh pihak JKR kepada JANS dengan kadar yang ditetapkan oleh pihak JKR

Rumusan



- 1 Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai pelan induk bagi penyediaan bekalan air terawat luar bandar yang menyeluruh, setakat ini.
- 2 Pengurusan projek BALB kurang teratur kerana kurangnya koordinasi di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan. Perkara ini membawa kepada permasalahan seperti pertindihan projek, urusan hal ehwal tanah, pelan perancangan perhubungan bekalan air ke kawasan berkaitan dan lain-lain.
- 3 Kelemahan dalam pengurusan penyelenggaraan dilihat sangat kritikal kerana tiada pelan pencegahan dan pemulihan (preventive and corrective maintenance) berjadual dilaksanakan oleh PBAN sehingga banyak berlaku kerosakan terhadap aset yang disediakan di bawah projek BALB. Perkara ini menyebabkan kos pembaikan meningkat dan kualiti bekalan air terjejas.
- 4 Bagi projek BALB sebelum tahun 2018, premis atau kawasan yang terletak jauh daripada punca utama air, melebihi 50 meter, kos penyambungan perlu ditanggung oleh pemilik rumah. Namun, mulai tahun 2018, kos-kos sambungan tersebut telah diambil kira dalam had siling RM120,000 bagi satu premis.
- 5 Ketidakkampuan pemilik premis/rumah di Sabah menanggung kos pembelian tangki air dan penyambungan meter air menafikan hak mereka memperoleh kemudahan asas air terawat.
- 6 Isu kelewatan dalam tindakan peralihan daripada generator kepada bekalan elektrik bermeter di 15 loji air di Sabah telah menyebabkan isu seperti kos diesel yang tinggi, penyenggaraan dan penduduk terputus bekalan air terawat. KKDW masih dalam proses menggantikan penggunaan generator bagi loji-loji di Sabah.

Syor PAC Parlimen



- 1 KE dan KKDW dengan kerjasama Kerajaan Negeri perlu membangunkan pelan induk BALB bagi memastikan penduduk di luar bandar mempunyai akses kepada bekalan air yang berkualiti dan selamat digunakan.
- 2 KKDW, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual.
- 3 KKDW perlu memastikan pihak Kerajaan Negeri/PBAN mengemukakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (preventive and corrective maintenance) berjadual sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PBAN.
- 4 KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter di dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan.
- 5 KKDW perlu berunding dengan Kerajaan Negeri/PBAN supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk.
- 6 KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan.
- 7 PAC Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri/PBAN disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB.

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK DAN SABAH**

DI BAWAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1. PENDAHULUAN

Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) adalah sebahagian daripada pengauditan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan pada 4 Julai 2024.

Fokus utama pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek BALB Sarawak dan Sabah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bertujuan menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat. Pengauditan meliputi projek penyambungan paip retikulasi, pembinaan loji rawatan serta projek alternatif bagi RMKe-11 dan sambungan RMKe-10.

2. OBJEKTIF PROSIDING

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memulakan prosiding mengenai Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah KKDW melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. PM 83 (2) PPMMDR;
- iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
- iv. AP (Pindaan 2023) 304 (a); dan
- v. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Prosiding ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berhubung Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Selain itu, pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa turut diteliti.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah iaitu:
 - i. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN);
 - ii. Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi) Sektor Audit Prestasi, JAN;
 - iii. Datuk Muhd. Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha (KSU), KKDW;
 - iv. Tuan Mohd. Kamal bin Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pembangunan), KKDW;
 - v. Ir. Ts. Awang Mohammad Fadillah bin Awang Redzuan, Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB);

vi. Tn. Hj. Suhaimi bin Hj. Asbullah, Pengarah, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS); dan

vii. Tn. Tam Yin Foon, Timbalan Pengarah (Pembangunan), JANS.

untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan;

- b. menjemput ex-officio PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	24 Julai 2024/ 11:00 pagi	Bil. 8/2024	Jabatan Audit Negara (JAN): - Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN) - Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi)
2.	30 Julai 2024/ 10:00 pagi	Bil. 8(a)/2024	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW): - Datuk Muhd. Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha (KSU) - Dato' Afandi bin Nordin, Setiausaha Bahagian (SUB), Penyelarasan dan Pemantauan - Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian (SUB), Prasarana Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB): - Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan, Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS): - Ir. Wong Chen Tong, Ketua Penolong Pengarah - En. Jordan Michael Flynn, Penolong Pengarah
3.	1 Oktober 2024	Lawatan Kerja	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
4.	2 Oktober 2024/ 2:30 petang	Bil. 8(b)/2024	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW): • Tuan Mohd. Kamal bin Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pembangunan) Jabatan Air Negeri Sabah (JANS): • Tn. Hj. Suhaimi bin Hj. Asbullah, Pengarah • Tn. Tam Yin Foon, Timbalan Pengarah (Pembangunan)

Selain itu, PAC turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:


- a. Slaid pembentangan JAN pada 24 Julai 2024;
- b. Slaid pembentangan KKDW pada 30 Julai 2024 serta 2 Oktober 2024; dan
- c. Surat, dokumen dan maklumat tambahan daripada KKDW dan JANS.

4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SARAWAK DAN SABAH

Projek BALB bertujuan untuk menyediakan kemudahan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan. Penyediaan bekalan air bersih dan terawat meliputi kawasan penempatan luar bandar di seluruh negara termasuk kampung-kampung tradisional, kampung-kampung tersusun, rumah panjang di Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan rumah pekerja estet kecil di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).


Projek BALB telah mula dilaksanakan di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* sejak RMKe-2 dengan kaedah pembiayaan 80% pinjaman dan 20% geran Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) sebagai agensi pelaksana. Bermula RMKe-8, KKDW telah dilantik sebagai agensi pelaksana dengan kaedah pembiayaan secara 100% geran Kerajaan Persekutuan. Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019 – Teras empat: Prasarana Lengkap (PL) dan canggih, PL1 Langkah Dua telah memperincikan program dan projek, kumpulan sasar, agensi peneraju dan sokongan serta hasilan program bekalan air luar bandar. Pelaksanaan program di bawah dasar ini telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa pelaksanaan iaitu Fasa I (2019–2020), Fasa II (2021–2025) dan Fasa III (2026–2030).

Skop projek BALB terdiri daripada BALB Retikulasi, BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan BALB Alternatif. Perincian skop dan komponen adalah seperti **Rajah 1** berikut:



Sumber: LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Proses kerja BALB Retikulasi, BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan BALB Alternatif adalah seperti **Rajah 2** berikut:




Sumber: LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Sehingga tarikh akhir pengauditan pada Oktober 2023 dan juga tarikh dibentangkan LKAN berkenaan, objektif dan sasaran pencapaian projek BALB bagi Sarawak dan Sabah dapat diringkaskan seperti **Rajah 3** berikut:




Sumber: LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Sehubungan itu, butiran bagi pencapaian rumah dan penduduk yang menerima akses bekalan air bersih dan terawat bagi BALB Sarawak dan Sabah diringkaskan melalui **Rajah 4** dan **Rajah 5** berikut:



Sumber: LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

RAJAH 5
PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK BALB RETIKULASI DAN
NAIK TARAF/BINA BARU LOJI SABAH SEHINGGA OKTOBER 2023



Sumber: LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

5. KETERANGAN SAKSI


5.1. Laporan Ketua Audit Negara – Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)

Sesi Pra-Prosiding diadakan bagi mendapatkan keterangan daripada pihak JAN berhubung penemuan audit berkaitan Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. **Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi (KAN)** dan **Datuk Nor Salwani binti Muhammad [TKAN (Prestasi)]** dalam Prosiding Bil. 8/2024 bertarikh 24 Julai 2024 memaklumkan penemuan audit seperti berikut:

a. 44,059 Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat

Berdasarkan kepada analisis audit terhadap 35 projek BALB Sarawak dan 377 projek BALB Sabah, pihak audit mendapati 18 projek BALB Sarawak dan 32

projek BALB Sabah masih belum dilaksanakan. Ini menyebabkan sejumlah 14,149 rumah di Sarawak dan 29,910 rumah di Sabah tidak menerima akses bekalan air bersih dan terawat. Perincian dan butiran lanjut adalah seperti **Rajah 6**.



Sumber: Slaid Pembentangan JAN pada 24 Julai 2024

b. Penyambungan Meter Tidak Dibuat – BALB Sabah

Analisis audit terhadap 12 sampel projek BALB Sabah mendapati 2,422 (63.9%) daripada 3,824 rumah tidak membuat penyambungan meter. Perkara ini disebabkan ketidakmampuan penduduk untuk menanggung kos penyambungan meter yang tinggi iaitu antara RM750 hingga RM1,000 bagi setiap rumah. Harga sambungan tersebut termasuk deposit sejumlah RM230 bagi pemasangan meter.

c. Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan – BALB Sarawak

Tangki perkhidmatan bernilai RM9.2 juta bagi Projek Saluran Paip Utama Dari Loji Batu Kitang Ke Tangki Bukit Entingan dan Ke Tangki Batu 9 $\frac{3}{4}$ Samarahan tidak digunakan oleh pihak Lembaga Air Kuching (LAK) sejak projek siap pada 19 Mac 2018.

d. Komponen Aset Projek Rosak – BALB Sabah

Berdasarkan tiga (3) lawatan kerja audit di beberapa kawasan di Sabah, pihak audit mendapati beberapa kerosakan seperti pam yang tidak berfungsi, sistem dan peralatan yang berkarat dan rosak serta saluran paip yang bocor dan generator yang rosak. Kerosakan tersebut menyebabkan gangguan bekalan air kerap berlaku bagi kawasan yang terlibat. Butiran terperinci adalah seperti **Rajah 7**.



Sumber: Slaid Pembentangan JAN pada 24 Julai 2024

5.2. Maklum Balas KKDW serta JBALB dan JANS – Keterangan Ketua Setiausaha (KSU), KKDW serta Pengarah JBALB dan Pengarah JANS

Kesinambungan daripada Sesi Pra-Prosiding, Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Maklum balas terhadap isu LKAN dan perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Ketua Setiausaha (KSU), KKDW] dan pihak JBALB Sarawak serta JANS dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarih 30 Julai 2024 telah memberi maklum balas terhadap penemuan dan isu audit seperti berikut:

a. Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar (KSU, KKDW) dan **pihak JBALB Sarawak** serta **JANS** dalam **Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** dan melalui maklum balas di *Auditor General's Dashboard* (AGD) memaklumkan bahawa kelewatan pelaksanaan projek BALB berlaku disebabkan faktor kelulusan izin lalu dan pengambilan balik tanah yang mengambil masa yang lama.

Selain itu, pertindihan projek BALB dengan projek yang dilaksanakan oleh pihak lain mengambil masa untuk diselesaikan dan mengganggu proses reka bentuk projek serta halangan di tapak. Namun, KKDW, JBALB dan JANS memberi komitmen untuk mempercepat proses pelaksanaan projek BALB.

[Rujukan AGD bagi Tajuk Kajian: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah KKDW]

b. Penyambungan Meter Tidak Dibuat – BALB Sabah

Ir. Wong Chen Tong [Ketua Penolong Pengarah (KPP), Cawangan BALB, JANS] dalam **Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** memaklumkan bahawa penyambungan meter tidak dibuat kerana penduduk tidak membuat permohonan penyambungan meter. Permohonan tidak dibuat kerana sebahagian penduduk tidak mampu membuat pembayaran permohonan meter dan tidak mahu membayar bil bulanan air. Penduduk juga beranggapan bahawa keseluruhan kos pemasangan meter dan paip komunikasi dibiayai oleh JANS.

“Ir. Wong Chen Tong [JANS]: .. Actually, kenapa prestasi ini begitu rendah disebabkan oleh permohonan dan penyambungan meter baru tidak dipohon oleh penduduk. Atas sebab sebahagian daripada penduduk itu tidak mampu dengan pembayaran permohonan meter dan tidak mahu membayar bil air setiap bulan. Walaupun, jumlah kos permohonan meter baru hanya RM213 sahaja. RM213, yang RM700 nanti YB saya cuba terangkan.

Jadi yang RM213 ini dia terdiri daripada borang permohonan RM1, kos meter dan pemasangan meter RM130 dan deposit hanya RM100 sahaja. Ya. Tetapi sebahagian daripada penduduk pengguna beranggapan bahawa keseluruhan kos pemasangan meter ini dan paip komunikasi dibiayai oleh JANS. Apabila projek telah siap itu I think all the penduduk dia ingat it is free. Itu salah satu masalah dia.”

[Muka surat 53, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Ir. Wong Chen Tong seterusnya memaklumkan bahawa kos tambahan yang tinggi bagi tujuan pemasangan paip berpunca daripada keperluan pemasangan paip agihan yang panjang disebabkan lokasi rumah yang jauh dari sesalur utama. Menurut Enakmen Bekalan Air Sabah 2003, JANS tidak boleh menyambung paip bekalan dengan kerja air bagi apa-apa premis yang melebihi 50 meter dari sesalur utama bekalan. Oleh itu, bagi rumah yang terletak lebih 50 meter dari sesalur utama bekalan, kos pemasangan perlu ditanggung oleh pemohon. Disebabkan kos tersebut, penduduk memilih untuk kekal menggunakan bekalan air sedia ada, walaupun air tersebut kurang berkualiti.

*“**Ir. Wong Chen Tong [JANS]:** .. Jadi, dengan itu, actually penduduk sanggup menggunakan air kualiti yang sedia ada. Jadi, ada sebahagian masih menunggu pertolongan daripada YB tempatan dengan yuran permohonan pemasangan meter tersebut. Ada juga sebahagian yang berhijrah ke tempat lain. That’s why the pemasangan meter itu memang berkurang.*

Bagi YB yang yuran sehingga RM1,000 itu, bukan. Actually, kalau kita rujuk kepada Enakmen Air. Actually, Jabatan Air tidak boleh menyambung paip bekalan dengan kerja air bagi apa-apa premis di mana melebihi 50 meter dari sesalur utama bekalan. Contohnya, paip agihan itu then lokasi rumah itu jauh. 100 meter daripada paip agihan. Jadi, yang lebih 50 meter itu kos pemasangan kena ditanggung oleh pemohon. Jadi, di mana kos permohonan itu meningkat saya rasa berdasarkan fakta tersebut.”

[Muka surat 53, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Lanjutan itu, **En. Azman bin Kassim [Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB), Bahagian Prasarana, KKDW]** dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa mulai tahun 2018, sebagai langkah penambahbaikan, kerja serta kos penyambungan meter dibuat ke rumah penduduk, khususnya bahagian dapur rumah dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada skop projek BALB.

*“**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** .. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Soalan dia kenapa dalam skop asal projek itu dia punya retikulasi itu tak sampai kepada depan rumah?*

***Ir. Wong Chen Tong [JANS]:** Saya rasa sebelum ini memang tidak sampai tetapi sekarang KKDW punya dasar memang sudah sampai. Sudah sampai. Bagi projek baharu.*

***Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** .. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Sebab ini yang lama.*

***Ir. Wong Chen Tong [JANS]:** Ya.*

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Pili ke dapur itu pada projek yang 2018 ke bawah. Selepas 2018, kita buat penambahbaikan.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Untuk Sarawak, Yang Berhormat, Sarawak kita tak ada mengalami masalah disebabkan skop projek-projek KKDW di Sarawak dah termasuk sekali sampai ke pili di dalam rumah. Hanya perlu membayar harga meter saja, RM80 ke RM100. Harga meter saja.

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan: Yes, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Nak jelas ya. Nak jelas. Maknanya, di Sarawak communication pipe itu dibiayai oleh JBALB?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Di dalam skop projek KKDW. Kos projek dah termasuk sekali. Dah termasuk.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Mungkin sebab itu projek selepas 2018.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Yes.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Yang sebelum 2018 memang tak masuk semua. Sabah, Sarawak, Semenanjung pun sama saja. Lepas 2018 baru kita sampai ke dapurlah. Mungkin yang Sarawak itu sebab tak ada projek yang bawah 2018-lah.”

[Muka surat 54, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

c. Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan – BALB Sarawak

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar (KSU, KKDW) dan **En. Azman bin Kassim (TSUB, Bahagian Prasarana, KKDW)** dalam **Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** memaklumkan bahawa di bawah garis panduan yang berkaitan, pembahagian tugas telah dijelaskan. Dalam garis panduan tersebut, setelah Projek BALB siap sepenuhnya, projek tersebut diserahkan sepenuhnya kepada PBAN, yang seterusnya akan bertanggungjawab terhadap pengoperasian dan penyenggaraan aset berkenaan.

“Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, kita memang adanya satu garis panduan yang jelas dari segi pembahagian tugas. Maknanya selepas kata selesainya ataupun siapnya Projek Bekalan Air Luar Bandar tersebut, maka bila penyerahan berlaku kepada pihak berkuasa air negeri, maka susulan daripada itu segala proses contohnya dari segi maintenance ataupun penyelenggaraan itu akan dibuat oleh pihak berkuasa air negerilah. Itu terpakai dalam— mana punya ini?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: *Di bawah garis panduan 2017 dan garis panduan 2021 telah ada pernyataan penyerahan kepada pihak berkuasa air negeri, penyelenggaraan dan operasi oleh pihak berkuasa air negeri dan di dalam perenggan-perenggan ayat pun telah nyatakan Projek Bekalan Air Luar Bandar yang siap dilaksanakan akan diserahkan kepada PBAN untuk pengoperasian dan penyelenggaraan secara berterusan.”*

[Muka surat 48, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Pihak KKDW dan pihak JBALB Sarawak serta Lembaga Air Kuching (LAK) melalui maklum balas di AGD memaklumkan bahawa pam penggalak di Loji Rawatan Air Batu Kitang telah dinaiktaraf selepas pembinaan tangki air Batu 9¾. Buat masa ini, bekalan air disalurkan secara pam terus ke Tangki Air Entingan. Tangki Air Batu 9¾ juga akan meningkatkan keupayaan penyaluran bekalan air ke kawasan Puncak Borneo serta kawasan-kawasan di sekitarnya.

Permintaan asal air di kawasan Samarahan berjumlah 18 juta liter sehari (JLH) sehari telah meningkat kepada 26JLH semasa Projek Entingan siap pada 19 Mac 2018. Oleh yang demikian, tangki Batu 9¾ tidak dapat diisi kerana terpaksa dibuka saluran terus (*bypass*) agar bekalan dan tekanan mencukupi untuk kawasan Asajaya serta kawasan Lubok Bunting dan juga Lubok Punggor. LAK mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Loji. No. 4, Batu Kitang daripada 100JLH kepada 200JLH untuk menyelesaikan masalah bekalan dan tekanan/*bypass* di tangki Batu 9¾ ini.

Tangki Batu 9¾ kini berada dalam senggaraan pihak LAK secara bulanan oleh pihak kontraktor dilantik. Tangki tersebut akan mula digunakan sementara pada akhir tahun 2023 setelah sistem bekalan stabil dan akan digunakan secara sepenuhnya pada tahun 2025 setelah siap projek Naik Taraf Loji No. 4, Batu Kitang yang telah diiklan tender pada 8 November 2023.

[Rujukan AGD bagi Tajuk Kajian: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah KKDW]

d. Komponen Aset Projek Rosak – BALB Sabah

En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Setiausaha Bahagian (SUB), Bahagian Prasarana, KKDW] dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa JANS telah membuat pembaikan terhadap kesemua kerosakan yang telah dibangkitkan di dalam LKAN berkenaan.

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Cuma ini bermula daripada nombor 6 ini ia merupakan satu isu O&M ya, isu penyelenggaraan setelah projek siap dan kita di peringkat kementerian kita akan serahkan kepada pihak berkuasa air negerilah. Dalam kes ini di bawah Jabatan Air Negeri Sabah. Maklum balas dan status terkini ialah pam submersible yang rosak telah dibaikilah pada tahun lepas lagi dan telah beroperasi seperti biasa. Tali sawat motor, blower juga telah haus dan putus telah dibaiki pada tahun lepas juga bulan Disember dan beroperasi seperti biasa.

Pembaikan sistem klorin melalui kerja kecemasan di bawah Arahan Perbendaharaan 173.2 ini Perolehan Darurat telah dibuat pada 25 Jun tahun ini dan sistem electro chlorination (EC) ini di Loji Rawatan Air Jaya Bakti berada dalam keadaan biasalah. Maknanya di peringkat JANS telah membaiki semualah seperti apa yang telah dilaporkan dalam LKAN 2024. Pembersihan sludge lagoon juga di bawah kontrak Facilities Maintenance Zon 3 telah dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada 22 Ogos 2024.”

[Muka surat 48, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6. PENEMUAN PAC PARLIMEN

6.1. Lawatan Kerja PAC Parlimen Projek BALB Di Sandakan, Sabah

Pada 30 September 2024 PAC telah mengadakan sesi lawatan kerja ke dua (2) tapak projek seperti berikut:

- i. Projek Bekalan Air Luar Bandar Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan sekitarnya, Sandakan, Sabah; dan
- ii. Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi dua (2) Stesen Pam Penggalak iaitu di Kampung Semawang dan Kampung Lalasun.

Pemerhatian dan penemuan PAC di dua (2) tapak projek tersebut adalah seperti berikut:

Projek Bekalan Air Luar Bandar Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan sekitarnya, Sandakan, Sabah

Maklumat projek BALB di Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan sekitarnya, Sandakan, Sabah adalah seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Tahun Kelulusan	2014
Kos Projek	RM37,000,000.00
Perunding C&S	Petareka Perunding (S) Sdn. Bhd.
Juruukur Tanah	Jurukur Hermis dan Rakan-Rakan
Kontraktor	Alamsaba Construction Sdn. Bhd.
Milik Tapak	9 Mac 2016
Siap Kerja	9 September 2017
EOT 1	10 September 2017 - 31 Ogos 2018 (356 Hari) - lewat masuk tapak akibat pengambilan balik tanah belum selesai
Denda Kelewatan	(74 Hari - 31 Ogos 2018 hingga 13 November 2018)
Siap Sepenuhnya	13 November 2018

Sumber: Slaid pembentangan KKDW bertarikh 2 Oktober 2024

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Skop Kerja	1. Kerja-kerja pembinaan dan penyambungan paip pelbagai jenis dan saiz dengan panjang 35 km; 2. Pembinaan LRA dan <i>Intake</i> 6 MLD; 3. Tangki Simpanan 4 ML; 4. Kerja-kerja M&E
Penerima Manfaat	588 buah rumah

Sumber: Slaid pembentangan KKDW bertarikh 2 Oktober 2024

Kerosakan Komponen Pengklorinan Sistem *Chlorination* Di LRA Jaya Bakti

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon (KPP Cawangan Kualiti Air, JANS) dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 menjelaskan bahawa rekabentuk asal adalah menggunakan sistem electrochlorination. Bagaimanapun sistem tersebut telah mengalami kerosakan. Bagi mengatasi masalah tersebut, JANS telah menggunakan sistem konvensional iaitu penggunaan gas klorin sebagai rawatan disinfeksi. JANS, di peringkat ibu

pejabat sedang dalam peringkat penyediaan untuk panggilan tender bagi tujuan pembelian baru.

“Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Mengenai Kampung Jaya Bakti, isu yang ditimbulkan ialah sistem pam, peralatan sokongan bagi sistem electrochlorination berjumlah RM1.21 juta dan sistem pemprosesan enap cemar bernilai RM469,000. Hari itu kita ada melawat tempat ini, kan? Yang kita tengok di sistem enap cemar ada masalah-masalah tertentu terutamanya yang bilik yang tutup kita masuk kemudian itu, dia tak beroperasi ya. Betul ya, Wangsa Maju? Yang kita masuk dalam bilik itu, yang ada bau sikit itu.

Soalan dia ialah apakah kemajuan yang dicapai untuk menangani isu ini? Di samping itu, tentang chlorination, apa kemajuan telah dicapai? Terima kasih.

...

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Assalamualaikum dan selamat petang. Untuk isu kerosakan komponen pengklorinan sistem chlorination di LRA Jaya Bakti, asalnya memang design adalah untuk menggunakan electrochlorination tapi sistem electrochlorination itu dia ada kerosakan major. So, sekarang kita menggunakan sistem konvensional gas klorin lah sebagai kita punya rawatan disinfection.

In the meantime, untuk kerosakan sistem electrochlorination itu, di peringkat ibu pejabat, kita sedang dalam peringkat penyediaan untuk panggilan tender which kita jangka pada bulan hadapan kita boleh start panggilan tender untuk pembelian isi baru. Terima kasih.”

[Muka surat 6 - 7, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon seterusnya menyatakan bahawa panggilan tender dijangka dilakukan pada November 2024 dan projek dijangka siap pada tahun 2025. Namun, *temporary chlorination system* telah dipasang pada 12 Julai 2024 sebagai solusi jangka pendek.

“Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak— sebelum itu kan, saya nak tanya pasal klorin tadi, chlorine system.

Nak tanya lah timeline juga pasal chlorine system ini. Bila nak put to operationalise-kan chlorine system yang telah ditender dan sebagainya?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Kita sudah buat semakan bulan lepas. Bulan lepas. So, kita memang dalam proses penyediaan panggilan tender. Kita jangka by November kita boleh buat panggilan tender.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Panggilan tender November?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Evaluation of tender, bila award target?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Quarter satu tahun hadapan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Q1 2025?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Pelaksanaan berapa lama? 12 bulan? Tender?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: 12 bulan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, kita boleh jangka chlorination system itu akan beroperasi akhir tahun 2025?

Puan ChM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Insya-Allah.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Datuk Pengerusi. Ya. In the meantime, for the immediate action yang kami ambil ialah we install temporary chlorination system lah pada 12 Julai 2024 yang lepas. So, we maintain klorin di dalam air sekarang.”

[Muka surat 10 - 11, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Kerosakan Sistem Rawatan Enap Cemar Di LRA Jaya Bakti

Encik Asabri bin Robonson (KPP Cawangan Pengeluaran, JANS) dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 menjelaskan bahawa sistem enap cemar telah tidak digunakan lebih setahun. Kerja-kerja pembersihan loji baru dibuat ketika sesi lawatan. Pemeriksaan terhadap sistem mekanikal dan elektirikal (M&E) hanya dapat dibuat setelah selesai kerja-kerja pembersihan. Kerja-kerja pembaikan dijangka dilaksanakan dalam masa sebulan. Sistem akan kembali beroperasi dan sisa enap cemar tidak lagi akan di-bypass terus ke sungai berhampiran.

“Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: ...Jadi, untuk makluman semua, Loji Rawatan Air Jaya Bakti ini mempunyai sebuah kolam enap cemar dan pada masa lawatan dibuat, kerja-kerja pembersihan loji tersebut baru sahaja diselesaikan oleh kontraktor building facilities maintenance yang baru dilantik bagi seluruh daerah Sandakan, Beluran dan Kinabatangan. Setelah kerja-kerja pembersihan, pengorekan sludge di kolam enap cemar tersebut barulah pemeriksaan dapat dibuat terhadap sistem M&E di kolam enap cemar tersebut dan mendapati bahawa beberapa komponen M&E perlu diselenggara, diperbaiki.

Kerja-kerja pembaikan insya-Allah akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Kita jangka bahawa dalam tempoh sebulan, kerja-kerja penyelenggaraan sistem ataupun komponen M&E tersebut akan dapat disiapkan dan apa-apa efluen ataupun discharge akan melalui kolam enap cemar tersebut dan tidak lagi akan di-bypass terus ke sungai. Insya-Allah.

...

Saya dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah, Encik Richard bahawa sistem rawatan enap cemar tersebut telah tidak beroperasi lebih daripada setahun dan kerja-kerja pemeriksaan tidak dapat dibuat sebab sistem M&E di kolam enap cemar tersebut and particular submersible pump tidak dapat diperiksa. Jadi, setelah pelantikan kontraktor building facilities maintenance tersebut dibuat, barulah kerja-kerja pembersihan, pengorekan dapat dilaksanakan.

Untuk pembuangan bahan pepejal terjadual, scheduled waste itu, memang di Sabah ini kita tidak ada tempat pelupusan. Buat masa ini yang ada hanya di Sarawak. Tetapi alhamdulillah, kerajaan negeri telah dalam proses untuk menyediakan satu pusat pelupusan di sekitar daerah Sipitang. Akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan insya-Allah semua scheduled waste itu akan dibuang di sana. Buat sementara ini, kerja-kerja pengorekan bahan terjadual tadi hanya dapat dibuat dan dimasukkan ke dalam geo bag dan diletakkan di sekitar loji dan tidak di-disposed di mana-mana kawasan yang tidak sepatutnya.

...

Saya kira diversion ke downstream stesen muka sauk di Loji Jaya Bakti itu dibuat oleh – atas inisiatif pihak operator dan pengurusan loji buat masa itu sebab tidak ada proses rawatan enap cemar yang boleh dibuat disebabkan kerosakan tersebut. Saya juga dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah bahawa Jabatan Alam Sekitar telah juga membuat pemeriksaan dan tidak ada makluman bertulis tentang teguran yang dibuat. Hanya verbal menyatakan bahawa macam tiada halangan juga sebab terpaksa dibuat sedemikian sementara menunggu kerja-kerja pembaikan di kolam enap cemar tersebut.

...

Saya dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah tadi, sebentar tadi bahawa kerja-kerja pemeriksaan telah siap dilaksanakan dan anggaran kos akan dikemukakan kepada ibu pejabat, Cawangan Mekanikal dan Elektrikal. Dia komited bahawa kerja tersebut akan siap dilaksanakan dalam tempoh sebulan, insya-Allah.”

[Muka surat 7 - 9, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Projek Bekalan Air Luar Bandar Stesen Pam Penggalak di Kampung Semawang dan Kampung Lalasun

Maklumat projek BALB di Stesen Pam Penggalak di Kampung Semawang dan Kampung Lalasun adalah seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Tahun Kelulusan	2016
Kos Projek	RM11,000,000.00
Perunding C&S	Prima Vista Consult Sdn. Bhd
Juruukur Tanah	Platinum Survey Consultant
Kontraktor	Malamega Sdn. Bhd.
Milik Tapak	22 Mei 2019
Siap Kerja	22 Mei 2020
EOT 1	23 Mei 2020 - 14 Ogos 2020 (84 Hari) - PKP
EOT 2	15 Ogos 2020 - 17 Februari 2021 (186 Hari) - 1. Ubah reka bentuk 2. Lewat izin lalu JKR di Kg Balat Paris 1 3. Ubah lokasi paip 4. Lewat masuk tapak
EOT 3	18 Februari 2021 - 13 Julai 2021 (145 Hari) - PKPB & PKP 3.0
Denda Kelewatan	14 Julai 2021 - 1 November 2021 (111 Hari)
Siap Sepenuhnya	1 November 2021

Sumber: Slaid pembentangan KKDW bertarikh 2 Oktober 2024

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Skop Kerja	- Pemasangan paip trasmisi sepanjang 2,020m dan paip agihan sepanjang 23,100 m pelbagai saiz berserta paip komunikasi (<i>meter stand</i>) - Pembinaan dua (2) unit rumah pam penggalak - Pembinaan empat (4) unit tangki sedutan 10,000 gallons - Pembinaan dua (2) unit tangki simpanan air 0.5 JL
Penerima Manfaat	255 buah rumah

Sumber: Slaid pembentangan KKDW bertarikh 2 Oktober 2024

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 menjelaskan bahawa tindakan telah diambil bagi kerja-kerja pembaikan di projek berkenaan. Penggantian paip sepanjang 16 km akan dibuat bagi menangani isu kebocoron dan sebagai langkah kawalan sementara kerja-kerja penggantian dilakukan, kawalan tekanan dan aliran air akan ditingkatkan.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Isu yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan bekalan elektrik yang selalu terganggu. Kedua ialah berkenaan dengan paip bocor yang membekalkan air ke kawasan Lalasun lah.

Jadi, apa tindakan yang telah kami ambil? Sukacita dimaklumkan bahawa Loji Kinabatangan menggunakan full time genset dan kita memang berlaku juga kerosakan tetapi tidaklah sering berlaku, kita akui juga. Tetapi, kita ada mempunyai tiga buah genset dan beroperasi. Dua running dan satu standby. Kontrak maintenance memang ada untuk buat maintenance terhadap genset tersebut.

Jadi, untuk jangka panjang, pihak Jabatan Air telah memohon penyambungan bekalan elektrik daripada Sabah Electricity dan projek ini telah siap pada bulan ini, dan pada 29 September, pihak SSB telah mula membekalkan tenaga ke stesen tersebut. Jadi, insya-Allah, isu berkaitan dengan kerosakan genset tidak timbul lagi dan kita convert genset ini daripada full time prime genset kepada standby genset.

Inilah kerja-kerja yang telah dilaksanakan. [Merujuk pada paparan di skrin]

Untuk paip itu, paip ini memang selalu bocor. Paip 200 milimeter diameter, jenis NSL. Paip ini adalah sepanjang lebih kurang 14 kilometer dan kadar kebocoran memang tinggi. Kami punya rekod menunjukkan bahawa kadar kebocoran lebih daripada 10 per kilometer per year. Oleh itu, kami telah mengambil tindakan dan memasukkan projek penggantian paip ini dalam projek menaik taraf sistem bekalan air termasuk tangki simpanan di Sandakan yang juga dilawat kelmarin. Jadi, kami telah memberi keutamaan kepada penggantian paip ini, iaitu sepanjang 16 kilometer, dan dijangkakan akan siap dan mula beroperasi pada bulan November tahun inilah.


So, for the time being, apa yang kami buat untuk mengurangkan kehilangan air, kami cuma boleh buat pressure management-lah and flow management control.”

[Muka surat 18, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

6.2. Fungsi Kementerian & Agensi Di Bawah Program BALB

En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil (SUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa bidang kuasa berhubung bekalan dan perkhidmatan adalah terletak di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan projek BALB di bawah kementerian adalah tertakluk kepada dasar atau peruntukan yang telah ditetapkan oleh agensi pusat, khususnya di bawah KE dan juga MOF dan diterjemahkan melalui garis panduan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Fungsi kementerian dan agensi di bawah program BALB adalah seperti berikut:



Sumber: Slaid pembentangan KKDW bertarikh 2 Oktober 2024

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: ... saya akan refresh balikkah berhubung dengan Program Bekalan Air Luar Bandar ini.

Mula dilaksanakan di bawah Skim Accelerated Rural Water Supply dalam Rancangan Malaysia Kedua dan terus bersama sehingga sekarang di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan seterusnya pada RMKe-13 lah. Objektif pelaksanaan program BALB KKDW adalah bagi meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat kepada rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air. Dalam kes ini juga, mengikut garis panduan yang kita tetapkan di bawah kementerian, pengguna tersebut sepatutnya tidak ada meter lagi dan kita akan mengira jumlah-jumlah tersebut untuk memastikan mematuhi skop dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Dari segi bidang kuasa berhubung bekalan dan perkhidmatan adalah terletak di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan projek BALB di bawah kementerian adalah tertakluk kepada dasar/peruntukan yang telah ditetapkan oleh agensi pusat, khususnya di bawah Kementerian Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan, dan kita akan translate di bawah atau diterjemahkan melalui garis panduan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

... [Merujuk pada slaid pembentangan] Kita nampaklah PETRA menerajui dari segi dasar-dasar pengurusan air negara dan kementerian akan menyokonglah apa-apa dasar tersebut yang mana kementerian, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri, telah diluluskanlah untuk menjalankan tugas penyambungan paip retikulasi daripada paip utama ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air dan juga menyediakan sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomik untuk penyambungan paip retikulasi. Dan peranan pihak berkuasa air negeri khususnya Jabatan Air Negeri Sabah iaitu pembiayaan loji rawatan air dan paip utama, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem bekalan air dan juga dari segi pengurusan tarif air di bawah Kerajaan Negeri Sabah...”

[Muka surat 4 - 5, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Tuan Mohd Kamal bin Husin [TKSU (Pembangunan), KKDW] dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa JANS berperanan sebagai pengawal penguasa bagi setiap projek BALB di bawah KKDW. JANS akan mengawal selia dan memantau proses pemilihan di tapak serta menyelesaikan isu-isu yang berbangkit semasa fasa pembinaan.

Setelah sesebuah projek BALB siap dan menerima Sijil Perakuan Siap (CPC), aset dan komponen yang dibina di bawah projek tersebut akan diserahkan kepada JANS selaku PBAN bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif air.

“Tuan Mohd Kamal bin Husin [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: ... Bagi pelaksanaan Program BALB KKDW di negeri Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) berperanan sebagai pengawal penguasa bagi setiap Projek BALB di bawah KKDW. Hal ini bermaksud, selepas surat setuju terima (SST) kontraktor dikeluarkan, JANS akan mengawal selia dan memantau proses pemilihan di tapak serta menyelesaikan isu-isu yang berbangkit semasa fasa pembinaan.

Setelah sesebuah Projek BALB siap dan menerima Sijil Perakuan Siap (CPC), aset dan komponen yang dibina di bawah projek tersebut akan diserahkan kepada JANS selaku pihak berkuasa air negeri (PBAN) bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif air...”

[Muka surat 2 - 4, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Selain itu, **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar (KSU, KKDW)** dan **En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil (SUB, Bahagian Prasarana, KKDW)** dalam **Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** turut memaklumkan bahawa KKDW bersetuju dengan teguran JAN dan menyokong cadangan JBALB diiktirafkan sebagai sebuah jabatan teknikal. Perkara tersebut telah pun diangkat bagi tujuan pertimbangan pihak MOF.

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Boleh, boleh. Datuk nak – saya dulu. Terima kasih untuk soalan dari segi pemindahan kuasa Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak sebagai agensi teknik. Seperti ahli semua tahulah – maknanya, dari segi kelulusan kerajaan setakat ini untuk pengiktirafan sebagai agensi teknik hanya kepada JKR dan juga JPS, Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Cuma dari segi jabatan-jabatan lain setakat ini berdasarkan feedback daripada MoF, kita tidak ada lagilah untuk pengiktirafan. Contohnya, sama ada—sekarang ini kita ada di peringkat KKDW kita ada terima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencadangkan JBALB—kita orang panggil JBALB lah ya sebab senang. JBALB sebagai tambahan kepada agensi teknik sedia ada iaitu JKR dan JPS.

Cuma dari segi ini, kita— permohonan tersebut kita telah panjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbanganlah di peringkat Kementerian Kewangan sebab kuasa itu memang itu di bawah Kementerian Kewangan.

...

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita menjawab dalam sesi di Parlimen kepada teguran oleh Lembaga Audit Negara, kita juga telah pun— Jabatan Audit Negara, kita telah pun menyatakan dalam respons kita bahawa pihak KKDW menyokonglah cadangan supaya JBALB itu ditakrifkan sebagai agensi teknikal.

Cumanya, keputusan akhirnya bergantung kepada MoF. Kita juga telah kemukakan secara rasmi untuk pertimbangan dan juga persetujuan MoF. Cuma mungkin pihak MoF untuk semak semula lah, ya.”

[Muka surat 18 - 19, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Seterusnya, PAC dimaklumkan **Pn. Nadeema binti Kamaruddin (Exofficio MOF) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** bahawa Seksyen Dasar, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF telah mengemukakan maklum balas terhadap permohonan tersebut pada 18 Julai 2024 kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak. MOF bersetuju supaya JBALB dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pelaksanaan projek BALB di Sarawak bagi projek bernilai tidak melebihi RM50 juta. Tempoh sah kelulusan ini hanya sehingga 31 Disember 2025 sehingga keputusan mengenai pelantikan jabatan teknikal ini dibuat di bawah AP182.

“Puan Nadeema binti Kamaruddin [MOF]: YB Datuk Wira Pengerusi, tadi ada tanyakan status tentang permohonan YB, yang jabatan. Respons daripada Kementerian Kewangan, tapi respons ini merujuk daripada Seksyen Dasar, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan merujuk kepada permohonan daripada Perbendaharaan Malaysia Sarawak mengenai cadangan pelantikan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak sebagai jabatan teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182-lah.

Maklum balas ini telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak pada 18 Julai 2024 dan secara ringkasnya, MOF telah bersetuju agar JBALB dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pelaksanaan projek bekalan air di Sarawak sehingga nilai RM50 juta dan kelulusan ini hingga 31 Disember 2025 sebagai agensi pelaksana sehingga keputusan mengenai pelantikan jabatan teknik ini dibuat di bawah AP182. Itu sahaja, YB. Terima kasih.”

[Muka surat 46 - 47, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.3. Perlantikan Perunding Projek BALB

Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah (SUB, Bahagian Teknikal, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa perunding dilantik berdasarkan senarai perunding yang berdaftar di bawah Sistem Maklumat Bersepadu Kerajaan (MyGPIS) yang dibangunkan oleh MOF. Perunding yang baru dan belum berdaftar disarankan oleh KKDW untuk mendaftar bagi melayakkan diri untuk projek BALB.

Selain itu, perunding tempatan akan diberikan keutamaan kerana lebih pakar dan mahir dengan situasi serta keadaan kawasan projek berkenaan. Perunding akan dilantik berdasarkan tiga (3) kaedah berikut:

- Lantikan Terus, berserta kos siling;
- Tender Terbuka Pra-Kelayakan; dan
- Tender Terbuka.

“Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Teknikal) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: .. Basically, dari segi pelantikan perunding ini, kita adalah berdasarkan kepada senarai-senarai perunding yang kita daftar ambil daripada sistem yang dibangunkan oleh pihak MoF lah iaitu kita panggil MyGPIS. So, semua perunding-perunding yang terdapat— yang kita akan syorkan untuk dibuat pelantikan perunding adalah berdasarkan senarai-senarai yang direkodkan, dimohon di bawah sistem yang diguna pakai. Pelantikan perunding ini diguna pakai oleh semua agensi kerajaan yang mana telah ada satu arahan, yang mana kita perlu lantik perunding-perunding berdasarkan sistem dalam MyGPIS lah.

Mana-mana perunding baharu yang baru tubuh, yang tak ada di dalam sistem MyGPIS, kita sarankan kepada perunding-perunding tersebut untuk daftarkan dahulu di dalam sistem MyGPIS yang mana pihak agensi-agensi kerajaan yang terlibat akan mengambil senarai-senarai nama berdasarkan kepada sistem tersebut. Itu dari segi permulaanlah, dari segi macam mana kita dapat daripada senarai perunding.

Basically, dari segi keutamaan, bila kita buat pelantikan perunding, selalunya kita bagi prioriti kepada perunding-perunding tempatan. Contohnya, kalaulah projek itu di Sabah dan Sarawak, selalunya kita akan fokus kepada perunding-perunding tempatan sebab dia lebih tahu dengan keadaan semasa dekat tapak dan situasi sama ada situasi politik ataupun dari segi situasi lain-lain, perkara-perkara yang teknikal yang ada bentuk muka bumi. So, dia lebih familiar dengan sistem-sistem yang ada dekat dengan Sarawak.

Walau bagaimanapun, itu tidak menghalang untuk perunding-perunding dari negeri-negeri lain untuk masuk apabila kita buka secara tender terbuka. So, bila kita kata tender secara terbuka, semua sistem kerajaan adalah berdasarkan kepada ePerolehan yang mana kita akan buka dan semua perunding yang mematuhi syarat-syarat yang telah kita tetapkan dari segi dia punya subkepada, dia punya apa semua itu. Sekiranya mematuhi dari segi itu, so kita akan nilai bila kita akan buka dalam kita punya sistemlah.

So basically, normally, perunding-perunding yang kita selalu bagi perhatian adalah perunding-perunding bumiputera. Dia kalau kita kata golongan bumiputera ini dia tak termasuk kepada bumiputera inilah. Dia bermaksud di Sabah dan Sarawak dia ada bumiputera dia. So, itu pun selalu yang kita— walau bagaimanapun, berdasarkan kepada basic, kalau ikut rekod semasa, jarang kita dapat perunding-perunding daripada luar yang memasuki kita punya tenderlah untuk tender-tender perunding. So, itu dari segi kita punya garis panduanlah.

Basically, dalam kita punya kaedah pelantikan perunding, seperti mana yang dimaklumkan oleh Tuan Ahmad tadi, so ada tiga kaedah yang diguna pakai dalam sistem kerajaan sekaranglah. Pertama adalah berdasarkan kepada lantikan terus berserta dengan kos siling. Kedua adalah berdasarkan kepada tender terbuka pra-kelayakan terpilih. Itu yang ada dalam sistem sekarang. Seterusnya adalah berkaitan dengan [Disampuk] open tender. So, itu adalah tiga kaedah yang sedang diguna pakai di peringkat kerajaan sekaranglah. Okey.

...

So, ini kaedah yang diguna pakai di peringkat kementerian, jabatan dan juga agensi untuk proses pelantikan perunding berdasarkan kepada PK 3.1 yang dikeluarkan oleh MoF lah. Okey.”

[Muka surat 22 - 23, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.4. Kelulusan & Pemantauan Projek BALB

Tuan Mohd Kamal bin Husin [TKSU (Pembangunan), KKDW] dalam prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa setiap projek yang telah diluluskan KE telah diluluskan dengan kos sebenar projek. Perkara ini turut mengambil kira keperluan daripada pihak PBAN atau Jabatan Air Negeri yang lebih maklum dengan keadaan serta keperluan sebenar di kawasan masing-masing.

Proses serta pengurusan perolehan dan projek BALB dibuat mengikut peraturan-peraturan yang dikeluarkan MOF dan KE. KKDW juga turut bekerja rapat dengan pihak berkuasa berkaitan, selain MOF dan KE, bagi mempercepat urusan berhubung projek BALB.

Selain itu, pemantauan berkala seperti mesyuarat bulanan melalui Jawatankuasa Teknikal serta penglibatan terus oleh jabatan teknikal telah dilaksanakan oleh pihak KKDW bagi memastikan projek BALB berjalan dengan kelewatan yang minimum.

“Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: .. Cuma untuk yang proses setiap kelulusan projek-projek yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi, dari segi costing supaya costing yang diluluskan ataupun kos projek yang diluluskan adalah satu kos projek yang sebenar yang kita perlukan. Sebab kita ada proses value management di peringkat

Kementerian Ekonomi, kita ada value engineering di peringkat JKR untuk pastikan bahawa setiap design, design yang diperlukan adalah merupakan design, design yang diperlukan oleh pihak PBAN ataupun JANS negeri supaya isu-isu yang berkaitan dengan klorin tadi. Itu based on keperluan design.

Dari segi integriti memang kita di peringkat kementerian kita ada— dari segi urusan perolehan, pelantikan kontraktor dan sebagainya kita memang follow dengan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak central agency dan juga kita pun sentiasa bekerjasama dengan— anything yang berkaitan dengan perkara-perkara yang kita hendak cepatkan, kita akan bekerjasama dengan— ataupun mohon kelulusan ataupun perkara-perkara yang dengan central agency, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Ekonomi.

Ketiga, berkaitan dengan— dari segi pengurusan projek-projek yang disandarkan di peringkat di Sabah, kita memang, kementerian kita memang ada satu mesyuarat yang kita panggil Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan di peringkat KKDW yang mana jawatankuasa ini akan— kita akan go through semua berkaitan dengan pengurusan projek-projek dengan jabatan-jabatan teknikal di Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung inilah.

So, yang ini kita akan ada berkala mesyuarat yang kita monitor kalau ada perkara-perkara, projek-projek yang lewat jadual dan sebagainya ataupun masalah-masalah yang— on the ground supaya di peringkat kementerian kalau ia melibatkan satu perkara polisi, kita akan bawalah kepada central agency dan sebagainya.

Kalau tadi macam JKR, memang JKR ini pelaksana untuk projek kita JKR Sabah dan Sarawak dan juga JANS. So, yang ini jabatan teknikal yang ada, memang saya tidak nafikan dari segi kekangan workload yang ada, jabatan-jabatan teknikal ini, tetapi kita akan sentiasa bantu di mesyuarat-mesyuarat berkala tadilah supaya isu-isu permasalahan di on the ground, peringkat pelaksanaan dapat kita selesaikan supaya tidak ada projek— kalau boleh mostly kita pun di peringkat kementerian kita tak nak ada projek yang sakitlah, sakit. Lewat jadual, dia macam ICU-lah, tetapi kalau sudah sakit itu, tak tahulah dia jadi CCU atau apa.

So, kementerian memang kita— kalau boleh, tetapi itu [Tidak jelas] kita lah, tetapi dengan adanya Jawatankuasa Teknikal dan juga pengurusan-pengurusan, so kita harap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan projek-projek yang diluluskan bukan hanya di Sabah, tetapi di Sarawak juga supaya dapat berjalan dengan lancar. So, itu sebenarnya di peringkat kementerian yang kita boleh laksanakan. ”

[Muka surat 36 - 37, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

6.5. Kerajaan Persekutuan Tiada Pelan Induk & *Blueprint* BALB

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar (KSU, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 akur bahawa Kerajaan tidak mempunyai satu pelan induk yang khusus bagi BALB. Namun, KKDW dengan kerjasama pihak Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA), PBAN, KE serta pemegang taruh yang berkaitan dalam peringkat permulaan penyediaan pelan induk yang berkaitan.

“Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: *But memang kita harus— kita kena menerima bahawa bila kita sebut tentang master plan, we did not have a master plan lah, contohnya. Tapi, master plan ini bukannya kalau kita hendak letakkan secara keseluruhannya pada KKDW, bukan.*

Sebab saya nyatakan tadi bahawa apabila kita menyentuh tentang aspek air, dia akan melibatkan bukan hanya— bukan sahaja KKDW tetapi juga melibatkan PETRA, pihak berkuasa air negeri dan juga contohnya, Kementerian Ekonomi. Ini adalah stakeholder yang sepatutnya terlibat dalam penyediaan satu master plan mengenai contohnya, untuk bekalan air luar bandar. Itulah contoh yang kita perlu ambil tindakan tapi dalam masa yang sama, tapi ini mungkin di peringkat permulaan.

KKDW juga sedang dalam proses untuk merangka satu master plan mengenai jalan luar bandar di mana dalam sesi permukiman baru-baru ini, kami telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan satu master plan mengenai jaringan jalan-jalan di luar bandar. Itu adalah proses permulaan yang akan dilaksanakan oleh KKDW tapi namun begitu juga, dalam merangka master plan untuk jalan luar bandar juga perlukan adanya penyertaan daripada pihak KKR. Bukan keseluruhannya diletakkan di bahu KKDW, contohnya.”

[Muka surat 21, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil (SUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa KKDW memang bergantung penuh dengan input daripada Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri bagi projek BALB. KKDW tiada pelan induk tetapi akan bergantung penuh terhadap perancangan serta *blueprint* daripada Kerajaan Negeri. **Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan (Pengarah, JBALB) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** mengesahkan perkara ini dengan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai perancangan di mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan loji sumber air dan pihak KKDW akan melaksanakan projek penyaluran ke luar bandar dengan melengkapkan saliran ke loji yang telah dibangunkan.

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Frankly speaking-lah untuk makluman Pengerusi dan ahli jawatankuasa, dari segi pelaksanaan projek BALB ini, biasa kita akan terima – kita akan percaya terus daripada UPEN-lah ataupun BPEN mana-mana state. Dia akan mohon, kita akan tengok dan projek itu maknanya kalau kita tengok – dan juga kemampuan negaralah untuk sesuatu projek sebab Projek Bekalan Air Luar Bandar ini memang nilai dia tinggi-tinggi semua.*

Dari segi blueprint tadi YB maksudkan tadi, kita tak ada. Di peringkat kementerian, kita tak ada. Kita memang bergantung harap kepada dari segi perancangan ataupun so-called blueprint daripada kerajaan negeri. Sekejap, mungkin – kita ada pengarah JBALB daripada Sarawak.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, (JBALB)]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi*

wabarakatuh. Selamat pagi Yang Berhormat Pengerusi dan semua ahli PAC. Saya Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan, Pengarah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak.

Okey, untuk makluman semua di peringkat kerajaan Sarawak, kita mempunyai blueprint untuk bekalan air di Sarawak. So, berbalik kepada penyelarasan tadi memang kita jelas tanggungjawab Sarawak dan juga kementerian. Di peringkat Sarawak, kita menyediakan sumber air terutamanya loji-loji ataupun saluran paip utama. Selepas itu, di pihak Kementerian Luar Bandar akan menyalurkan, membuat, melaksanakan projek ke kawasan luar bandar dengan tap to our grid, to water supply grid. Itu yang berlaku buat masa ini.”

[Muka surat 9 - 10, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.6. Cabaran, Masalah & Punca Kelewatan Projek BALB

En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil (SUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa lima (5) isu utama yang dihadapi berhubung projek BALB dapat diringkaskan seperti berikut:

- Pengurusan projek dan keperluan koordinasi di antara pelbagai agensi;
- Impak kos lanjutan daripada jangka masa projek dan keperluan kelulusan semula KE;
- Kompetensi kontraktor dan pembekal;
- Skala projek yang merentas daerah serta bantahan penduduk; dan
- Faktor cuaca serta bencana luar jangka.

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: ... Top five? Saya beri dululah top five. Nombor satu, dari segi isu pelaksanaan projek. Pengurusan dia.

Di peringkat kementerian, kita tengok dari segi isu pra pelaksanaan, di mana dari segi kelulusan di peringkat PBT yang melibatkan pelbagai agensi. Sekiranya ada satu agensi yang lambat memberi respons ataupun memberi maklum balas untuk memberi satu kelulusan, dia akan mengganggu dari segi kelancaran atau kelancaran projek tersebut. Nombor dua, even dari segi kenaikan kos projek tersebut ya. Bila terlalu lama, projek kos. Bila kita buat balik, kita review balik drawing, kita tengok dari skop projek, ada pertambahan, ia akan naik. Bila naik projek ini dan telah melebihi kelulusan asal yang diperolehi daripada Kementerian Ekonomi, kita perlu memohon—mendapatkan kelulusan balik semula. Biasanya, Kementerian Ekonomi ini dia akan memberikan guna peruntukan sedia ada. So, kita terpaksa mencarilah di peringkat kementerian, untuk mencari mana-mana projek lain yang ada savings. Kita akan cuba buat dari segi Notice of Change (NOC) dalam bahasa mudahnya untuk kita menyediakan kos yang berpatutanlah untuk suatu projek tersebut.

Nombor tiga, dari segi keupayaan kontraktor yang kita lantik itu sendiri. Ada sesetengah kontraktor ini, bila kita nampak nama, kita dah tahu dah, ini kontraktor yang boleh melaksanakan projek dengan jayanya. Ada sesetengah kontraktor itu, kita tengok,

kadang-kadang ini, dia bagi total sub kepada subkontraktor. Makna dia, dia dapat komisen awal dan sub kon itu yang akan buat dan margin of the profit— the margin profit itu akan biasanya akan turun sikitlah. So, bila kita tengok ini, ada pelbagai isulah. Nombor empat dan lima ini ada lagi kah, Kamal? [Ketawa]

...

[Tidak jelas] Dia— Ini merupakan salah satu projek yang di peringkat asal lagi, makna di peringkat awal lagi kita dah minta. Biasanya kita akan jemput even DO sendiri untuk mengenal pasti dan bila perunding yang kita lantik itu pergi ke tapak projek, biasanya dia akan membuat satu sesi libat urus (engagement) dengan penduduk untuk kita dapatkan— Ada setengah itu kita buat townhall untuk kita dapatkan feedback daripada penduduk sendiri sama ada nak tak projek ini? Ada setengah projek itu dia kadangkala dia merentas daerah kan? Dia merentas daerah. Ada setengah projek ini muka sauk di sini, dia akan mengganggu aliran sungai di situ dan semua apa ini dari segi manfaat itu pergi kepada kampung lain. Ada satu projek itu yang jadi. Kita terpaksa batalkan ya. Bila ada banyak penduduk daripada yang kita ganggu sungai dia itu.

Kita ambil air (water intake) daripada sungai tersebut. Ada lagi? Lima, nombor lima ada? Ini nombor lima, isu climate change lah. Hujung-hujung tahun, hujan, banjir, dia akan mengganggu muka sauk. Kalau ada pembinaan muka sauk, dia akan ganggu. Ini antara salah satu isu yang biasanya dibawa oleh kontraktor untuk mendapatkan extension of time of the project lah. Dari segi cuaca itu. Makna, cuaca-cuaca buruk itu akan mengganggu dari segi proses pembinaan sesuatu projek. Itu sajalah. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]”

[Muka surat 38 – 40, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

a. Bantahan Penduduk

En. Azman bin Kassim (TSUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa disebabkan skop kerja yang besar dan merentas sempadan daerah, terdapat bantahan daripada penduduk yang luar daripada kawasan projek BALB kerana melibatkan kawasan tanah mereka. Selain itu, terdapat juga bantahan daripada penduduk yang tidak berpuas hati dengan nilai pampasan yang dicadangkan dan diberi kepada mereka. Bantahan-bantahan ini secara puratanya mengambil masa dua (2) ke tiga (3) tahun untuk diselesaikan.

“Encik Azman bin Kassim [KKDW]: .. Dalam kita lihat projek di bawah retikulasi, ada satu pandangan melihatkan seolah-olah buat piping sahaja. Tapi dalam kes retikulasi ini piping dan termasuk lain-lain skop yang berkaitan, sebagai contoh perlukan rumah pam, kita akan buat rumah pam. Kalau kita perlukan tangki, kita akan buat tangki satu.

Yang kedua, projek-projek ini adalah projek-projek yang di kawasan luar bandar, jadi mungkin di bandar saya tak pasti mungkin kos dia mungkin lagi kurang tetapi kawasan ini adalah kawasan-kawasan di luar bandar. Seterusnya projek di bawah Bekalan Air Luar Bandar ini memang kita bagi projek untuk satu rumah kita bagi sehingga yang lama RM100,000 dan sekarang ni RM120,000 per house. Okey balik satu lagi kepada

soalan YB tadi tentang bantahan penduduk, adakah ia melibatkan sebagai contoh masalah ekosistem dan sebagainya.

Saya bagi contoh satu projek di bawah Sabah. Projek ni nama dia Projek Bekalan Air Luar Bandar Sinalapak. Projek ni saya ingat mengambil masa untuk selesaikan bantahan penduduk ni mungkin lebih daripada dua atau tiga tahunlah. Projek ni memang penduduk yang mohon tetapi dia punya intake-nya di kawasan penduduk yang lain. Jadi penduduk yang lain tersebut yang bantah intake ataupun loji dibuat kawasan mereka. Jadi, penduduk yang mohon tak dapat benefit-nya sebab ada bantahan daripada penduduk di kawasan lain yang membantah projek tersebut. Itu makluman saya YB sebagai contoh.

Sama juga, ada juga projek-projek yang dalam pembinaan yang mungkin ada juga projek di mana telah diputuskan pampasan tetapi penduduk masih tidak berpuas hati dengan nilai pampasan. Itu antara contoh yang kedua.

[Muka surat 25, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

b. Urusan Tanah & Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

Tuan Mohd Kamal bin Husin [TKSU (Pembangunan), KKDW] dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa proses projek BALB dan pemasangan paip melibatkan isu pengurusan tanah dan kebenaran serta kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan. Isu serta kebenaran yang perlu diproses ini adalah punca kelewatan berlaku dan pihak KKDW bergantung terhadap kerjasama daripada pihak yang berkaitan bagi mempercepat proses yang berkaitan.

*“**Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]:** Based on dari segi wish list kita lah, kementerian dari segi peringkat perancangan seperti yang disebut Yang Berhormat tadi, dari segi jumlah projek yang kita luluskan, projek baharu 14 dan juga projek sambungan 63 yang kita kata tadilah. Cuma isu yang berbangkit tadi yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi perkara-perkara yang kenapa projek-projek yang kita luluskan lambat— orang kata lambat siaplah, lambat siap memakan masa lebih daripada tiga, empat tahun.*

Ini sebenarnya ada sebab. Untuk yang proses untuk paip kita melibatkan tanah, urusan tanahlah yang menyebabkan jajaran-jajaran yang memerlukan kerjasama daripada pihak agensi jabatan negeri yang terlibat dengan urusan-urusan tanah. So, ini kadang-kadang urusan tanah yang menyebabkan proses untuk kita buat— bermulanya projek itu dan di peringkat design dan sebagainya akan meningkat ataupun bertambah daripada yang kita rancanglah. So, yang ini pun saya di peringkat kementerian, kita amat memerlukan kerjasama di peringkat negeri untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu tanah, isu-isu kebenaran-kebenaran oleh jabatan-jabatan supaya kita boleh cepatkan proses air ini dan diberikan air kepada rakyat. ”

[Muka surat 35, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

c. Kos Projek BALB Yang Tinggi

En. Azman bin Kassim (TSUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa keseluruhan kos projek BALB bagi Malaysia berjumlah hampir RM40 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM3.8 bilion adalah projek bagi projek yang telah siap dan masih berjalan di Sabah.

Semua projek di bawah KKDW adalah projek bagi sumber air terawat sahaja dan peruntukan kos dihadkan pada RM120,000 bagi satu buah rumah di Sabah. Bagi tahun 2024, projek BALB Sabah berjumlah RM601.5 juta yang melibatkan 14 projek.

***“Encik Azman bin Kassim [KKDW]:** Assalamualaikum, YB. Pertama sekali, untuk di bawah Jabatan Air Negeri Sabah ini, hanya cover air terawat sahaja. Air tidak terawat ataupun air bersih dibuat oleh agensi lain. Dalam kes KKDW, kita memberikan peruntukan secara average-nya setiap tahun RM5 juta kepada KKDW Sabah untuk melaksanakan projek-projek bekalan air alternatif. Jadi, kalau projek yang macam tadi, kalau tengah buat projek tak cukup duit, kita tak akan buat telaga tiub dan sebagainya. Sebab, ia tidak air terawat. Unless, memang kita ambil sumber air bawah tanah.*

Okey, yang keduanya, tentang peruntukan sama ada RM120,000 cukup kah tak cukup. Sekiranya— sebagai contoh ya, projek itu 500 rumah. So, kali dengan RM120,000, dia punya kos siling adalah RM60 juta. Tetapi, dalam kita membuat kajian perundingan dan sebagainya, sekiranya lebih ataupun kurang, kalau katakan lebih daripada RM120,000, kita akan minta kelulusan khas daripada KSU dan juga pihak KE lah. Biasanya tiada halanganlah. Sebab, biasanya macam Sabah ini, kebanyakannya projek-projeknya berada di luar bandar ini dia less than RM120,000. Sebab, rumahnya banyak. Kita buat sebanyak mungkin coverage yang dibuat.

Kalau saya boleh sambung terus jawapan kepada berapa banyak projek yang diluluskan pada 2024 untuk Sabah. Kita luluskan sebanyak total 14 projek baharu dengan kos siling peruntukan asal RM1.4 juta dengan kos keseluruhan sebanyak 601,500 juta untuk 2024. Banyak projeknya dan sebahagian projek-projek tersebut kita serahkan pada negeri ataupun JKR yang di bawah RM50 juta dan ke bawah.

Okey, seterusnya. Tadi, berapakah projek keseluruhannya? Okey, projek keseluruhan untuk Sabah, total keseluruhan yang ada dalam rekod kami adalah 77 projek dengan siling asas sebanyak RM135.860 juta dengan kos keseluruhan Sabah RM3.8 bilion. RM3.846,120 bilion. Sebab, dia campur bukan sahaja yang baharu tetapi termasuk projek-projek sambungan.

Untuk makluman YB Datuk Pengerusi, kita punya di bawah KKDW ini, saya ingat projek kita, saya ingat hampir dalam RM40 bilionlah keseluruhan kos untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kos sambungan dan juga – projek sambungan dan projek baharulah.

...

Untuk tahun ini, maksudnya untuk sambungan dan juga baharu, RM3.8 bilion koslah tetapi termasuk yang telah siap tetapi masih lagi berjalan sehingga sekaranglah. Tetapi, untuk this year sahaja, seperti yang saya maklum tadi, untuk Sabah tadi, 14 projek dengan kos keseluruhan projek, RM601.500 juta. Memang besar, YB.”

[Muka surat 31 – 32, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

***Nota PAC:** PAC dimaklumkan oleh Exofficio KE bahawa nilai kos 14 projek di Sabah tahun 2024 berjumlah RM601.05 juta

En. Azman bin Kassim seterusnya memaklumkan bahawa kos RM120,000 bagi sebuah rumah adalah termasuk bagi semua kerja berkaitan sama ada pembinaan loji, retikulasi atau sumber air alternatif. Kos sememangnya tinggi kerana sering kali melibatkan kawasan-kawasan terpencil yang terletak jauh dari sumber air terawat.

*“**Encik Azman bin Kassim [KKDW]:** Projek untuk RM120,000 per rumah, sama ada melibatkan loji, ada melibatkan retikulasi sahaja ataupun alternatif, memang itu semua formula yang sama. Ya, sebab itu kadang-kadang kalau kita lihat projek retikulasi seolah-olah macam simple, retikulasi sahaja tetapi ada projek-projek retikulasi yang memerlukan rumah pam, memerlukan tangki simpanan. Jadi, kos-kos itu lebihlah tinggi sebab kawasan ni memang kadang-kadang stretch out dia sampai 35 kilometer, 40 kilometer dan sebagainya.”*

[Muka surat 34, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa kos tinggi bagi projek BALB ini menjadi cabaran dalam penyediaan bekalan air terawat kepada penduduk, terutama sekali bagi kawasan kampung yang berada di kawasan luar bandar yang jauh dari sumber air. Namun, JANS dan KKDW mengambil inisiatif bagi mempelbagaikan sistem bekalan air di luar bandar yang lebih kos efektif sebagai alternatif dan solusi jangka pendek bagi isu ini.

*“**Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]:** Memang harapan kita luar bandar ini kita bagi air semua sebenarnya. Tetapi— itu sahajalah yang saya harapkan. Sebab, kalau pra syarat untuk kita bekalkan air ini daripada KKDW, correct me if I'm wrong-lah, unit kos ialah RM120,000 per premis. Jadi, kalau lebih daripada itu memang tidak diluluskan. Jadi, apa yang kita dapati bahawa kebanyakan kampung-kampung di luar bandar di Sabah ini jarak di antara rumah-rumah ini memang jauh. Orang kampung ini tanah dia luas. Satu orang boleh dapat 20, 30 ekar. Rumahnya sebuah. Jadi, apabila kita ingin melaksanakan projek air, to lay satu batang paip 20, 30 kilometer, mungkin kita cuma serve beberapa buah rumah, menyebabkan unit kos dia sangat tinggi.*

Jadi, itu yang kita— itulah. Kalaupun kita tidak dapat membekalkan air terawat, air bersih pun saya rasa sudah mencukupi. Jadi, that is our wish-lah supaya kita boleh—

our target is that memang agak mustahillah dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini untuk mencapai target, let's say, 80 peratus. Even, kami berpendapat juga bahawa to achieve 100 percent rural coverage pun agak sukar. Sebab, kalau tengok di Sabah ini, masih banyak kawasan yang kita tidak boleh capai dari segi perhubungan. Banyak lagi masih melalui sungai, melalui bot. Jadi, di samping— sebab itulah kami cuba mempelbagaikan sistem bekalan air di luar bandar sebenarnya.”

[Muka surat 30, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

d. Impak Kelewatan Terhadap Kos

En. Tuan Ahmad bin Tuan Wil (SUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa kos projek telah dimuktamadkan sebelum tender dibuat berdasarkan kos-kos terkini. Namun, disebabkan jangka masa projek yang panjang, perubahan kos akan berlaku dan kenaikan boleh menghampiri dua (2) kali ganda kos asal. Peningkatan kos ini akan dirujuk semula kepada pihak KE bagi tujuan pertimbangan sebelum proses tender diteruskan.

“Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, saya respons sikitlah. Berhubung dengan pelaksanaan sesuatu projek ini seperti yang kita sedia maklum, projek bekalan air luar bandar di bawah KKDW ini memang mengambil masa yang panjang lah. Dari segi pemuktamadan kos ini, bagi projek-projek yang melebihi RM50 juta, kita akan muktamad kos sebelum ditender sesuatu projek tersebut melalui proses terakhir iaitu kos yang dimuktamadkan oleh team di bawah DE lah. Makmal kejuruteraan yang akan memuktamadkan kos-kos tersebut sebelum kita tender selepas kita ada kos yang paling terkini lah.

Sekiranya ada peningkatan kos yang melampau ataupun kenaikan hampir kadangkala itu double ya, sebab dia dah lama kos yang asal itu. Kita akan refer balik, kita akan mohon pertimbangan daripada— biasa Kementerian Ekonomi lah untuk meluluskan kos projek yang baharu sebelum kita untuk buat tender process seterusnya. Itu sahajalah prosesnya.”

[Muka surat 40 - 41, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.7. Pengurusan Penyenggaraan Projek BALB

Ir. Wong Chen Tong (KPP, Cawangan BALB, JANS) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa JANS mempunyai program pengurusan kemudahan bangunan (*building facility management*). Di bawah program tersebut, penyenggaraan bagi daerah Sandakan, Kinabatangan dan Beluran akan dilaksanakan selama tempoh dua (2) tahun, bermula 11 Disember 2023 hingga 11 Disember 2025.

Selain itu, pihak JANS turut mempunyai program penyenggaraan preventif bagi memastikan kelangsungan bekalan air terawat dan bersih di bawah projek BALB.

“Ir. Wong Chen Tong [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Bekalan Air Luar Bandar (BALB))]: ... Actually, pihak JANS kita memang ada satu program untuk building facility maintenance work at Zone 4 di mana ada di daerah Sandakan, Kinabatangan, Beluran untuk dua tahun. Jadi, masalah untuk yang maintenance itu kita akan diselenggarakan dalam within maintenance work ini lah.

...

Okey Yang Berhormat, yang itu within maintenance work ini, they started 11 December last year lah, 2023. Jadi, jangkaan dua tahun ini, dalam tempoh tahun ini, tempoh dua tahun ini pihak kontraktor perlu selenggara lah, maintenance untuk semua loji lah yang di empat daerah itu. Jadi, ia termasuk loji Sukau, Kinabatangan; Batu Putih, Kinabatangan; Kampung Monam; Kampung Jaya Bakti, Putaton dan Paitan lah. Jadi, tempoh projek ini ialah sehingga 11 Disember 2025 lah. Any defects pihak kontraktor akan baiki lah.

...

Yang Berhormat, actually sebelum ini pihak JANS memang ada program untuk buat maintenance lah. Jadi, di mana maintenance work ini telah dianugerahkan kepada pihak kontraktor pada last year Disember lah. Sebab peruntukan ini ia ambil masa untuk dapat kelulusan. Actually, the way forward daripada pihak JANS itu memang kita ada sudah program untuk buat maintenance preventive ini. Untuk maklumat tambahan Yang Berhormat tadi, nama kontraktor bagi maintenance work ini ialah MNI Pride Sdn. Bhd. lah.”

[Muka surat 49 - 50, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa satu (1) sistem bekalan air dibahagikan kepada beberapa zon yang merangkumi 500 hingga 1,000 permis. Pemantauan dibuat terhadap aliran keluar masuk air berbanding pengguna dan terhadap tekanan air di inlet dan juga kawasan serta sambungan kritikal. Melalui pemantauan ini, kebocoran dapat dikenal pasti dengan lebih pantas dan JANS dalam perancangan untuk meningkatkan lagi zon berkaitan serta meluaskan lagi penggunaan sistem ini.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Okay, alright. Satu sistem bekalan air ini, kita bahagi-bahagikan kepada beberapa zon, metered zone we called it, district metered zone (DNZ). Jadi, setiap zon itu comprises of about mungkin 500, 1,000 premis. Jadi, dari situ kita akan ada district metered zone dan juga kita monitor district meter untuk kita monitor flow, berapa masuk di sana dan kita compare dengan berapa banyak pengguna di sana. Secondly, dalam sistem tersebut, kita juga memasang pressure sensor di inlet dan juga di critical point. What you called critical point is the— mostly kita punya sistem adalah menggunakan sistem graviti. Sistem graviti means, mana yang paling rendah, sana lah pressure yang paling tinggi. Mana tempat yang tinggi, berbukit, the pressure will

be low. Jadi, kita punya principle bahawa pressure di inlet iaitu di district metered zone, di inlet ke kawasan tersebut dan juga kita compare dengan critical point.

Critical point, ertinya kita pasang pressure gauge di tempat yang paling tinggi, di mana it is a tempat yang paling tinggi. Kalau di sana tak ada pressure, ertinya ada bahagian di sana memang tidak ada air. Tapi kalau di critical point ada pressure, ertinya the whole area ada air. It's one of the anu lah. Tapi as we— seperti yang saya katakan pagi itu, walaupun Program NRW yang telah kita laksanakan berjalan tapi tidak semua, mungkin di Sabah, DNZ yang dipasang adalah lebih kurang 60 peratus baru cover the whole system-lah. Yang lain, yang kami buat ialah pemantauan secara remote ataupun manual. Kita pasang pressure gauge di tempat-tempat yang strategik dan di-monitor setiap masa lah. Selepas itu, kita juga ada sistem secara online real time di beberapa tempat, di mana kita boleh mengesan jika berlaku abnormality. Flow yang tidak normal seperti high flow dan low pressure. Sebab air ini, bila high flow, low pressure, ertinya bocor. Bila low flow, high pressure, ertinya sistem dalam keadaan baik.

Walau bagaimanapun, coverage sistem ini adalah masih rendah tapi we work on it dan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, sebenarnya kami menganggarkan untuk DNZ coverage adalah lebih kurang 75 peratus dan untuk Program NRW National Pendekatan 2, pihak BBA telah meminta Jabatan Air untuk menghantar cadangan pemasangan DNZ untuk seluruh negeri Sabah. Jadi, 100 percent coverage. So, this is a long term anu lah. This is the way kita boleh— satu, to detect kebocoran lebih awal dan kedua, kita boleh kawal kebocoran.

...

Yang Berhormat, kadar sehingga bulan Ogos tahun ini, kadar NRW di Sabah ialah 54 peratus. Kadar NRW di Sabah ialah 54 peratus, nombor tiga tertinggi di Malaysia. Punca utama ialah infra yang sudah uzur, kebocoran paip. That is the— contribute almost 60 percent-lah daripada collect— kehilangan dan 80 peratus adalah daripada kehilangan komersial. Komersial ini majoritinya adalah disebabkan oleh kecurian (water theft) dan kita juga buat analisa bahawa juga disebabkan oleh meter tidak accurate. Jadi, program penggantian meter pun kami jalankan dari masa ke semasa.”

[Muka surat 27 – 28, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

a. Prosedur Operasi Standard (SOP)

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa pelan tindakan dan SOP berkaitan berhubung pengurusan kerosakan bagi sistem BALB. Penilaian dan analisis anggaran kos penyenggaraan akan dilaksanakan dan pembekal serta kontraktor tempatan akan dipanggil. Berdasarkan SOP, proses ini perlu dilakukan tidak lebih empat (4) jam selepas berlaku kerosakan.

Kerja-kerja pembaikan akan dijalankan serta-merta, tanpa mengira waktu, dan kerja-kerja pengesahan serta *testing and commissioning* akan dilakukan sejurus selepas kerja pembaikan selesai. Selain itu, JANS telah turut menetapkan supaya reka bentuk dan alat gantian bagi projek BALB adalah selaras untuk

memudahkan perolehan alat gantian yang cepat bagi tujuan kerja-kerja pembaikan dan sekiranya kecemasan berlaku.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey, Datuk Pengerusi. Okey, untuk maintenance, kita memang ada level of action-lah. Ada peringkat daerah kecil (subdistrict), district, ibu pejabat, peringkat KPP dan juga Pengarah. Okey, untuk sebarang kerosakan, pihak— let’s say for untuk contohnya ialah loji ini. Apabila berlaku kerosakan, mereka akan menyediakan incident report. Incident report, gambar dan juga explanatory notes berkenaan dengan kerosakan tersebut dan akan dilaporkan kepada ibu pejabat dan normally ditujukan kepada Ketua Penolong Pengarah yang berkaitan. Kalau berkaitan dengan kualiti, Puan Mimi, berkaitan dengan M&A, another KPP. Okey.

Kemudian, selepas itu kita melihat kepada tahap kerosakan. Bila kita menilai kos awal, let’s say indicative. Katalah kita membenarkan di sini mana-mana kerja yang bernilai RM20,000 ke bawah, jurutera air daerah yang akan handle perolehan tersebut. Now, we consider this is a kerja-kerja kecemasan. So, dia akan memanggil local contractor, local supplier. Kalau available di sana, yang ada kemahiran dengan kerja yang boleh dibuat, mereka boleh panggil straightaway. So, tindakan ini sebenarnya diambil within tidak lebih daripada empat jam selepas berlaku kerosakan.

Tetapi, jika didapati bahawa kerosakan tersebut bernilai lebih daripada RM20,000, maka kebenaran daripada pengarah adalah diperlukan. So, this is the thing that yang— Pengarah akan keluarkan berdasarkan kepada AP. Kalau tiada peruntukan, AP55, kalau ada peruntukan, AP173.2. Jadi, di situ juga kita benarkan jurutera air daerah untuk mencari pembekal ataupun kontraktor untuk membuat kerja-kerja tersebut. Kita memang ada what we call kontraktor panel untuk certain trade. Untuk elektrik, mekanikal dan sebagainya. Kalau tidak ada didapati di sana, mungkin kebanyakannya adalah berpusat di Kota Kinabalu. Sama juga, tempoh masa adalah within four hours, tindakan mesti diambil.

Bagi sistem yang kritikal seperti pengdosan kimia sebab without pengdosan kimia yang baik, kita tidak boleh produce air. Jadi, apa yang kita buat ialah— actually our system is that selalunya kita install dua sistem sebagai satu spare dan satu running. Jadi, itu yang selalu kita buat. Bukannya selalu, memang that is our design, practice.

Jadi, selepas itu kerja-kerja ini akan dilaksanakan serta-merta tanpa mengira masa malam ataupun siang, public holiday or whatever. Selepas itu, bila siap kita akan certify dan test and commissioning-lah. Jika— masalah kita di Sabah di sini ialah kebanyakan banyak juga benda-benda ini keperluan spare part dan apa semua yang tidak terdapat di negeri Sabah. Jadi, apa yang kami buat ialah selalunya our design oleh [Tidak jelas] di sini ialah kami menggunakan seboleh-bolehnya pam jenis yang sama, brand yang sama, sistem yang sama. Supaya apabila berlaku begini, kami bila mencari alat ganti, kami mengambil daripada loji-loji lain yang menggunakan sistem dan peralatan yang sama. That is our problem in Sabah because untuk order benda-benda ini daripada Semenanjung take time. Maybe dua, tiga hari baru sampai. Itu pun by flight. Jadi, that is our SOP.

Actually, kami memang tidak membenarkan sebarang kejadian yang berlarutan seperti yang berlaku di Loji Beluran ini, saya rasa ada kelemahan komunikasi di daerah yang tidak melapor ataupun tidak mengambil tindakan segera tentang kerosakan inilah.”

[Muka surat 11 – 12, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

6.8. Keperluan Pemasangan Tangki Di Sabah

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa Enakmen Air Negeri Sabah 2003 telah menetapkan bahawa setiap rumah wajib mempunyai tangki air. Pihak JANS, berdasarkan anggaran kiraan yang berkaitan, menetapkan kapasiti tangki air tersebut pada kadar sekurang-kurangnya 400 galon dan kos purata tangki berkapasiti berkenaan adalah RM600.

“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya, hari itu kita pergi Sandakan kata diwajibkan pemohon itu ada tangki, ada tangki air dulu. Kalau tak, tak bagi air dekat dia. Betul ya? Tak sambung air dekat dia walaupun dia dah ada paip kah apa benda semua itu. Betul?”

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: This a keperluan perundanganlah, dari segi undang-undang. Kemudian dari segi practicability dia, practical-lah sebab kita tidak jangkakan gangguan ya, kerosakan loji, paip pecah. For gangguan setengah hari apa semua itu kan, so dia boleh cover-lah by the air dalam tangki. Tak besar pun tangki itu sebenarnya, equivalent to one day demand sahaja. Kita tak minta yang besar. Katalah...

...

400 galon untuk sebuah rumah dwelling house ataupun lebih kurang 1,000 literlah. Kos berbeza-bezalah di seluruh Sabah. Tapi purata kalau tangki untuk 1,000 galon dalam RM600, RM600. Tangki plastik ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So maknanya, minimum RM1,000 jugalah satu rumah itu, individual dwelling house?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya.

...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak, kenapa nak— law, law mana ini? State kah federal?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Enakmen, Enakmen Air Negeri Sabah. Enakmen Air Negeri Sabah. Jadi, kita pun consider juga. Memang kita tak boleh paksa juga, tapi itulah kan. Kami pun pesan, kalau ada apa-apa berlaku gangguan bekalan air, memang dia tak ada airtah untuk tempoh tersebut. Jadi, to say that tak ada tangki tak boleh sambung, actually tidak jugalah kami begitu kejamlah kan. Memang kami ada jugalah lenient juga kan. Kadang-kadang dia kata saya tak mampu nak beli tangki 1,000 liter, 400 liter pun okeylah, kita kata okeylah.

Jadi berkenaan yang kedua tadi, yang Datuk Pengerusi katakan tadi. How we determine capacity of the tangki. Kita menggunakan sifir kita bersama KKDW iaitu consumptions satu orang ialah 220 liter. Jadi anggaran kita di Sabah, Sabah ini ada juga banyak anak. Dalam sebuah rumah dalam lima atau enam penduduk. So, kalau 220 kali enam atau kali lima, we are more or less 1,000 liter lah. So, that is the way kita iniliah. Sebab apa, kita tentukan ini waktu mereka memohon bekalan air.”

[Muka surat 25 – 26, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

6.9. Sumber Air Alternatif

En. Azman bin Kassim (TSUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa KKDW memperuntukkan RM5 juta bagi Sarawak dan Sabah untuk projek di bawah bekalan air alternatif. **Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan (Pengarah, JBALB) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** seterusnya memaklumkan bahawa KKDW telah banyak meluluskan projek di bawah inisiatif *Sarawak Alternative Water Supply* (SAWAS) yang dilaksanakan di kawasan-kawasan terpencil Sarawak.

“Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Itu satu. Yang kedua, tentang cadangan untuk penggunaan air bawah tanah. Okey, di dalam projek selain daripada projek retikulasi ataupun air terawat ini, kita juga bagi peruntukan untuk projek di bawah bekalan air alternatif, di mana Sabah dan Sarawak secara general-nya setiap tahun kita bagi RM5 juta, RM5 juta lah, Sabah RM5 juta, Sarawak RM5 juta. JBALB kebiasaannya, betulkan tuan kalau silap ya, selalunya bagi secara gotong-royong di bawah JMG buat sendiri ataupun di bawah KKM-lah supaya –buat gotong-royong.

Dalam masa yang sama juga, kita telah luluskan di bawah satu projek yang berskala besar tetapi di bawah kita panggil– SAWAS di bawah Sarawak punya tetapi yang di bawah EPU, kita panggil projek – contoh ya, pada RP4, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sistem alternatif, contohnya, Bahagian Sri Aman, Sarawak kita telah luluskan pada RP4, RMKe-12-lah. Jadi, kita lihatlah sumber air sama ada sungaika ataupun air bukitkah ataupun lain-lain sumberlah.

Tetapi, banyak projek telah diluluskan di bawah KKDW yang diluluskan oleh EPU untuk projek di bawah untuk bekalan air sistem alternatif.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Yang saya nampak kalau dia menggunakan air graviti daripada sungai itu, daripada gununglah, kalau kemarau dua minggu dia dah habis dah. Bekalan air itu tak cukup. Tapi, yang saya nampak kalau air bawah tanah itu memang tak habis, banyak itu. Itu pandangan sayalah. Cuba pihak JBALB boleh – mungkin RM5 juta ini memang saya rasa tak cukuplah. Mungkin kena tambahkan ini.*

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: *YB, saya nak tanya sikit boleh YB? Saya nak tanya sikit YB ya?*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Boleh, boleh.*

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: *Sebab ini di bawah alternatif ini ada pelbagai sumber air. Sebagai contoh, air bukit dan sebagainya. Cuma, kalau air bawah tanah ini, kebiasaannya projek-projek yang secara alternatif ini tidak ada rawatan. So, possibility air bawah tanah ini dia tidak melepasi national standard drinking water tahun 2004 tak silap sayalah. Jadi, dia ada sedikit kesukaran masa audit nanti sebab dia tak sampai itu. Itu saja isu dia YB. Macam mana YB? Boleh terima tak yang itu?*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Pengalaman di Mudung dengan Roban ini, dia bersama dengan JBALB, mereka melalui sistem penapisan. Penapisan itu taklah canggih sangat*

tapi memang cukup. Jadi, memang di-verified pun air tersebut, kualiti dia memang baik. Dia ada sistem pernafasan – pernafasan pula. Penapisan yang baguslah dan kos pun taklah mahal sangat. Betul tak, JBALB?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: *Yang Berhormat, saya tambah sikit. Terima kasih atas komen Yang Berhormat. Memang sistem yang kita telah bina di Saratok memang – actually it's a clean water. It's not a treated water sebab kita tak ada chemical yang kita campur untuk memastikan air tersebut mematuhi national drinking water. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menggalakkan pengguna untuk memasak air dulu sebelum diminum, selain untuk kegunaan harian.*

Untuk nak tambah lagi, untuk makluman tadi di negeri Sarawak kita juga telah memohon projek we call it Sarawak Alternative Water Supply. Alhamdulillah, pihak kementerian pun telah meluluskan banyak projek SAWAS ini untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan off-grid di negeri Sarawak untuk memastikan liputan bekalan air bersih dibekalkan kepada penduduk Sarawak.”

[Muka surat 44 - 46, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.10. Penyaluran Dana Kepada RISDA Bagi Tujuan Pembayaran Projek BALB

Dato' Afandi bin Nordin (SUB, Penyelarasan dan Pemantauan, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa pada tahun 2020, disebabkan penularan wabak Covid-19, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyalurkan dana kepada RISDA bagi memastikan tuntutan berhubung projek berkaitan dapat dibayar terus kepada kontraktor. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa masih terdapat lagi baki yang belum dibayar dan dipegang oleh pihak RISDA. Namun, baki tertunggak tidak dapat ditentukan oleh pihak KKDW.

“Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: *Yang Berhormat, yang mengenai Sabah RISDA. Saya cuba bantu jawab pencerahan daripada KKW. Bagi kes kita lihat dapatan daripada Laporan Audit Negara terdapat penyaluran kepada RISDA. Kalau ikut RISDA ini pun dia punya nature jabatan adalah lebih kepada perladanganlah. Tak ada kaitan dengan bekalan air. Cuma, dalam bagi kes tahun 2020 ketika— dalam amalan kewangan kerajaan, kementerian-kementerian menghadapi apabila kaedah bayaran di penghujung tahun. Kebiasaannya bila tutup akaun itu ada masanya kadang-kadang kita pun tak dapat satu tarikh bagi membolehkan apabila sistem perakaunan ditutup, bayaran-bayaran terhenti.*

Jadi, bagi kes tahun 2020 adalah zaman ketika itu kita agak-agak kritikallah. Pada ketika itu adalah sedang berlaku COVID-19 dan perolehan-perolehan dan projek-projek pada ketika itu kurang menentu. Jadi, kita lihat tanggungjawab kerajaan apabila tuntutan-tuntutan dibayar perlulah dibayar dalam tempoh 14 hari. Sekiranya ada tuntutan pada bulan 11, bulan 12 kita pun kena pastikan ada peruntukan yang boleh dibayar.

...

Jadi, pada ketika itu kita ambil pendekatan menyalurkan baki jangkaan yang telah kita unjurkan untuk dibuat bayaran kepada tuntutan-tuntutan kontraktor yang tidak boleh

dibayar melalui sistem perakaunan biasa. Jadi, ketika itulah kita salurkan dan kalau kita lihat pun peratus selepas tiga bulan penyaluran bahawa hampir 87 peratus bayaran dapat dibuat pada bulan 11, 12 dan satu sehingga bulan Mac.

Itu hanya berlaku pada ketika itu sahaja yang untuk kita pastikan bahawa ketika keadaan wabak ataupun kontraktor pun mengalami kesulitan-kesulitan dan kita nak pastikan bayaran dapat dibuat walaupun sistem perakaunan kita ditutup. Itu tidak boleh dibuat proses seperti biasa.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Jadi, adakah ini satu norm? Biasanya kalau sampai akhir tahun, kerajaan just shared – salurkan kepada satu agensi walaupun tidak berkenaan tetapi boleh dipercayai untuk menyalurkan bayaran. Adakah ini sering kali berlaku? Sebab I think sebagai satu kerajaan, end of the year kami memang ada masalah di mana, MOF-kah maybe boleh jawab, kenapa sampai akhir tahun untuk buat bayaran adalah sangat susah. Tetapi this is not one of the reasons that kami boleh just guna satu agensi untuk menyalurkan peruntukan yang banyak, RM12 juta untuk Sarawak sahaja dan Sabah RM97.56 juta.*

So, siapakah yang bagi ini, I think konsesi ataupun persetujuan ini untuk menyalurkan kepada RISDA?

...

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: *Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi peraturan kewangan memang dia bukan satu yang kita amalanlah. Tapi bagi ketika itu, peringkat tertinggi kementerian melalui pegawai pengawallah, Yang Berbahagia Datuk KSU, apabila kita menerima unjuran perbelanjaan atau pembayaran yang sepatutnya, yang kita lihat bahawa tuntutan-tuntutan yang perlu dibayar pada kontraktor untuk tiga bulan terakhir, pada ketika itulah, bulan November, bulan Disember, bulan Januari hingga bulan Februari. Jadi, amaun itu agak tinggilah, kalau seperti YB sebutkan tadi.*

Ketika itu – pada tahun berkenaanlah dan diambil pertimbangan oleh pengurusan tertinggi ketika itu supaya membantu kontraktor yang ketika itu terkesan berlakunya wabak COVID-19 pada tahun 2020 supaya mereka pun dapat tuntutan itu dibayar walaupun akaun sistem proses tidak dapat dibuat oleh peringkat kementerian sebab ditutup lebih awal pada ketika itu. Kita mengambil langkah awal menyalurkan kepada agensi bawah kementerian sendirilah, RISDA bawah kita, untuk diberi tanggungjawab melunaskan tuntutan-tuntutan yang diperakukan oleh SO atau pegawai penguasa.

Pada kes ini, kalau bekalan air ini diperakukan boleh dibuat bayaran oleh Jabatan Bekalan Air Sarawak dan juga Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah. Jadi, kawalan kewangan yang disalur memang dikawal secara ketat oleh KKDW dan bayaran diperakukan, dibuat melalui SO. Peruntukan itu adalah peruntukan pada tahun 2020 sahaja dan tidak berlakulah selepas itu. Pendekatan kita ambil ketika itu ketika wabak COVID-19 tahun 2020. Terima kasih.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Soalan terakhir adalah, sudah semua peruntukan yang telah disalurkan ke RISDA sudah habis dibayar ataupun masih ada lagi yang dalam akaun yang belum lagi di-clear? Sebab dalam laporan adalah RISDA telah dijadikan agensi pembayar, namun penyaluran ini tidak dibelanjakan pada tahun semasa kerana projek belum siap.*

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Terima kasih YB. Kita mengakuilah bahawa masih ada lagi baki. Kementerian seperti yang disebut oleh YB tadi, sekiranya tiada tuntutan dan tak ada komitmen, kita akan menarik balik baki berkenaanlah. Buat masa ini, ada beberapa projek yang kita kenal pasti, difahamkan untuk dibuat bayaran dalam masa terdekat.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: What's the amount that masih belum dituntut?

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Yang itu saya – minta maaf YB, saya tak ada details tetapi ada baki komitmenlah yang akan dibayar.”

[Muka surat 33 - 35, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

6.11. Bekalan Elektrik & Penggunaan Generator Bagi Projek BALB

Ir. Wong Chen Tong (KPP, Cawangan BALB, JANS) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024 memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa projek BALB yang masih menggunakan generator bagi tujuan pembekalan elektrik kerana masih menunggu pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) untuk pemasangan meter. **En. Azman bin Kassim (TSUB, Bahagian Prasarana, KKDW) dalam Prosiding Bil.8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024** memaklumkan bahawa perkara ini telah dibawa ke mesyuarat bersama Timbalan Ketua Pengarah (TKP), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

“Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Sedikit sahaja tambah. Saya nak tanya itu mengenai status genset. Sebab, sebagaimana saya tahu I mean few years ago kami sudah dapat waran untuk kasi sambung dengan — direct electricity from SESB.

Kenapa in 2024, kami masih guna genset I mean for this slide sebelumnya di kawasan Sandakan. Actually, already approved in I think year 2020, SESB akan letak dia punya tiang elektrik untuk direct sambung because the maintenance for the genset is so often. Sangat kerap dan apabila genset dia stop dia orang tidak dapat pam air. It actually is not because of the masalah pam rosak kah tetapi actually tiada sambungan elektrik. Boleh dapatkan penjelasan kah daripada maybe Jabatan Air Sabah?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: YB ini boleh saya tanya ini merujuk kepada Kampung Semawang kah? Nombor tujuh.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Untuk LRA Bukit Garam, Kinabatangan. That one is because Bukit Garam dia punya saluran ada sampai ke Sandakan juga. Dia punya. That's why we use the loji as well.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Okey, bagi Kampung Semawang ini. Genset itu memang telah beroperasi dengan baik. Cuma, kita masih menunggu pihak SESB untuk pemasangan meter. Pemasangan itu. I think kontraktor SESB telah memohon EOT sebab saya rasa kita pun tidak dapat kawal prestasi pihak kontraktor daripada pihak SESB. Sebab pemasangan itu memang kuasa pihak SESB.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Tetapi, juga ada kesefahaman dan juga ada kerjasama antara satu sama lain, bukan?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya memang.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: What is the time frame untuk SESB kontraktor bagi membuat pemasangan? Sebab, masa saya dapatkan info ini adalah saya term pertama. Masih muda lagi. Sekarang sudah tua sikit. Belum lagi— [Disampuk] Tua sudah, tetapi belum lagi disambungkan. So, saya nak dapatkan pencerahan. I think from 2019 sudah saya, sudah dapat ini info akan letak SESB akan masuk.

...

Tetapi dalam 2024, belum lagi. Masih lagi jawapan yang sama. Baik juga masih tunggu kontraktor SESB.

...

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Kalau nak bincang fasal SESB itu kita memang banyak projek BALB itu kita pun mengalami banyak masalah dengan pihak SESB. Salah satu contohnya, bila projek sudah siap tetapi pemasangan transformer dengan meter belum disiapkan lagi oleh pihak SESB.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat, saya bantu Carlson ya. Memang JANS ada hantar surat pada kami untuk minta bantuan tentang pemasangan berkaitan dengan SESB. Projek kita yang umur dah siap tetapi tak dapat energise lagi. Tetapi dalam pada masa yang sama saya telah maklumkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh TKP ICU dan juga Timbalan SS Sabah pada last dua minggu lepas tentang projek-projek yang menghadapi masalah dengan SESB, YB.”

[Muka surat 55, Laporan Prosiding Bil. 8(a)/2024 bertarikh 30 Julai 2024]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa pihak JANS dan SESB kini dalam tindakan peralihan daripada generator kepada bekalan elektrik bermeter.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita kena akuilah Sabah ini luas. So, memang banyak kita punya loji di luar bandar yang off-grid. Not just loji tetapi juga intake dan juga pump house. Jadi, loji air saja di Sabah sekarang ini kita ada 15 buah loji yang menggunakan full time prime power genset. Isunya, samalah seperti yang Yang Berhormat nyatakan, memang kos tinggi— diesel. Kemudian, maintenance, servis.

Jadi, apa yang kami buat— sebab kebanyakan inikan di luar bandar, jauh daripada grid SESB, jadi kos memang tinggi. Tetapi, we work on it. Kami telah cuba melaksanakan ini setahun satu atau dua lokasi. Memang kita akui memang tidak reliable...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Untuk long-term, semua genset mungkin boleh digantilah, kan?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya. Kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sedikit demi sedikitlah. Cannot do one go.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Betul. Progressively, kita tukar.”

[Muka surat 19, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah turut memaklumkan bahawa JANS sedang mengkaji sumber tenaga alternatif, dalam usaha penggantian generator di projek BALB. 15 daripada 89 LRA masih menggunakan generator dan kini dalam proses peralihan.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Yang Berhormat, Jabatan Air memang – okey, kita memang ada explore dan akan melaksanakan satu pilot project untuk plot solar, sistem di Empangan Babagon. Kita akan buat dan to produce about 50 megawatt.

Tapi the rest of the district sebab solar ini bila kita buat kajian bahawa dia memerlukan satu kawasan yang luas dan as we know that bahawa loji-loji di Sabah ini bukannya besar-besar pun. Banyak tapi kecil. The biggest one Segaliud, 1.25 MLD. Sekecil-kecilnya, 0.5 MLD dan kebanyakan loji kita almost 50 buah daripada 89 buah loji di Sabah, 50 buah itu adalah berada dalam kapasiti di bawah 10 MLD. Jadi, loji kita kecil.

So, the kawasan loji memang kecil. Roof surface area memang kecil, jadi untuk menggunakan itu memang tidak feasible-lah tapi we look into another place seperti di ORS Milau, Kudat, ORS Segaliud because kita ada luas kawasan takungan di sana. Itu sahaja yang mungkin.

Mungkin di Babagon ini kalau kami kira keperluan tenaga untuk loji air di Penampang, Kasigui dan Moyog, kita ada berlebihan dan daripada tenaga itu memang kita akan jual balik pada pihak SESB-lah. This one is still dalam design stage-lah tapi secara principle, kita sudah meluluskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, mungkin sikit maklumat ya. Jumlah LRA keseluruhan di seluruh Sabah yang masih menggunakan...

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 89 YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang masih menggunakan genset. Berapa daripada 89 itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 15.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 15?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi dalam proses – adakah ketika awal design LRA ini memang menggunakan genset ataupun ada masalah ketika dalam, selepas itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Memang dari awal direka bentuk menggunakan sumber kuasa genset.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *Jadi, dalam pelan JANS sendiri, 15 ini akan beralih untuk gunakan grid ataupun still kita akan terus menggunakan genset ini ataupun bagaimana?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Kita memang dalam proses untuk – progressively, kita akan tukar kepada bekalan elektrik daripada grid SESB-lah tetapi kekangan kewangan, menyebabkan kita tak boleh buat sekalilah.”*

[Muka surat 21 – 22, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

a. Pembekalan Diesel Bagi Sistem Generator di LRA

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa bahan bakar generator, diesel, dibekalkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah. Pada bulan September 2024, satu (1) loji tidak dapat beroperasi kerana berlaku kelewatan peralihan daripada sistem generator kepada sistem bekalan elektrik oleh pihak SESB. Ini menyebabkan JANS terpaksa mencari bekalan diesel tanpa peruntukan. Selain itu, disebabkan masalah komunikasi di antara pihak JANS dan JKR, bekalan diesel dibekalkan lewat dan loji beroperasi 36 jam selepas kehabisan bahan bakar, diesel.

“Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Walaupun di Sandakan tetapi di— ya. Saya ada satu soalan mengenai— when we're talking about the genset ya. Sebab, notis yang diberikan pada 16 September 2024 mengenai penutupan sementara Loji Rawatan Air Bukit Garam, Kinabatangan disebabkan kekurangan bekalan minyak diesel di pre-sedimentation facility loji. Boleh saya dapatkan pencerahan mengenai kenapa kekurangan bekalan diesel di mana sepatutnya diesel ini di-provided oleh kementerian yang sama juga, kan? Under Kementerian Jabatan Kerja Raya Sabah. Boleh saya dapatkan ulasan daripada pihak JANS?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Okey, Yang Berhormat. Isu diesel sebenarnya tidak ada isu sebarang kekurangan diesel di Sandakan pada kejadian tersebut. Sebenarnya adalah lebih kepada komunikasi di antara Jabatan Air dengan JKR begitu. Sebab apa, diesel ini adalah dibekalkan oleh JKR Sabah. Kami akan menghantar ePOL iaitu online order di mana kami akan order bekalan diesel dan sekali dengan peruntukan untuk digunakan.*

Apa yang berlaku ialah bahawa pada masa tersebut, kami ada masalah berkenaan dengan peruntukan. Sebab, kalau kita nampak tadi projek sambungan elektrik ini, kalau kita tengok ini kan... [Merujuk pada slaid pembentangan] “JANS difahamkan bahawa kontraktor SESB dalam proses permohonan EOT”.

Sebenarnya projek ini dirancang sudah sepatutnya siap pada awal tahun ini. By that time, bila kami buat bajet untuk keperluan diesel pada tahun ini, kami memang omit keperluan pada sebahagian besar tahun ini sebab dijangkakan awal tahun akan siap.

Jadi by that time kita tidak perlu diesel, kita sudah menggunakan power daripada national, daripada SESB grid.

Jadi apa yang berlaku ialah apabila berlaku kelewatan, kita bajet pun lari. Pada masa tersebut, apabila kita mendapati bahawa keperluan diesel di seluruh Sabah pada masa itu telah meningkat dan juga harga diesel ini sebenarnya, kita bukan order satu tahun. Kita order sebulan sekali. Mengikut pihak JKR, harga diesel ini adalah berbeza-beza, satu liter berapa bulan ini, bulan depan. Jadi, menyebabkan ketidakcukupan peruntukan pada masa tersebut.

Jadi, apabila kami memohon peruntukan khas daripada MOF Sabah, kami telah mendapat kelulusan pada hujung minggu sebab kejadian ini berlaku sebenarnya pada Hari Malaysia, 16 September lepas. Jadi, pada masa tersebut holiday dan kemudian apabila order telah dibuat, peruntukan telah diterima, holiday lagi, tanker yang menghantar tidak available. Maka hari Selasa, 17 hari bulan, malam baru dapat dibekalkan. Jadi, pada masa tersebut kita ada lebih kurang dalam 36 jam loji tidak beroperasi disebabkan masalah diesel itu. That is the reason-lah. Bukan diesel tidak ada tapi lebih kepada komunikasi di antara jabatanlah, JKR dan Jabatan Air.”

[Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah (Pengarah, JANS) dalam Prosiding Bil.8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024 memaklumkan bahawa harga bekalan diesel adalah bergantung pada pihak JKR dan tidak mengikut harga pasaran.

“Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Alright, diesel dululah. Okey, diesel di luar memang harga— kalau di Semenanjung sama, Sabah pun sama. Tapi di Sabah ini, untuk bekalan kepada jabatan-jabatan kerajaan, sebenarnya dia ke JKR dulu. Kemudian kami yang beli dari JKR. So, ada peningkatan kos.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: JKR control harga diesel?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Ya.

Ahli-ahli PAC: [Berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: ...adik-beradik. Tapi kita pun tak tahulah. I think kita pun tak tahu. Tapi memang begitulah. Semua jabatan kerajaan negeri, kita order untuk genset. Tapi untuk kereta sebenarnya, kita guna Petron. Untuk ini sahaja, untuk bulk order ini. Kita order satu treler ini sebenarnya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, harga JKR boleh jual ini tanpa ceiling price kah apa?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Tak tahulah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Minta maaf. First time saya dengar ini. Itu sebab saya nak jelas itu. JKR boleh jual harga mana-mana tanpa harga siling kah? Macam mana ini? Minta maaf. Saya kena tanya ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Rasanya begitulah. Rasanya begitu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Bukan ada 'harga adik-beradik', kah? Tak ada?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Tiada 'harga saudara' ini. [Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because it is was supposed to be ada subsidi. Ada mark up lagi?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Ada mark up tetapi kami tidak tahu apa mekanisme dia buatlah. Sebab, kami memang dari tiap-tiap bulan atau setengah bulan, kami akan diberitahu harga. You order hari ini, inilah harga dia."*

[Muka surat 28 – 29, Laporan Prosiding Bil. 8(b)/2024 bertarikh 2 Oktober 2024]



RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai plan induk bagi penyediaan bekalan air terawat luar bandar yang menyeluruh, setakat ini.
- 7.2. Pengurusan projek BALB kurang teratur kerana kurangnya koordinasi di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan. Perkara ini membawa kepada permasalahan seperti pertindihan projek, urusan hal ehwal tanah, plan perancangan perhubungan bekalan air ke kawasan berkaitan dan lain-lain.
- 7.3. Kelemahan dalam pengurusan penyelenggaraan dilihat sangat kritikal kerana tiada plan pencegahan dan pemulihan (*preventive and corrective maintenance*) berjadual dilaksanakan oleh PBAN sehingga banyak berlaku kerosakan terhadap aset yang disediakan di bawah projek BALB. Perkara ini menyebabkan kos pembaikan meningkat dan kualiti bekalan air terjejas.
- 7.4. Bagi projek BALB sebelum tahun 2018, premis atau kawasan yang terletak jauh daripada punca utama air, melebihi 50 meter, kos penyambungan perlu ditanggung oleh pemilik rumah. Namun, mulai tahun 2018, kos-kos sambungan tersebut telah diambil kira dalam had siling RM120,000 bagi satu premis.
- 7.5. Ketidakmampuan pemilik premis/rumah di Sabah menanggung kos pembelian tangki air dan penyambungan meter air menafikan hak mereka memperoleh kemudahan asas air terawat.
- 7.6. Isu kelewatan dalam tindakan peralihan daripada generator kepada bekalan elektrik bermeter di 15 loji air di Sabah telah menyebabkan isu seperti kos diesel yang tinggi, penyelenggaraan dan penduduk terputus bekalan air terawat. KKDW masih dalam proses menggantikan penggunaan generator bagi loji-loji di Sabah.

***Nota PAC:** Penyata lebih menjurus kepada isu BALB di Sabah berbanding Sarawak memandangkan lawatan kerja PAC isu ini hanya dapat dilakukan di Sabah di atas kekangan kewangan dan masa.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 8.1. KE dan KKDW dengan kerjasama Kerajaan Negeri perlu membangunkan pelan induk BALB bagi memastikan penduduk di luar bandar mempunyai akses kepada bekalan air yang berkualiti dan selamat digunakan.
- 8.2. KKDW, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual.
- 8.3. KKDW perlu memastikan pihak Kerajaan Negeri/PBAN mengemukakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (*preventive and corrective maintenance*) berjadual sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PBAN.
- 8.4. KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter di dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan.
- 8.5. KKDW perlu berunding dengan Kerajaan Negeri/PBAN supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk.
- 8.6. KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan.
- 8.7. PAC Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri/PBAN disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



GAMBAR PROSIDING













uk lau:
 ngunaan Projek BALB
 awak dan Sabah -
 us Selepas Penyerahan
 iek - Pengoperasian dan
 yenggaraan -
 iponan Aset Projek
 iek - Gangguan
 kalan Air Kepada
 gguna
 rangan: 5.2.2.2.c.

- ii. Status bekalan air terkini di Kg. Serawang:
- Kg. Serawang telah mendapat bekalan air terawot seperti biasa dan beroperasi dengan baik.
 - Masalah selanjutnya di LRA Bukit Garam telah selesai dan bekalan air telah pulih.
 - Kerja-kerja penambungan bekalan elektrik juga telah dipohon.
 - JAKS difahamkan bahawa Kontraktor SESB dalam proses permohonan kerja-kerja penambungan bekalan elektrik tersebut.





LAPORAN PROSIDING (HANSARD)





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**Rabu, 24 Julai 2024
Bil 8 / 2024**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Pra Prosiding Bil. 8 Tahun 2024:
Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar
Sarawak dan Sabah**

Jabatan Audit Negara (JAN)
YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi
Ketua Audit Negara

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 24 JULAI 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]	- <i>Naib Pengerusi</i>
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]	
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]	
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]	
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]	
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]	
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]	
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]	
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]	

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Jastina binti Zainal Abidin [Peguam Kanan Persekutuan L54 (Penasihat)]
Puan Nor Azlina binti Hashim [Peguam Kanan Persekutuan L52 (Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah M48 (Bahagian Perkhidmatan)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen M54 (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan M48 (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

KPKPJ Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah P54 (Siasatan)]

Encik Fadlyzal bin Mohd Zain [Penolong Pesuruhjaya P48 (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN)

Puan Natasha binti Muhammad Merejok [Ketua Penolong Pengarah Audit W48 (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Wan Nurfaridah binti Wan Adnan [Penolong Pengarah W44 (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah Audit W44 (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Zawati Yusrah binti Zainuddin [Timbalan Pengarah M54 (BEASSA)]

Dr. Haji Hisham Kamal bin Othman Kamal [Timbalan Pengarah M54 (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]

Encik Mohd Zahrain Mohd Nor [Timbalan Pengarah II M54 (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Encik Mohd Fairuz bin Azmi [Ketua Penolong Pengarah M48 (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]

Encik Muhammad Nursyazwan bin Zainudin [Penolong Pengarah M41 (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Datin Rozita binti Aminuddin [Akauntan WA52 (BPOPA)]

HADIR BERSAMA**SAKSI****Jabatan Audit Negara (JAN)**

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]

YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) (Sektor Audit Prestasi)]

YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar [Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

(*samb/-*)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**SAKSI** (*samb/-*)

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit Prestasi I (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Mohd Shahril bin Yahya [Pengarah Audit Prestasi III (Sektor Audit Prestasi)]
YBrs. Puan Nadhirah binti Abdul Wahab [Pengarah Bahagian Audit Syarikat I (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
Puan Sharifah Zarina binti Syed Ahmad [Pengarah (Bahagian Penyelarasan Laporan)]
YBrs. Dr. Mona binti Othman [Pengarah Audit Negeri (JAN Sabah)]
Encik Allias bin Alwi [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
YBhg. Datin Hasnira binti Hussin [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Dr. Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]
Puan Sharida Abdullah [Ketua Penolong Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]
Puan Natasha binti Muhammad Merejok [Ketua Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
Encik Muhammad Zhafri bin Zainudin [Ketua Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
Puan Lim Poh Guat [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]
Cik Sri An-Nisa binti Mohd Nor [Penolong Pengarah W41 (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]
Puan Nurhafiza binti Marsidi [Penasihat Undang-undang (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]
YBrs. Dr. Suraya binti Adnan [Pegawai Khas kepada Ketua Audit Negara (Pej. KAN)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 24 JULAI 2024

Mesyyuarat dimulakan pada pukul 11.00 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyyuarat]*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Boleh saya teruskan YB? Okey, *thank you*. So, pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar — ini merupakan salah satu topik yang agak hangat juga dibahaskan semasa sesi penggulungan baru-baru ini di mana banyak juga soalan-soalan yang telah dibangkitkan.

Projek Bekalan Air Luar Bandar ni dilaksanakan di bawah skim *Accelerated Rural Water Supply* bermula daripada RMKe-2 dengan kaedah pembiayaan 80 peratus pinjaman dan 20 peratus geran Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa air negeri sebagai agensi perlaksana. So, bermula RMKe-8, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah dilantik sebagai agensi pelaksana dengan kadar pembiayaan secara 100 peratus geran Kerajaan Persekutuan.

So, objektif program BALB ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan serta kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan. Skop pengauditan projek BALB ini di Sarawak dan Sabah meliputi kita lihat daripada projek yang daripada RMKe-10 dan RMKe-11, sambungan daripada RMKe-10 masuk ke RMKe-11 yang dilaksanakan oleh KKDW sehingga CPC ataupun *Certified Practical Completion* dikeluarkan sebelum projek itu diserahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada pihak berkuasa air negeri.

■1220

Tiga yang dilihat adalah tiga komponen projek BALB iaitu pertama, kita tengok naik taraf bina baharu loji. Sama ada dibina loji rawatan air baru atau di naik taraf loji rawatan sedia ada. Kedua ialah retikulasi. Sambungan paip retikulasi daripada paip-paip utama pihak berkuasa air negeri ke kampung-kampung sehingga ke dapur rumah berserta satu pili paip berdiri termasuk bina tangki simpanan air dan stesen pam penggalak. Di Sabah, retikulasi ini termasuk kaedah sekunder iaitu penyambungan paip dari sistem paip pihak berkuasa air negeri sedia ada ke rumah dan perolehan dibuat secara sebut harga.

Dan yang ketiga ialah kita tengok alternatif. Kadang-kadang dia tak dapat ada kekangan untuk daripada segi sumber air itu. So, dia bagaimana dia boleh dibina telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan sebagainya bagi pembekalan air bersih kepada penduduk di luar bandar yang tidak kesampaian untuk diberikan kemudahan bekalan air.

Di Sarawak, BALB alternatif dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk kampung dengan pemantauan pihak JKNS atau JMG. Di Sabah, ianya dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik melalui perolehan secara sebut harga seperti yang saya sebut tadi. So, *auditee* utama adalah KKDW kementerian dalam pelaksanaan projek ini dan agensi lain yang terlibat adalah seperti yang di agensi-agensi negeri di Sarawak. Manakala di Sabah ialah Jabatan Air Projek, Jabatan Air Negeri Sabah dan pejabat daerah.

KKDW kita fahamkan telah ada garis panduan program BALB yang telah dikemas kini. Jadi, ini juga merupakan satu sumber rujukan yang dilihat oleh pihak audit semasa pengauditan ini. Jadi, untuk yang seterusnya saya jemput sekali lagi TKN, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) untuk seterusnya.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Terima kasih, Yang Berbahagia Datuk, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua PAC dan semua ahli mesyuarat. Izinkan saya meneruskan dengan prestasi pencapaian projek di Sabah dan Sarawak. Projek BALB Sarawak setakat Oktober 2023 di bawah RMKe-10 dan RMKe-11, sebanyak 96 projek telah diluluskan. Kita dapati daripada 96 projek tersebut, 75 projek telah siap ataupun 78.1 peratus telah siap, lapan belas projek belum siap melibatkan 6 projek dalam pelaksanaan dan 12 projek dalam perancangan.

Tiga projek kita dapati batal, ianya dibatalkan disebabkan oleh kontraktor yang tidak berminat untuk mengemukakan sebut harga. Bagaimanapun, ia telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Manakala bagi projek BALB Sabah pula di bawah RMKe-10 dan RMKe-11, setakat Oktober 2023 iaitu setakat skop audit, sebanyak 477 projek BALB Sabah telah diluluskan. Dengan status pencapaian prestasi projek BALB Sabah adalah 430 telah siap atau 90.1 peratus, 32 projek belum siap dan 15 projek batal.

Bagi projek batal iaitu 15 projek tersebut ianya terdiri daripada 14 projek BALB retikulasi termasuk tiga projek BALB paip sistem sekunder. Retikulasi merujuk kepada sambungan dari paip utama ke paip penghuni dan satu projek BALB naik taraf iaitu bina baharu loji melibatkan 9,682 bilangan rumah telah dibatalkan. Puncanya adalah kerana sumber air mentah dan terawat tidak mencukupi dan tiada jalan masuk ke tapak projek yang dicadangkan.

Seterusnya, terdapat empat isu audit yang telah dibangkitkan. Isu pertama melibatkan 44,059 rumah belum menerima akses bekalan air bersih dan terawat. Kementerian menasarkkan prestasi pencapaian projek melibatkan BALB retikulasi dan BALB naik taraf bina

baharu loji sahaja. Ia tidak termasuk BALB alternatif, di mana ia hanya menyediakan air bersih. Analisis telah dijalankan terhadap 35 projek BALB Sarawak melibatkan 29,397 rumah atau 146,985 penduduk mendapati 18 projek masih belum dilaksanakan.

Berdasarkan 18 projek yang belum dilaksanakan, kita dapati 14,149 rumah atau 70,745 penduduk belum menerima akses bekalan air bersih dan terawat. Sejumlah 14,149 rumah masih belum mendapat bekalan akses bersih dan terawat disebabkan oleh projek tidak mengikut perancangan dan tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan.

Seterusnya, kita rujuk kepada negeri Sabah. Berdasarkan analisis terhadap 377 projek BALB Sabah pula, 60,382 rumah ataupun 301,910 penduduk mendapati 32 projek belum dilaksanakan.

Ini bermakna, 29,910 rumah atau 149,550 penduduk bagi 32 projek tersebut masih belum mendapat akses bekalan air bersih dan terawat. Antara puncanya adalah...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh saya tanya, Datuk Wira? Tanya sikit.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Ya, boleh, boleh.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia punya *target* itu bila yang kata dia belum disiapkan itu? Bila yang patut disiapkan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Okey. Sila.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit Prestasi I (Sektor Audit Prestasi), Jabatan Audit Negara]: Kalau ikut sasaran – YB, nama saya Y Hamdan bin Mohd Dom, Pengarah Audit Prestasi. Mengikut sasaran pada tahun 2023-lah dia punya – kita punya tarikh pengauditan. Jadi, setiap projek ini ada dia punya sasaran siap dia kita ambil kira kita audit tadi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia patutnya siap 2023-lah?

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Sepatutnya pada tarikh itu sepatutnya siap dia mengambil kira daripada jadual asalnya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Banyaknya. Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Sehingga Oktober 2023.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sedikit, Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya soalan asas. Bila tengok apa ini tadi infografik kan. Saya nak tanya soalan asas. Tak tahulah Ketua Audit Negara ada tanyakah tidak daripada kementerian kan. Kenapa di Sarawak diberi— tak diberi, diluluskan *kut* ya, 35 projek, Sabah 377 projek?

Sedangkan Sarawak dia lebih besar daripada Sabah dan dia punyai sungai banyak, dia punya gunung banyak dan sebagainya. Jadi, kenapa jadi begini? Apa asas dia punya agihan begini atau perancangan...

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: YB, kalau kita tengok kepada *figure*, di Sabah terdapat BALB paip sekunder seperti yang diterangkan oleh Datuk Ketua Audit Negara tadi. Sistem paip sekunder yang merupakan sebahagian daripada program retikulasi di mana pelaksanaannya oleh KKDW Sabah dan pejabat daerah melalui kaedah sebut harga. Bilangan dia lebih banyaklah.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: YB, saya tanya soalan itu sebenarnya. Memang betul sebab nampak sangat jurang dia kan tapi sebenarnya apa nama kalau ditengok kebanyakan projek-projek di Sabah *if I'm not mistaken* ya Tuan Haji Y ialah kecil-kecil dia *and then* sebab itu dia kebanyakannya macam melibatkan retikulasi yang *extension* itu. *So, that's why* nampak macam banyak tapi *actually* kalau kita kumpulkan *whereas* di Sarawak *it's the bigger* projek.

So, if you look at the pricing itu *the amount* itu dan perlu mengambil kira bahawa projek ini sebenarnya mengambil kira keperluan kampung itu.

■1230

So, sebenarnya apa yang dia nak ialah access of air— clean water to kampung-kampung itu. *That is why—* sebab itu kita tengok keperluan di Sabah lebih kepada dia nak sambung air itu daripada retikulasi yang alternatif. *So, nampak banyak tapi actually that is what the—* yang diperlukan oleh Sabah. *We did ask the same question. So, adakah ini macam you* lebih kepada Sarawak? *No. It is what the* keperluan dan dia juga mengambil kira *capability* ataupun *resources* yang ada di Sabah pada masa itu. Ya. *So, I did ask that question personally. Thank you.*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Seterusnya slaid isu kedua. Isu kedua melibatkan penyambungan meter tidak dibuat. Kita dapati setakat Oktober 2023, sebanyak 1,382 daripada 3,824 rumah ataupun 36.1 peratus yang disasarkan dalam kontrak telah membuat penyambungan bagi 12 sampel projek BALB Sabah. Baki sebanyak 2,442 iaitu 63.9 peratus rumah belum membuat penyambungan meter.

Penyambungan meter dan paip belum dibuat antaranya disebabkan oleh ketidakmampuan menanggung penyambungan meter dan paip dari *meter stand* ke rumah masing-masing. Anggaran kos penyambungan meter dan paip daripada *meter stand* ke rumah adalah antara RM750 sehingga RM1,000. Ia termasuk deposit pemasangan air berjumlah RM230.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sarawak tak ada kah isu ini? Sebab ini Sabah penyambungan meter ini.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Tak, ini melibat Sabah sahaja.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Oh, Sarawak tak ada lah?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Tak ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nampak Sarawak tak ada apa. Sarawak orang kaya semua.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sarawak ada minta Yang Berhormat kah?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia mampu *bayaq*.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Sarawak ini sebab dia punya kos rendah sikit. Sabah banyak dia punya— *there is costly* berbanding dengan Sarawak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kos penyambungan itu ditentukan oleh operator air ataupun ada standard dia kah macam mana?

Dr. Mona binti Othman [Jabatan Audit Negara (JAN)]: Operator air.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Operator air.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Ditentukan oleh operator air Yang Berhormat.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya, sebab itu kita buat— waktu kita buat melalui *open* kan? *Open tender*. Kita— air ini pun siapa Pengarah Audit Negeri Sabah pun ada di sini untuk menjawab sebarang soalan. Sebab pemantauan untuk di Sabah adalah oleh jabatan— di bawah skop audit kita. Ya, okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Oh, ada sekarang ya Pengarah dia? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya, ya. So, dia yang turun untuk melihat prestasi...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Boleh bagi komen sikit kot ya Tuan Pengerusi ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Kita nak tahu kenapa penyambungan di Sabah ini kos dia besar? Padahal meter saja sambung.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Sila, sila Mona. Dr. Mona.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Assalamualaikum, saya Dr. Mona Othman, Pengarah Audit Negeri Sabah. Antara sebab kenapa penyambungan ini agak mahal, kos dia agak mahal adalah kerana logistik untuk sampai ke kawasan-kawasan kampung di Sabah itu sendirilah. Dia memang memerlukan kos yang tinggilah sebab jarak untuk sampai itu memang jauhlah. Bila kita turun sendiri pun memang susah sebenarnya untuk nak sampai ke tempat-tempat yang disasarkan itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, maksudnya kiraan dia itu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Comparatively* Sarawak pun susah juga nak sampai *kut*. [Disampuk] Nak berjalan kaki lagi jauh itu. Yang Berhormat Saratok pun bagi tahu. Lagi *besaq*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, soalan satu. Kos dia itu adakah dalam kiraan meter atau dia pakai bayar *lumpsum* begitu RM750 hingga RM1,000? Atau bagaimana dia punya kiraan itu. Maknanya dia kira daripada paip utama di luar, di jalan ini kan sampai ke dia nak pasang meter itu di rumah itu saja atau bagaimana kiraan dia itu.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Kalau di Sabah itu dia memang jarak untuk sampai ke kampung ataupun rumah-rumah di kampung itulah. Dia berdasarkan meter penyambungan itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sebab kita faham paip itu dah ada, paip luar inikan di tepi jalan ini. [Disampuk] Cuma nak pasang meter itu dia kena tarik ke—dekat rumah dialah. Kalau kata di Kedahlah, begitulah kaedahnya itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Di Sabah ini mungkin...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tak tahu Sabah itu dikira pada mana, daripada paip besar di jalan...

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Dia kebanyakannya macam tadi Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara ada menyatakan bahawa sebahagian besar itu adalah melalui sekunder kan. Maksudnya sekunder itu tak banyak. Macam dalam konteks Sabah sendiri, tak banyak projek yang loji retikulasi, yang sekunder itu yang banyak. Jadi penyambungan daripada sesuatu loji itu untuk sampai ke sekunder itu yang jauh. Itu yang menyebabkan kos dia tinggi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry* ya saya nak tanya sikit Tuan Pengerusi. Apa itu retikulasi? Boleh tolong jelaskan.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ada gambar tak?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Tunjuk gambar.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ada gambar. Tolong Mona, tolong urus setia.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Okey. Kalau retikulasi ini dia melibatkan tiga komponen utamalah iaitu tangki penyimpanan, loji itu sendiri, pam untuk *boost* air daripada tangki itu dan penyambungan paip ke kawasan-kawasan yang disasarkan. Tiga komponen utama itulah. Akan tetapi kalau macam sekunder itu, *direct* daripada tangki itu terus kepada paip penyambungan itulah. Dia tak adalah yang *booster* dan sebagainya tadi.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya nak dapat penjelasan. Maknanya tidak ada penyambungan dengan meter ini. Ini *bulk* meter ataupun individual meter untuk rumah-rumah itu?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Individual.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Individual meter Yang Berhormat.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Individual meter untuk rumah?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi kalau misalnya individual meter dekat rumah, maknanya *meter point* itu betul-betul depan rumahlah?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi *meter point* depan rumah sambung daripada *point* itu ke dalam rumah itu yang tak dibuat?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Betul, betul. Untuk kes yang Sabah tak disambung itu begitulah tidak disambung ke rumah daripada *meter point* yang sekunder itu.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi kontrak yang diberi pada kontraktor tak masuk *communication pipe* itulah?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ya, itu atas tanggungan sendiri.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Okey Mona, tunjuk gambar ini. Cerita sikit, retikulasi. *[Merujuk kepada gambar di dalam slaid]*

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Okey. Kalau kita tengok itulah yang komponen dia itu. Dia daripada loji rawatan air ya yang dibina oleh pihak berkuasa air negeri itulah. Macam dalam konteks Sabah itu, Jabatan Air Negeri Sabah akan disimpan di dalam tangki simpanan air itu dan di-boost ke kawasan-kawasan itulah dan akan sampai kepada meter-meter air yang telah ditetapkan. *[Disampuk]* Ya.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Okey, dan banding dengan alternatif yang banyak di Sabah.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Sekunder tadi Datuk.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ha, sekunder.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Sekunder itu dia maknanya terus... *[Disampuk]* Ya. Yang ini alternatif tak yang tadi itu.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Sekunder tak dia?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Sekunder ini maksudnya daripada yang meter air itu terus ke rumah. Yang atas komponen itu tidak adalah dalam sistem sekunder. Maknanya daripada meter air terus ke rumah.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Tak ada dekat sini ya.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Sebab itu kos dia pun sangat kecilah di bawah RM500,000 untuk sekunder berbanding dengan retikulasi itu ada yang mencecah sehingga RM90 juta. Sangat besarlah gap dia.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Okey, terus.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, sedikit *observation* sayalah kalau projek retikulasi di kawasan luar bandar di Sarawak ataupun merujuk kepada kawasan saya sendiri. Retikulasi yang dilakukan oleh kontraktor itu tadi dia sampai ke *point meter* itu tadi sudah sampai ke depan rumah dan tanggungjawab tuan rumah tadi hanya membayar deposit meter. Jadi, saya pun tak faham kenapa di Sabah itu dia kos dia melampau berbanding dengan Sarawak.

Kalau ikut *distance* ataupun berapa jauh daripada kawasan luar bandar, keadaannya sama dan kalau meter itu dipasang terus dekat depan rumah pun *there is no reason* kenapa dia sampai RM1,000. Itu memang *I cannot imagine*-lah kenapa kos dia begitu tinggi. Sebab keadaan kita kawasan saya luar bandar berbanding dengan Sabah pun sama ya. Apabila dia siap projek retikulasi itu, meter itu dah sampai dekat depan rumah *you* hanya bayar deposit sahaja dengan pejabat air sahaja, itu sahaja. *That is my observation. That is why I cannot understand also* kenapa dia kos yang melampau itu.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Okey Yang Berhormat, di Sarawak harga dia RM134 manakala Sabah dan Sarawak antara RM750 hingga ke RM1,000 lah untuk tujuan pemasangan.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Untuk maklumat tambahan, untuk Sabah ini sebenarnya kadar itu ditetapkan oleh pihak berkuasa air negerilah, Jabatan Air Negeri Sabah.

■1240

Ini termasuk deposit pemasangan meter itu sendiri yang berjumlah RM230. Itu antara penyebab kenapa yang Sabah itu tinggi selain daripada jarak daripada meter itu agak jauhlah, jarak dari sekunder itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksudnya kosnya itu *plus* dengan deposit itu ya daripada RM730 hingga RM1,000 itu kena *plus*, okey.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Deposit itu telah ditetapkan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *So, that already*—itu sahaja dah RM230.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ia punya pemasangan meter itu adakah ia telah siap dipasang dan hanya akan dibuka selepas kita bayar kos dengan deposit ataupun dipasang selepas dia membuat bayaran atau bagaimana kaedah dia orang di sana?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Bayar dulu baru pasang. Sebab itu, kes banyak tak dipasang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Yang mengatakan bahawa *the perimeter* ke rumah itu jauh jarak itu, *on average* berapa jaraknya daripada meter ke rumah itu di Sabah itu? Oleh sebab...

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ia berbeza-beza mengikut kawasan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Betul, *on average*?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: *Average*...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Paling minimum sekali kalau ada. *You bagi your* apa namalah –

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Dalam 100 meter lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Daripada meter ke rumah 100 meter?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ya, yang minimum.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Masya-Allah*, banyaknya. Kata depan rumah tadi?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ia maksudnya daripada paip depan ke meter atau meter ke rumah?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Kalau meter ke rumah 50 meter, macam tadilah yang kawasan sekunder itu. Dia kan ada sekunder. Macam satu kawasan sekunder itu kadang-kadang antara 10 hingga 50 buah rumahlah di sesebuah kampung.

Jadi daripada sekunder itu nak mengalir ke meter rumah itu yang itu yang masalahnya. Sebab meter air dari rumah itu hanya itu—bawah 50 meter.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *I think* persoalannya kenapa dalam skop projek itu tak dimasukkan terus sampai ke depan rumah, ia punya skop projek itu? Supaya kontraktor itu tadi kita buat skop projek menyambung paip sampai ke depan rumah supaya tidak ada kos implikasi kepada tuan rumah itu lagi.

Macam di Sarawak memang sampai terus ke rumah. Jadi, tak perlu lagi orang kampung nak sambung lagi. Memang poin meter dah sampai dekat rumah dia.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Okey, YB sebenarnya beginilah pengalaman diterima oleh kementerian dan mereka telah mengubah kaedahnya di mana daripada mulai 2018 dah berubah sampai projek kepada rumah. Atas kesedaran ini baru mereka telah buat perubahan kepada perkara ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak tanya *fundamental question*. RMKe-2 ia sebenarnya pinjaman *80 percent, 20 percent* geran Kerajaan

Persekutuan. Tetapi RMKe-8, KKDW telah dilantik sebagai agensi pelaksana dengan kadar pembiayaan secara 100 peratus geran Kerajaan Persekutuan.

Kenapa ada perubahan macam itu? *Is there a change of policy* sebab kita tahu air adalah di bawah *State List* tetapi sekarang ia *100 percent* geran kerajaan. *Is there— why does the change of policy* dari segi ini?

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Pada asasnya memang peranan negeri sebenarnya untuk tujuan penyambungan, untuk yang air tadi. Tetapi dalam konsep membantu. Kementerian membantu untuk menjayakan program air luar bandar.

Jadi, komponen itu yang mungkin untuk menggalakkan perkara ini dijayakan. Itu yang...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *And also this is an improvement-* lah daripada sebelum itu. Kalau tidak dulu hanya 20 peratus geran Kerajaan Persekutuan, 80 peratus adalah daripada pembiayaan pinjaman. Jadi, dengan adanya ini maksudnya menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan isu air ini yang kritikal untuk Sabah dan Sarawak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh saya dapatkan *confirmation* Datuk Wira Pengerusi, *is it because of migration from state to Federal? La ni, semua bawah Federal the whole-kan state. The migration— I mean the whole thing is under Federal.* Cuma ia pajakan balik kepada syarikat air negeri untuk beroperasi. *That's why now 100 percent Federal Government.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: YB, *it's very simple-*lah, kalau tidak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Maybe* wakil SPAN boleh *explain* kot.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya, *you can ask them* tapi kalau untuk kita yang kita terima daripada maklum balas ini ialah— *actually now*, ia jadi beban Kerajaan Persekutuan. Kalau tidak dulu *80 percent would have to be* is pinjaman daripada kerajaan negeri *but now is 100 percent* geran Kerajaan Persekutuan. So, bila dah siap kita serah balik, ia serahkan balik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Aset semua yang dibuat LRA ini semua bawah Kerajaan Persekutuan sekarang, cuma dia pajakan kepada syarikat kerajaan negeri untuk menjalankan operasi.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Pembiayaan-pembiayaan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu kepada *Federal Government decision, not their choice of state government.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *But the asset is lepas itu ia serah balik kepada— Yang Berhormat, pembiayaan adalah 100 percent geran Kerajaan Persekutuan tapi selepas itu ia serahkan balik kepada negeri. So, is not an issue about— for me lah yang apa yang kita nampak.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Based on migration punya polisi, 100 percent asset LRA di negeri-negeri yang migration lah. Ada negeri ia tak nak migrate. The asset semua belong to Federal Government. That's why ia panggil 100 percent...*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kalau saya boleh mencelah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Then, ia pajakkan kepada state, macam syarikat Kedah SADA untuk beroperasi.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya nak mencelah, untuk WSIA (*Water Services Industry Act*) itu hanya *applicable* untuk Semenanjung, SPAN untuk Semenanjung. Sabah, Sarawak tak masuk. Sabah, Sarawak tak masuk. SPAN *is only for* Semenanjung.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yang itu ya. Sabah, Sarawak memang *is as I've said* akan diserahkan balik kepada *state*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Fair enough.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: So, yang di Persekutuan sahaja.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Itu di bawah SPAN.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Sedikit maklumat, keputusan telah dibuat semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mei 2000 telah bersetuju supaya dasar pembiayaan program BLAB ditukarkan kepada secara separa pinjaman kepada geran sepenuhnya agar penyediaan kemudahan bekalan air bersih kepada kumpulan sasar dapat dipercepatkan. Itu ia punya dasarnya.

Seorang Ahli: Itu bila?

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Pada Mesyuarat Jemaah Menteri 31 Mei 2000.

Seorang Ahli: Oh.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *The transition why KKDW sekarang, KKDW adalah the auditee untuk memastikan pelaksanaan ini. So, but kita nampak ini adalah lebih daripada— ini pemantauan, pengauditan pemantauan sama ada ia dah capai atau tidak pelaksanaan ini untuk menyediakan kualiti air yang diperlukan. Okey teruskan, tengok daripada segi ini. [Merujuk kepada slaid pembentangan].*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Seterusnya saya teruskan dengan isu ketiga, tangki perkhidmatan tidak digunakan di Sarawak. Tangki perkhidmatan bernilai RM9.2 juta di projek saluran paip utama di Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9¾ Samarahan, Sarawak tidak digunakan oleh Lembaga Air Kuching sejak siap sejak 19 Mac 2018.

Kita mendapat maklum balas Lembaga Air Kuching, pam penggalak di loji rawatan air Kitang telah dinaik taraf selepas pembinaan tangki air Batu 9¾.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yang Berhormat, bila kita audit ini kita nak tengok duit-duit yang disalurkan ini bila dah siap dia guna tak untuk objektif penyaluran ini. *So, this is one of those projects* bila kita tengok ia terbiar sahaja, ia tak diguna pakai.

So, yang ini bila— so, maksudnya Kerajaan Persekutuan buat tapi tak ada— orang kata tak ada integration dengan state government. So, you need to make sure that ia ini. *So, ini quite* jelas ya Dr. Mona, lima tahun sembilan bulan. *So, bila kita audit baru dia buka balik, baru dia— sedangkan dah banyak kos projek RM9.20 million. So, kita question-lah big amount* kenapa tak diguna pakai? *So, dia kata, oh dia akan— lepas ini baru dia akan— bila ia dah integrate dengan ia punya sistem internal baru dia akan pakai. So, teruskan.*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Seterusnya...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sebelum itu, di Sarawak ini operator air ini ia berdasarkan daerah, Lembaga Air Kuching. Ia tidak *centralised* dengan negeri ke macam mana?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Audit di Sarawak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ia ada Lembaga Air Kuching itu. Maksudnya setiap daerah itu ada berasingan operatornya.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Kita ada empat operator di Sarawak yang skop kita lihat mengikut kawasan. Datin?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Datin, apa dia?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ia bertanggungjawab siapa yang memantau dia? Pihak negeri?

■1250

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, kalau saya boleh bantu sikit. Di Sarawak kita ada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi yang menjaga elektrik dan bekalan air. *So, kita ada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak, Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Jadi, semua Program Bekalan Air Luar Bandar di bawah jabatan tersebut dan juga loji-loji termasuk yang di Batu Kitang ini, di Sibul dan di Miri.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada satu lagi yang ada dalam empat lembaga ini.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ya, semua di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB). So, mereka yang pantau itu. Jadi, saya lihat isu macam ini kurang pemantauan dan perancangan yang tidak selari di antara Putrajaya dengan negeri.

Saya bagi satu contoh di kawasan saya dahulu apabila ada satu kementerian dahulu kita panggil KeTTHA, kementerian yang masa itu air juga. Dia pun ada projek yang membina loji. Loji air. Masa itu KKLW, Kementerian Luar Bandar dia ada projek retikulasi.

Walaupun dua-dua kementerian ini di bawah *Federal*, dua-dua ini pun tidak selari. KKLW dia buat projek retikulasi tanpa mengira sumber air. Apabila projek itu siap memang angin sahaja, kosong sebab — jadi, KeTTHA ini di bawah satu kementerian, dia hanya fikir hendak buat loji. Dia buat loji tapi tidak ada retikulasi. Siap sumber air, air tidak boleh disalurkan. Ini sebab tidak ada *reticulation programme* tadi.

Jadi, itu banyak — yang isu yang besar ialah tidak ada *coordination*. Apabila sekarang sudah ada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) di Sarawak, dia yang buat dia punya perancangan untuk *water grid* daripada Sarawak *from southern* sampai *northern area*. So, memang dia punya program sampai 2030 memang *in place*. So, *with the Federal* punya *funding* sekiranya dapat bekerjasama dan pemantauan dan perancangan yang bersama saya rasa isu air di Sarawak dapat diselesaikan. Terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: YB, *just to add on* apa yang Yang Berhormat sebut tadi ialah empat ini ialah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), Lembaga Air Kuching, LAKU Sdn. Bhd dan Lembaga Air Sibu. Memang betul yang ini adalah salah satu *observation* yang kita nampak yang kita — *especially* untuk projek yang besar ini.

Selepas teguran audit, baru dia buka balik *compound* ini dan dia apa orang kata kalau tidak dulu terbiar. Walaupun jumlah amaun yang besar so, dia dah mula buka dan digunakan. Dia ada hantar orang untuk *clean it up* kan. Ia akan mula digunakan setelah sistem bekalan stabil sepenuh — dia akan mula digunakan mulai daripada tahun hadapan setelah siap projek naik taraf Loji No.4 Batu Kitang yang telah diiklankan tender pada 8 November.

Jadi, bila audit masuk baru benda ini mula ada kesinambunganlah, ada projek yang dah siap ini dengan projek *state*. Sebab *we do agree this is something* yang kita — bila projek dah dibuat tetapi tidak diguna pakai *I think something — wastage of resources*. So, *this is something* yang kita dah tegur dan dah ada *follow-through* daripada *state*.

Bila kita panggil *exit conference* misalnya Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita melibatkan semua *Federal* dan juga *states* supaya *at least they talk to each other and make sure* benda ini ada *follow-through* lepas kita ini. Seterusnya,...

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Okey, saya mohon teruskan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya hendak tanya yang masih isu yang ini. Kita tengok yang Tangki Batu 9 Tiga Suku, dia kata dah pun mula digunakan sementara. Jadi, bila audit turun betul tak dia gunakan? Sebab katanya dia akan guna sepenuhnya pada tahun 2025. Tapi bila audit turun ada tak sampai sini audit turun?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Bila kita audit itu dan kita pun tegur dan dia buka baliklah *compound* itu. Fasiliti itu saya pun dah minta *team* kita turun, walaupun *it's under the state* tapi kita dah turun dan kita pun — ada orang *maintenance* dan dah ada jaga, bukan? Dia dah mula ada orang. Kalau tidak dulu dia...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksudnya sejak dia mula siap dibina tidak pernah guna langsung? Baru diguna selepas ditegur itu?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya. So, kita nampak macam dia *dilapidated*, macam ada orang-orang duduk, siapa nama...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira *and* Datuk...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ada pencerobohan, orang dah duduk sedangkan projek itu *RM9 million*. So, we... *[Tidak jelas]*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, *next question*, Datuk Wira. Okey, dia tak pakai sejak tahun 2018. Bila audit masuk baru dia nak pakai. Apakah alasan yang diberikan yang mereka tidak memakai itu? Pasal apa? Audit masuk baru nak pakai? Apa alasan dia?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Apa *feedback* dia itu...

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Antara punca kemungkinan masa itu tekanan air belum cukup kuat untuk pam ke atas. Jadi itu antara mana dia agak — kemudian dia dah rancang untuk jangka panjang sebenarnya. Projek dirancang untuk bilangan rumah yang banyak. Jadi, ada rancangan untuk jangka panjang maknanya pada masa itu belum keperluan menggunakan sepenuhnya itu belum capai lagi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi bila audit masuk terus tekanan *ayaq* kuat?

[Ketawa]

Ini pun ajaib juga ini.

[Ketawa]

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Tak, kita — tidak ada. Dia kata dia hanya akan *fully utilise* — tapi *at least* dia dah jaga bangunan itu dan dia *basically* dia *maintain*. Kalau tidak dulu ada orang pecah masuk, dia dah jadi macam bangunan yang kosong, yang tidak terjaga.

So, *now at least* kita tahu yang dia dah masuk dalam perancangan dia untuk penggunaan tahun 2025. So *rather than* jadi projek — ini bukan projek sakit. Ini projek dah

siap tapi tidak digunakan. *But now* dia dah masuk dalam perancangan dia. *They will utilise it.* Kita akan pantau Yang Berhormat sebab ini masuk dalam AGD kita. So, bila masuk AGD, kita akan pantau. *We will make sure that come the time 2025*, dia betul pakai. *Thank you.*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Saya teruskan dengan isu terakhir, isu nombor empat berkaitan dengan komponen aset projek rosak. So, komponen projek BALB telah rosak di loji air Kampung Limbawang, Beaufort. Ia melibatkan pam yang berkenaan dan juga *blower* kalau kita tengok daripada gambar yang disertakan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Keduanya berkenaan kerosakan pada komponen LRA di Jaya Bakti, Beluran iaitu melibatkan sistem pam dan juga peralatan sokongan. Gambar nombor dua ya. Ketiganya berkaitan dengan saluran paip bocor dan set generator yang rosak. Kalau gambar ini tidak berapa jelas tapi ia melibatkan gangguan air kepada dua projek BALB retikulasi iaitu melibatkan Kampung Lalasun dan Kampung Semawang.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya boleh tak? Itu sistem pemproses enap cemar loji rawatan tidak digunakan. Itu yang nombor dua itu, bukan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Ya, okey YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang 1.21 juta itu?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Ya, ya YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Berkarat dan rosak? Yang ini tidak digunakan sebab dia berkarat dan rosakkah, macam mana?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Peralatan ini tidak digunakan, so sistem peralatan itu menjadi rosaklah kalau tengok dekat sini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab tidak digunakan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: Dr. Mona?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Dr. Mona tolong jawab.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Okey, yang ini dia — masalah dia sebab *mixer* dia itu rosak. *Mixer* dia itu rosak sebab kekerapan dia berfungsilah. Jadi, *mixer* itu rosak menyebabkan *the whole system* itu tidak boleh *run*. Projek ini sendiri untuk Jaya Bakti ini RM34.05 juta. Jadi, dia menjejaskanlah keseluruhan projek itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: RM4 juta itu *functionless*?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Sebahagian daripada itu Dr. Tidaklah *totally* tidak *function*, tapi sebahagian itu terjejas. Memang waktu kita datang itu memang teruk tidak boleh pakai dan kita datang sekali lagi Disember itu dia dah ambil tindakan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dah boleh pakai dah?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Dah boleh.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Termasuk *your* statistik yang enap cemar yang...

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ya, ya. Dia dah baiki.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [JAN]: So, itulah isu terakhir pada hari ini berkaitan dengan BALB. Secara rumusannya berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 2 Tahun 2024, Jabatan Audit Negara telah merumuskan bahawa secara keseluruhannya objektif BALB Sarawak dan Sabah adalah tidak tercapai.

Kita dapati terdapat kelemahan terhadap fungsi dan pelaksanaan projek yang tidak selari dengan objektif BALB berkaitan dengan taraf kesihatan dan kualiti hidup.

■1300

Ia tidak dapat diukur dan juga sasaran pencapaian projek tidak konsisten kerana diturunkan dari penetapan asal tanpa justifikasi. Seterusnya, terdapat projek yang telah siap dan diserahkan kepada kerajaan negeri, namun tidak digunakan dan juga tidak diselenggarakan.

Akhir sekali, syor audit. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan projek ini mencapai objektifnya, Jabatan Audit Negara telah mengesyorkan supaya kementerian KKDW mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- (i) mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik dan boleh diukur dan konsisten berdasarkan kepada kebolehcapaian serta kemampuan pelaksanaan projek;
- (ii) menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih komprehensif dan mengambil kira koordinasi dengan kerajaan negeri dalam perbincangan isu-isu berkaitan sebelum projek bermula dan selepas penyerahan projek; dan
- (iii) memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanjakan mengikut keperluan.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *Just—* Yang Berhormat, kalau boleh. Slaid sebelum itu, memang jelaslah kalau tengok— *no, no, no*. Slaid 21. Yang objektif dan pencapaian projek itu, BALB. Slaid 21, objektif dan pencapaian projek KKDW. *Hyperlink*. So, Yang Berhormat kalau tengok objektif dengan penghasilan itu memang nampaklah *they were a bit ambitious. I supposed*, masa mula-mula itu. Kalau tengok output— objektif menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan... Di Sabah pun, menyediakan infrastruktur bekalan.

Namun, output dia kita dapati dia nak— agak *very general*, tapi akhirnya hanya 40,000 rumah sahaja yang dapat dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat. Di Sabah pun 38,000. Jadi, keberhasilan dengan objektif awal itu kita nampak perlu ada pelarasan semula.

Untuk makluman juga, kita juga telah semasa pengauditan, KKDW sendiri telah buat pelarasan semula objektif output dan keberhasilan projek bagi kedua-dua BALB Sarawak dan Sabah.

So, I supposed this is something that Yang Berhormat boleh bertanya dengan pihak *auditee* sebab masa kita buat pengauditan pun dia pun *admit* agak terlalu meluas sangat objektif awal dan perlu di-*rationalise* semula dengan kekangan sumber dan keperluan semasa. *So, this is something* yang kita cadangkan dalam syor seperti yang Datuk Salwani sebut tadi.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Yang output projek dengan keberhasilan projek, / *thought that* benda yang sama tetapi dia lain nampaknya. Yang output itu yang dapat dicapai, yang berhasil itu yang belum dapat dicapai? Keberhasilan.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: *Outcome* itu kita mengambil kira perspektif pengguna. Maknanya, isi rumah yang menerima faedah berkenaan. Jadi, kita ambil kira bilangan rumah.

Seorang Ahli: Output, bilangan rumah.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Kalau output ini dia lebih kepada rumah, bilangan rumah. Tetapi, kalau untuk keberhasilan itu, dia akan gandakan bilangan rumah itu kepada lima penghuni. Jadi, itu yang *come out* dengan bilangan pengguna ataupun penduduk setiap isi rumah itu.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey, okey. Faham.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Kita ikut sendiri daripada apa yang di bawah perancangan. *So*, kita inilah. Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Just to confirm*. Ini dibuat oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *In collaboration with the state government?*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yes. Dia sebab geran itu datang 100 percent daripada *Federal Government*. *So*, KKDW adalah kementerian yang bertanggungjawab.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang bagi duit. Tapi, *how does the state government come into the picture* supaya output projek ini, keberhasilan projek ini tercapai? *Because* pelaksana dia orang juga, kan?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Sebab itu tadi YB, kalau masa awal-awal saya sebut bila sampai itu ada yang diserahkan kepada *state*. Macam kita sebut tadi praktis. Macam di Sarawak katakan, kalau ada, dia dibuat secara pemantauan. Di Sarawak, kita memang pakai JKNS ataupun JMG. Di Sabah, dilaksanakan oleh kontraktor

yang dilantik melalui perolehan secara sebut harga. *So, there is*— dia kena bekerjasama, tetapi di Sabah, Federal yang pantau sebab itu kita boleh audit terus.

So, memang kita ikut *the practice* ataupun *the— they have to work very closely* dengan *state government*. Kita tak ada— *the idea* ialah perlu capai Projek Bekalan Air Luar Bandar. So, ini— so, kita kata perlu *rationalise* balik. Memang kalau ikutkan, dia kata tak tercapai ini. Objektif awal terlalu besar. Bila tengok balik, macam *they— so, kita kata, you have to rationalise it and* dia pun dah buat pada tahun 2023 Yang Berhormat.

So, perlu— *they have to work it*. So, kalau macam di Sabah, dia pakai perolehan. Di Sarawak, dia buat secara gotong-royong. So, kalau buat gotong-royong dia bagi duit. “*Nah, state*”. *KKDW worked together with the state government*. So, now kita nak pastikan ada kesinambungan antara *Federal* dengan *state*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Okey. Datuk Pengerusi, bila saya dengar semua pembentangan ini, apa yang saya fikir ialah siapa yang ada kuasa untuk melantik kontraktor? Saya juga ada terima aduan kadang-kadang sesetengah syarikat di Sabah khususnya, mereka kata mereka perlu lobi agensi di KL dan kena lobi kerajaan negeri.

So, yang tentang projek ini, bila kita lihat projek gagal, ia ada kaitan dengan siapa kontraktor, syarikat kontraktor yang kita lantik, apakah prosesnya? Kalau kita lihat Sabah, kita dah baca banyaklah sebelum ini tentang wang politik, tentang semualah, berbagai-bagai tentang Sabah. Baru-baru ini ada masalah kekurangan air di Sabah dan kita lihat yang pelajar juga keluar membantah, mengadakan demonstrasi *against the state government*.

So, bila saya baca semua ini, saya lihat *who has the power to* lantik kontraktor? Kenapakah ini berlaku? Ada juga saya baca yang mana syarikat di Sabah kata yang Federal punya orang pergi rampas projek dari Sabah. *So, it's like very confusing. I think* kesemua ini juga mungkin menyumbang kepada masalah yang kita lihat khususnya di Sabah.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Dari segi *documentation* itu, *evidence* itu kita tak dapat buktikanlah walaupun memang ada *hearsay* begitu kan. Dari segi *documentation wise* itu, nampak proses itu teraturlah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, mungkin juga adakah dilihat antara puncanya ialah bila tidak ada akta dan pemantauan khusus untuk Sabah dan Sarawak ini sepertimana Semenanjung ya. Tadi, disebut SPAN ini tidak tertakluk ke Sabah dan Sarawak. Apabila Sabah, Sarawak sendiri dia tidak bersedia untuk dinaungi oleh SPAN.

Jadi, adakah dilihat bahawa kita mengatakan perlu kembali supaya Sabah, Sarawak juga menerima SPAN ini sebagai badan pemantauan dan juga untuk nak lihat keberkesanan perolehan daripada projek-projek di sana itu?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *I think* dalam— dua perkara Yang Berhormat ya iaitu *just to add on* apa yang Dr. Mona sebut tadi. Ini dalam pengauditan ini kita

tak ada kata siapa— *if we don't find the evidence*, kita tak *report as such*. Tetapi, apa yang kita nampak, dia ada *different practice* di Sarawak dan di Sabah. Nampak di Sabah itu dia memang dia buat *open tender* ya.

■1310

So, proses itu ada. Proses itu tak ada tapi *of course*-lah kita tak boleh bukti apa-apa. *The other part* ialah tentang *whether* SPAN punya sistem itu— *that one* pun kita tak ada— *we didn't*— skop pengauditan itu tak ada lah menunjukkan kalau SPAN masuk ke Sabah dan Sarawak *it will resolve the issue*. Apa yang kita nampak ialah apa yang ada sekarang ini dengan objektif yang telah disasarkan dan pencapaian itu kita nampak tak ada— dia ada tidak begitu tidak baik. *So, there is a lot of improvement that needs to be made*.

Soalan kita— dan juga inilah *something* yang *maybe PAC can follow through* ialah apa perancangan KKDW *to* pastikan objektif projek ini tercapailah dengan— *now*, dia dah *rationalised* sikit, mungkin dia ada perancangan lagilah selepas teguran audit ini sebab *there still lot more to do especially* kita nampak di Sabah ya. Sebab orang kata *connectivity* bekalan air itu masih banyak diperlukan. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi, *my observation* pasal Sarawak *especially*. Projek bekalan air di Sarawak ini memerlukan belanja yang amat besar, *is very big and then*, Kerajaan Persekutuan memang tak ada dana untuk buat. Mula-mula dulu kita minta dana dengan Kerajaan Persekutuan lepas itu dia bagi memang tak cukuplah. Sebab itu sekarang Sarawak banyak yang ambil alih projek bekalan air di Sarawak ini. Jumlah dia memang berbilion-bilion.

Jadi, memang *there's no way* saya nampak Kerajaan Persekutuan boleh memberi dana yang banyak untuk Sarawak ini. Sebab itu SPAN itu memang tak relevanlah sebab memang dah tak cukup. Tak ada, tak cukup. *In fact*, di kawasan saya sendiri dulu berapa tahun lepas, lapan tahun dulu diumumkan projek bekalan air, memang tak dapat dibuat Kerajaan Persekutuan, *state government* terpaksa *take over*. Banyak kes yang macam itu.

Jadi isu dia kompleks. Di Sarawak, dia *very big* dan grid air dari— belum ada lagi sebab itu dia banyak kawasan itu— autoriti air itu banyak. *So*, macam di Sibu dia tak boleh *connect* dekat Kuching sebab dia tersendiri. Dia tak ada yang *main grid the whole* Sarawak memang belum ada sebab itu dia di pecah-pecahkan. Sebab kalau nak buat satu grid itu, berbilion-bilion kos dia. Jadi tidak ada— memang tidak akan cukup danalah, itu yang saya nampaklah. *What is the best*, kena buat masa itu juga. *So*, sebab itu dia mungkin 10 tahun lagi mungkin dapatlah buat grid ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Nanti dulu, saya sambung sikit ya. Bagi Sarawak dan Sabah, adakah hanya syarikat Sarawak atau Sabah boleh buat kerja macam ini? *Or the Federal also can— you know, bid for the project?*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Tak tahu. Apa ini *Federal contractor* atau syarikat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ia...

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Sarawak memang ada kontraktor. Ada, kita ada kontraktor yang cukup tapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Hanya untuk *Sarawakian only* lah? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *I think* masalah *is coordination, I think between here and there. That is why* saya nak sambung Sarawak tadi— memandangkan kita memang sudah ada autoriti di bawah Kementerian Utiliti Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, Sarawak (JBALB). Jadi saya nak tanya Ketua Audit sama ada setuju kah tidak sekiranya ada peruntukan apa-apa jua jumlah daripada Federal ini turunkan sahaja kepada Sarawak sebab jabatan bekalan air Sarawak memang sudah ada proses dia sendiri. Sudah ada cara dia melaksanakan projek dan kesemua projek di bawah JBALB dan kementerian autoriti Sarawak sekarang yang berjalan tidak ada isu, tidak ada masalah. Hanya projek yang di bawah dana Federal ini yang bermasalah.

Jadi, apa salahnya. Ataupun setuju kah tidak Federal ini apa-apa peruntukan yang sedia ada setiap tahun turunkan sajalah biar jabatan bekalan air Sarawak melaksanakan mengikut proses yang ada di sana. Itu cadangan sayalah.

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Saya nak tambah sedikitlah yang dari segi praktis sekarang ini memang dari segi pembinaan *infra* itu adalah di bawah urusan KKDW lah. Cuma dari segi autoriti ataupun bidang kuasa itu adalah di bawah pihak berkuasa air negeri masing-masinglah. Macam dalam konteks Sabah itu di bawah Jabatan Air Negeri Sabah yang di sedia oleh KKN negeri Sabah. Begitu juga di Sarawak.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *I think—* terima kasih Dr. Mona. *I think this is something* yang boleh ditambah baiklah. Saya setuju dengan apa YB tadi. *That is why* dalam syor audit *next* yang tadi itu, *we are talking about better coordination between* syor itu— tiga itu ialah *better coordination between Federal and state* supaya *you know* isu-isu ini boleh— bila dah siap penyerahan dan sebagainya. *Whether* kontraktor itu semua itu, *I think this one auditee* boleh jawab lebih baiklah. *But I think* memang ada arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun supaya benda-benda yang boleh dibuat lebih cepat sepatutnya di— dan ini melibatkan kontraktor tempatanlah. Sekarang pun lebih banyak— baik semua kontraktor tempatan kan, Dr. Mona?

Dr. Mona binti Othman [JAN]: Ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Di Sabah dan Sarawak. *[Merujuk kepada slaid pembentangan] If I can go Yang Berhormat very the last slide itu, I think AG's Dashboard— I will take over ya. Yang ini Yang Berhormat, ini adalah semua— masih kuning semuanya. Tadi Yang Berhormat tanya fasal tangki perkhidmatan itu memang this is one of the— nombor lima itu. So, kita tungguhlah sampai tahun 2025 bila ada bukti yang ia akan digunakan sepenuhnya.*

So, memang this is a under pemantauan Jabatan Audit Negara untuk pelaksanaan. So, I think itu sahaja Yang Berhormat bagi pihak Jabatan Audit Negara

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, Bayan Baru ada soalan nak berbangkit.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya Datuk Pengerusi, saya nak tanya Datuk Suraya tentang laporan audit ada lapor tentang peruntukan integrasi projek kepada RISDA ya, RM1.24 juta dan RM4.98 juta ya kepada Sabah dan Sarawak. Kenapa beri projek kepada RISDA? Ini sepatutnya KKDW punya projek tetapi diberikan kepada RISDA. *It seems like quite important issue* tetapi kenapa...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ...Tak ada dilaporkan kepada PAC tentang isu ini? Sebab dalam Laporan Ketua Audit Negara amat seriuslah, amat besar tetapi dalam pembentangan hari ini tidak dilaporkan ke sini.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Baik YB, isu ini sebenarnya dari segi penyaluran peruntukan sahaja. Maknanya— maksudnya RISDA adalah sebagai agensi pembayar. Jadi, penyaluran itu dibagi kepada— sebagai RISDA dan bagi projek-projek yang telah siap pun mungkin RISDA sebagai agensi untuk membuat pembayaranlah. Jadi dari situ, isu kita di sini ialah daripada segi keseimbangan antara maklumat baki kewangan tadilah. Maknanya baki di RISDA itu masih ada dan baki pada kementerian masih tak— lainlah. Maknanya duit itu berkaitan pada RISDA. Itu yang kita bangkitkan di sinilah. Jadi, isu maknanya kenyataan kedudukan laporan kewangan sahaja yang kita bangkitkan di sini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya nampak peliklah kerana RISDA ini di bawah KKDW, kenapa RISDA pula menjadi pembayar? Patut ada duit daripada ibu bapa bukan kepada— anak kepada ibu bapa, kan?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Satu lagi dari segi relevan, kenapa RISDA? RISDA ini agensi berkaitan pekebun kecil. Jadi agak peliklah ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya, saya masih ingat dulu isu ini berlaku semasa 2018, semasa pertukaran kerajaan. Ada sebahagian daripada dana tersebut yang tidak boleh dibelanjakan, terpaksa di-*parking* dekat agensi Kerajaan Persekutuan masa itu dulu.

Seorang Ahli: RISDA.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: RISDA dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: FELDA.

Seorang Ahli: FELCRA. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: FELCRA. So, lepas pertukaran itu, *and then* duit tersebut pun tak dapat dipakai. Jadi kontraktor ini banyak yang tak dapat dibayar. *I remember the issue.*

Seorang Ahli: Ya, betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Jadi, itu yang saya punya *observation* masa itu dululah sebab ramai kontraktor itu minta saya tagih itu. So, ini isu kerajaanlah. *[Ketawa]*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yang Berhormat, apa nama— kita tak sorok apa-apa Yang Berhormat. Memang ini— *this was pick up by audit* sebenarnya *and that is why* kita masukkan sebagai isu JAN. Hari ini mungkin kita tak dapat bentangkan tapi *is there in our AG's Dashboard.*

■1320

Sebab itu kita – *we asked this* masa *exit* hari itu kenapa – sebab penyaluran peruntukan itu di RISDA RM109.56 juta, ini termasuk RM12 juta di Sarawak. Untuk projek di Sarawak pada tahun 2017 dan di Sabah RM97.56 juta pada tahun 2020. So, jumlah keseluruhan – *so we monitored* dan kita nampak setakat ini baki peruntukan adalah sebanyak RM18.33 juta setakat Oktober 2023.

Jadi, ini soalan yang setakat ini *actually* jawapan yang kita terima itu tak begitu mendalamlah sebab itu kita letak ini sebagai salah satu *AG Dashboard*, kita hendak tengok apa hasil semakan semula keperluan itu dan apa perbincangan *between* KKDW dengan MOF. Bagaimana duit ini akhirnya akan selesailah, akan turun. So, *this is something that we actually we are not* – kita tak dapat lagi penjelasan yang lebih menyeluruh. Tapi kita nampak ini lebih kepada pengurusan kewangan.

Ya *so that's why is still in our dashboard-lah* and kita pun dah buat teguran ini di dalam laporan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya masih tidak berapa faham kenapa tadi duit ini menjadi – RISDA menjadi pembayar? Sebab RISDA ini dia duit ini dia untuk *smallholders*, dia bukan untuk bekalan air paip. So, *can you explain further* tentang isu ini?

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *I think* saya hendak tambah dalam hal ini ya.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Sebabnya projek ini makan masa yang panjang. Jadi, kadang-kadang ada projek-projek yang memerlukan dianjak pembayaran itu pada tempoh yang melebihi tahun kewangan. Jadi, itu sebabnya untuk membolehkan

mungkin *progress payment* itu lebih baik, itu yang digunakan sebagai platformlah. Itu kemungkinan dari segi antara yang kita jangkakanlah YB.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Itulah sebenarnya isu kerajaan 2018 masa itu. Bukan hanya projek bekalan air luar bandar, banyak lagi projek KKDW di kawasan saya dulu yang *repair* rumah itu, rumah PPRT. Berjuta-juta. Apabila perubahan kerajaan masa itu, jadi RISDA ini agensi KKW yang ada di Sarawak digunakan hanya sebagai *vehicle* sahaja supaya dana tersebut supaya ia tak dihantar balik dan di-*parking* di situ dan digunakan untuk membayar segala peruntukan yang patut dibayar kepada kontraktor – mengambil tempoh sampai tiga tahun baru selesai.

Memang kontraktor Kelas F yang terlibat masa itu ya, banyak yang mengadulah. Tapi dengan adanya RISDA ini sebagai *vehicle* untuk membayar, jadi memudahcarakanlah. Itu *observation* sayalah. Sama ada betul tapi yang dapat menjawabnya saya rasa KKDW-lah.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Betul. *[Ketawa]* *That's why* kita Yang Berhormat *what we can only say* ialah duit penyaluran peruntukan itu bermula daripada tahun 2017 dan 2020. *So, there was an amount* tapi sekarang ini sudah turun ke RM18.33 juta tapi kita *still* nak tengok bagaimana isu ini akan selesailah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira *and* Datuk Ketua Audit Negara, *is it legally right to do that?*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Just wonder.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: *We are observers, sir. So, we report what we see. So, you can follow up, sir. Thank you.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: MOF, boleh komen sikit MOF? Soalan Kubang Pasu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi dan Datuk Ketua Audit Negara, apa yang saya hendak tanyakan ini mungkin bukan dalam skop pembentangan hari ini. Tetapi memberi kesan yang besar kepada keberkesanan, kecekapan – terutamanya keberkesanan projek pembekalan air bagi negeri Sabah terutamanya. Kalau tak silap saya dalam tahun 2016, ini bukan satu yang rahsia, memang terpapar dalam muka depan banyak akhbar-akhbar dan *quite some time* tentang mereka menjumpai wang yang banyak di rumah Pengarah Jabatan Air di Sabah ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, betul, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bawah meja ada, dalam *boot* kereta ada – ini Saratok tambah. Dalam almari ada, dalam bawah tangga ada, bumbung tak tau nanti kena air. Saya hendak tanya kepada wakil SPRM, apakah tindakan yang diambil tentang kes yang sedemikian. Terima kasih Datuk Wira, terima kasih. *Just want to know.*

KPKPJ Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi YB Pengerusi. Untuk makluman mesyuarat, pada Oktober 2016 SPRM telah menjalankan operasi terhadap Jabatan Air Negeri Sabah yang melibatkan – siasatan melibatkan pembinaan infrastruktur berkaitan pengagihan bekalan air bersih untuk rakyat Sabah.

Suspek yang terlibat dalam kes ini adalah bekas Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah dan juga bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah. SPRM telah menyiasat kesalahan di bawah Akta SPRM, Kanun Keseksaan dan juga AMLA. Hasil daripada operasi berkenaan, kita telah berjaya menyita sebanyak RM114 juta wang tunai dan juga deposit bank, kenderaan mewah dan juga barangan mewahlah.

Kes ini masih lagi berjalan dan kita ada paparkan berkaitan dengan status kes ini dalam garis masa ataupun *timeline of cases* dalam portal kami.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, siasatan itu belum selesai ya tuan?

KPKPJ Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [SPRM]: OKT telah dituduh di mahkamah dan perbicaraan masih lagi berjalan. Pertuduhan telah dibuat pada bulan Disember 2016.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya juga ingin tanya SPRM. Selain daripada dua orang ini dituduh, seorang OKT sahaja atau dua? Itu soalan pertama. Kedua, saya difahamkan bahawa dalam prosiding mahkamah dia telah mendedahkan bahawa ada formula kepada duit haram ini. Contohnya *director* dapat *2.4 per cent*, *deputy director* dapat *1.5 per cent*, *quantity surveyor* dapat *1.5 per cent*. Jadi, maksudnya dia satu kartel, sindiket yang besar okey. Adakah yang lain-lain itu dituduh dan di-charge di mahkamahkah tak atau hanya seorang pengarah yang dituduh? Terima kasih.

KPKPJ Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [SPRM]: Okey berkaitan dengan ini, *main suspect* yang dituduh adalah bekas Pengarah Jabatan Bekalan Airlah. Untuk soalan ini, kami akan kemukakan jawapan bertulis kepada mesyuarat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Wira Pengerusi sikit sahaja lagi ya secara keseluruhan mungkin pandangan Ketua Audit. Bukan hanya di Sabah Sarawak bahkan ke sistem bekalan air kitalah. Ada dinyatakan termasuk pandangan oleh FOMCA, gabungan pengguna Malaysia ini, kelemahan undang-undang kita dari segi kita mempertanggungjawabkan kepada operator air ini agak lemah apabila berlaku khususnya bekalan air terputus yang tidak berjadual ini. Contohnya macam di Selangor sekarang kan, yang kes sungai yang tercemar ini.

Jadi, tidak ada apa-apa peraturan undang-undang yang kita ada untuk nak mempertanggungjawabkan kepada operator air. Contoh macam di UK, kalau bekalan air

terputus tidak berjadual ini melebihi 24 atau 48 jam, jadi operator bertanggungjawab dia kena bayar balik kepada pengguna. Mungkin dia rebat bil dan sebagainya. Jadi, adakah dilihat ini juga antara punca kenapa terlalu kerap berlaku, terputus bekalan air yang tidak berjadual ini? Maknanya dari segi pemantauan loji yang tadinya katanya sungai di Selangor ini kerana ada pencemaran bau. Jadi tidak ada dari segi pemantauan yang lebih konsisten di pihak operator sendiri.

■1330

Adakah diperlukan peraturan ataupun akta yang lebih ketat untuk nak mengawal operator *ayaq* ini? Terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam syor Audit untuk Pengurusan Dasar Air Negara kita letakkan salah satu — nombor satu ialah meningkatkan pemantauan, ya tentang penyiapan projek dan program pembangunan. Ini *possibly could include further tightening of the legal provisions* ya. Sebab itu kita hanya nampak apa kelemahan-kelemahan dan *follow through from that* ialah *something* yang perlu dipertingkatkan.

Kalau secara amnya memang saya — *observation* saya ialah daripada segi pengurusan kontrak is satu kelemahan. Sama ada tak ada kontrak ataupun kalau ada kontrak, *provision* tentang penguatkuasaan, pelaksanaan itu perlu ditambah baik ataupun kita tak *apply*, kita tak *activate provision* yang melindungi kepentingan kerajaan. So, yang ini memang salah satu pengurusan air negara ini *something definitely* yang perlu ditambah baik.

So, *maybe this is something* juga pihak — untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, isu ini kita juga akan susuli melalui Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara. Kita ambil maklum juga *feedback* yang kita dengar tadi tentang tindakan susulan oleh SPRM. Apa komen-komen yang kita terima hari ini juga kita akan masukkan juga dalam perbincangan. Terima kasih.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin buat *observation* secara umum. Kalau kita perhatikan kedua-dua projek BALB ini, kosnya hampir sama RM1.6 bilion di Sarawak dan RM1.7 bilion *sorry*, di Sabah, bukan? *Then*, sasarannya pun hampir sama juga iaitu 40,000 rumah di Sarawak dan 38,000 rumah di Sabah. Maknanya hampir kedua-duanya ini lebih kurang kalau kita nak kira produktivitinya ialah kosnya lebih kurang RM40,000 *per house*. RM40,000 *per house*.

Akan tetapi *result*-nya adalah lebih kurang kosnya RM220,000 *per house*, itu hasilnya, hasil *the output*. Akan tetapi masalahnya ialah dua-dua ini sama, lebih kurang sama. Kedua-duanya itu kita tak boleh nak buat *comparison* mana yang lebih efektif, Sarawak ataupun Sabah. Akan tetapi saya tertarik bila Datuk Wan sebut tentang untuk kaji semula sasaran dan juga cara macam mana nak menilaikan keberkesanan itu memang perlu, diperlukan.

Cuma bila dibuat andaian projek pada peringkat awal itu mesti ada kiraan yang tertentu yang boleh menyebabkan mereka mengandaikan 40,000 *per house* itu, kedua-duanya, bukan? Akan tetapi bila hasilnya berlaku dia jauh lebih tersasar terlalu jauh. Tak apa itu sebab mungkin dilaksanakan — bukan tak apa maksudnya ini tapi kita *forget and put aside first*.

Cuma mesti ada *benchmark* yang projek-projek yang dilaksanakan oleh di peringkat negeri sendiri mungkin di bawah Bekalan Air Sabah ataupun Sarawak sendiri yang mungkin ada *benchmark* yang boleh kita lihat yang boleh menjayakan projek-projek ini yang kosnya adalah sekian banyak contoh dia, bukan? Boleh dijadikan sebagai satu sandaran.

Mungkin ada komen daripada pihak JAN sendiri ataupun daripada peringkat negeri sendiri kenapa dia begitu — kenapa itu mungkin kita ada sebab tertentu tapi dari segi *benchmark* dia berapa andaian itu mungkin boleh dijadikan sebagai *moving forward* ya ataupun *way forward*.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [JAN]: Cuma sedikit Yang Berhormat, kita ambil kira projek alternatif ini dua kaedah yang berbeza. Di Sarawak gotong-royong, tadi di Sabah adalah melalui kontraktor, bukan? Dia ada beberapa elemen-elemen tertentu yang luar daripada sini macam Sarawak tadi gotong-royong mengikat suasana itu, bukan? Maknanya yang Sarawak tadi diuruskan oleh Jabatan Kesihatan dan juga JMG, jadi peranan situ ada elemen yang baiknya yang mana mudah untuk dilaksanakan secara satu kampung dan tak banyak kos.

Manakala di Sabah tadi sebab secara kontrak jadi itu elemen-elemen macam itu kadang-kadang kita tak ambil kira untuk membawa bahawanya ada elemen lain yang boleh *could value added* punya pendekatan tetapi sepatutnya dikaji mana satu yang lebih berkesan di situ.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Adakah kerana di Sarawak ada rumah panjang, jadi buat satu meter cukup untuk satu kampung?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Di rumah panjang ini konsep gotong-royong itu masih kuat jadi kerjasama itu memang erat. Saya tak cakap yang Sabah tak ada gotong-royong tapi kalau di rumah panjang dia memang *spirit of comradeship* itu memang kuat sebab *relatives* semua, saudara situ. So...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Semua duduk satu rumah.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Semua duduk satu rumah panjang itu. So, hari ini dua orang wakil daripada satu keluarga mesti pergi, semua turun. Saya pun pergi angkat simen, angkat pasir, saya sendiri pun ikut. Jadi kos dia memang ada rendah. Saya tak cakap yang Sabah tak ada ini...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara* Orang Sabah tak ada.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Tak ada konsep gotong-royong, ada mungkin tapi...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Different.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Different* dia punya budaya, dia punya *culture* itu lain sikit.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yang Berhormat, *of course*, tadi kita dah cerita macam mana pelaksanaannya ya di Sabah dan di Sarawak. Ya, so itu yang kita dah laporkan tadi. Akan tetapi Yang Berhormat punya soalan itu sebenarnya saya pun — saya *remember* saya tanya juga macam mana *you come out with the* kaedah pengukuran ini.

Maklum balas yang saya *remember*, kita terima pun daripada KKDW, dia pun *admit* kaedah pengukuran dalam penetapan output, macam tadi ya penetapan output 40,000 rumah bagi Sarawak dan 38,000 bagi Sabah. Dia pun tidak dapat dikenal pasti dan disahkan kerana ini adalah penetapan di bawah RMKe-11 untuk keseluruhan Malaysia. Jadi *that is why* kita kata *you have to rationalise, you have to be realistic* apa yang you nak. So, kalau you guna pakai untuk Malaysia *you have to* tengok *whether it is applicable* untuk Sabah dan Sarawak.

So, sasaran yang dibuat pada masa itu meliputi semua agensi-agensi lain pada masa RMKe-11. So, itu *the real answer* yang dia bagi dan sebab itu kita pun kena tengok juga keperluan di negeri-negeri. Kalau macam saya sebut tadi, di Sabah dia *prefer* projek alternatif yang sambung itu sebab sumber graviti daripada sungai lebih tinggi dan sebagainya dan ada kekangan kewangan. Jadi *all this have to be taken on board by* KKDW balik. Sebab itu cadangan kita ialah dia kena tengok balik sama ada bolehkah capai yang 40,000 rumah dan 38,000 rumah ini.

So, is something that — kena *go back to the drawing board* kalau boleh saya boleh jawab secara realistik *and* ini bukan lari daripada apa yang kita terima sendiri maklum balas yang kita terima sendiri daripada pihak *auditee*. So, mungkin ini boleh disusuli oleh pihak PAC. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk KAN. Saya rasa dah selesai ya untuk isu ini? Saya minta maaf saya terpaksa tarik balik tadi saya punya cadangan untuk kita selesaikan dua isu sahaja. Ada masa lagi sebelum pukul satu. Saya rasa kita nak pergi pada MP...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dah pukul satu dah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah pukul dua? baru pukul dua. Belum pukul dua. So, saya nak pergi terus pada MPN. So, saya minta nanti untuk hari Isnin — sebab dah ada yang balik.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Ya. Saya nak minta izin sebab penggulungan untuk RUU pun dalam — ya, kalau boleh Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya. Akan tetapi tak apa sebab yang ini saya rasa *very straightforward*. So, *I think* boleh kot kita teruskan sebab Mara Inc itu nanti saya minta hari Isnin petang. Johan, kalau boleh dapat ditetapkan. Isnin aturkan untuk Mara Inc tapi yang ini MPN *very straightforward* kita terus sahaja. Boleh ya, setuju, ya? Terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Yang Berhormat untuk hari — *the next one* itu boleh saya — *my officer* bercakap dengan Johan nanti untuk dapatkan tarikh yang bersesuaian.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Hari Isnin. Hari Isnin untuk Mara Inc kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 29.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 29, petang. Kita buat pukul tiga petang. *It's okay* kalau Datuk KAN tak ada, kita *proceed* Datuk TKAN boleh teruskan.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [JAN]: Okey, boleh *insya-Allah, insya-Allah* Yang Berhormat kalau ini *I am here*. Okey...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pagi prosiding. Pagi prosiding, prosiding pagi. Oh, pagi petang.

[Ahli-ahli berbincang semasa sendiri]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 30 Julai 2024

Bil 8(a) / 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar
Sarawak dan Sabah**

**(LKAN 2/2024 - Aktiviti Kementerian / Jabatan Kerajaan
Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)**

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

**YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar
Ketua Setiausaha**

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 30 JULAI 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]	- <i>Naib Pengerusi</i>
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]	
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]	
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]	
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]	
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]	
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]	
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]	
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]	
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]	

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Shaharaliza binti Ab Razak [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan M48 (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Penyiasat]

Encik Ab Azim bin Ismail [Penolong Pegawai Penyiasat]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah Audit]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN)

Encik Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Bahagian 1]

Datin Hasnira binti Hussin [Timbalan Pengarah]

Kementerian Ekonomi (KE)

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [Timbalan Pengarah 1]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Akauntan]

SAKSI**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**

YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Ketua Setiausaha (Pejabat Ketua Setiausaha)]

YBhg. Dato' Afandi bin Nordin [Setiausaha Bahagian (Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan)]

YBhg. Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Setiausaha Bahagian (Bahagian Prasarana)]

Encik Rezal bin Haji Zaidi [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah)]

Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Teknikal)]

Puan Rusni binti Mohamed [Ketua Unit (Unit Audit Dalam)]

Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian (R) (Bahagian Perancangan Strategik)]

Encik Azman bin Kassim [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Prasarana)]

Puan Nor Faezah binti Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Prasarana)]

Puan Siti Afzan Binti Baharudin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan)]

Encik Muhamad Raziman Syah Bin Mohamed Hasan [Penolong Setiausaha (PRA) C1 (Bahagian Prasarana)]

Encik Sheikh Ahmad Asyraaf bin Sheikh Bahnan [Penolong Setiausaha (PRA) C2 (Bahagian Prasarana)]

Cik Siti Zubaidah binti Mohd Zin [Protege (Bahagian Prasarana)]

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [Pengarah (Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak)]

Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah (JANS)

Ir. Wong Chen Tong [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Bekalan Air Luar Bandar (BALB))]

Encik Jordan Michael Flynn [Penolong Pengarah (Cawangan Bekalan Air Luar Bandar (BALB))]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

SELASA, 30 JULAI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum.* Selamat pagi dan salam sejahtera serta selamat datang kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15 dan ahli-ahli ex-officio. Terima kasih kerana hadir pada mesyuarat pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berhubung dengan isu pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah KKDW yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2/2024, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada pagi ini ialah Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah; keduanya, Yang Berbahagia Dato' Afandi bin Nordin, Setiausaha Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan KKDW; dan juga Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW. Selamat datang kepada semua pasukan daripada KKDW.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk KSU, Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya selaku Ketua Audit Negara telah pun memberikan taklimat terperinci berhubung dengan pengauditan yang telah pun dilakukan terhadap pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sabah dan juga Sarawak sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2/2024. Jadi dalam taklimat berkenaan, PAC telah pun dimaklumkan masih terdapat masalah penerimaan akses bekalan air bersih dan juga terawat.

Antaranya disebabkan kelewatan projek dan penyambungan meter dan paip dari *meter stand* ke rumah tidak dibuat. Jadi, Laporan Ketua Audit berkenaan juga turut mendapati terdapat beberapa isu berhubung dengan aset projek yang tidak digunakan dan juga komponen-komponen yang telah pun didapati rosak. Isu ini amat penting dan PAC telah mengambil keputusan untuk mengadakan prosiding memandangkan perkara ini melibatkan

hak asasi manusia terhadap bekalan air bersih serta kebajikan masyarakat di Sarawak dan juga Sabah.

Jadi tanpa membuang masa, saya dengan ini mempersilakan Yang Berbahagia Datuk KSU untuk membuat pembentangan dan juga penjelasan. Terima kasih.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jadi mungkin sebelum kita pergi kepada pembentangan oleh pihak KKDW, saya mungkin ingin mengambil sedikit kesempatan kerana pertamanya, untuk mengucapkan terima kasih kerana memberikan ruang dan juga peluang kepada pihak KKDW bagi menggunakan platform ini untuk memberikan sedikit penerangan dan juga penjelasan berhubung pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah yang dilaksanakan oleh pihak KKDW. Juga, sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024. Okey.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk dan Ahli-ahli PAC sekalian, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) telah pun dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kedua dan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas, di mana seperti mana yang semua sedia maklum, objektif program BALB ini adalah bagi meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air khususnya di kedua-dua negeri ini.

Bagi pelaksanaan projek BALB ini, KKDW juga adalah tertakluk kepada dasar dan peruntukan yang telah ditetapkan oleh agensi pusat, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan. Peruntukan ini kemudiannya diterjemahkan oleh garis panduan pelaksanaan program BALB KKDW. Secara sepintas lalu, ada tiga agensi utama yang menjalankan fungsi tersebut dari segi bekalan dan perkhidmatan air. Satunya ialah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), kemudiannya pihak berkuasa air negeri dan juga KKDW.

PETRA khususnya hanya merangkumi penggubalan dasar dan pematuhan aspek perundangan pelaksanaan projek pembangunan bagi menyediakan sumber air dan pembekalan air ke paip-paip utama serta menyelaras pinjaman bagi pelaksanaan projek-projek bekalan air kepada kerajaan negeri. Manakala pihak berkuasa air negeri atau PBAN pula, adalah pihak yang bertanggungjawab di peringkat kerajaan negeri bagi penyediaan sistem bekalan air, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem bekalan air, pembinaan loji rawatan air dan paip utama serta kutipan tarif air.

Untuk skop ataupun bidang tugas KKDW pula, adalah untuk membantu pihak berkuasa air negeri bagi meluaskan liputan bekalan air ke kawasan luar bandar dan dengan skop utama penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang masih belum dapat bekalan air dan menyediakan sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomi untuk penyambungan air secara paip retikulasi. Setelah sesebuah projek BALB siap dan menerima Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), aset dan komponen yang dibina di bawah projek tersebut akan diserahkan kepada pihak berkuasa air negeri bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif air.

Jadi ini adalah sedikit sebanyak ruang lingkup dan skop tugas yang meliputi tiga kementerian iaitu PETRA, pihak berkuasa air negeri dan juga KKDW. Bagi mendapatkan kefahaman secara lebih jelas mengenai dia punya carta alir dari segi proses BALB ini, bagaimanakah ia dilaksanakan dan bagaimanakah ia diuruskan, maka saya mohon rakan saya, Tuan Ahmad bin Tuan Wil iaitu Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW untuk menjelaskan secara lebih lanjut dari segi mekanisme tersebut. Ini disebabkan bahagian ini adalah bahagian yang bertanggungjawab secara langsung bagi proses BALB. Saya mohon.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk.

Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berhormat Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Bagi sesi— bukan sesi kedua. Untuk tujuan penjelasan lebih lanjut berhubung dengan pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah ini yang telah dibentang oleh Ketua Audit Negara baru-baru ini, berdasarkan skop pengauditan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara, maknanya pengauditan ini meliputi dua bidang utama audit iaitu prestasi pencapaian projek dan juga pengurusan projek iaitu ada dua bidang utama.

Kedua, pengurusan projek merangkumi aspek pengurusan kewangan dan status selepas penyerahan projek iaitu pengoperasian dan penyelenggaraan projek.

Ketiga, pengauditan juga meliputi projek sambungan BALB Sarawak dan Sabah bermula daripada projek sambungan RMKe-10 dan juga projek-projek yang diluluskan di bawah RMKe-11 pada tahun 2016 sehingga 2020. Itu dari segi skop— projek sambungan.

Berdasarkan *findings* ataupun rumusan audit, ada empat faktor dari segi aspek kelemahan terhadap fungsi dan pelaksanaan projek yang tidak selari dengan objektif BALB iaitu *outcome*-nya adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup yang tidak dapat diukur. Itu *key point* dia.

■1010

Kedua, sasaran pencapaian projek adalah tidak konsisten kerana diturunkan dari penetapan asal tanpa justifikasi. Cuma untuk makluman semua ahli mesyuarat ini. Ini kita banyak berdebatlah dengan pihak audit dan juga pihak kementerian. Nanti dalam laporan itu memang dah ada lah.

Ketiga, projek yang telah siap dan diserahkan kepada kerajaan negeri tidak diguna dan tidak diselenggara. Ini ada satu kes projek BALB di Sarawak.

Keempat, peruntukan disalurkan tidak dibuat pembayaran pada tahun semasa.

Berdasarkan maklum balas terkini berdasarkan penemuan audit daripada LKAN 2/2024 itu, yang pertama, isu berhubung dengan prestasi pencapaian projek BALB iaitu khususnya prestasi pencapaian projek BALB Sarawak. Maklumat penemuan – 12 projek yang diluluskan pada RMKe-11, lewat siap antara lima hingga tujuh tahun bagi BALB Sarawak pada tarikh penemuan yang dibuat oleh Audit Negara lah. Ini ada 12 projek. Ini semua *sampling* lah.

Antara sebab kelewatan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh kementerian: projek memerlukan tempoh bagi pelantikan perunding; penyediaan reka bentuk dan kelulusan mengambil masa yang lama; perubahan skop kerja semasa makmal kajian nilai. Bermakna, selepas di dalam makmal kajian nilai pun ada lagi perubahan skop projek walaupun telah dibuat. Isu yang klasik ialah bantahan dan pencerobohan di tapak projek lah.

Cuma untuk makluman semua ahli dan Pengerusi, *way forward* kementerian dalam hal ini adalah makmal kajian nilai (VA) dilaksanakan lebih awal setelah reka bentuk konsep dan *schematic diagram* diluluskan oleh pihak berkuasa air negeri yang mana sebelum ini makmal kajian nilai dibuat selepas reka bentuk spesifik atau yang detil, baru kita buat kajian nilai. Ini kita buat lebih awal lah untuk mengenal pasti skop projek yang sebenarnya di tapak.

Penglibatan juga kita melibatkan penglibatan Jabatan Tanah dan Survei bagi projek-projek BALB di Sarawak. Dalam mesyuarat reka bentuk projek BALB yang dilaksanakan secara berkala, di kementerian biasanya kita akan buat tiga bulan sekali kita akan *review*. Kita akan bincang apa-apa isu-isu pelaksanaan semasa dalam tempoh pra-pelaksanaan ataupun dalam tempoh perancangan. *[Disampuk]*

Kita juga akan mengenal pasti isu-isu utama yang menghalang kebolehlaksanaan projek dengan lebih awal seperti bantahan penduduk, pertindihan projek di peringkat negeri dan juga ketersediaan sumber air lah untuk pelaksanaan sesuatu projek.

Untuk makluman jawatankuasa, ini adalah dari segi pusingan kerja atau proses kerja (*workflow*) untuk projek BALB sama ada di Sabah dan Sarawak. Yang mana di peringkat perancangan, di peringkat negeri akan mengemukakan senarai cadangan projek dan

seterusnya, KKDW memuktamadkan senarai cadangan projek dan permohonan peruntukan akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan selanjutnya.

Seterusnya Kementerian Ekonomi akan memaklumkan– kelulusan bajet di Parlimen, kita akan tunggulah kelulusan-kelulusan yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui bajet di Parlimen.

Seterusnya, bila diluluskan pada tahun sebelum-sebelumnya– pada awal tahun, kita akan memulakanlah kerja-kerja awalan untuk pelantikan perunding yang mana tempoh biasanya 9 hingga 12 bulan. Ini normal lah, yang ini standard. Kelewatan itu akan ada lah sekiranya ada berlaku *hiccup* di mana-mana.

Seterusnya, selepas perunding dilantik, perunding itu sendiri akan melaksanakan kajian-kajian melalui kerja-kerja reka bentuk dan melibatkan pelbagai pihak dan juga *stakeholder* yang lainlah untuk kelulusan reka bentuk tersebut, kelulusan pengambilan balik tanah, izin lalu dan penyediaan dokumen tender dan seterusnya di peringkat perolehan lah. Ini kalau mengikut tempoh ini di antara 13 hingga 18 bulan. Tapi *when come to the reality*-nya, sebenarnya dia akan bertambah panjang proses sebenarnya. Kalau ada apa-apa perubahan dasar khususnya dari aspek perolehan tersebut.

Pelaksanaan projek, antara 12 hingga 36 bulan, tertakluk kepada skop projek tersebut yang mana kalau projek-projek yang bernilai tinggi, dia akan pergi kepada maksimum 36 bulan lah dari segi pelaksanaan projek.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh tanya? Merujuk kepada kotak yang kedua terakhir itu, “*kerja-kerja reka bentuk, kelulusan pengambilan tanah, izin lalu*” dan sebagainya itu, itu kesemua aktiviti ini berjalan seiring sejalan ataupun ia ada *sequence* dia tertentu?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Kalau kita tengok daripada kotak kerja-kerja tersebut antara “*reka bentuk, kelulusan pengambilan balik tanah, izin lalu, dokumen tender*”, yang ini ada *sequence* dia. Kalau ada *hiccup* mana-mana tersebut, dia akan *effect* kepada tempoh masa pelaksanaanlah. *Even* untuk kerja-kerja reka bentuk itu, kita akan mula kerja-kerja reka bentuk awalan. Lepas itu yang paling akhir sekali, kerja-kerja yang *very specific*, kerja-kerja reka bentuk akhir itu. Itu ambil masa lah.

Juga kelulusan pengambilan balik tanah dan izin lalu, ini juga akan mengambil masa sekiranya projek itu melibatkan jajaran yang panjang dan melibatkan pengambilan balik tanah. Ada *certain-certain* kes itu sampai 150. Dia akan memakan masa lah. Itu belum lagi dikira daripada urusan pengambilan balik tanah yang melibatkan sampai kepada mahkamah untuk satu-satu keputusan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh minta kongsi tak *sequence* itu? Oleh kerana kalau kita lihat di antara sebab-sebab kelewatan dan sebagainya itu, ada sebab-sebab

tanah, sebab reka bentuk dan sebagainya, jadi boleh kongsi tak dengan PAC *sequence* kerja dalam kotak ini? Maknanya, mana yang *critical path* itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Satu lagi saya nak menyambut apa yang YB Wangsa Maju beri persoalan itu, ini merupakan proses kerja projek BALB. Ada tak maksudnya tarikh, maksudnya spesifik? Contoh ya. BPEN dengan UPEN ini mengemukakan senarai cadangan projek 2016, contoh. So maksudnya, detillah, secara detil. Boleh nyatakan— ada tak maklumat sedemikian? Jadi kita nampak dia punya *timeframe* itu, *flow of work*. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ya, Datuk. Khususnya kalau macam contohnya kalau BPEN atau UPEN kemuka senarai cadangan projek ini, kalau tahun 2016 contohnya, maknanya dari segi *engagement* atau libat urus kita di antara kementerian dengan pihak negeri atau BPEN, UPEN ini bermula tahun 2015 itu kita dah *start*. Maknanya kita akan tengok dari segi cadangan, apa-apa cadangan daripada *state* dan kita ada macam satu *screening* awal lah. Maknanya *screening* awal *even* sebelum kita buat antara kementerian dengan UPEN.

Pada tahun itu juga, EPU pun kita akan buat *screening* lah berapa pun. Sehingga sampai ke EPU, kita akan *screen* lagi. Selepas kementerian akan muktamadkan senarai tersebut, kita akan sesi *budget screening* lah sebelum— *even* sebelum tahun 2016. Maknanya 2015. *[Disampuk]* Ini contohlah Datuk.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Rasa-rasa macam soalan saya tadi itu, ada jawapan dia kah tak ada jawapan kah macam mana? Boleh kongsi tak dari segi *sequence* itu?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Sequence*— dah termasuk dari segi dokumen ya?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Sequence*. Sebagai contoh lah kalau misalnya kerja-kerja reka bentuk dahulu selepas itu kelulusan pengambilan tanah berapa bulan, berapa bulan. *Sequence of work* itu dan juga *timeline* dia lah, garis masa.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau ada, kemukakan kemudian pun...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Hard copy* kita tak ada lah. Kita buat— maksudnya ringkas. Kalau kita nak yang detil, kita boleh bagi kemudian pun boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti bagi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *[Disampuk]* ...Perunding.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti boleh bagi pada sekretariat dokumen itu.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya lagi satu, untuk projek ini, semua memang perlu ada kelulusan bajet di Parlimen? Maksudnya yang *through*, yang ini macam mana boleh *explain*?

■1020

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Yang Berhormat Datuk, dari segi *normal process*-nya memang kena memerlukan kelulusan bajetlah sebab ia merupakan satu peruntukan yang amat tinggilah pihak kerajaan. Ini *normal process*-lah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya ada sikit pertanyaan. Saya lihat dalam beberapa perkara yang menghalang kepada kelancaran projek ini adalah melibatkan – ada dua faktorlah. Satu yang dalam kawalan kita, satu yang di luar daripada kawalan kan. Contoh, macam di luar kawalan; cuaca buruk, COVID-19 dan seumpamanya. Tapi, kalau yang dalam kawalan itu contoh macam pertindihan pelaksanaan dengan projek lain, itu biasanya dalam kawalan kitalah.

Tapi yang ini, bila ia bertindih itu maksudnya dia melibatkan kontraktor yang banyak projekkah ataupun di pihak KKDW sendiri yang terlalu banyak projek sehingga tidak boleh melaksanakan dengan sempurna menyebabkan dia ter... yalah, ada prioritilah kan? Satu.

Yang kedua, prestasi perunding yang tidak memuaskan. Perunding ini perunding yang mana? Sebab biasanya projek ini banyak perunding kan. Konsultan yang CNA-kah ataupun apa-apalah? Satu lagi *brief* projek yang tidak tepat. Siapa yang menyediakan *brief* projek itu? Dan kenapa dia tidak tepat? Adakah di peringkat penyediaan awalan itu tidak lengkap ataupun tidak teliti dan tidak terperinci? Tiga-tiga itulah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Saya respons untuk soalan pertamalah ya. Dari segi pertindihan projek ini khususnya saya akan *highlight* dari segi pelaksanaan projek BALB di Sarawaklah. Kita juga ada projek yang di bawah kerajaan *Federal* dari segi bekalan air luar bandar dan pada masa sama juga, kerajaan negeri pun dia ada Projek Bekalan Air Luar Bandar dia sendiri.

So, dari segi penjanaaan projek ini ada sesetengah kes itu dia akan bertindih yang mana sesetengah projek itu, contohnya, kita buat serentak dan pada masa tersebut, projek BALB *Federal* ini akan siap dulu, contohnya. Contoh, akan siap dulu dan projek dia tak – lambat siap, lambat *takeoff*. Yang itu yang jadi macam isu pertindihan dan juga kadang-kadang tu ada pertindihan jajaran air itu.

Makna, di peringkat negeri ini, dia ada – makna, di peringkat *Federal* ini makna khususnya di peringkat kementerian kita akan tengok projek kita. *At the same time* kerajaan

negeri dia ada projek dia sendiri. So, yang itu dah mungkin *the way forward* pada masa hadapan kita memerlukan kerjasama yang lebih rapatlah, erat daripada kerajaan negeri untuk merancang Projek-projek Bekalan Air Luar Bandar ini sebab kita akan tengok bila diluluskan, kita akan tengok projek kita. Pada masa yang sama juga, projek itu saling bergantung sebab dia berpunca daripada satu sumber air yang sama. Itu antara jawapanlah untuk soalan nombor satu.

Bagi dua ini – yang nombor dua isu berhubung pelantikan perunding. Perunding ini untuk projek BALB ini lantikan daripada kementerianlah, daripada KKDW. Ada yang perunding ni dia memang prestasi masing-masing ikut kompetensi, ada yang bagus dan juga ada perunding ini dia menghadapi kesukaran untuk melaksanakan projek ini, untuk mendapatkan sesuatu kelulusan di peringkat kerajaan negerilah.

Pelbagai kelulusan yang perlu dibuat. *Even* kalau ikut untuk *the takeoff* projek pun sesi *engagement* dengan pejabat dia pun patut dah bermula. Jadi, ada masanya perunding ini dia mengalami masalah tersebutlah untuk mendapatkan sesi *engagement*, penglibatan penduduk sendiri dan juga pejabat daerah dan mana-mana agensi yang berkaitan melibatkan sesuatu kelulusan.

Untuk reka bentuk ini, semua perlu mendapat kelulusan termasuk daripada pihak berkuasa air negerilah. Itu salah satunya. Kalau lambat sini memang akan jadi lambat, dia ada *query* banyak. So bila *query* ini dia akan ambil masa yang lama dan dia akan melebihi masa yang ditetapkanlah.

Untuk soalan tiga, *brief* projek. Ini isu yang kita hadapilah di kementerian. Sekiranya cadangan *brief* projek itu tidak lengkap ataupun kajian yang tidak mendalam yang telah dikemukakan kepada kementerian dan yang ini kita akan menghadapi kesukaran bila kita akan tiba di peringkat *execution* nanti. Makna, *brief* projek itu kadang-kadang itu *very surface* dan tidak terlalu *detailed* yang mana konsultan yang kita akan lantik tadi menghadapi kesukaran untuk pergi buat kajian yang lebih *detailed*-lah di tapak itu.

Ada sesetengah projek itu sepatutnya boleh dibatalkan tapi kita terpaksa buat kajian lagi lama untuk kita cubalah melaksanakan projek itu seberapa cepat yang boleh. Bila sesuatu projek itu dibatalkan, kita akan bida projek yang barulah. Jadi, akan lambat dari segi tempoh pelaksanaan dia.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi...

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya pun nak tanya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya tentang *first thing first*-lah sebab kita ini Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Bila saya dengar tadi *Federal* nak buat, negeri pun nak buat, *serves the same purpose* betul ya? *Serves the same area*, semua kan? Jadi, soalan saya ialah perkara asas. Ada tak kita ada *blueprint*? Maknanya, untuk negara ini *because you*

all kementerian kan. Untuk seluruh negara, untuk kawasan ini, berapa air yang diperlukan *then who?* Lepas itu barulah cari *who* yang kena bertanggungjawab. *Whether it's Federal-kah, negerikah, whatever.*

Tetapi *that* kena buat dulu *that first step* sebelumnya. Semua dua-dua buat *and then you know* duit apa itu, duit rakyat. Sama ada negerikah, *Federal-kah, I think* yang itu kena di-*settle-kan and that very, very doable and that is good governance as far as* – kira apa wang rakyat *is concerned-lah* kan? *So, is that* – tadi saya tak – tadi adalah sebut kan untuk penyelarasan yang lebih baik. *So, saya jawapan itu macam saya kurang puas hatilah. I need a very definitive answer the next apa fast forward.* Terima kasih, Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nak jawab dulukah?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada nak komenkah atau nak respons?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Jawab dululah, saya jawab dulu. Saya boleh minta bantuan daripada negeri tak?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Biar saya jawab dengan ringkas.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak apa, kalau Tuan nak minta siapa-siapa pegawai yang ada dalam bilik ini untuk membantu dalam memberi penjelasan, boleh bagi tahu dan yang tukang nak menjawab itu maklumkan daripada mana dan apa jawatan ya.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Frankly speaking-lah* untuk makluman Pengerusi dan ahli jawatankuasa, dari segi pelaksanaan projek BALB ini, biasa kita akan terima – kita akan percaya terus daripada UPEN-lah ataupun BPEN mana-mana *state*. Dia akan mohon, kita akan tengok dan projek itu maknanya kalau kita tengok – dan juga kemampuan negaralah untuk sesuatu projek sebab Projek Bekalan Air Luar Bandar ini memang nilai dia tinggi-tinggi semua.

Dari segi *blueprint* tadi YB maksudkan tadi, kita tak ada. Di peringkat kementerian, kita tak ada. Kita memang bergantung harap kepada dari segi perancangan ataupun *so-called blueprint* daripada kerajaan negeri. Sekejap, mungkin – kita ada pengarah JBALB daripada Sarawak.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, (JBALB)]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Yang Berhormat Pengerusi dan semua ahli PAC. Saya Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan, Pengarah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak.

Okey, untuk makluman semua di peringkat kerajaan Sarawak, kita mempunyai *blueprint* untuk bekalan air di Sarawak. So, berbalik kepada penyelarasan tadi memang kita jelas tanggungjawab Sarawak dan juga kementerian. Di peringkat Sarawak, kita menyediakan sumber air terutamanya loji-loji ataupun saluran paip utama. Selepas itu, di pihak Kementerian Luar Bandar akan menyalurkan, membuat, melaksanakan projek ke kawasan luar bandar dengan *tap to our grid, to water supply grid*. Itu yang berlaku buat masa ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit, apa ekoran daripada ini Datuk Wira Pengerusi dan ekoran juga apa yang ditanya oleh Datuk Wira Pengerusi tadi, kelulusan bajet daripada Parlimen. Maksud di Parlimen ialah sidang Parlimen di mana bajet tahunan dibentangkan, betul? Maknanya, MP-MP daripada Sabah, Sarawak dan sebagainya juga ada di situ dan projek itu disenaraikan secara jelas, spesifik. Betul ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1030

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kan? So, itu di antara cara hendak menyelaraskan, kan? *If blueprint* dah ada di negeri Sarawak itu, *why is it not*— tidak diketahui di peringkat kementerian dan tidak diketahui oleh seluruh negara ini? Sebab Parlimen ini seluruh 222 Ahli Parlimen termasuk kita kan. Itu kan. *So, that's my question. Where is the missing gap?* Kenapa— *because* benda ini melibatkan juta-juta. Juta kah bilion? Kan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Boleh saya tanya— sambung soalan Dr. Halimah. Bila peruntukan bajet Parlimen diberikan, *let's say* RM2 bilion untuk Sarawak untuk beberapa projek ini, adakah wang itu disalurkan kepada kementerian atau macam mana? Atau hendak tunggu sampai perunding itu dilantik semua sebagainya mungkin dua tahun kemudian baru wang disalurkan? *So*, ataupun ia di-*park* di agensi tertentu? *So...*

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Yang Berhormat, saya mohon untuk Dato' Afandi, Setiausaha Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan Projek untuk menjawab soalan yang berkaitan ditimbulkan oleh kedua-dua Yang Berhormat. Okey.

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Terima kasih Datuk Ketua Setiausaha. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Yang Berhormat Dr. dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Saya cuba sentuh tentang proses peruntukan dan juga bagaimana kita memilih setiap tahunlah apabila difahamkan Ahli Parlimen memohon mengikut senarai keperluan kawasan masing-masing.

Kalau dari segi *budgeting* yang setiap tahun, bagi kes Rancangan Malaysialah bagi bekalan air seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. tadi lah, permohonan Ahli-ahli Parlimen disatukan oleh negeri. Kementerian akan menyemak daripada senarai-senarai yang dikumpulkan oleh pihak bekalan air negeri. Contoh bagi kes ini, rakan kita daripada Jabatan

Bekalan Air Sarawak akan kemukakan semua senarai yang telah dikumpulkan, yang dipohon bagi tahun-tahun berkenaan mengikut keutamaan.

Jadi, ia akan dikemukakan seperti yang disebut Tuan Ahmad tadi bahawa senarai-senarai yang dikemukakan kepada kita biasanya pada bulan Disember, pada bulan Januari, kementerian akan memohon pihak UPEN negeri-negeri. Bagi kes kita ini di Sarawak dan Sabah kemukakan senarai-senarai yang diperlukan untuk kegunaan baru, keperluan keutamaan mengikut kawasan-kawasan.

Kemudian, daripada permohonan berkenaan, di peringkat kementerian kita mengumpul semua sama ada Sabah, Sarawak, Semenanjung dan sebagainya bagi keperluan projek bekalan air berkenaan ini lah. Tetapi daripada senarai-senarai berkenaan, kebiasaannya kita akan minta di-*priority*-kan mengikut keutamaan negeri kerana kita pun faham Yang Berhormat Pengerusi dan juga ahli-ahli, kita juga bergantung kepada bajet tahunan yg diberikan.

Biasanya mana-mana kementerian ia akan diberikan siling— anggaran siling yang boleh untuk dipertimbangkan pada tahun-tahun berkenaan. Contoh, pada tahun sebelum ini kita diberi siling pada tahun 2024, kita telah pun diberikan signal oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Ekonomi lebih kurang RM7.44 bilion dan inilah yang diluluskan pada tahun 2024. Begitu juga bagi tahun-tahun sebelumnya, kita diberi siling.

Jadi, bila kita terima permohonan-permohonan daripada semua pihak kerajaan negeri terutama bagi kes infrastruktur bekalan air, ada kalanya ia melepasi daripada siling yang kita diberi signal itulah. Jadi, tapisan terpaksa dibuat dan biasanya memang kita pun akan memilih apa yang diutamakan mengikut keutamaan negeri dan kawasan-kawasan yang perlu diutamakan. Jadi, setiap tahun begitulah.

Kemudian persoalan Yang Berhormat Teresa tadi, Yang Berhormat Puan, peruntukan memang akan datang kepada pihak kementerian dan bayaran adalah mengikut *progress*. Sekiranya ada penjimatan ataupun duit tidak dapat dibelanjakan, sekiranya projek itu tidak berjalan seperti yang dirancang, duit itu akan dipulangkan semula kepada Kementerian Kewangan. Itu keadaannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Maksudnya kalau yang penyambungan paip atau apa diumumkan dalam bajet di Parlimen, semua diluluskan, lepas itu kementerian ambil sembilan hingga 12 bulan untuk lantik perunding. Jadi maksudnya apa-apa yang diumumkan itu sebenarnya tidak jalan langsunglah? Betul? Umum untuk...

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Tadi ada tuan— berdasarkan kepada *nature* bagi projek bekalan air, projek bekalan air ini memang kalau daripada mula diluluskan sehinggalah siap sepenuhnya hingga dapat dinikmati oleh golongan sasar, kalau berdasarkan kepada *norm process* daripada mula pelantikan perunding hinggalah dapat dinikmati oleh golongan

sasar yang telah kita luluskan bajet berkenaan memang mengambil masa ya sehingga empat ke lima tahun.

Bagi kes status, projek tetap telah diluluskan. Cuma di lapangan masih berlaku lagi yang pada peringkat awal sembilan hingga 12 bulan itu adalah kerja-kerja awalanlah iaitu pelantikan perunding dan juga bagi pelaksanaan hingga 13 ke 18 bulan seperti yang dipapar. Memang di lapangan tidak berlakulah tetapi *progress* berjalan Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya hendak bagi pada Dato' Kubang Pasu lepas itu saya bagi pada Saratok. Kejap, Betong, Sik.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk, Dato' daripada KKDW. Saya hendak tanya soalan yang lebih spesifik ya. Kita ambil satu per satu. *[Merujuk pada pembentangan slaid]* Yang proses kerja projek BALB yang belah kanan sekali itu tempoh pelantikan perunding mengambil masa yang lama. Yang itu pun kita tidak tahu berapa lama, tidak disebut ya. Seterusnya, *why*— kenapa ia mengambil masa begitu lama hendak pilih perunding? Tidakkah ada jalan yang lebih baik, berkesan supaya dipercepatkan dari segi pemilihan perunding?

Di bawah situ, saya lihat ada disebut perubahan dasar melibatkan kaedah perolehan. Yang ini pun perlu dilihat juga kan. Apakah dari segi spesifiknya perubahan dasar yang kita fikirkan untuk dibuat perubahan? Saya tengok dalam yang bawah sekali ya, pelaksanaan projek 12 sampai 36 bulan. *Gap*-nya, jurangnya terlalu besarlah. Setahun sehingga tiga tahun hendak melaksanakan projek. *Of course*, kita tahu ini bukan perkara yang mudah. *It's easier said than done*. Tetapi *it's too long*-lah kalau hendak kira.

Kalau kita tengok dari segi pertama, PKP COVID-19. Yang sebelah tengah itu pun COVID-19 juga. Jadi, kalau kita ambil COVID-19 itu dia dua tahun, kan? Dua tahun. Macam pelaksanaan projek itu memang dia terkesanlah dua tahun itu sama ada kita buat hanya *10 percent, 30 percent of what is supposed to be the job* ataupun tidak buat sama sekali masa itu ya. Satu lagi pun sama tengah itu, dua tahun. Tetapi kalau kita lihat dari segi apa yang disebut awal tadi, projek-projek ini dapat disiapkan antara lima sehingga tujuh tahunlah. Betul Datuk? Lima sampai tujuh tahun.

Jadi, kalau *moving forward* di masa-masa yang akan datang, kita kena tolaklah PKP itu, kan? Kita pun tidak tahu kesannya *tara* mana tetapi kita tolaklah. Kalau kata lima tahun, tinggal tiga tahun. Mungkin projek yang lebih kecil. Kalau yang tujuh tahun mungkin hanya tinggal lima tahun ya. Itu pun memang agak lamalah.

Lagi satu, satu lagi isu yang besar saya lihat mungkin tidak disebutkan di sini. Bagaimana pula dengan tenaga kerja dari segi jurutera dan sebagainya? Adakah mencukupi? Ini saya tahu masalah yang besar di peringkat negeri. Saya dulu pernah jadi *state Exco* ya. Ia

kadang-kadang jurutera JKR ini tidak cukup tangan. Dia kena jaga semua. Dia kena jaga bangunan, dia kena jaga orang buat jalan raya dan pelbagai. Ini satu kenyataan realiti yang perlu kita lihat dan perlu diselesaikan. Kalau difikirkan memang betul, kita ada masalah dari segi tenaga kerja ya Datuk.

■1040

Kalau tidak sampai bila pun kita akan berhadapan dengan isu ini. Tak ada COVID-19 pun kita masih berhadapan dengan isu ini. Jadi, kita *have to face*, berdepan dengan cabaran yang kita ada. Itu soalan-soalan saya yang saya nak dapat respons daripada pihak KKDW. Saya lihat seterusnya lagi teruk dia punya peratus pencapaian projek cukup rendah dan kita berharap di masa-masa yang akan datang mungkin ada banyak lagi projek yang akan datang ke negeri Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung. Ia tidak lagi kita berhadapan dengan isu seperti ini.

Sebab ini, satu *lesson learned* yang kita perlu bagi tahu. Ada masalah satu. Kita lalui masalah itu dan kita ada *lesson learned* yang kita tak boleh *repeat* masalah ini di masa-masa akan datang. Kita *must learn from this and hopefully* di masa akan datang tidak ada lagi masalah projek kita perlu disiapkan lima sampai tujuh tahun. Rakyat *dok* tunggu tujuh tahun. Itu pun tak tentu tujuh tahun lagi. Pencapaian masih rendah. Mungkin ada yang 10 tahun. Kawan saya dari Bayan Baru dia punya projek air di Bayan Baru, tiga pilihan raya. Nak masuk empat pilihan raya. Berapa kali Perdana Menteri tak tahu. Berapa orang.

Jadi, isu-isu ini saya ingat *we have to sit down together especially KKDW, list down what are the problems*— cabaran yang kita hadapi dengan projek ini. Supaya kita tak *repeat* lagi isu ataupun masalah yang sama di masa-masa akan datang.

Itu pandangan saya supaya akhirnya rakyat yang menunggu di bawah sana yang cukup susah hidup mereka, yang *ayaq* tak ada, *ayaq* tak cukup, kena ambil *ayaq* telaga, kena angkut-angkut *ayaq* sungai, *ayaq* pili dan sebagainya ini kita dapat selesaikan *once and forever*. Supaya *depa* dapat nikmat daripada apa yang kita dapat dari segi ekonomi dan kemerdekaan negara kita. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan. Nanti saya jawab soalan pertama dahulu. Berhubung dengan tempoh pelantikan perunding yang mengambil masa yang lama dalam pelaksanaan sesuatu projek BALB.

Cuma untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga semua Ahli, projek BALB ini sebenarnya dari segi *planning* dia, dia merupakan satu projek bermulanya di peringkat kerajaan negeri atau pihak berkuasa negeri. Permohonan dia secara kasar, daripada titik poin A kepada poin B. Contohnya, dari Kuching ke mana-mana tempat di kawasan sekitar tersebut dan *brief*-nya dia tak *detail*. Makna, kita terpaksa melantik perunding untuk membuat kajian

kesesuaian projek tersebut dan kalau sesuatu *brief* projek itu menepati apa yang sepatutnya, jadi dia akan mengurangkan masa.

Tetapi, kebanyakan kes ini kita terpaksa khususnya di peringkat perunding sendiri dia akan mengambil masa yang agak lama untuk menetapkan *even* jajaran itu sendiri. Kadang-kadang kita terpaksa kenal pasti penduduk kampung yang mana sebenarnya tak ada air. Kita juga semak dari segi — ini di peringkat perunding. Rumah mana yang tak ada meter sebenarnya, contohnya. Sebab, untuk projek BALB ini kita kena *identify* atau kenal pasti rumah-rumah yang memang tak ada bekalan air terawat. Itu salah satu.

Untuk kerja-kerja awal ini juga, untuk pelantikan perunding, kita ada dua kaedah perolehan yang mana satu menyebabkan tender terbuka (*open tender*) dan juga satu lagi menyebabkan lantikan terus berserta kos siling (LTBKS). Maknanya, macam *direct award* daripada senarai daripada MoF. Ini juga akan mengambil masa yang lama. Mengikut standard yang telah ditetapkan oleh MoF, untuk pelantikan perunding.

Di peringkat kementerian juga, kita — apabila satu projek itu diluluskan, kita ada satu bahagianimbangan teknikal — kalau ikut sekarang ini kita akan pergi membuat lawatan tapak di tempat yang telah diluluskan tersebut dan kita akan buat kajian untuk menyediakan — kita panggil *terms of reference*. Terma rujukan untuk kita sediakan untuk tujuan pelantikan perunding tersebut. Itu juga akan mengambil masa sekiranya sesuatu projek itu kira okey dan akan mengikut apa-apa skop yang kita tentukan. Ini okey. Tetapi, kalau ada sesuatu masalah dia akan mengambil masa juga. *Even* untuk menyediakan TOR tersebut. Untuk tujuan pelantikan perunding.

Itu dari segi contoh macam sembilan hingga 12 bulan ini. Ini untuk projek yang mana *smooth*, yang efisien, yang tak ada apa-apa masalah. Kalau ada, kita pergi buat siasatan dan kita dapati ada tidak menepati skop, yang ini akan mengambil masa ini kita akan berunding balik dengan kerajaan negeri untuk kita *fine-tune* balik *brief* dan skop projek tersebut. Itu untuk soalan pertama.

Dari segi perubahan dasar perolehan, seperti kita ketahui yang *lately* ini kita banyak sekali berubah dari segi perubahan tampuk pemerintahan dan salah satu benda yang diberi perhatian ialah perolehan kerajaan itu sendiri yang mana projek-projek yang telah diberikan kelulusan untuk pelaksanaan itu, kalau ikut yang terbaru ini kita ada projek-projek mana-mana yang telah — belum diberi SST, contohnya. Saya bagi contoh ini kita terpaksa batalkan. Khususnya bagi contoh macam projek *under* di bawah Jana Wibawa tersebut dan kita terpaksa bermula *fresh* balik dari segi urusan perolehan tersebut dan kita terpaksa akur dengan hala tuju sekarang ini. Makna, suatu perolehan itu kena dibuat melalui secara tender terbuka. Itu salah satu contoh yang saya bagi dari segi hala tuju perolehan projek-projek kerajaan.

Ketiga, dari segi tenaga kerja pakar atau profesional di peringkat kerajaan negeri ataupun contohnya tadi yang diberikan oleh YB, JKR Sarawak. Cuma, untuk bekalan air luar bandar ini kita tak melibatkan JKR dan agensi pelaksanaan ini di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB). Ini kita — ada apa-apa tak Pengarah?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Untuk Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) kita mempunyai kepakaran untuk membuat dan membina projek bekalan air. *In terms of* kita punya tenaga kerja memang terdapat *engineer-engineer* yang ramai. Setakat ini kita lebih kurang ada 100 *engineers* dari peringkat termasuk Penolong Jurutera untuk membantu kita dalam melaksanakan projek-projek bekalan air di Sarawak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak tanya sikit sahaja. Nak *follow up on this*. Dalam pelaksanaan projek ini, dia tak ada disebut mengenai masalah kontraktor yang buat projek. Dia seperti pangkalan dan sebagainya. Ada tak? Kontraktor? Dia kontraktor ini ada banyak EOT, banyak segala-gala *depa* ada.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nampak isu bekalan air di Sarawak ini, kelewatan projek ini mungkin disebabkan oleh koordinasi di antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri. Macam mana sekarang ini? Adakah jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengatasi masalah koordinasi ini? Sebab, masalah pertindihan projek ini nampak pelik sebab diluluskan Kerajaan Persekutuan tetapi kerajaan negeri buat. Pertindihan projek.

Mungkin, sebab isu dia adalah kerana kerajaan negeri tak dapat tunggu projek itu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, maka kerajaan negeri ambil alih projek tersebut. Saya rasa ini berlaku di kawasan saya di Saratok. Sebab, itu contoh terbaik. Sebab, biasa masa pilihan raya diumumkan, projek itu projek ini.

Kemudian, dua tahun kemudian tak juga jalan. Kemudian, kerajaan negeri terpaksa ambil alih untuk mempercepatkan projek tersebut. Jadi, macam pengumuman itu ataupun kelulusan itu tidak diambil serius. Diluluskan 2016. Contohnya di Sri Aman ini.

Projek cuma kos RM8.6 juta. Ini tak banyak. Ini pejabat daerah pun boleh buat projek ini. Lain kalau dia melibatkan yang beratus-ratus juta itu tetapi kebanyakan saya nampak projek ini tak besar sangat, RM44 juta, RM78 juta. Itu kira tidak banyak tetapi kenapa dia mengambil masa tujuh, lapan tahun. Itu baru nak *proceed* tender. Kalau dia buat lagi, *delay* lagi. Masalah kontraktor lagi. Mungkin 10 tahun.

■1050

Jadi, kita memang ada masalah koordinasilah, saya lihat inilah. Jadi, mungkin kena wujudkan jawatankuasa khas di dalam semua – yang melibatkan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan di dalam jawatankuasa khas tersebut supaya apa-apa isu boleh diselesaikan dalam mesyuarat tersebut. Tak tunggu – yang ini tunggu sana, tunggu jabatan ini, tunggu ini,

ya. So, dalam mesyuarat satu koordinasi jawatankuasa boleh selesaikan isu ini. Saya rasa isu ini akan jadi bertambah kalau tidak ada tindakan yang drastik daripada pihak kementerian. Apa pandangan daripada pihak kementerian mengenai mewujudkan jawatankuasa khas ini? Sebab saya rasa isu ini adalah melibatkan koordinasi terutamanya. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sambungan Saratok, sama isunya. Mungkin punca permintaan projek itu daripada pelbagai. Macam di Negeri Sembilan, saya sendiri Parlimen Tampin minta terus dekat KKDW. Mungkin tanpa pengetahuan ataupun tak ada perbincangan ataupun yang paling teruk sekali tanpa kelulusan penguasa air negeri. Negeri tak tahu. Tiba-tiba kementerian buat. Sebab akhirnya yang nak diselenggara oleh penguasa air negerilah macam di Sarawak, Sarawaklah. Sabah, bukan?

Saya ambil contohlah, macam tangki perkhidmatan bernilai RM9.2 juta, siap pada 2018 tetapi boleh baru nak digunakan pada 15 November 2023. Lima tahun benda dah siap baru nak pakai. Makna, betullah kata Saratok tadi, tak ada perbincangan, tak ada koordinasi, macam-macam, kan? So, yang itu rasa – lima tahun dah siap tapi berpakai. Rugilah kita, kan? Paling kritikal di Sabahlah sekarang. Isu air memang teruk sekali.

Seorang Ahli: Terima kasih *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi sikit saja sambungan daripada Tampin ini, ya. Kita tengok ini dalam kotak ini kan, Kementerian KKW memuktamadkan senarai projek. *[Ketawa]*. Lepas itu diangkat pada Kementerian Ekonomi. Kalau ikutnya, yang mengemukakan senarai cadangan projek UPEN – negeri, kan? Negeri.

Jadi, nak tanyalah Kementerian Ekonomi yang bagi duit itu, kan. Yang luluskan ini. Jadi, bagaimana tadi yang kata, “*Yang tak selaras, tak selaras ini*”, padahal negeri angkatkan untuk diluluskan di Parlimen kepada Kementerian Ekonomi. So, *what's your comment* Kementerian Ekonomi cerita ini? Macam mana dia tak jumpa ini?

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [Kementerian Ekonomi (KE)]: YB Datuk Wira Pengerusi, saya wakil Kementerian Ekonomi. Dari segi kalau kita tengok carta proses kerja ini, kalau untuk makluman untuk YB-YB semua, di peringkat awal itu contohnya katakan projek bagi tahun depan, 2025. BPEN dengan UPEN itu mengemukakan cadangan projek kepada KKDW sejak hujung tahun lepas lagi. 2023 dah dikemukakan. Sebab kita beri syarat kepada kementerian dia mesti *key in* dalam sistem *MyProjek* itu selewat-lewatnya 31 Mac pada tahun ini, 2024. Dia mesti *key in* semua permohonan projek itu...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Untuk tahun depan? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Untuk tahun depan, yes. 31 Mac kira *final date, last*. Jadi, kementerian kena deal dengan pihak negeri dulu, dengan *priority list* daripada negeri untuk tengok pula kepada *priority list* untuk keseluruhan kementerian

berdasarkan macam Dato' Afandi sebut tadi, kita ada siling bayangan dah diberi kepada kementerian.

Memenuhi syarat itu, mereka masukkan, *key in* itu sehingga 31 Mac. Daripada 31 Mac itu, kita adakan bajet *review* di peringkat Kementerian Ekonomi dengan KKDW sehinggalah kepada Julai, kepada Ogos, kemudian peringkat tertinggi apa semua sekali sehingga kita *submit* kepada MOF sebelum dibentangkan ke bajet untuk kawasan Parlimen itu. Dia makan masa, lebih kurang.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Potong *tang corner*. Betong, Tampin, Sik lepas itu baru Kuala Pilah, ya?

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: [*Ketawa*]. Dia kena *u-turn* itu. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Yang Berbahagia Datuk KSU dan Ketua-ketua Setiausaha Bahagian. Saya berbicara mengenai Sarawaklah dulu.

Faktor kelewatan yang tertera di skrin itu telah banyak, telah dipersoalkanlah dan telah dibangkitkan tadi dan ada beberapa penjelasan juga. Jadi, apa yang berlaku itu ialah masa RMKe-10 lah, kebanyakan itu, kan? RMKe-10 dan disambung RMKe-11. Pada RMKe-10 masa itu pihak berkuasa bekalan air Sarawak masih lagi di bawah JKR-lah. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak hanya beroperasi kalau tak silap saya Tuan Pengarah, 2016, ya? Betul, ya? Hanya pada RMKe-11 dia beroperasi.

Pada pandangan sayalah, berbicara mengenai penurunan kuasa daripada pusat kepada Sarawak. Apa yang berlaku sekarang, Sarawak kita dah ada satu agensi ataupun pihak berkuasa bekalan air Sarawak di bawah JBALB di bawah Kementerian Utiliti dan mereka mempunyai struktur dan kakitangan yang cekap saya rasa dan cukup untuk mengendalikan segala projek-projek untuk yang melibatkan retikulasi loji dan sebagainya di Sarawak. Seperti yang dijelaskan oleh Pengarah tadi, sudah ada *blueprint* mengenai *water grid* di seluruh Sarawak.

Adakah kementerian bersetujukah tidak bahawa JBALB ini patutlah di-*recognise* sebagai salah satu agensi teknikal selain daripada JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai agensi teknikal untuk menjalankan projek-projek *Federal* di Sarawak. Sebab JKR dan JPS telah dikenal pasti dan dilantik sebagai agensi teknikal untuk melaksanakan projek-projek RM50 juta ke bawah termasuk pelantikan konsultan, kalau tak silap sayalah. Adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk *recognise* JBALB ini sebagai agensi teknikal? Sekiranya dapat, saya rasa *way forward*-nya, apabila Program Bekalan Air Luar Bandar itu yang dipohon oleh pelbagai kawasan Parlimen dan diluluskan, turunkanlah segala peruntukan itu kepada JBALB sebab mereka mempunyai SOP, tatacara dan pelaksanaan projek dengan tenaga kerja yang ada dan supaya tidak ada berlaku apa yang kita nampak itu; faktor-faktor kelewatan,

pelantikan konsultan, *project brief* yang tidak tepat, pengambilan balik tanah, prestasi perunding tidak memuaskan.

Saya rasa apabila peruntukan disediakan itu, turunkan biar JBALB melaksanakan projek-projek itu terutamanya yang telah disetujui iaitu *RM50 millions and below*. Sekiranya, ada yang besar itu pun boleh juga serahkan mungkin sebab mereka saya rasa mempunyai keupayaan. Sekiranya Kerajaan Persekutuan bersedia untuk melakukan perubahan ini, saya percaya isu-isu yang kita bincangkan pada hari ini mungkin tidak berlakulah pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada yang nak respons?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Boleh, boleh. Datuk nak – saya dulu. Terima kasih untuk soalan dari segi pemindahan kuasa Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak sebagai agensi teknik. Seperti ahli semua tahulah – maknanya, dari segi kelulusan kerajaan setakat ini untuk pengiktirafan sebagai agensi teknik hanya kepada JKR dan juga JPS, Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

■1100

Cuma dari segi jabatan-jabatan lain setakat ini berdasarkan *feedback* daripada MoF, kita tidak ada lagilah untuk pengiktirafan. Contohnya, sama ada— sekarang ini kita ada di peringkat KKDW kita ada terima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencadangkan JBALB— kita orang panggil JBALB lah ya sebab senang. JBALB sebagai tambahan kepada agensi teknik sedia ada iaitu JKR dan JPS.

Cuma dari segi ini, kita— permohonan tersebut kita telah panjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbanganlah di peringkat Kementerian Kewangan sebab kuasa itu memang itu di bawah Kementerian Kewangan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya respons daripada Kementerian Kewangan.

Puan Nadeema binti Kamaruddin [MoF]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Untuk pengetahuan tersebut, kami kena semak dahulu Yang Berhormat, status di kementerianlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita menjawab dalam sesi di Parlimen kepada teguran oleh Lembaga Audit Negara, kita juga telah pun— Jabatan Audit Negara, kita telah pun menyatakan dalam respons kita bahawa pihak KKDW menyokonglah cadangan supaya JBALB itu ditakrifkan sebagai agensi teknikal.

Cumanya, keputusan akhirnya bergantung kepada MoF. Kita juga telah kemukakan secara rasmi untuk pertimbangan dan juga persetujuan MoF. Cuma mungkin pihak MoF untuk semak semula lah, ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maklum Datuk KSU. Sebelum saya bagi kepada Sik, saya hendak tanya. Memandangkan projek ini sudah lama, projek BALB ini sudah lama, sejak daripada RMKe-2 di bawah *Accelerated Rural Water Supply Scheme*. Jadi, saya hendak tanyalah daripada pihak KKDW ataupun kerajaan negeri. Ada atau tidak sasaran jangka pendek ataupun panjang untuk projek bekalan air dan juga pencapaian yang telah pun dicapai sehingga ke hari ini? Boleh tak terangkan kepada PAC?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Minta Yang Berhormat untuk Encik Azman bin Kassim sebab mungkin boleh menceritakan sedikit sebanyak daripada segi sasaran yang dinyatakan dalam RMK, mungkin.

Encik Azman bin Kassim [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya Azman bin Kassim daripada Bahagian Prasarana KKDW. Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya pergi kepada soalan yang pertama tadi yang Yang Berhormat Pengerusi tanya. Adakah sasaran jangka masa pendek dan panjang? Tapi sebenarnya, dalam keadaan sekarang sebenarnya seperti ditanya tadi, adakah kita ada *master plan*? Kita tidak ada *master plan the whole nation* lah. Jadi, lebih kepada pihak negeri minta melalui UPEN dan kita akan buat projek. Jadi, itulah yang wujudnya seperti soalan Yang Berhormat Dr. Hajah tadi yang perlukan *master plan* lah.

Tetapi, dalam sasaran kita adalah sehingga tahun 2025 adalah sehingga 98 peratus untuk capaian air di seluruh negara. Cuma dari segi Sabah dan Sarawak ketika ini daripada laporan yang diberikan oleh Kementerian Utiliti dan juga JANS Sabah, Sabah 61 peratus dan Sarawak 67.8 peratuslah.

Dengan izin Yang Berhormat, saya boleh bantu sikit soalan tadi tentang adakah kita tidak membuat penyelarasan yang seperti Yang Berhormat maklumkan tadi. Sekarang ini kita telah pun ada sebelum—telah ada jawatankuasa-jawatankuasa yang membuat penyelarasan antara negeri dan Federal.

Sebagai contohnya, Jawatankuasa Teknikal, mesyuarat tindakan negeri dan juga terbaharu, adalah di bawah ICU yang mana melibatkan projek-projek lewat jadual dan sakit. Untuk makluman Yang Berbahagia YB Pengerusi juga, pada 2 Ogos 2024, *insya-Allah* Kementerian Utiliti Sarawak akan berjumpa dengan kita punya TKSU lah untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan isu-isu projek bekalan air luar bandar dan juga bekalan elektrik luar bandar.

Okey. Selain daripada itu, saya cuba bantu untuk jawapan soalan tadi. Contohnya, apakah pertindihan-pertindihan pelaksanaan dengan projek lain? Adakah tidak ada penyelarasan dengan agensi negeri? Okey. Selain daripada pertindihan dengan projek air negeri, ada juga pertindihan dengan projek-projek lain. Contohnya, jalan. Sebagai contoh, bila ada ketika itu jalan sudah ada tetapi ada naik taraf ataupun bina baharu jalan-jalan. Contohnya, Pan Borneo ataupun projek-projek yang di bawah negeri lain.

Sebagai contoh, untuk projek yang bertindih dengan projek air di bawah negeri adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar Ulu Limbang di mana projek ini adalah bergantung kepada projek yang dilaksanakan di bawah RECODA. Jadi, bila RECODA sudah *settle* semua, adakah cukup dia punya kapasiti air dan kita akan *proceed* untuk tenderlah. Ini memang kita bekerjasama dengan JBALB di mana JBALB telah mengesahkan ada cukup kapasiti dan boleh ditampung di bawah projek yang di RECODA tersebut. Ini adalah kerana kita akan *tap* daripada projek RECODA lah. Kita buat untuk retikulasi. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh tak nak tanya Tuan Azman? Sikit tadi. Sebut, yang dia sebut tadi kan. Maknanya, mengaku *there is no master plan*. Saya orang *big picture*. Jadi, boleh tak kementerian lah— saya ini kepada kementerian pula yang ini kan. Apa yang saya dapatlah masa zaman dahulukala, kami melawat *Singapore*. *Singapore* ini dia ada *master plan*. Bertukarlah Menteri kah, apa kah kan tetapi *master plan* itu tidak bertukar. Dia dibuat di atas kajian yang profesional, *facts* bukan di atas desakan orang politik ke apa.

That is what apa saya *envisioned* untuk Malaysia ya. Makna, *master plan* kalau di Sarawak ini, banyak ini perlu. Macam mana hendak *sustain*? Apa yang akan berlaku dan sebagainya? *So*, untuk *the whole of* Malaysia, saya bayangkan macam Kedah ke apa yang kita *El Nino whatever* kan, dia da ada *master plan* itu. Menteri bertukar kah apa, kerajaan bertukar kah, benda itu tetap ada. *So*, kita tidak mahu dengar yang sebab bertukar kerajaanlah, benda ini bertukarlah apa benda tu.

The— as technocrats, macam *you all* semuanya *expertise* kan, yang ada dekat situ sepatutnya menasihatkan sesiapa yang jadi pemimpin itu. *Master plan is a master plan*. Mungkin yang lain-lain mungkin ada berubah sikit. Tapi, *master plan is a master plan*. Terima kasih, Pengerusi.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Ke EPU hendak jawab mengenai *master plan*?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Boleh saya respons ya, Yang Berhormat? Cuma bila Yang Berhormat sebut berkenaan dengan *master plan*, cuma setiap dari segi *planning* untuk projek pembangunan ini, kita ada bawah Rancangan Malaysia. Contoh, untuk bekalan air luar bandar ini, dari segi tujuan, hala tuju memang kita akan berada dalam dasar-dasar pengurusan air ini berada dalam RMKe-8. Contohnya, RMKe-11, RMKe-12 yang diterajui oleh

Kementerian Ekonomi lah sekarang ini. Sebabnya kita dari segi dasar asas itu ataupun *master plan* secara umumnya itu, memang kita adalah.

Untuk macam kes BALB ini, kita ada Dasar Pembangunan Luar Bandar. Maknanya, kita ada tiga fasa yang mana berakhir pada tahun 2030. *Hopefully by 2030* itu, *coverage* air terawat ini makna kita— itu dari segi *master plan* nya lah akan *cover 100 percent* kepada seluruh masyarakat itu. Itu dari segi sekarang ini lah. Dari segi *master plan* sekarang. Itu sahajalah saya hendak maklumkan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tadi, EPU tidak merespons ya? Soalan daripada...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah? Dah? Dah respons ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sudah, sudah. Ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sorry.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sudah tadi. Sebelah sana. Kan?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: *But* memang kita harus— kita kena menerima bahawa bila kita sebut tentang *master plan*, *we did not have a* master plan lah, contohnya. Tapi, *master plan* ini bukannya kalau kita hendak letakkan secara keseluruhannya pada KKDW, bukan.

Sebab saya nyatakan tadi bahawa apabila kita menyentuh tentang aspek air, dia akan melibatkan bukan hanya— bukan sahaja KKDW tetapi juga melibatkan PETRA, pihak berkuasa air negeri dan juga contohnya, Kementerian Ekonomi. Ini adalah *stakeholder* yang sepatutnya terlibat dalam penyediaan satu *master plan* mengenai contohnya, untuk bekalan air luar bandar. Itulah contoh yang kita perlu ambil tindakan tapi dalam masa yang sama, tapi ini mungkin di peringkat permulaan.

KKDW juga sedang dalam proses untuk merangka satu *master plan* mengenai jalan luar bandar di mana dalam sesi permukiman baru-baru ini, kami telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan satu *master plan* mengenai jaringan jalan-jalan di luar bandar. Itu adalah proses permulaan yang akan dilaksanakan oleh KKDW tapi namun begitu juga, dalam merangka *master plan* untuk jalan luar bandar juga perlukan adanya penyertaan daripada pihak KKR. Bukan keseluruhannya diletakkan di bahu KKDW, contohnya.

■1110

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Okey Pengerusi, saya ingin tanya. Apakah hubungan di antara KKDW dengan KKR? Ini kerana tadi Tuan cakap fasal buat jalan ya. Jadi bukannya ini di bawah KKR? *Okay, that is one.*

Number two, saya nak tahu juga yang kontraktor untuk kerja di Sabah dan Sarawak, adakah mereka mestilah syarikat yang didaftar ataupun mereka adalah pemilik peribumi di Sabah ataupun Sarawak? Atau dari Semenanjung juga boleh masuk? Juga dari segi perunding, bolehkah perunding dari negara asing masuk jadi perunding sesuatu projek? Adakah perunding itu juga mesti orang Sabah ataupun Sarawak? Ini kerana fasal Sabah dan Sarawak, saya nak tahulah.

Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Teknikal) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* YB Datuk Pengerusi dan YB-YB. Saya Muhammad Harridzan bin Abdullah, SUB Teknikal untuk KKDW. Saya cuba nak menjawab berkenaan dengan proses pelantikan perunding ya.

Basically, dari segi pelantikan perunding ini, kita adalah berdasarkan kepada senarai-senarai perunding yang kita daftar ambil daripada sistem yang dibangunkan oleh pihak MoF lah iaitu kita panggil MyGPIS. So, semua perunding-perunding yang terdapat— yang kita akan syorkan untuk dibuat pelantikan perunding adalah berdasarkan senarai-senarai yang direkodkan, dimohon di bawah sistem yang diguna pakai. Pelantikan perunding ini diguna pakai oleh semua agensi kerajaan yang mana telah ada satu arahan, yang mana kita perlu lantik perunding-perunding berdasarkan sistem dalam MyGPIS lah.

Mana-mana perunding baharu yang baru tubuh, yang tak ada di dalam sistem MyGPIS, kita sarankan kepada perunding-perunding tersebut untuk daftarkan dahulu di dalam sistem MyGPIS yang mana pihak agensi-agensi kerajaan yang terlibat akan mengambil senarai-senarai nama berdasarkan kepada sistem tersebut. Itu dari segi permulaanlah, dari segi macam mana kita dapat daripada senarai perunding.

Basically, dari segi keutamaan, bila kita buat pelantikan perunding, selalunya kita bagi prioriti kepada perunding-perunding tempatan. Contohnya, kalaulah projek itu di Sabah dan Sarawak, selalunya kita akan fokus kepada perunding-perunding tempatan sebab dia lebih tahu dengan keadaan semasa dekat tapak dan situasi sama ada situasi politik ataupun dari segi situasi lain-lain, perkara-perkara yang teknikal yang ada bentuk muka bumi. So, dia lebih *familiar* dengan sistem-sistem yang ada dekat dengan Sarawak.

Walau bagaimanapun, itu tidak menghalang untuk perunding-perunding dari negeri-negeri lain untuk masuk apabila kita buka secara tender terbuka. So, bila kita kata tender secara terbuka, semua sistem kerajaan adalah berdasarkan kepada ePerolehan yang mana

kita akan buka dan semua perunding yang mematuhi syarat-syarat yang telah kita tetapkan dari segi dia punya subkepada, dia punya apa semua itu. Sekiranya mematuhi dari segi itu, so kita akan nilai bila kita akan buka dalam kita punya sistemlah.

So basically, normally, perunding-perunding yang kita selalu bagi perhatian adalah perunding-perunding bumiputera. Dia kalau kita kata golongan bumiputera ini dia tak termasuk kepada bumiputera inilah. Dia bermaksud di Sabah dan Sarawak dia ada bumiputera dia. So, itu pun selalu yang kita— walau bagaimanapun, berdasarkan kepada *basic*, kalau ikut rekod semasa, jarang kita dapat perunding-perunding daripada luar yang memasuki kita punya tenderlah untuk tender-tender perunding. So, itu dari segi kita punya garis panduanlah.

Basically, dalam kita punya kaedah pelantikan perunding, seperti mana yang dimaklumkan oleh Tuan Ahmad tadi, so ada tiga kaedah yang diguna pakai dalam sistem kerajaan sekaranglah. Pertama adalah berdasarkan kepada lantikan terus berserta dengan kos siling. Kedua adalah berdasarkan kepada tender terbuka pra-kelayakan terpilih. Itu yang ada dalam sistem sekarang. Seterusnya adalah berkaitan dengan *[Disampuk] open tender*. So, itu adalah tiga kaedah yang sedang diguna pakai di peringkat kerajaan sekaranglah. Okey.

Pertama tadi saya ulang balik, lantikan terus berserta kos siling. Kedua adalah tender terbuka dan yang ketiga adalah tender terbuka pra-kelayakan. So, ini kaedah yang diguna pakai di peringkat kementerian, jabatan dan juga agensi untuk proses pelantikan perunding berdasarkan kepada PK 3.1 yang dikeluarkan oleh MoF lah. Okey.

Saya harap saya menjawab soalan daripada YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Di antara KKDW dan KKR, jadi kementerian ini buat jalan, KKR juga pergi buat jalan. Lepas itu *state level* juga mereka pergi buat jalan. *[Ketawa]* So, adakah ini semua berbeza ataupun sebenarnya ada koordinasi?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: YB, saya jawab. *[Ketawa]* Ini dah luar skop kan. Ini dah pergi jalan dah ini. *[Ketawa]* Saya cuba jawablah.

Peranan— kita ada— sebenarnya ada *segregation* (pengasingan) dari segi skop— ini jalan ya, membuat jalan, jalan kerajaan ini. Di bawah KKR, dia bahasa mudahnya dia buat jalan-jalan yang besar-besar itu. *Federal road, main highways* ini, jalan yang besar yang dua lorong, tiga lorong itu yang besar-besar. Di KKDW ini kita akan buat jalan-jalan luar bandar yang mana sehingga dari segi *spec* dia bermula daripada R1, R2 dan R3. Dia ada lah kelebaran, ada *spec-spec* tertentu berdasarkan Arahan Teknik JKR tersebut. Kita akan *complement*-lah antara jalan di peringkat *under* KKR, di bawah Kementerian Kerja Raya dan juga jalan negeri dan juga jalan luar bandar.

Cuma bawah KKDW ini, jalan luar bandar ini kita buat dan kita akan serah kepada negeri. Maknanya kita tak akan jaga dari segi aspek *maintenance*-lah. Dia tak ada pertindihan dari segi pembinaan jalan-jalan tersebutlah. Kita jalan-jalan kecil sahaja untuk kawasan-kawasan luar bandar yang di pedalaman ataupun *remote area* itu.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Okey, Yang Berbahagia Yang Berhormat— Yang Berhormat YB ya. Untuk jalan tadi seperti saya sambung pada SUB saya, maksudnya untuk JKR ataupun KKR, *Federal road* (FT). Yang kami punya, negeri. Kita bagi agensi teknik, JKR ataupun JPS untuk melaksanakan projek dan sebagai SO. Setelah siap projek, kita serahkan dan projek ini biasanya akan didaftarkan di bawah MARRIS untuk mendapatkan peruntukan daripada MoF lah untuk penyelenggaraan. Itu sahaja YB.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: SO yang dimaksudkan adalah sebagai pegawai penyelia. Dia tak buat angkat-angkat ini, penguasa. Penguasa untuk projek itu secara keseluruhan ya di mana sekiranya apa-apa berlakunya kepada projek tersebut, maka dia akan— pegawai ataupun individu yang ditugaskan itu, akan bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap kemajuan projek tersebut sehinggalah sampai selesainya projek tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih. Nak sampai ke saya ini banyak *kona-kona* ya [*Ketawa*].

Datuk KSU, sedikit soalan saya berkaitan dengan proses kerja projek bekalan air ini. Di peringkat awal itu ketika mana BPEN ataupun UPEN ya, bagaimana dia punya sistem proses permulaan itu untuk dia memohon permohonan kepada KKDW ya? Sama ada permohonan itu dia turun ke bawah melalui penduduk itu sendiri yang mohon atau melalui PBT dan sebagainya. Sebab saya melihat itu ada kaitan juga dengan— kalau disebut faktor kelewatan itu ialah salah satunya bantahan dan pencerobohan penduduk ya. Saya yakinlah, asalnya, awalnya ialah penduduk yang mohon kan? Kalau kata saya di Sik lah ya, penduduk kata, "*Oh kami perlu air*" bila ada satu— mungkin perkampungan baru dan sebagainya. Jadi proses itu bagaimana?

Sebab ada juga kaitan dan saya pun nak tanya juga dari segi bantahan penduduk-penduduk ini, apa maksud di situ? Sebab penduduk yang memohon untuk bekalan air ini. Mungkin sebab— mungkin ada keperluan untuk pengambilan tanah, pampasan dan sebagainya. Itu mungkin lah ataupun masalah mungkin dia kata ada ganggu dia punya ekosistem dia di kampung dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kedua, saya nak rujuk Tuan Pengerusi, dalam laporan audit, dalam status projek dalam perancangan di Sarawak ini, bekalan air Sarawak, satu projek retikulasi tahun 2016 iaitu zon Sarawak, Zon 4 Sri Aman.

■1120

Kos projek RM8.6 juta; tempoh projek, tahun kelulusan 2016; tempoh kelewatan tujuh tahun; menerima manfaat bank dengan rumah, 82 buah rumah. RM8.6 juta untuk 82 buah rumah. Saya *calculate* secara kasar lebih kurang RM100,000, RM104,000 untuk satu rumah, retikulasi sahaja. Jadi [*Tidak jelas*] dia tutup 2023. Jadi apa mungkin alasan kenapa begitu besar kos dia untuk projek retikulasi ini?

Saya mohon maaf. Saya dua, tiga hari – minggu lepas saya pergi ada majlis perasmian projek bekalan air alternatif di Sik dibuat oleh satu NGO. Dia buat daripada *tube well*, tangki retikulasi untuk 120 buah rumah nilai dia RM420,000. Itu saya *real*, saya dapatlah. Jadi saya nak tengok apa mungkin dapat beri penjelasan sikit dalam laporan audit ini, terima kasih.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, saya cuba jawab. Untuk soalan yang pertama, untuk projek Zon 4, Sri Aman ini. Dalam kita lihat projek di bawah retikulasi, ada satu pandangan melihatan seolah-olah buat *piping* sahaja. Tapi dalam kes retikulasi ini *piping* dan termasuk lain-lain skop yang berkaitan, sebagai contoh perlukan rumah pam, kita akan buat rumah pam. Kalau kita perlukan tangki, kita akan buat tangki satu.

Yang kedua, projek-projek ini adalah projek-projek yang di kawasan luar bandar, jadi mungkin di bandar saya tak pasti mungkin kos dia mungkin lagi kurang tetapi kawasan ini adalah kawasan-kawasan di luar bandar. Seterusnya projek di bawah Bekalan Air Luar Bandar ini memang kita bagi projek untuk satu rumah kita bagi sehingga yang lama RM100,000 dan sekarang ni RM120,000 *per house*. Okey balik satu lagi kepada soalan YB tadi tentang bantahan penduduk, adakah ia melibatkan sebagai contoh masalah ekosistem dan sebagainya.

Saya bagi contoh satu projek di bawah Sabah. Projek ni nama dia Projek Bekalan Air Luar Bandar Sinalapak. Projek ni saya ingat mengambil masa untuk selesaikan bantahan penduduk ni mungkin lebih daripada dua atau tiga tahunlah. Projek ni memang penduduk yang mohon tetapi dia punya *intake*-nya di kawasan penduduk yang lain. Jadi penduduk yang lain tersebut yang bantah *intake* ataupun loji dibuat kawasan mereka. Jadi, penduduk yang mohon tak dapat *benefit*-nya sebab ada bantahan daripada penduduk di kawasan lain yang membantah projek tersebut. Itu makluman saya YB sebagai contoh.

Sama juga, ada juga projek-projek yang dalam pembinaan yang mungkin ada juga projek di mana telah diputuskan pampasan tetapi penduduk masih tidak berpuas hati dengan nilai pampasan. Itu antara contoh yang kedua. Itu sahaja YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Soalan saya yang nombor satu tadi yang berkaitan dengan proses – mungkin EPU kalau ada dapat jawab itu, proses itu bagaimana? Di peringkat awal BPEN itu? Dia sendiri ada cadangan atau bagaimana? Perlu dokumentasi awal itu?

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Boleh Yang Berhormat? Saya cuba bantu jawab soalan yang pertama. Proses bagaimana permohonan sehingga ke peringkat kementerian. Bagi kes bekalan air seperti yang saya sebut awal tadi, kementerian akan menerima senarai-senarai daripada pihak berkuasa negeri. Dalam kes kita, perujuk utama kami adalah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Di peringkat negeri pun, sebelum mereka kemukakan senarai, mereka mendapatkan dulu daripada pejabat daerah, di situlah dikumpulkan di peringkat bawah.

Jadi permohonan sama ada daripada Ahli Parlimen, penduduk mahupun daripada ADUN kawasan bila ada keperluan projek-projek yang perlu dipohon dan diutamakan akan dibawa melalui pejabat daerah. Pejabat daerah akan angkat, dikumpulkan oleh pihak UPEN negeri, pihak berkuasa ekonomi negeri sebelum diangkat – kebiasaannya mereka akan tapis dulu di peringkat kerajaan negeri berdasarkan kepada mungkin dari segi pelan bagi tahunan berkenaan di manakah kawasan-kawasan yang perlu diutamakan di negeri masing-masing.

Jadi selepas tapisan diangkat kepada pihak kementerian, pihak kementerian pun biasa kita menyantuni, kita terima kesemua senarai-senarai berdasarkan apa yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri tetapi di peringkat kementerian dalam kita menapis, kita tertakluk kepada bajet yang dapat disediakan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan.

Jadi contoh, untuk tahun 2025 YB, kita menerima permohonan hampir RM11 bilion daripada semua UPEN negeri-negeri tak kira projek infrastruktur, program dan sebagainya. Tetapi apabila kita diberikan signal bahawa kementerian KKDW untuk peruntukan pembangunan mungkin hanya tidak boleh melepasi RM8.3 bilion contoh, jadi kementerian terpaksa kembalikan semula kepada pihak kerajaan negeri UPEN untuk meletakkan prioriti di atas. Jadi di situ yang kita akan tapis mengikut prioriti. Bukan kami yang utamakan, kita akan bergantung kepada keutamaan oleh pihak UPEN negeri.

Jadi kita akan tapis sehingga lapan – katalah RM8.35 bilion daripada RM11 bilion tetapi tertakluk kepada rakan kita di MOF dan juga EPU. Walaupun kita beritahu, kami diberikan RM8 bilion, contoh siling RM8.35 bilion, minta-mintalah ditimbang untuk dilebihkan setiap apa yang dipohon oleh rakan-rakan daripada negeri-negeri, itu sahaja YB untuk menjawab.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi Datuk Wira. Saya ada dua soalan. Soalan pertama, kita dengar tadi keadaan ini sekarang di mana kementerian akan menunggu permohonan daripada peringkat negeri dan dalam konteks Sarawak contohnya, JBALB akan membuat permohonan dan melalui proses yang disebutkan tadi.

JBALB Sarawak pun disebutkan tadi ada 100 jurutera. Nak tahulah di peringkat kementerian yang mengendalikan dan mengkoordinasikan projek-projek air ini, berapa jurutera yang ada di peringkat kementerian yang mengendalikan atau mengkoordinasikan Projek-projek Bekalan Air Luar Bandar ini? Berapa orang di peringkat kementerian? *Because* kita takut dia tak *out of phase* kan, oleh sebab tidak ada keupayaan kementerian untuk *really monitor and coordinate*. Itu saya nak tahulah, kalau dapat kongsi.

Ir. Muhammad Harridzan bin Abdulllah [KKDW]: Okey, saya cuba jawab YB. Untuk makluman umum, sebenarnya sebelum pihak kementerian melaksanakan sendiri secara dalaman oleh pihak kementerian, kita tertakluk kepada Arahan AP182 yang mana pihak kementerian perlu rujuk dahulu kepada Jabatan Teknikal.

Selalunya bila kita dapat *list* kelulusan daripada pihak MOF untuk projek-projek yang nak dilaksanakan, pertama sekali kita akan rujuk kepada ibu pejabat JKR Malaysia untuk kita maklumkan senarai-senarai projek yang kita memohon mungkin pengecualian ataupun yang mana projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal oleh JKR Malaysia.

Basically, selalunya untuk projek-projek bekalan air ini, sebenarnya JKR Malaysia telah memberi pengecualian kepada pihak KKDW untuk melaksanakan projek-projek tersebut secara dalaman oleh pihak KKDW, yang mana kalau kita tengok di peringkat KKDW selalunya kita akan pecah kepada tiga agensi yang akan terlibat.

Yang pertama di peringkat kementerian sendiri, kita ada bahagian teknikal yang akan melaksanakan projek-projek selain daripada Sabah dan Sarawak, di bawah RM50 juta. Yang mana RM50 juta itu kita akan serah kepada JKR Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan projek-projek di bawah RM50 juta atas arahan daripada MJM yang mana telah luluskan Sabah dan Sarawak JKR itu sebagai Jabatan Teknikal.

Okey, untuk projek-projek selain daripada itu, kita akan laksanakan secara dalaman oleh pihak KKDW oleh bahagian teknikal. Untuk makluman YB, so di KKDW kalau ikut dari segi bilangan jurutera yang khusus untuk kita melaksanakan projek-projek Jalan Luar Bandar ini, kita hanya ada lebih kurang dalam empat orang jurutera sahaja yang melaksanakan untuk melaksanakan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar untuk seluruh Malaysia yang mana kalau kita tengok dari segi kekangan dari segi *personnel* kalau kita tengok itu memang di luar daripada kita punya kemampuan.

Walau bagaimanapun, atas sebab kekurangan daripada kita untuk melaksanakan projek secara dalaman, atas sebab itu kita melaksanakan projek-projek kita berdasarkan

kepada pelantikan perunding. Sebab kita tak mampu untuk kita reka bentuk secara dalaman, jadi kita lantik perunding-perunding untuk membantu pihak kementerian melaksanakan projek-projek kita secara konvensional, perunding, yang mana ini yang mungkin dapat.

■1130

Cuma, dari segi penyeliaan dan pemantauan itu akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di peringkat kementerian lah, yang itu yang kita ini. Memang kalau kita tengok dari segi keupayaan untuk kita hendak melaksanakan secara sendiri memang di luar daripada ini. Walau bagaimanapun untuk hendak mengurangkan dari segi beban dan juga tanggungjawab untuk ini kita telah melantik perunding-perunding untuk melaksanakan kerja-kerja reka bentuk.

Dari segi penyeliaan dekat tapak apabila projek-projek tersebut telah dilantik kontraktor untuk pembinaan, yang itu kita akan dipantau sama ada oleh bahagian teknikal di peringkat kementerian ataupun akan dilaksanakan oleh— akan dipantau oleh di peringkat jabatan bekalan air di peringkat Sabah dan juga Sarawak lah yang mana mungkin dari segi pelantikan wakil pegawai penguasa kita akan lantik pihak JBALB sama ada Sabah dan juga Sarawak lah. Dari segi dia punya *the main* dia adalah dari segi kuasa untuk pegawai penguasa adalah di bawah peringkat KKDW lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih kepada soalan tersebut. Soalan susulan kepada soalan pertama. Maknanya adakah kita boleh rumuskan lebih kurang bahawa kebergantungan KKDW kepada konsultan dan jabatan teknikal begitu besar sekali lah ya *because* ini ada empat jurutera *for the whole country*. Saya rasa itu satu perkara yang boleh kita lihat kembali lah. Okey.

Soalan yang kedua, daripada dalam Laporan LKAN ini, kos projek untuk Sarawak RM1.647 bilion, di Sabah RM1.735 bilion dan telah melalui proses di mana peruntukan dipinda dan akhir sekali penyaluran untuk Sarawak RM0.922 bilion dan Sabah RM1.097 bilion. Ini dalam Laporan LKAN. Saya dapat lihat satu perbelanjaan 90.1 peratus, baki untuk Sarawak 9.9 peratus bersamaan dengan RM0.092 bilion. Untuk Sabah, perbelanjaan 93.9 peratus, baki peruntukan 6.1 bersamaan dengan RM0.067 bilion.

Dalam laporan yang sama juga, kita dapati bahawa ada 96 projek di Sarawak, daripada 96 projek itu 75 projek telah siap, enam projek dalam pelaksanaan, 12 projek dalam perancangan, 3 projek batal. Di Sabah pula 477 projek, 430 projek siap; 8 projek dalam pelaksanaan; 24 projek dalam perancangan; 15 projek batal. Jadi, saya hendak kepastian sajalah. Kalau tengok dari segi baki peruntukan itu hanya 9.9 peratus untuk Sarawak yakni lebih kurang RM92 juta saja tinggal, di Sabah RM67 juta sahaja 6.1 peratus tetapi projek dalam pelaksanaan itu masih banyak, projek dalam perancangan masih banyak, projek dibatalkan pun masih banyak.

Jadi, kalau baki itu sebanyak itu dan keadaan projek yang dalam pelaksanaan masih banyak, projek dalam perancangan masih banyak, projek yang batal itu masih banyak, bagaimana peratusan itu menunjukkan bahawa banyak perbelanjaan dah— telah dikeluarkan dan lagi projek-projek yang belum siap, dalam perancangan dan dibatalkan. Jadi, boleh dapat penjelasan lanjut? Terima kasih.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, dari segi peruntukan yang asal dan peruntukan dipinda, soalan YB tadi mungkin merujuk kepada dengan banyaknya projek tidak siap lagi, banyak lagi projek yang dibatalkan tetapi peruntukan itu seolah-olah tinggal sedikit— peruntukan yang dipinda.

Tetapi untuk makluman YB, peruntukan yang dipinda tersebut adalah peruntukan siling sahaja, kosnya masih kekal. Kosnya masih berada di EPU lah. So, sekiranya ada keperluan kita akan minta siling baharu dan kosnya masih kekal dengan kos yang asal lah. Sebagai contoh projek itu RM1 juta, tahun ini RM500,000 sahaja kita lihat dan peruntukan dipinda adalah RM200,000 sahaja. So, ia akan pergi— masih ada lagi baki RM800,000 lah sebab kosnya tetap juga RM1 juta. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya hendak jelas sikit, *figures* hendak jelas. Maknanya yang baki peruntukan itu berlandaskan kepada peruntukan yang telah dipinda, betul?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Baki peruntukan— peruntukan dipinda adalah peruntukan siling tahunan tersebut sahaja.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tahunan?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Ya. Okey. Sebagai contoh yang dalam kes ini adalah untuk RMK lah. Ini RMK sepanjang tempoh 2016 sehingga 2020. So, peruntukan dipinda dalam tempoh lima tahun. Walau bagaimanapun, baki yang diluluskan tersebut masih ada lagi sebab peruntukan yang diperlukan ataupun siling tahunan akan dibawa kepada tahun-tahun yang berikutnya mengikut keperluan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Silingnya adalah kos projek ya?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Okey, siling keseluruhan adalah kos projek. Tetapi siling tahunan atau siling RMK tersebut adalah peruntukan dipinda.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Saya hendak kepastian saja. Maknanya dalam Laporan LKAN ini, kalau boleh Jabatan Audit boleh *confirm*-kan yang masuk dalam laporan ini, yang 96 projek ini adalah bersamaan dengan peruntukan yang dipinda ataupun tidak kosnya?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Saya akan cari *total cost* projek untuk RMKe-11 ya sebab yang itu adalah peruntukan siling atau peruntukan dipinda. Saya akan cari *total cost*

untuk projek. Sebagai contoh projek saya maklumkan tadi, contohnya satu projek— Datuk Pengerusi, saya akan minta masa sikit untuk cari *total cost* projek RMKe-11 ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tidak apa, nanti boleh— kejam lagi boleh bagi maklum semula.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Roh soalan saya cuma hendak pastikanlah. Maknanya kalau baki banyak itu hendak siapkan yang dalam perancangan, dalam pelaksanaan, yang dibatalkan, maknanya di mana kos— cukup kah tidak cukup hendak untuk *complete*-kan lah. Itu saja soalan saya. Tetapi kalau hendak jawab kemudian sikit pun tidak apa.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Soalannya— okey YB. Saya betulkan balik. Ini saya ulang balik ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Semak, semak dulu lah.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Soalan YB adakah dengan kos tersebut cukup untuk *cover* projek-projek yang belum siap? Betul? Atau pun adakah cukup...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Belum siap, yang dalam perancangan dan yang batal itu, ada kos kah tidak.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Okey. Kalau dalam keadaan biasa memang kita akan kata cukup sebab kos itu telah diluluskan oleh EPU. Tetapi semasa proses reka bentuk ataupun proses tender, sebelum tender sekiranya ada peningkatan kos kita akan minta NOC tambahan kos daripada EPU. Biasanya daripada penjimatan dalaman lah. Tetapi berbalik kepada soalan tadi adakah kos tersebut mencukupi untuk projek dalam perancangan dan sebagainya adalah mencukupilah sebab kos itu tidak nampak di dalam sini sebab itu adalah peruntukan yang diberikan pada tahun tersebut.

Sebagai contoh saya ulang satu kali lagi yang untuk contoh A, katalah projek itu diluluskan projeknya kosnya adalah RM100 juta, okey. Tetapi pada tahun pertama, kita mungkin ambil RM100,000 sahaja. So, peruntukan RM100,000 akan *appear* di dalam peruntukan dipinda. Pada tahun kedua mungkin kita akan minta lagi RM10 juta daripada kos. Jadi, kita akan letakkan RM10 juta daripada tahun kedua. Itu akan jadi peruntukan dipinda ataupun peruntukan siling yang digunakan adalah RM100,000 campur dengan RM100 juta. Jadi, kosnya yang baki tadi masih ada lagi di EPU. Jadi, kalau soalan tadi sama ada cukup atau tidak, cukup.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma yang *figures* yang saya bagi tadi adalah peruntukan dan perbelanjaan bagi 2016 hingga 2023 ya seperti yang dalam Laporan LKAN. *Figure* yang saya bagi tadi.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli PAC kerana sangat beri tumpuan kepada Sabah dan Sarawak. So, soalan-soalan saya mahu tanya pun hampir sudah ditanyakan. Tetapi saya ingin tanya soalan susulan daripada— *I mean* daripada Ahli Parlimen Wangsa Maju lah. So, saya punya soalan adalah lebih kurang sama tetapi saya guna *percentage*. So, *percentage* untuk projek retikulasi naik taraf bina loji baharu untuk Sabah adalah 34 *percent*, penyambungan air meter yang *successful* hanyalah 36.1 peratus. Tetapi perbelanjaan setakat Oktober 2023 adalah 93.9 peratus. *Which means the* peratusan adalah sangat berbeza.

■1140

Perbelanjaan sudah keluar tetapi projek yang berjaya adalah 30 peratus lebih sahaja. Ia ada dalam muka surat 123 sehingga 130 lah dalam Laporan LKAN. So, saya juga ingin tanya apakah dalam muka surat 130 terdapat pihak audit juga mendapat RISDA? So, ini RISDA telah menjadikan agensi pembayar. Jadi, namun penyaluran ini tidak dibelanjakan pada tahun semasa kerana projek belum siap.

So, saya nak tanya dan pihak audit juga *kasi bold* dalam warna yang lain. RISDA bukan salah satu agensi pelaksana bagi projek BALB Sabah dan Sarawak. Namun, melalui semakan audit selanjutnya terdapat— mendapati bahawa KKDW menyalurkan peruntukan sejumlah RM109.56 juta dan iaitu RM12 juta bagi projek BALB Sarawak pada 6 Disember 2017 dan RM97.56 juta bagi BALB Sabah pada 16 November 2020 kepada RISDA.

Jadi, boleh saya tanya apakah peranan RISDA dan kenapa dia bukan salah satu agensi pelaksana untuk Sabah, Sarawak tetapi boleh mendapat penyaluran peruntukan dengan jumlah yang sangat besar? So, saya juga ingin tanya adakah Jabatan Air atau JKR Sabah ada di sini pada hari ini?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: JANS dengan JBALB kah, YB?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: JANS dengan JKR Sabah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: KKR tak ada.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: JKR tiada? JANS ada?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: JANS ada.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Jadi, saya nampak kan dalam melalui audit *report* juga ada *roughly* 13 masalah. Kenapa projek-projek ini ditangguhkan, mengenai Jabatan Tanah Ukur pun ada masalah. *I think the* A sampai H punya masalah adalah— *I don't know how to explain* lah. Macam *every single point* adalah *different agency*. Ada tanah. Lepas itu, ada agensi pelaksana Jabatan Air dan *also* perkampungan punya masalah untuk dapatkan konsesi kah dan perundingan. So, *I think* isu-isu ini tidak dapat diselesaikan *if there is no like* jawatankuasa yang telah dicadangkanlah jawatankuasa khas.

Tetapi, walaupun ada jawatankuasa khas tiada pelaksana yang bagus pun *I think it's the* jawatankuasa yang tidak dapat berfungsi dengan baik. *So, maybe* boleh jawab saya mengenai peruntukan yang telah belanja yang sangat tinggi tetapi pelaksana projek yang berjaya adalah 30 peratus sahaja. Apakah fungsi RISDA? *Maybe* nanti Jabatan Air Sabah boleh juga memberi penjelasan mengenai pelaksanaan projek yang begitu rendah sekali.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dalam menunggu nak menjawab, nak *ready* soalan ataupun respons. Kuala Pilah tadi ada nak tanya soalan ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Sebenarnya, soalan saya Yang Berhormat Pengerusi telah ditanya oleh Kapar. Terima kasih, Kapar. Tetapi, saya nak beri sedikit pandangan dan saya pertama sekali nak merakamkan jutaan terima kasih kepada KKW. Fasal BALB ini bagus. Matlamat penubuhan, bantuan projek-projek di bawah BALB ini banyak membantu kawasan pendalaman terutama di Kuala Pilah dan saya ucapkan terima kasih.

Tetapi, pelaksanaannya saya lihat tidak boleh *in silos*. Daripada awal lagi, saya tengok carta ini ia terus melibatkan kementerian-kementerian yang lain dan bila bercakap contohnya, projek di Negeri Sembilan, ia banyak melibatkan jajaran. Bila melibatkan jajaran ini *you are talking about acquisition, right of way* yang melibatkan kelulusan pihak berkuasa negeri, Yang Berhormat *Chairman*.

Jadi, saya rasa perlulah saya setuju dengan Saratok tadi mungkin perkara yang sama di Sarawak berlaku juga di Semenanjung. Perlunya ada jawatankuasa khas terutama dari segi teknikal ini. Bagi saya perbidalan senanglah. Makna, kita ukur dahulu baru kerat. Dah kerat dahulu baru nak ukur itu yang bila jadinya kadang kita *short*. Dah *korek* dahulu baru ukur, kata orang Negeri Sembilan lah. Makna, kita ukur dahulu.

Fasal saya lihat pada awal lagi UPEN, contohnya. UPEN akan dapat maknanya projek ini lantaran mungkin daripada Ahli Parlimen, ADUN, daripada pejabat daerah dan akhirnya, BALB ini akan diserahkan apabila projek ini telah selesai kepada operator air di setiap negeri. Contohnya, SAINS di Negeri Sembilan. Jadi, itulah saya rasa. Saya ingat kelewatan ini tengok daripada carta ini pun kita dah nampaklah begitu lama. Fasal kita tak tahu macam mana kaedah mungkin peruntukan di setiap projek itu sumbangan KKW berapa? Begitu juga dengan Kementerian Ekonomi dan nak dibawa ke kelulusan bajet itu ia akan mengambil masa setahun. Masa pembentangan bajet bulan 10 di Parlimen.

Jadi, kalau ada tertinggal, tertinggal bas mungkin akan masuk dua, tiga tahunlah hanya untuk dibawa kepada kelulusan bajet di Parlimen. Jadi, mungkin KKW boleh lihat perkara ini, situasi ini bagaimana mungkin untuk memendek dan memudah carakan kaedah ini kerana saya lihat banyak tadi lontaran-lontaran faktor kelewatan ini cukup banyak. Tetapi,

saya rasa ia boleh di-*address*. Boleh di-*remedy*. Kalau adanya pelaksanaan ataupun jawatankuasa khas pelaksanaan projek melibatkan BALB ini.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Pengerusi pun dah keluar dah. Terima kasih. Terima kasih, Datuk KSU.

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Yang Berhormat, yang mengenai Sabah RISDA. Saya cuba bantu jawab pencerahan daripada KKW. Bagi kes kita lihat dapatan daripada Laporan Audit Negara terdapat penyaluran kepada RISDA. Kalau ikut RISDA ini pun dia punya *nature* jabatan adalah lebih kepada perladanganlah. Tak ada kaitan dengan bekalan air. Cuma, dalam bagi kes tahun 2020 ketika— dalam amalan kewangan kerajaan, kementerian-kementerian menghadapi apabila kaedah bayaran di penghujung tahun. Kebiasaannya bila tutup akaun itu ada masanya kadang-kadang kita pun tak dapat satu tarikh bagi membolehkan apabila sistem perakaunan ditutup, bayaran-bayaran terhenti.

Jadi, bagi kes tahun 2020 adalah zaman ketika itu kita agak-agak kritikallah. Pada ketika itu adalah sedang berlaku COVID-19 dan perolehan-perolehan dan projek-projek pada ketika itu kurang menentu. Jadi, kita lihat tanggungjawab kerajaan apabila tuntutan-tuntutan dibayar perlulah dibayar dalam tempoh 14 hari. Sekiranya ada tuntutan pada bulan 11, bulan 12 kita pun kena pastikan ada peruntukan yang boleh dibayar.

Tetapi, di peringkat kementerian, mungkin rakan daripada MoF lebih maklum dan boleh bantu. Contoh, pada tahun 2020, makna sistem perakaunan kita ditutup lebih awal pada— telah pun dimaklumkan bahawa akan ditutup lebih awal. Maka, ketika itu kementerian melihat bahawa bagi projek-projek bekalan air ini ada tuntutan-tuntutannya akan berlaku projek yang sedang berjalan pada bulan 11, bulan 12 dan bulan satu.

Ketika itu, kalau terhenti bila sistem ditutup— pada ketika itu, 1 November. Sistem ditutup. Jadi, kita telah membuat penyaluran kepada agensi yang boleh membantu membayar tuntutan-tuntutan daripada kontraktor yang dikemukakan oleh agensi pelaksana daripada pihak Jabatan Bekalan Air Sabah dan Sarawak yang akan dibayar di luar sistem tetapi dibantu dalam kawalan oleh kementerian melalui agensi yang kita percayai, yang boleh dikawal.

Jadi, pada ketika itu kita ambil pendekatan menyalurkan baki jangkaan yang telah kita unjurkan untuk dibuat bayaran kepada tuntutan-tuntutan kontraktor yang tidak boleh dibayar melalui sistem perakaunan biasa. Jadi, ketika itulah kita salurkan dan kalau kita lihat pun peratus selepas tiga bulan penyaluran bahawa hampir 87 peratus bayaran dapat dibuat pada bulan 11, 12 dan satu sehingga bulan Mac.

Itu hanya berlaku pada ketika itu sahaja yang untuk kita pastikan bahawa ketika keadaan wabak ataupun kontraktor pun mengalami kesulitan-kesulitan dan kita nak pastikan bayaran dapat dibuat bayaran walaupun sistem perakaunan kita ditutup. Itu tidak boleh dibuat proses seperti biasa.

■1150

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Jadi, adakah ini satu *norm*? Biasanya kalau sampai akhir tahun, kerajaan *just shared* – salurkan kepada satu agensi walaupun tidak berkenaan tetapi boleh dipercayai untuk menyalurkan bayaran. Adakah ini sering kali berlaku? Sebab *I think* sebagai satu kerajaan, *end of the year* kami memang ada masalah di mana, MOF-kah *maybe* boleh jawab, kenapa sampai akhir tahun untuk buat bayaran adalah sangat susah. Tetapi *this is not one of the reasons that* kami boleh *just* guna satu agensi untuk menyalurkan peruntukan yang banyak, RM12 juta untuk Sarawak sahaja dan Sabah RM97.56 juta.

So, siapakah yang bagi ini, *I think* konsesi ataupun persetujuan ini untuk menyalurkan kepada RISDA?

Seorang Ahli: Kelulusan *kut.* [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Ya, mungkin boleh jawab.

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi peraturan kewangan memang dia bukan satu yang kita amalanlah. Tapi bagi ketika itu, peringkat tertinggi kementerian melalui pegawai pengawallah, Yang Berbahagia Datuk KSU, apabila kita menerima unjuran perbelanjaan atau pembayaran yang sepatutnya, yang kita lihat bahawa tuntutan-tuntutan yang perlu dibayar pada kontraktor untuk tiga bulan terakhir, pada ketika itulah, bulan November, bulan Disember, bulan Januari hingga bulan Februari. Jadi, amaun itu agak tinggilah, kalau seperti YB sebutkan tadi.

Ketika itu – pada tahun berkenaanlah dan diambil pertimbangan oleh pengurusan tertinggi ketika itu supaya membantu kontraktor yang ketika itu terkesan berlakunya wabak COVID-19 pada tahun 2020 supaya mereka pun dapat tuntutan itu dibayar walaupun akaun sistem proses tidak dapat dibuat oleh peringkat kementerian sebab ditutup lebih awal pada ketika itu. Kita mengambil langkah awal menyalurkan kepada agensi bawah kementerian sendirilah, RISDA bawah kita, untuk diberi tanggungjawab melunaskan tuntutan-tuntutan yang diperakukan oleh SO atau pegawai penguasa.

Pada kes ini, kalau bekalan air ini diperakukan boleh dibuat bayaran oleh Jabatan Bekalan Air Sarawak dan juga Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah. Jadi, kawalan kewangan yang disalurkan memang dikawal secara ketat oleh KKDW dan bayaran diperakukan, dibuat melalui SO. Peruntukan itu adalah peruntukan pada tahun 2020 sahaja dan tidak berlakulah selepas itu. Pendekatan kita ambil ketika itu ketika wabak COVID-19 tahun 2020. Terima kasih.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Soalan terakhir adalah, sudah semua peruntukan yang telah disalurkan ke RISDA sudah habis dibayar ataupun masih ada lagi yang dalam akaun yang belum lagi di-clear? Sebab dalam laporan adalah RISDA telah dijadikan

agensi pembayar, namun penyaluran ini tidak dibelanjakan pada tahun semasa kerana projek belum siap.

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Terima kasih YB. Kita mengakuilah bahawa masih ada lagi baki. Kementerian seperti yang disebut oleh YB tadi, sekiranya tiada tuntutan dan tak ada komitmen, kita akan menarik balik baki berkenaanlah. Buat masa ini, ada beberapa projek yang kita kenal pasti, difahamkan untuk dibuat bayaran dalam masa terdekat.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *What's the amount that* masih belum dituntut?

Dato' Afandi bin Nordin [KKDW]: Yang itu saya – minta maaf YB, saya tak ada *details* tetapi ada baki komitmenlah yang akan dibayar.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit, Sik dulu ya. Baik, terima kasih Timbalan Pengerusi. Sikit lagi. Saya rujuk di muka surat 7, Datuk KSU iaitu *way forward*, “*Mengiktiraf JKR dan JPS di Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik bagi melaksanakan projek yang bernilai sehingga RM50 juta*”. Jadi, bagaimana maksud di sini? Soalan yang pertama, adakah kalau lebih RM50 juta itu tidak lagi melibatkan Jabatan Teknik di JKR dan JPS? Itu faham sayalah.

Di pihak kementerian sendiri, adakah wujud Jabatan Teknik – maknanya kalau lebih RM50 juta itu? Itu perlu sedikit penjelasan. Sebelum itu Datuk KSU, bagi pihak saya sendiri, saya nak ucapkan terima kasih banyak KKDW, memang banyak projek air ini yang sangat manfaat untuk rakyat termasuk di Sik saya sendirilah. Saya terima juga bekalan air alternatif. Jadi, kalau dah buat projek ini sangat baik Datuk, manfaat dia setiap titik air orang minum itu, pahala boleh kepada kitalah yang pejabat kementerian, para pegawailah untuk teruskan projek ini dengan sebaiknya. Itu saja, terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya nak buat soalan lanjutan pada Sandakan tadi. Boleh tak kementerian maklum kepada PAC untuk projek-projek yang contoh dialah, projek-projek yang lewat siap dan sebagainya? Peratusan siap ataupun belum siapnya projek itu ada diberi tapi saya pohon juga *progress in terms of financial* dia. Kalau dapat bekalkan kepada PAC, *that means percentage of progress of physical work as well as the financial*-nya lah. Terima kasih.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Itu kita akan bekalkan Yang Berhormat Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada yang nak respons Sik?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Yang Berhormat Pengerusi, soalan YB Sik tentang projek-projek yang diberikan kepada agensi teknik di Sabah dan Sarawak.

Seperti sedia maklum, di bawah Sabah dan Sarawak yang diiktiraf sebagai agensi teknik hanyalah JKR dan JPS. JANS dengan JBALB masih belum diiktiraf sebagai agensi teknikal, okey. Untuk makluman, memang RM50 juta dan ke bawah telah diserahkan kepada JPS dan juga JKR ataupun JBALB di mana total projek untuk Sabah kita telah serahkan sebanyak 11 projek dan JBALB sebanyak 17 projeklah. Kos untuk Sabah, RM236 juta dan kos untuk di Sarawak, RM542 juta. Berbalik kepada soalan tadi, adakah RM50 juta akan diberikan juga? Buat masa ini belum sebab tiada lagi agensi teknik selain daripada JKR dengan JPS-lah. Itu saja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, baik. Sikit saja penjelasan. Maknanya di sini ayat disebut, "*Melaksanakan projek yang bernilai sehingga RM50 juta*". Maknanya, di situ kalau lebih RM50 juta itu tidak lagi melibatkan Jabatan Teknik di JPS, JKR. Itu maksud dia?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, maksudnya – kalau begitu perlu diubahlah ayat ini. Tidak fahaman – yang difaham begitu. Maksudnya, semua mengiktiraf JKR dan JPS ini dalam setiap projeklah begitu? Bukan hanya sehingga RM50 juta?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Setiap projek mempunyai nilai, YB. Bukan total nilai RM50 juta. Maksudnya, kalau projek itu *less than 50*, projek A kita bagi. Projek B kalau dia *less 50* pun kita bagi. Jadi, total itu ada 11 projeklah. Bukan total keseluruhan adalah RM50 jutalah. Total setiap projek.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Setiap projek yang bernilai RM50 juta dan ke bawah. Bukannya total ataupun jumlah keseluruhan projek RM50 juta, bukan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Faham. Jadi, kalau ada projek itu yang – satu projek itu melebihi RM50 juta, jadi maksudnya Jabatan Teknik itu berbalik kepada siapa?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* JKR.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kementerian. Kementerian.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat, kalau projek itu – contohnya, Bekalan Air Luar Bandar Sarawak saya bagi contoh, kos projek asal memang lebih RM50 juta. Dia akan balik kepada kementerian.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Maksudnya, dia berbalik kepada kementerian di Putrajaya?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Maknanya, di bahagian teknikal kita punya. So, makna pemiliknya akan jadi kementerian semula tapi *in case* untuk Projek Bekalan Air Luar

Bandar ini, kita akan lantik JBALB sebagai agensi pelaksana balik sebab memang selama ini pun memang JBALB akan buat. Agensi pelaksana – siapa yang – bahagian teknikal lagi tak sekarang ini tak? *[Merujuk kepada pegawai]*

Kalau bekalan air bermakna kementerian, JBALB sebagai pegawai penguasa dan tertakluk kepada kelulusan JBALB juga, pengarah dia. Dia akan ada lantik sebagai wakil pegawai penguasa di peringkat projek paling dekat dengan mengikut kesesuaian masing-masinglah. Ini Bekalan Air Luar Bandar. Tapi kalau projek jalan, kita ada perbezaan sedikit.

Selama ini pun projek yang lebih RM50 juta memang JKR Sarawak yang sebagai pelaksana dan juga dia yang akan melaksanakan projek walaupun melebihi RM50 juta.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Boleh tanya lebih dari satu soalan? Boleh, ya?

[Ketawa]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Satgi depa kata, "Cukuplah". Tampin kata, "Cukup". [Ketawa]. Tapi yang tanya 10 kali pun ada. [Ketawa]*

Dia macam ini, kita dapat cadangan projek ini daripada pejabat daerah bawa kepada BPEN peringkat negeri dan seterusnya mengikut kitaran inilah.

■1200

Bila sampai ke kita ini, tanpa kita tengok projek ini masalah— pencerobohan tanah, orang tak bagi lalu tanah dan sebagainya. Tidakkah boleh kita ubah kaedah, Datuk? Di peringkat pejabat daerah, BPEN ini sebelum diangkat kepada Persekutuan. Dia kena ada dah cari jalan penyelesaian kepada isu-isu tanah ini — hendak lalu dan sebagainya.

Kalau tidak, nampak macam pihak Persekutuan yang melewatkan projek ini. Dia kena *come out with* — okey, saya pernah dulu saya hendak buat bekalan elektrik untuk *Rubber City* di Kedah, ya. Dia melalui dalam 300 lot tanah. *So*, hendak kena *deal one by one, one by one*. Lepas itu baru selesai, baru kita minta peruntukan. *Then* tidak nampak sangat pihak Persekutuan ini bermasalah untuk melaksanakan projek. Okey, itu satu.

Lagi satu secara spesifik Datuk Wira Pengerusi, saya tengok dalam muka surat 3-8 ya, Jadual 1, buku yang *tebai*, buku yang *tebai*. Ini pertamanya sistem retikulasi. Sistem retikulasi ini tahun 2016 ya, untuk cadangan untuk Negeri Sarawak zon empat, Sri Aman dan projek dia tidak banyak.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia tanya kos.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kos, kos dia. Tanya dah?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sik dah tanya dah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak, dia macam ini. Itu satu. Ini tujuh tahun, status terkini— tender ditutup 29 September. Lepas tujuh tahun baru tutup tender. Jadi, selepas ini berapa tahun pula baru *depa* nak dapat *ayaq*? Ha, ini satu.

Kemudian, kita tengok macam Pan Borneo. Kawasan Puncak Pan Borneo 2, bahagian Kuching. Yang ini besar projek dia— RM129 juta. Tunggu enam tahun, baru tengah *dok* nak buat suku tahun kedua ini, nilai kejuruteraan (*value engineering*). *Tak tau* nak *pikiaq* orang kata [*ketawa*]. Orang Sarawak pun *penin*. [*ketawa*] Lepas itu naik taraf projek— nombor dua ya, nombor tujuh. Daripada naik taraf projek itu, dia ada satu nombor tujuh. Projek menaik taraf di Sekuau, Selangau, bahagian Sibu ya — RM117 juta, 2017, enam tahun ini pun sama. Baru nak buat bulan Februari baru ni, baru nak buat *value engineering*. Apa yang berlaku? Boleh bagi *specific answer* kepada tiga contoh projek ini yang saya rasa cukup baik untuk kita tengok untuk masa-masa ke depan.

Lagi satu Datuk Wira Pengerusi. Saya pernah *pi* Papua New Guinea, tahun 1994. Tampin tak pernah *pi*, saya pernah *pi*. [*ketawa*] Tahun 1994, saya nak *pi* Papua New Guinea dah nak beli tanah. Nak buat ladang getah ya. Okey, saya duduk satu rumah. Rumah ini *depa takdak* bekalan *ayaq* macam kita, *ayaq* paip-paip ni. Dia hanya *ayaq* hujan. Saya duduk dua minggu, sakit saya— perut saya pun tak sakit. Itu untuk minum, itu untuk masak, itu yang segala-galanya. Dia tapis kemudian ada *chemical* dia masukkan *and why not, we think about this for* kawasan-kawasan yang susah nak masuk ni kecuali yang banyak-banyak rumah tu, tu lain. Macam lapan rumah, 10 rumah. Air hujan berlambak, bukan? Buat tangki besar supaya yang penting waktu kemarau pun air tu dapat ada ya.

Lagi satu, apa kedudukan situasi mengenai air bawah tanah? Adakah kita ada perancangan untuk membangunkan sistem ini untuk kawasan-kawasan luar bandar yang jauh seperti di Sabah dan Sarawak? Terima kasih Datuk Wira.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ada banyak soalan. [*Ketawa*]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu yang tadi tu.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Membuat...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Puan Nor Faezah binti Ismail [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: Okey. *Assalamualaikum* Yang Berhormat. Saya Faezah dari KKDW. Okey, untuk yang projek loji air Sekuau, Selangau, bahagian Sibu, Sarawak — untuk makluman Ahli Mesyuarat semua, projek ini telah diluluskan pada tahun 2017.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Puan Faezah. Minta maklumkan kepada PAC. Jawatan apa ya dekat KKDW?

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Saya KPSU.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia Ketua Unit Bekalan Air Luar Bandar Sabah dan Sarawak.

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Untuk makluman semua, projek ini telah dilaksanakan makmal kajian nilai pada tahun 2018 tetapi terdapat perubahan skop dan kos yang ketara daripada kos asas sebanyak RM62.5 juta kepada RM117.04 juta.

Okey. Untuk makluman semua, setelah makmal kajian nilai dilaksanakan dan memandangkan terdapat peningkatan kos, terdapat permohonan daripada perunding untuk menaikkan yuran perunding. Perkara tersebut telah pun dibawa kepada jawatankuasa penilaian perunding di peringkat kementerian. Walau bagaimanapun, permohonan kenaikan yuran tersebut tidak dipertimbangkan oleh pihak JPP.

So, di peringkat kementerian berpandangan supaya kita *back to* kos yang asal sebab memandangkan kos perunding ini tidak naik, kita *back* kepada skop yang asal. So perkara tersebut telah dibawa kepada EPU pada ketika itu untuk permohonan NOC. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak EPU sebab pihak EPU pohon supaya kita kekal sebagaimana skop dan kos yang telah diputuskan oleh makmal VA.

So, jadi di peringkat kementerian kami akur dengan keputusan daripada pihak EPU dan permohonan NOC yang *latest*, telah diluluskan pada tahun 2021. So, selepas daripada tersebut, pihak perunding mula menjalankan kerja-kerja reka bentuk berdasarkan skop yang terkini. Sebab ada pertambahan kampung, tangki, pam yang banyak. Kalau kita tengok daripada kos dia, daripada RM62.5 juta jadi RM117.04.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara* Bilakah agaknya projek ini akan bermula? Pelaksanaannya bermula?

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Untuk makluman semua, makmal ini telah dilaksanakan pada bulan Februari. So, kita baru terima *report* daripada pihak JKR pada bulan baru-baru ini pada bulan awal Julai. So, daripada situ kami akan menyediakan kertas permohonan NOC untuk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Berapa lama nak mula? Nak mula?

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: So, kami jangkakan tender tahun ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya.

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Selewat-lewatnya *by fourth quarter of the year*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Yang nombor dua tu? Kawasan Puncak Borneo tu? Retikulasi?

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Kawasan Puncak Borneo ini, dia projek ini pada asalnya telah diputuskan untuk dilaksanakan secara tender terhad.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya.

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Projek diluluskan pada tahun 2017 tapi pada tahun 2018 terdapat perubahan kerajaan yang mana projek-projek yang belum dikeluarkan SST perlu dibuat secara tender terbuka. Jadi, pada tahun 2020, hanya perunding dilantik. Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Tuq* kerajaan pun payah juga.

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: So, ada dari segi kelewatan— dari segi pelantikan perunding itu, saya akur. Okey. So, pada Julai 2022, hanya makmal VA dilaksanakan. Untuk maklumat Ahli Mesyuarat semua, terdapat halangan penduduk di satu tapak *booster station* yang mana di peringkat negeri telah diputuskan supaya perunding mencari tapak yang lain untuk menggantikan tapak yang asal.

Jadi, proses tersebut pun memakan masa lama. So, walau bagaimanapun sekarang ini perunding dalam peringkat penyediaan dokumen untuk VE. So, kita jangkakan *by third quarter*, kita akan menjalani proses makmal VE.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: So, susulan tadi adakah perubahan kerajaan terlalu kerap ini menyebabkan ataupun ada *contributing factor* terhadap kelewatan proses projek tersebut? *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Master plan* tu.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tampin sahkan, ya.

[Ahli Mesyuarat ketawa]

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Just be* itu. Kita terus terang, cakap sebab dia bukan *master plan* itu. Perubahan kerajaan, berubah menteri —berubah juga prosedur, perolehan pun berubah. Jadi, *master plan* dia tidak ada, tidak diikuti. Adakah?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Datuk ya... *[Ketawa]* Bos lama. Cuma dari segi *master plan* — *so-called master plan ini, so-called master plan* ini memang dia tidak berubah. Cuma dari segi peringkat pelaksanaan itu, berdasarkan *circle* itu tadi, bila ada *disturbance* atau gangguan pada *circle-circle* tertentu itu, khususnya dari tadi yang Yang Berhormat Datuk Ali dari aspek perolehan itu, bukan? Di peringkat kementerian untuk suatu perolehan itu — *even* tender terbuka, dia ambil masa enam bulan.

Bila ada batal sahaja sesuatu perolehan itu sama ada kaedah terhad, tender terhad dan kita hendak pergi kepada tender terbuka, kita kena *start* balik. *Refresh* balik. So, dia akan pergi undur belakang balik. So, itu jadi satu-satu punca projek-projek itu tidak akan bergerak mengikut perancangan asal.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya rasa kita...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, Saratok.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Hai, ada lagi? Kita...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Jangan tukar-tukar kerajaan lagi, Saratok.

[Ahli Mesyuarat ketawa]

■1210

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ini susulan daripada yang lewat tadi. [Ketawa] Kalau dia lewat projek, dia *estimate* kos dia 2017, mungkin pelaksanaan dia nanti, 2026. Mungkin lebih kurang lapan, sembilan tahun. Tidakkah kos material itu akan naik dan kos pekerja pun naik? Jadi, kalau kita lewat lagi, banyak lagi kos dia. Jadi, faktor tersebut memang ada menyumbangkan kepada kos kenaikan itu tadi. Jadi saya rasa pihak kementerian, pihak Kementerian Ekonomi pun kena kira faktor tersebut. Kalau kita *reject*, *of course* dia naik, tak boleh lebih daripada 10 peratus, itu payahlah projek nak berjalan ini. Macam mana kenaikan kos ini?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, saya respons sikitlah. Berhubung dengan pelaksanaan sesuatu projek ini seperti yang kita sedia maklum, projek bekalan air luar bandar di bawah KKDW ini memang mengambil masa yang panjang lah. Dari segi pemuktamadan kos ini, bagi projek-projek yang melebihi RM50 juta, kita akan muktamad kos sebelum ditender sesuatu projek tersebut melalui proses terakhir iaitu kos yang dimuktamadkan oleh *team* di bawah DE lah. Makmal kejuruteraan yang akan memuktamadkan kos-kos tersebut sebelum kita tender selepas kita ada kos yang paling terkini lah.

Sekiranya ada peningkatan kos yang melampau ataupun kenaikan hampir kadang-kadang itu *double* ya, sebab dia dah lama kos yang asal itu. Kita akan *refer* balik, kita akan mohon pertimbangan daripada—biasa Kementerian Ekonomi lah untuk meluluskan kos projek yang baharu sebelum kita untuk buat *tender process* seterusnya. Itu sahajalah prosesnya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Saya minta untuk...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Yang Berhormat, tambahan kepada isu yang sama tadi. Status projek dalam perancangan BALB Sarawak ini yang 12 projek ini, retikulasi dan loji. *Since* Pengarah JBALB pun ada di sini, sejauh manakah penglibatan mereka juga dalam kesemua 12 projek ini memandangkan mereka pun telah mempunyai *blueprint* perancangan *water grid through* Sarawak? Adakah mereka pun terlibat secara *direct* dalam kesemua projek ini?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Saya jawab dulu sikit. Bagi kes projek-projek dalam perancangan ini khususnya untuk di bawah projek BALB di Sarawak, kementerian dan juga Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak ini kita akan bekerjasamalah di peringkat awal lagi, di peringkat proses perancangan itu. Kita akan mengadakan mesyuarat reka bentuk di kementerian. Setiap tiga bulan sekali, kita akan pantau dari segi *progress* kemajuan projek-projek tersebut khususnya bila kita dah lantik perunding, perunding akan pergi ke tapak dan melibatkan *engagement* dengan pelbagai pihak untuk mendapatkan suatu kelulusan dan untuk meneruskan projek itu mengikut *terms of reference* yang kita telah tentukan kepada perundinglah. Okey, boleh tambah.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBAL Sarawak]: Okey. Dari segi perancangan ya, kalau kita lihat daripada segi pelan induk bekalan air Sarawak, memang projek-projek Kementerian Luar Bandar ini sebahagian daripada perancangan kita untuk menambah liputan air bersih di negeri Sarawak sehinggalah 2030 iaitu liputan sepenuhnya. Memang kita sentiasa mengangkat ataupun mengemukakan projek-projek berdasarkan pelan induk yang kita ada mengikut prioriti-prioriti yang dikehendaki selari dengan perancangan saluran utama paip yang dibuat melalui peruntukan Kerajaan Sarawak.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *Additional question.* Daripada keseluruhan projek bekalan air di Sarawak, berapa peratus kah dia punya *financing* itu daripada *Federal*?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: Okey. Dari segi peratusan, kebanyakan seperti yang saya maklum tadi, untuk luar bandar, memang *in terms of yearly* yang kita selalu pohon di antara RM300 juta ke RM500 juta, *yearly*. Contohnya, untuk *RP3, RP4* yang diluluskan dalam lingkungan RM300 juta.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Berapa *percent of your annual*?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: *Annual*, kalau kita lihat secara menyeluruh, kalau *compare* dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Sarawak. Contoh ya, sistem grid Sarawak kita mendapat peruntukan lebih kurang RM10 bilion *compare* dengan— yang itu untuk jangka masa lima tahun, lima tahun. *This means around RM2 billion per year, compare* dengan peruntukan yang diluluskan di bawah *Federal*, lingkungan RM300 juta ke RM500 juta.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, nak tanya orang kampung. Nak tanya Jadual 1 nombor 10, kawasan Long Lama Bahagian Miri. Ada 602 penerima manfaat sepatutnya bilangan rumah, kan? So, statusnya makmal kajian nilai Januari 2004, kos projek RM58 juta. Kalau tanya Sik tadi, ini di bawah kementerian ke JBALB? So soalan saya, bila siap? Saya lahir di bahagian ini. So, saya dua alam. *[Ketawa]* Boleh tanya...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Oh, bahaya, bahaya, bahaya. Bahaya, dua alam ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya JBALB. So, kementerian kah apa?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. So, untuk makluman, projek ini diluluskan pada tahun 2018. Buat masa itu, memang JBALB masih belum diberi kuasa untuk melaksanakan projek di bawah RM50 juta. Kita hanya diluluskan untuk menjadi agensi pelaksana bermula tahun ini. Walau bagaimanapun seperti yang telah diterangkan oleh pihak kementerian, kita dilantik sebagai pengawal penguasa untuk membantu melaksanakan projek setelah projek itu di-*award* kepada kontraktor.

So untuk kes ini, kalau berdasarkan makluman ini, VA projek telah diadakan. So selepas ini susulan daripada VA, kita akan buat makmal VE dan diharap projek ini dapat dilaksanakan pada tahun ini ataupun awal tahun depan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Siapnya bila?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: Siap...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Bottom line.*

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: *Bottom line.* Puan Faezah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Siap biasa dua ke tiga tahunlah. Maknanya kena kira. *[Disampuk]* Berapa lama? Tahun berapa agak-agak? *[Bertanya kepada Ir. Ts. Awg]*

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB Sarawak]: Tempoh pelaksanaan Yang Berhormat ya berdasarkan skop kerja tadilah. Kalau melibatkan *booster station, high level tank*, biasanya kita letak 24 bulan. *Meaning to say* kalau 2025 mula, *hopefully by 2027* kita boleh siapkan projek tersebut.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ini Yang Berhormat, tanpa ada apa-apa gangguan kat- *construction* bergerak secara 24 bulanlah. Tak mengambil kira EOT lagi. Itu kalau ada lah. Cuaca buruk, hujan turun. *[Ketawa]* Okey.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi, saya ada soalan juga berkenaan dengan Saratok ini. Memang projek lama dah ini. Sebab saya tidak nampak ia dalam *list*, projek yang belum dibuat, letak dalam *list* ini. Tapi projek tersebut, sudah diberi *job order* saya rasa, projek Bekalan Air Ulu Roban. Dia lebih kurang RM14 juta, projek Bekalan Air Ulu Roban. Dah dibuat 2019 kalau tak silap saya. *[Disampuk]* Dah lulus dah. Memang dah di-*channel*-kan kepada JBALB kalau saya tak silap. Tapi, status dia sekarang belum tahu lagilah. Mungkin ada masalah isu kecukupan bekalan air daripada tangki.

Seorang Ahli: Punca air. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Punca air. Tapi, tidak ada dalam *list* ini. So, mungkin kena letakkan dalam perhatian.

Then yang kedua, berkenaan dengan bekalan air alternatif tadi. Kita ada pengalaman di Saratok. Ada dua rumah panjang. Kita menggunakan air bekalan bawah tanah. Satu di Ulu Roban, tempat tadi itu. Satu lagi di kawasan Mudong. So, kita dapat projek daripada KeTSA masa itu untuk menggerudi air bawah tanah dan dibangunkan bersama dengan JBALB.

■1220

Saya nampak projek tersebut memang tak sampai RM400,000 *total cost* termasuk proses dia sekali. Orang rumah panjang itu memang betul-betul gembira mendapat bekalan air ini. Pertama, airnya sejuk, bersih. Mengikut kajian daripada JMG, kualiti mineral yang ada dalam air itu memang tinggi daripada air mineral yang dijual di kedai itu. Jadi, dia orang pun nak jual air mineral jugalah, contohnya.

So, mungkin kita lihat alternatif ini, bekalan air bawah tanah sebab jarang dibuat. Dia memang cepat, kos dia rendah dan orang kampung dan rumah panjang memang suka air itu sebab itu sekarang dia orang bangga, "*Kita air dalam toilet pun kita pakai air mineral*", dia orang cakap.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Memang betul pun. Air yang di bawah tanah digerudi itu...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Mineral itulah. Air mineral...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Better* air...

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: ... adalah air mineral. So, kualiti air dia memang lebih bagus. Jadi ini – mungkin kita lihat satu ini iaitu bawah air tanah. Kos dia rendah, air dia bersih, air dia pun lagi sedap daripada air biasa, air paip. Memang orang-orang rumah panjang sebut, cakap air tu lebih sedap.

Seorang Ahli: *Free*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Free* lagi. Gotong-royong dia orang cuci bersih semua tu. So, *that you look into it*. Di Mudong dengan di Ulu Roban, ada dua tempat tu. Itu projek dengan JBALB juga. Sebagai contohnya. Sik ya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya, betul di Sik pun ada.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sik pun dia kualiti mineral macam mana?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mineral, boleh mana-mana dia – boleh minum *direct*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Dia memang minum *direct* dan kualiti dia lebih bagus. So, boleh dijuallah. Itu cadangan sayalah. Terima kasih.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, saya jawab soalan yang pertama tadi YB tanya pasal Projek Bekalan Air Luar Bandar kawasan Ulu Roban, Saratok ya?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya, ya.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Okey, projek ini tak masuk dalam sampel ini sebab projek ini diluluskan pada RP1, RMKe-12, 2021.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Oh, okey, okey.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Itu satu. Yang kedua, tentang cadangan untuk penggunaan air bawah tanah. Okey, di dalam projek selain daripada projek retikulasi ataupun air terawat ini, kita juga bagi peruntukan untuk projek di bawah bekalan air alternatif, di mana Sabah dan Sarawak secara *general*-nya setiap tahun kita bagi RM5 juta, RM5 juta lah, Sabah RM5 juta, Sarawak RM5 juta. JBALB kebiasaannya, betulkan tuan kalau silap ya, selalunya bagi secara gotong-royong di bawah JMG buat sendiri ataupun di bawah KKM-lah supaya – buat gotong-royong.

Dalam masa yang sama juga, kita telah luluskan di bawah satu projek yang berskala besar tetapi di bawah kita panggil– SAWAS di bawah Sarawak punya tetapi yang di bawah EPU, kita panggil projek – contoh ya, pada RP4, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sistem alternatif, contohnya, Bahagian Sri Aman, Sarawak kita telah luluskan pada RP4, RMKe-12-lah. Jadi, kita lihatlah sumber air sama ada sungaika ataupun air bukitkah ataupun lain-lain sumberlah.

Tetapi, banyak projek telah diluluskan di bawah KKDW yang diluluskan oleh EPU untuk projek di bawah untuk bekalan air sistem alternatif.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Yang saya nampak kalau dia menggunakan air graviti daripada sungai itu, daripada gununglah, kalau kemarau dua minggu dia dah habis dah. Bekalan air itu tak cukup. Tapi, yang saya nampak kalau air bawah tanah itu memang tak habis, banyak itu. Itu pandangan sayalah. Cuba pihak JBALB boleh – mungkin RM5 juta ini memang saya rasa tak cukuplah. Mungkin kena tambahkan ini.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, saya nak tanya sikit boleh YB? Saya nak tanya sikit YB ya?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Boleh, boleh.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Sebab ini di bawah alternatif ini ada pelbagai sumber airlah. Sebagai contoh, air bukit dan sebagainya. Cuma, kalau air bawah tanah ini, kebiasaannya projek-projek yang secara alternatif ini tidak ada rawatan. *So, possibility* air bawah tanah ini dia tidak melepasi *national standard drinking water* tahun 2004 tak silap sayalah. Jadi, dia ada sedikit kesukaran masa audit nanti sebab dia tak sampai itu. Itu saja isu dia YB. Macam mana YB? Boleh terima tak yang itu?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengalaman di Mudung dengan Roban ini, dia bersama dengan JBALB, mereka melalui sistem penapisan. Penapisan itu taklah canggih sangat tapi memang cukup. Jadi, memang di-*verified* pun air tersebut, kualiti dia memang baik. Dia ada sistem pernafasan – pernafasan pula. Penapisan yang baguslah dan kos pun taklah mahal sangat. Betul tak, JBALB?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Yang Berhormat, saya tambah sikit. Terima kasih atas komen Yang Berhormat. Memang sistem yang kita telah bina di Saratok memang – *actually it's a clean water. It's not a treated water* sebab kita tak ada *chemical* yang kita campur untuk memastikan air tersebut mematuhi *national drinking water*. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menggalakkan pengguna untuk memasak air dulu sebelum diminum, selain untuk kegunaan harian.

Untuk nak tambah lagi, untuk makluman tadi di negeri Sarawak kita juga telah memohon projek *we call it Sarawak Alternative Water Supply*. *Alhamdulillah*, pihak kementerian pun telah meluluskan banyak projek SAWAS ini untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan *off-grid* di negeri Sarawak untuk memastikan liputan bekalan air bersih dibekalkan kepada penduduk Sarawak.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya, Wilayah Sarawak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi, sikit. Mungkin saya nak tambah sedikit berkaitan – maknanya projek dalam laporan LKAN ini, bekalan air alternatif itu nampak *clear*. Maknanya, berjalan baiklah ya? Isu kita ini adalah dari segi retikulasi, baik pulih loji dan bina loji baru, tiga itu ya?

Jadi, maksudnya, saya setuju dengan Saratok tadi. Kalau Datuk KSU kita tambah lagi bajet untuk air alternatif. Kalau RM5 juta itu memang sangat kecil ya. Sebab itu sebenarnya lebih cepat, lebih baik dari segi pelaksanaan projek dan maknanya, orang kampung betul lagi suka ya? Cuma jadi isu tadilah.

Kalau saya pengalaman di Sik, kita guna *tube well* itu, kita bekerjasama dengan KKM sendiri dengan JMG ya untuk dia nak buat dulu mungkin – makmal apa semuanya kan. Jadi, itu saya ingat mungkin boleh diatasilah. Kalau kata tadi melibatkan akta air kita kan? Jadi, saya nampak kementerian kena fokus juga untuk alternatif itu untuk masa depanlah ya. Baik, terima kasih.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Mungkin YB dari segi penemuan audit untuk kata projek air alternatif disebabkan dia banyak dibuat secara berskala kecil. Jadi, mungkin penemuan-penemuan itu tidaklah begitu besar berbanding dengan apa yang – berbanding dengan katalah projek apa yang kata bekalan air luar bandar macam

retikulasi, contohnya. Tetapi, apa sekalipun dari segi penambahan peruntukan kepada kata bekalan air alternatif ini mungkin kita minta pertimbangan juga di pihak Kementerian Ekonomilah. Kalau itulah yang maknanya, *the way forward* mungkin lihat lebih banyak peruntukan yang disalurkan bagi kata bekalan air Sarawak alternatif itu mungkin dapat pihak Kementerian Ekonomi pertimbangkan. Kalau itulah yang dimohon oleh banyak daripada Ahli-ahli Parlimen dan DUN di peringkat negeri.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau tak ada apa dan teruskan dengan pembentangan.

Puan Nadeema binti Kamaruddin [MOF]: YB Datuk Wira Pengerusi, tadi ada tanyakan status tentang permohonan YB, yang jabatan. Respons daripada Kementerian Kewangan, tapi respons ini merujuk daripada Seksyen Dasar, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan merujuk kepada permohonan daripada Perbendaharaan Malaysia Sarawak mengenai cadangan pelantikan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak sebagai jabatan teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182-lah.

Maklum balas ini telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak pada 18 Julai 2024 dan secara ringkasnya, MOF telah bersetuju agar JBALB dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pelaksanaan projek bekalan air di Sarawak sehingga nilai RM50 juta dan kelulusan ini hingga 31 Disember 2025 sebagai agensi pelaksana sehingga keputusan mengenai pelantikan jabatan teknik ini dibuat di bawah AP182. Itu sahaja, YB. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih MOF. *All right*, teruskan.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Cuma untuk slaid ini kebanyakan benda yang telah ditanya oleh ahli semua ni dia dah bagi *page* empat, lima, enam, tujuh, lapan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Dia sebenarnya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Just go through... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Page* empat pula.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Tengok *page*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Next slide*.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: *Next*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW] Ini RISDA.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: *Next.*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Tadi yang kes tangki air yang tak digunakan.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Maknanya, selepas penyerahan bila projek itu siap maka kenapa tidak digunakan? Contohnya, ini adalah jawapan yang kami sediakanlah kepada persoalan...

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Ditanya tadi juga.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Enam – yang ini belum. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Boleh. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1230

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Cuma ini bermula daripada nombor 6 ini ia merupakan satu isu O&M ya, isu penyelenggaraan setelah projek siap dan kita di peringkat kementerian kita akan serahkan kepada pihak berkuasa air negerilah. Dalam kes ini di bawah Jabatan Air Negeri Sabah. Maklum balas dan status terkini ialah pam *submersible* yang rosak telah dibaikilah pada tahun lepas lagi dan telah beroperasi seperti biasa. Tali sawat motor, *blower* juga telah haus dan putus telah dibaiki pada tahun lepas juga bulan Disember dan beroperasi seperti biasa.

Pembaikan sistem klorin melalui kerja kecemasan di bawah Arahan Perbendaharaan 173.2 ini Perolehan Darurat telah dibuat pada 25 Jun tahun ini dan sistem *electro chlorination* (EC) ini di Loji Rawatan Air Jaya Bakti berada dalam keadaan biasalah. Maknanya di peringkat JANS telah membaiki semualah seperti apa yang telah dilaporkan dalam LKAN 2024. Pembersihan *sludge lagoon* juga di bawah kontrak *Facilities Maintenance* Zon 3 telah dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada 22 Ogos 2024. Cuma kalau ada wakil JANS— ada apa-apa terkini lagi?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, kita memang adanya satu garis panduan yang jelas dari segi pembahagian tugas. Maknanya selepas kata selesainya ataupun siapnya Projek Bekalan Air Luar Bandar tersebut, maka bila penyerahan berlaku kepada pihak berkuasa air negeri, maka susulan daripada itu segala proses contohnya dari segi *maintenance* ataupun penyelenggaraan itu akan dibuat oleh pihak berkuasa air negerilah. Itu terpakai dalam— mana punya ini?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Di bawah garis panduan 2017 dan garis panduan 2021 telah ada pernyataan penyerahan kepada pihak berkuasa air negeri, penyelenggaraan

dan operasi oleh pihak berkuasa air negeri dan di dalam perenggan-perenggan ayat pun telah menyatakan Projek Bekalan Air Luar Bandar yang siap dilaksanakan akan diserahkan kepada PBAN untuk pengoperasian dan penyelenggaraan secara berterusan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, hendak tanya *one general question* saja. Selain daripada projek-projek yang LKAN *highlight*-kan dalam laporan dia, adakah fasiliti-fasiliti lain yang sekarang ini tidak berfungsi disebabkan *maintenance work* yang belum lagi dilaksanakan? Selain daripada apa yang telah di— oleh kerana kita tahu bahawa LKAN ini dia tidak *cover* semua benda yang...

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Sampling...*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kalau dapat memberi sedikit gambaran selain daripada apa yang dalam laporan LKAN ini, ada tidak tempat-tempat lain lagi fasiliti ini yang tidak berfungsi disebabkan masih dalam penyelenggaraan. Sebagai contoh, hendak ganti *belt* ini pun lama juga. *Sludge decanter* itu, *belt press decanter* itu semua *all these things*, tempat-tempat lainlah selain daripada yang dalam senarai LKAN yang dibuat. Terima kasih.

Ir. Wong Chen Tong [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Bekalan Air Luar Bandar (BALB))]: Datuk Pengerusi. Okey, nama saya Ir. Wong selaku KPP Cawangan BALB di Jabatan Air Negeri Sabah lah. Jadi, saya cuba jawab soalan Yang Berhormat. *Actually*, pihak JANS kita memang ada satu program untuk *building facility maintenance work at Zone 4* di mana ada di daerah Sandakan, Kinabatangan, Beluran untuk dua tahun. Jadi, masalah untuk yang *maintenance* itu kita akan diselenggarakan dalam *within maintenance work* ini lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, adakah semua fasiliti *in order* dan beroperasi sekarang ataupun ada masih lagi tempat-tempat yang masih tidak beroperasi?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Okey Yang Berhormat, yang itu *within maintenance work* ini, *they started 11 December last year* lah, 2023. Jadi, jangkaan dua tahun ini, dalam tempoh tahun ini, tempoh dua tahun ini pihak kontraktor perlu selenggara lah, *maintenance* untuk semua loji lah yang di empat daerah itu. Jadi, ia termasuk loji Sukau, Kinabatangan; Batu Putih, Kinabatangan; Kampung Monam; Kampung Jaya Bakti, Putaton dan Paitan lah. Jadi, tempoh projek ini ialah sehingga 11 Disember 2025 lah. *Any defects* pihak kontraktor akan baiki lah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Boleh dapatkan nama kontraktor *I mean you punya company name?*

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Nanti kita secara— maklumat itu sekarang saya tiada. Mungkin nanti pihak JANS akan kemukakan kepada Yang Berhormat lah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *About yourself?* Kamu daripada *engineer from?*

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Jabatan Air.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Jabatan Air. Oh, okey. *So, you be the one taking care of all the contractors* lah.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: *Not the maintenance.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Not the maintenance.*

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya, *not the maintenance. The maintenance is another programme. It's not under KKDW* punya program.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Oh, *but it's only* penyelenggaraan untuk semua ini.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Yes.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Okey, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya lihat yang nombor 6 ini, soalan saya ada hubung kait dengan Wangsa Maju. Pembaikan dilakukan selepas Laporan Ketua Audit Negara. Dibagi contoh dua ini lah. *Small thing* saja lah. Kalau Ketua Audit tidak jumpa benda ini, mungkin sekarang pun tidak *repair* lagi kan? Soalan saya ialah apakah kita punya prosedur dari segi *maintenance, preventive maintenance* supaya tidak perlu tunggu Ketua Audit Negara pergi baru kita dapat isu ini? Kita sendiri kena ada sistem prosedur yang komprehensif supaya benda ini tidak berlaku. Ertinya *next few years* Ketua Audit pergi melawat tidak ada dah benda-benda ini.

Sebenarnya bagi saya, Laporan Ketua Audit Negara yang dapatan mereka ini hanya *the tip of the iceberg*, bawah itu banyak lagi sebab ia *off-spot* dia bukan boleh buat semua *because* dia ada *limitation* dari segi tenaga kerja dan sebagainya. So, apakah prosedur kaedah kita untuk masa-masa yang akan datang supaya kalau Ketua Audit pergi pun dia tidak dapatlah banyak macam ini. Ini ada hubungan dengan Wangsa Maju. *Preventive maintenance*, macam kereta kita tukar minyak hitam dulu sebelum ia berhenti tengah jalan dan sebagainya. Terima kasih Datuk.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Yang Berhormat, *actually* sebelum ini pihak JANS memang ada program untuk buat *maintenance* lah. Jadi, di mana *maintenance work* ini telah dianugerahkan kepada pihak kontraktor pada *last year* Disember lah. Sebab peruntukan ini ia ambil masa untuk dapat kelulusan. *Actually, the way forward* daripada pihak JANS itu memang kita ada sudah program untuk buat *maintenance preventive* ini. Untuk maklumat tambahan Yang Berhormat tadi, nama kontraktor bagi *maintenance work* ini ialah MNI Pride Sdn. Bhd. lah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* MNI?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya. MNI.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Just point to note* sajalah, sambung daripada apa saya kata dan apa yang Kubang Pasu sebut tadi, maknanya kalau benda-benda yang

maintenance work ini tidak dibuat di bandar raya, *the moment* dia tidak berfungsi *people flag up*, bising. Tetapi kalau di luar-luar bandar ini saya takut kurang sensitiviti di situ sehinggakan kalau misalnya SOP di Selangor ini maknanya kalau *shut down* kah apa dia punya SOP *very short period of time* kena *generate* balik kan?

Tetapi dulu luar-luar bandar ini kadang-kadang saya perasan dia punya *reaction to the problem* itu *is slow*. Oleh kerana mungkin sensitiviti sana orang hendak cakap pun dia tidak banyak kalau dekat Kuala Lumpur ini kalau itu *viral* lah. Ahli-ahli Parlimen punya sosial media bukan main penuh lah kalau orang itu tetapi mungkin di luar-luar bandar ini kurang sensitiviti. Maknanya itu perkara yang perlu dilihat secara serius ya oleh sebab mereka adalah rakyat Malaysia juga.

Kalau kita sensitif untuk *comeback* dia punya *operation* itu *within a few hours* dekat luar bandar pun sepatutnya samalah *the need of the people* sama ada luar bandar ataupun di bandar, *it's the same*. Jadi, dalam *on that note* lah saya ingin cadangkanlah juga untuk— *we got to increase our sensitivity* ya. *Just a simple thing, belt* yang tidak ganti *a long time* kan, *that means why so difficult?* Kalau saya, saya beli *belt* saya pasang sendiri macam itu kan. *I mean, there is no sensitivity in terms of the need to do it fast*. Jadi, ini satu pemerhatian saya. Terima kasih. Mungkin Sandakan nak sambung.

■1240

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Sedikit sahaja tambah. Saya nak tanya itu mengenai status *genset*. Sebab, sebagaimana saya tahu *I mean few years ago* kami sudah dapat waran untuk kasi sambung dengan — *direct electricity* from SESB.

Kenapa in 2024, kami masih guna *genset I mean for this slide* sebelumnya di kawasan Sandakan. *Actually, already approved in I think year 2020*, SESB akan letak dia punya tiang elektrik untuk *direct* sambung *because the maintenance for the genset is so often*. Sangat kerap dan apabila *genset* dia *stop* dia orang tidak dapat pam air. *It actually is not because of the* masalah pam rosak kah tetapi *actually* tiada sambungan elektrik. Boleh dapatkan penjelasan kah daripada *maybe* Jabatan Air Sabah?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: YB ini boleh saya tanya ini merujuk kepada Kampung Semawang kah? Nombor tujuh.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Untuk LRA Bukit Garam, Kinabatangan. *That one is because* Bukit Garam dia punya saluran ada sampai ke Sandakan juga. Dia punya. *That's why we use the loji as well*.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Okey, bagi Kampung Semawang ini. *Genset* itu memang telah beroperasi dengan baik. Cuma, kita masih menunggu pihak SESB untuk pemasangan meter. Pemasangan itu. *I think* kontraktor SESB telah memohon EOT sebab

saya rasa kita pun tidak dapat kawal prestasi pihak kontraktor daripada pihak SESB. Sebab pemasangan itu memang kuasa pihak SESB.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Tetapi, juga ada kesefahaman dan juga ada kerjasama antara satu sama lain, bukan?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya memang.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *What is the time frame* untuk SESB kontraktor bagi membuat pemasangan? Sebab, masa saya dapatkan *info* ini adalah saya *term* pertama. Masih muda lagi. Sekarang sudah tua sikit. Belum lagi– *[Disampuk]* Tua sudah, tetapi belum lagi disambungkan. So, saya nak dapatkan pencerahan.

I think from 2019 sudah saya, sudah dapat ini *info* akan letak SESB akan masuk.

Seorang Ahli: Tarik balik. *[Ketawa]*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Tetapi dalam 2024, belum lagi. Masih lagi jawapan yang sama. Baik juga masih tunggu kontraktor SESB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Ada nak respons tambahan? Tak ada.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Kalau nak bincang fasal SESB itu kita memang banyak projek BALB itu kita pun mengalami banyak masalah dengan pihak SESB. Salah satu contohnya, bila projek sudah siap tetapi pemasangan *transformer* dengan meter belum disiapkan lagi oleh pihak SESB.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat, saya bantu Carlson ya. Memang JANS ada hantar surat pada kami untuk minta bantuan tentang pemasangan berkaitan dengan SESB. Projek kita yang umur dah siap tetapi tak dapat *energise* lagi. Tetapi dalam pada masa yang sama saya telah maklumkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh TKP ICU dan juga Timbalan SS Sabah pada *last* dua minggu lepas tentang projek-projek yang menghadapi masalah dengan SESB, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Teruskan. Ada?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ini nombor tujuh yang *the last issue* YB Datuk Pengerusi dan *next*. *[Merujuk pada pembentangan slaid]* Gambar-gambar semua, bukan? Ini dari segi AG Dashboard nombor empat semua dalam tindakan lagi. AG Dashboard.

Ini syor audit seperti dalam LKAN 2/2024. Kita masuk balik dalam slaid. Itu sahaja, Datuk Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah pun terlibat dalam memberikan penjelasan. YB nak tanya soalan? Ada soalan lagi.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Mungkin daripada pra prosiding dengan Ketua Audit tempoh hari, ada satu isu mengenai penyambungan meter tidak dibuat di Sabah itu.

Antara sebabnya ialah kos penyambungan meter yang tinggi iaitu antara RM750 hingga RM1,000 bagi setiap rumah. Mungkin minta penjelasan apakah komponen kos itu sampai dia sampai RM1,000 dan terkait dengan itu, mungkin Pengarah JBALB Sarawak dapat memberi berapakah kos juga bagi negeri Sarawak untuk menyambung meter. Itu yang pertama.

Kedua ialah syor audit itu mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik. Mungkin satu persoalan kepada kementerian. Apakah asas bagi kementerian itu untuk mensasarkan *output* projek yang tinggi dan tidak tersasar? Seperti yang perkara nombor satu itu. Terima kasih.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: YB, sebelum saya untuk cuba jawab yang fasal meter itu. Saya nak jelas sedikit tentang prestasi pencapaian yang rendah yang bagi projek BALB retikulasi yang tadi dibangkitkan oleh YB.

Okey, seperti mana yang ditunjukkan dalam Laporan Audit itu. Jumlah projek adalah sebanyak 377 dan projek siap adalah sebanyak 330 iaitu bersamaan dengan 87.6 *percent*. Jadi, sasaran penduduk yang dimanfaatkan itu adalah sebanyak 301,910 tetapi hanya sebanyak 103,950 penduduk mendapatkan air dirawat iaitu 34.4 peratus sahaja.

Actually, kenapa prestasi ini begitu rendah disebabkan oleh permohonan dan penyambungan meter baru tidak dipohon oleh penduduk. Atas sebab sebahagian daripada penduduk itu tidak mampu dengan pembayaran permohonan meter dan tidak mahu membayar bil air setiap bulan. Walaupun, jumlah kos permohonan meter baru hanya RM213 sahaja. RM213, yang RM700 nanti YB saya cuba terangkan.

Jadi yang RM213 ini dia terdiri daripada borang permohonan RM1, kos meter dan pemasangan meter RM130 dan deposit hanya RM100 sahaja. Ya. Tetapi sebahagian daripada penduduk pengguna beranggapan bahawa keseluruhan kos pemasangan meter ini dan paip komunikasi dibiayai oleh JANS. Apabila projek telah siap itu *I think all the* penduduk dia ingat *it is free*. Itu salah satu masalah dia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tetapi, mungkin sebab tak ada *engagement* dibuat, sebelum itu pemakluman.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Secara jelas dibagikan oleh JANS kepada penduduk kampung.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Itu pada masa dahulu. Jadi, pihak JANS akan buat *engagement*.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dalam laporan ini RM750 hingga RM1,000.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Nanti saya jawab YB yang fasal soalan itu. Jadi, dengan itu, *actually* penduduk sanggup menggunakan air kualiti yang sedia ada. Jadi, ada sebahagian masih menunggu pertolongan daripada YB tempatan dengan yuran permohonan pemasangan meter tersebut. Ada juga sebahagian yang berhijrah ke tempat lain. *That's why the* pemasangan meter itu memang berkurang.

Bagi YB yang yuran sehingga RM1,000 itu, bukan. *Actually*, kalau kita rujuk kepada Enakmen Air. *Actually*, Jabatan Air tidak boleh menyambung paip bekalan dengan kerja air bagi apa-apa premis di mana melebihi 50 meter dari sesalur utama bekalan. Contohnya, paip agihan itu *then* lokasi rumah itu jauh. 100 meter daripada paip agihan. Jadi, yang lebih 50 meter itu kos pemasangan kena ditanggung oleh pemohon. Jadi, di mana kos permohonan itu meningkat saya rasa berdasarkan fakta tersebut.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: . *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Soalan dia kenapa dalam skop asal projek itu dia punya retikulasi itu tak sampai kepada depan rumah?

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Saya rasa sebelum ini memang tidak sampai tetapi sekarang KKDW punya dasar memang sudah sampai. Sudah sampai. Bagi projek baharu.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: . *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sebab ini yang lama.

Ir. Wong Chen Tong [JANS]: Ya.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Pili ke dapur itu pada projek yang 2018 ke bawah. Selepas 2018, kita buat penambahbaikan.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Untuk Sarawak, Yang Berhormat, Sarawak kita tak ada mengalami masalah disebabkan skop projek-projek KKDW di Sarawak dah termasuk sekali sampai ke pili di dalam rumah. Hanya perlu membayar harga meter saja, RM80 ke RM100. Harga meter saja.

■1250

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan: Yes, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Nak jelas ya. Nak jelas. Maknanya, di Sarawak *communication pipe* itu dibiayai oleh JBALB?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Di dalam skop projek KKDW. Kos projek dah termasuk sekali. Dah termasuk.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Mungkin sebab itu projek selepas 2018.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah Bin Awg Redzuan [JBALB]: Yes.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Yang sebelum 2018 memang tak masuk semua. Sabah, Sarawak, Semenanjung pun sama saja. Lepas 2018 baru kita sampai ke dapurlah. Mungkin yang Sarawak itu sebab tak ada projek yang bawah 2018-lah.

Seorang Ahli: Kerajaan dah tukar. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
[Ketawa]

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tapi yang bilangan...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Bilangan sasaran itu sudah berubahkah ataupun dia masih kekal lagi? Sebab skop audit itu kan ada tempoh masa yang...

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Dia balik kepada sasaran itu dia berdasarkan juga kepada dia punya peruntukan yang diterima. Contohnya, ada pada masa dan ketikanya bahawa contohnya kita ambillah, RMKe-11. Dia sebutkan pada awalnya, sasaran sebanyak 90,000 bekalan air untuk rumah tanpa – dia tidak menyebut secara spesifik sama ada pada setiap negeri. Tak ada sebut Sabahkah, Sarawak. Tetapi, kemudiannya pihak KKDW ada memohon untuk dikurangkan sasaran ataupun bilangan rumah tersebut kerana peruntukan tersebut telah pun dipinda.

Contohnya, pada masa dan ketika itu KPLB ataupun KKDW memohon sebanyak 50,000 lebih, *[Disampuk]* 55,000 tapi cumanya dia bersetuju dikurangkan hanya kepada 60,000 contohnya. Jadi, kita apa sekalipun, sasaran yang realistik adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diterima, contohnya. Tidak – kita sebab apa, sasaran itu tidak akan jadi realistik kalau kita letak pada jumlah yang tinggi tetapi bajet ataupun peruntukan yang disalurkan tidaklah ke tahap apa yang kita sasarkan tersebut. Tapi, kita boleh katakan bahawa kaitan KPI itu akan bergantung secara rapatnya kepada peruntukan yang disalurkan ataupun diluluskan, untuk makluman Yang Berhormat sekalian.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Boleh tak diberikan nanti maklumat susulan. Mungkin *just report* saja. Berapakah lagi yang asalnya disasarkan untuk mendapat bekalan itu tapi masih lagi belum menerimalah disebabkan oleh kekangan tadi itulah, yang kos?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [KKDW]: Sebabkan kita boleh kongsikan dari segi, contohnya pindaan daripada peruntukan yang asal kepada peruntukan yang disalurkan.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, *last* sekali. Ini dari segi dasarnya saya rasa. Apabila banyak paip ini telah disambung, dibina, dilaksanakan dan sudah tentu lepas berpuluh-puluh tahun, ia akan rosaklah dan memerlukan *maintenance*-lah.

Jadi, bagi jalan raya kita ada sistem *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) dan Kerajaan *Federal* menyediakan *maintenance fund* itu dan serah kepada negeri

untuk *repair* jalan yang berlubang, yang rosaklah. Apakah kerajaan mempunyai idea untuk membuat *Malaysian Pipe Registration and Record Information System* dan Kerajaan *Federal* serahkan peruntukan kepada negeri untuk tiap-tiap tahun, sekian-sekian bergantung dengan berapa panjang paip yang ada di sebuah-sebuah negeri dan ia boleh digunakanlah untuk *upgrade* dan *repair* segala – memang sudah tentu tiap-tiap bulan ada paip yang pecahlah. *This is just my idea-lah. Thank you.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih atas cadangan dan juga idea. Ini, mungkin ada nak – sebab kalau tak ada, saya nampak macam Naib Pengerusi saya dia ada – *you want to say something?*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ya. Okey, selepas dengar semua pembentangan pagi ini, bagi saya ialah kalau kita boleh hadapi bantahan daripada penduduk, lepas itu kena tunggu *state* untuk luluskan pelanlah dan ambil alih tanahlah semua itu. So, bagi saya ialah bila kita mula projek itu, adakah kita – kalau kita ada – saya pasti, kan kita sudah ada libat urus dengan pihak negeri dan pejabat daerah dan juga mungkin wakil rakyat tempatan.

Jadi, kalau *way forward* kan, okeylah. *A lot of good suggestions, way forward* tapi mungkin pada masa akan datang kena adakan – *every project* di satu tempat kena ada *task force* dengan pihak negeri ataupun pejabat daerah supaya yang isu-isu tempatan ini tidak akan melewatkan seluruh pelaksanaan projeklah. Takkan sampai lima tahun, tujuh tahun. Kalau kita lihat ECRL yang dibuat oleh China itu, dia – *I* ingat tahun depan kita sudah boleh guna, landasan kereta api itu. *So, there are lot of things that we can learn from overseas*, macam mana orang kerja, macam mana kita ini nak – begitu banyak agensi dan sebagainya.

Bagi saya, pandangan saya ialah kita harus di antara kementerian ini teruslah bincang, tahu? Selepas kita – AG ini ada laporan tentang ini, saya tidak pasti sama ada di antara agensi-agensi dan juga Sabah, Sarawak ini adakah semua bincang bersama macam mana kita mengelakkan yang kelewatan seperti ini daripada berlakulah? Sehingga projek dibatal pun berlaku dan sebagainya.

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, seperti yang dimaklumkan tadi memang kita telah ada jawatankuasa. Mungkin pada pandangan YB tak cukup lagi. Tetapi kita ada, YB tadi saya maklumkan jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa peringkat negeri dan yang terbaru di bawah jawatankuasa ICU. Tapi dalam masa yang sama, semasa reka bentuk projek kita untuk Sabah dan Sarawak, kita telah libatkan antaranya ialah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dalam mesyuarat reka bentuk dan juga *land survey* di bawah untuk Sarawaklah. Itu antara langkah yang kita buatlah.

Selain daripada itu juga, di bawah *engagement*, di bawah projek-projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas yang masuk *lab* – terima kasih kepada KE telah ada bagi sedikit

peruntukan untuk *engagement* dengan penduduk tempatan atau dengan pihak berkuasa negerilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: YB Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada tambahan?

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Saya, Kementerian Ekonomi. *Just* berkaitan *concern* YB tanya tadi. So, baru-baru ini, pekeling kita telah dikeluarkan daripada Kementerian Ekonomi pada 15 Julai mengenai pekeling penambahbaikan pelaksanaan pengurusan nilai dalam projek kerajaan.

Jadi, di situ kita tetapkan bahawa tempoh sah laku atau *validity* program atau projek yang ditetapkan hanya dua tahun daripada projek diluluskan. Maknanya, kalau tak ada tender sebarang proses dalam tempoh dua tahun kita anggap projek itu boleh dibatalkanlah. Kita – so, peringkat kementerian semua kena ambil tindakan segeralah, maknanya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tahun berapa? 2024?
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Beberapa Ahli: 15 Julai? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 15 Julai tahun berapa?
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu 15 Julai 2024, bukan?

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: 15 Julai baru ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Baru, kan?

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Dua minggu lepas.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, lepas ini kena ambil tindakanlah? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, nak tanya MOE.

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ada tak benda diberi *surcharge*? Kalau katakan mana-mana kementeriankah, jabatankah, yang tak boleh *complete according to their plan*, kerajaan *surcharge* mereka.

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: *Surcharge* mungkin bukan di bawah tanggungjawab KE.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya minta Kementerian Ekonomi boleh kongsi dengan Sekretariat PAC pekeling itu.

Encik Wan Muhammad Najib bin Wan Ab Karim [KE]: Yes. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. *All right.* Jadi, saya kira semua dah bertanya soalan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman selaku Ketua Setiausaha KKDW; Yang Berbahagia Dato' Afandi bin Nordin, Setiausaha Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan; dan juga Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian Prasarana serta semua yang telah pun terlibat dalam sesi prosiding pada tengah hari ini.

Kita harap semua Ahli Yang Berhormat berpuas hati. Banyak soalan bertubi-tubi yang ditanyakan. Bukan setakat Sabah, Sarawak saja, Ahli Parlimen Sik pun banyak berminat. Jadi, kita tangguhkan kita punya prosiding ini pada jam 12.59 tengah hari. Datuk, esok kita jumpa lagi untuk MARA Inc. Terima kasih, Datuk.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.59 tengah hari]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 2 Okt 2024

Bil 8(b) / 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Pengurusan Air Negara dan Pengurusan
Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah**

- (i) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**
YBr. Tuan Mohd Kamal bin Husin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
- (ii) Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)**
YBr. Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah
Pengarah

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

LE MERIDIAN HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH

RABU, 2 OKTOBER 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak hadir [Dengan maaf]

YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah (PAC Sabah)

YB. Datuk Mokran Ingkat [Ahli PAC Sabah]

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Saidah binti Mohamed Halil [Ketua Unit II Tanah dan Perkhidmatan (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan (MoF)

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Nooraizah binti Junid [Pegawai Siasatan (Cawangan Penyiasatan Tatakelola)]

Encik Azman bin Indus [Pegawai Siasatan (SPRM Cawangan Lahad Datu)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah (Bahagian Audit Prestasi 1)]

Encik Jimmy Tiven Ketha [Pengarah Audit Sabah]

Encik Hasdilah Alias [Penolong Juruaudit]

Encik Md Redzwan bin AG Damit [Penolong Juruaudit]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Tuan Haji Nasran bin Ahmad [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Encik Hafizal bin Ahmad [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

SAKSI**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**

YBrs. Tuan Mohd Kamal bin Husin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBrs. Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Setiausaha Bahagian (Bahagian Prasarana)]

YBrs. Tuan Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Teknikal)]

Puan Rusni binti Mohamed [Ketua Unit Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

Encik Azman bin Kassim [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Prasarana)]

Encik Mohd Rusfaizal bin Mohd Radzi [Pegawai Khas (Pejabat Ketua Setiausaha)]

Cik Nor Faezah binti Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Prasarana)]

Encik Sheikh Ahmad Asyraaf bin Sheikh Bahnan [Penolong Setiausaha (Bahagian Prasarana)]

Puan Nur Ain Shazzleen binti Md Kasim [MySTEP (Bahagian Prasarana)]

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [Pengarah]

YBrs. Tuan Tam Yin Foon [Timbalan Pengarah (Sektor Pembangunan)]

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Kualiti Air)]

Encik Asabri bin Robonson [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Pengeluaran)]

Puan Zuriatunnissa binti Mohd Zulfikar [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Agihan)]

Encik Ir. Wong Chen Tong [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Bekalan Air Luar Bandar)]

Encik Suffyan Hadi bin Juhari [Penolong Pengarah (Cawangan Mekanikal dan Elektrikal)]

Puan Norafzan binti Zakariah [Jurutera Awam]

Encik Amli bin Suhairin [Penolong Jurutera]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

RABU, 2 OKTOBER 2024

LE MERIDIEN HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.10 petang

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat sejahtera dan selamat petang saya ucapkan pada Naib Pengerusi PAC Parlimen - Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15, ahli-ahli *ex-officio* daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam Mesyuarat pada petang ini sekali lagi.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini, petang ini PAC Parlimen akan sambung prosiding berhubung dengan isu Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Ini adalah merupakan prosiding kedua membabitkan isu Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah dalam prosiding pertama yang telah pun kita adakan pada 30 Julai 2024 dan PAC telah pun mendengar keterangan daripada Datuk KSU. Yang keduanya Dato' Afandi bin Nordin, Setiausaha Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan KKDW dan ketiga Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW.

Lanjutan daripada prosiding berkenaan, PAC telah pun dengan kerjasama daripada pihak KKDW mengadakan sesi lawatan kerja pada 30 September ke Projek Bekalan Air Luar Bandar ke Kampung Jaya Bakti, Kampung Memanjang- Memanjang kah? Bukan, Memanjang ya? Oh, betul ya. Memanjang dan sekitarnya, Sandakan, Sabah. Keduanya, Projek Bekalan Air Luar Bandar yang melibatkan dua stesen pam penggalak iaitu Kampung Semawang dan juga Kampung Lalasun. Ha, yang itu tadi Semawang dengan Memanjang, *confuse* sekejap.

Susulan daripada sesi lawatan kerja tersebut, pada petang ini PAC Parlimen akan mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada pihak KKDW berhubung dengan isu Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah, khususnya terhadap isu serta penemuan yang telah ditemui dan dibangkitkan ketika sesi lawatan yang telah pun

diadakan pada Isnin yang lepas. Jadi, hadir memberikan penjelasan kepada PAC pada hari ini ialah Yang Berusaha Encik Mohd Kamal bin Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, KSU yang tidak dapat hadir pada hari ini. Hari itu dia ada, lepas itu saya difahamkan beliau tidak sihat ya dan beliau telah kembali ya ke Semenanjung ya, ke KL.

Keduanya, Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW dan Yang Berusaha Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah, Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah yang datang sekali lagi pada petang ini, walaupun dia dah sehari dah berpencen ya. *[Ketawa]* Jadi, pada kesempatan ini saya mewakili rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang mengikuti lawatan kerja ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman, KSU KKDW serta semua pegawai dan juga kakitangan KKDW dan juga agensi atas kerjasama, layanan dan juga apa jua yang diberikan kepada PAC Parlimen sepanjang lawatan kerja dan prosiding di Sabah dan Sandakan dan di Kota Kinabalu ini dan berikan ucapan terima kasih. Tepuk meja sikit. *[Tepuk]*

Jadi, tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Yang Berusaha Encik Mohd Kamal bin Husin, TKSU untuk memulakan penjelasan. Silakan. Saya bagi *timeline* sampai pukul enamlah. Akan tetapi kalau kita habis pukul lapan pun saya okey. *[Ketawa]* So, terpulang pada ini macam mana ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha? Itu Tampin kata, saya Pengerusi, saya kata sampai pukul lapan pun okey. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Kamal bin Husin [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. *Alhamdulillah*, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAC kerana memberikan peluang kepada pihak kementerian untuk memberikan penjelasan berhubung Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah yang disenaraikan oleh kementerian. Pihak kementerian akan memberi kerjasama yang terbaik dalam memberikan jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan yang akan dibangkitkan pada sesi prosiding kali ini.

Bersama-sama kita pada sesi prosiding kali ini adalah seperti yang disebutkan tadi bahawa mantan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah, Tuan Haji Suhaimi bin Asbullah yang datang bersama dengan pegawai-pegawai untuk memberikan penjelasan lebih lanjut berhubung pelaksanaan projek-projek bekalan air di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan. Bagi pelaksanaan Program BALB KKDW di negeri Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) berperanan sebagai pengawal penguasa bagi setiap Projek BALB di bawah KKDW. Hal ini bermaksud, selepas surat setuju terima (SST) kontraktor dikeluarkan, JANS akan mengawal selia dan memantau proses pemilihan di tapak serta menyelesaikan isu-isu yang berbangkit semasa fasa pembinaan.

Setelah sesebuah Projek BALB siap dan menerima Sijil Perakuan Siap (CPC), aset dan komponen yang dibina di bawah projek tersebut akan diserahkan kepada JANS selaku pihak berkuasa air negeri (PBAN) bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif air. Pada 30 September 2024, dua hari yang lalu, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan telah dibawa melawat kedua Projek BALB di Sandakan yang telah siap dilaksanakan di bawah KKDW dan sedang dalam pengoperasian dan penyelenggaraan oleh pihak JANS iaitu pertama adalah Projek Bekalan Air ke Kampung Jaya Bakti-Kampung Memanjang dan sekitarnya Sandakan.

Yang kedua adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 9 yang melibatkan Daerah Sandakan dan kampung yang terlibat adalah Kampung Lalasun dan juga Kampung Semawang. Kedua-kedua projek ini telah mendapat teguran sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bilangan 2 Tahun 2024. Perumusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah iaitu status selepas penyerahan projek pengoperasian dan penyelenggaraan komponen aset projek rosak dan gangguan bekalan air kepada pengguna. Saya berharap dengan lawatan tersebut, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan semua mendapat gambaran yang lebih jelas pelaksanaan Program BALB KKDW yang bertujuan untuk meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air di kawasan luar bandar.

Kementerian menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan juga PAC dalam melihat isu-isu yang berbangkit berhubung Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah dan diharapkan lawatan-lawatan dan juga prosiding yang akan berlangsung ini dapat membantu kementerian pada masa akan datang merangka ataupun melaksanakan program-program dengan lebih baik bagi memastikan bahawa rakyat di kawasan luar bandar mendapat bekalan air yang bersih sebagaimana yang dinyatakan ataupun ditetapkan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil

selaku Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW bagi meneruskan dengan pembentangan. Dipersilakan.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan TKSU(P). Yang Berbahagia Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi PAC. Yang Berhormat ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen Ke-15, Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Dari segi slaid pembentangan, kita ada dua segmen. Satu akan disampaikan oleh saya sendiri dan segmen kedua bagi memaklumkan input terkini berhubung dengan teguran Audit berhubung dua projek — tiga tempat lawatan tadi akan disampaikan oleh Tuan Pengarah lah, mantan ya, untuk menyampaikan status terkini berhubung dengan teguran-teguran yang sebelum inilah.

Next. Sebenarnya slaid ini kita dah bentangkan pada sesi prosiding pertama pada 30 Julai. Saya akan cuma bagi— saya akan *refresh* baliklah berhubung dengan Program Bekalan Air Luar Bandar ini.

■1520

Mula dilaksanakan di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply* dalam Rancangan Malaysia Kedua dan terus bersama sehingga sekarang di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan seterusnya pada RMKe-13 lah. Objektif pelaksanaan program BALB KKDW adalah bagi meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat kepada rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air. Dalam kes ini juga, mengikut garis panduan yang kita tetapkan di bawah kementerian, pengguna tersebut sepatutnya tidak ada meter lagi dan kita akan mengira jumlah-jumlah tersebut untuk memastikan mematuhi skop dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Dari segi bidang kuasa berhubung bekalan dan perkhidmatan adalah terletak di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan projek BALB di bawah kementerian adalah tertakluk kepada dasar/peruntukan yang telah ditetapkan oleh agensi pusat, khususnya di bawah Kementerian Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan, dan kita akan *translate* di bawah atau diterjemahkan melalui garis panduan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Berdasarkan slaid ini... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Kita akan tengoklah dari segi fungsi kementerian utama iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan juga fungsi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan juga peranan pihak berkuasa air negeri (PBAN) khususnya Jabatan Air Negeri Sabah. Jika kita lihat daripada jadual ini... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Kita nampaklah PETRA menerajui dari segi dasar-dasar pengurusan air negara dan kementerian akan menyokonglah apa-apa dasar tersebut yang mana kementerian, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri,

telah diluluskanlah untuk menjalankan tugas penyambungan paip retikulasi daripada paip utama ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air dan juga menyediakan sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomik untuk penyambungan paip retikulasi. Dan peranan pihak berkuasa air negeri khususnya Jabatan Air Negeri Sabah iaitu pembiayaan loji rawatan air dan paip utama, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem bekalan air dan juga dari segi pengurusan tarif air di bawah Kerajaan Negeri Sabah.

Saya akan cuba menerangkanlah secara ringkas berhubung dengan projek bekalan air ke Kampung Jaya Bakti, Kampung Memanjang dan sekitarnya di Sandakan di mana maklumat asas projek— tahun diluluskan pada tahun 2014 iaitu di bawah RMKe-10. Kos projek— RM37 juta. Dan itulah senarai perunding, juruukur dan kontraktor. Tarikh milik tapak pada tahun 2016 yang mana kita boleh nampaklah lebih kurang 24 bulan lebih ataupun dua tahun lebih baru kita boleh masuk tapak selepas reka bentuk dan juga kos muktamadlah untuk projek ini. Siap kerja, CPC, pada 9 September 2017 dan hanya ada satu *extension of time*, satu saja. Ada juga denda kelewatan. Projek ini siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2018 iaitu pada 13 November.

Maklumat asas projek. Daripada skop kerja tadi iaitu kerja-kerja pembinaan dan penyambungan paip pelbagai jenis dan saiz dengan panjang 35 kilometer. Jika kita tengok dari panjang itu, itu merupakan satu cabaranlah di peringkat pelaksanaannya. Satu jarak yang panjang— 35. Pembinaan loji rawatan air dan muka sauk di mana keupayaan sebanyak 6 mld, juta liter sehari. Tangki simpanan ada satu saja iaitu empat juta liter sehari dan kerja-kerja M&E. Penerimaan manfaat bagi projek ini pada masa tersebut ialah sebanyak 588 buah rumah.

Ini gambar-gambar semalamlah. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Tangki R1 itu kita tak tengoklah. Cuma ini gambar yang telah dibekalkan. Muka sauk kita tak tengok semalam. Eh, pada hari Isnin, 30 September hari itu.

Ini gambar-gambar daripada atas... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Loji rawatan air secara *package plant*.

Okay, next. Okay, next. Ini rasanya semua masuk *kot*... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* *Sludge press building and tank*. Kita masuklah *kot*. Ini gambar yang lepas siaplah ini.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, nak tanya boleh tak? Gambar-gambar ini, gambar bila agaknya?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ini gambar lama ini. Bersih, cantik lagi ini. Gambar baru— sepatutnya yang 30 September lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Gambar masa baru siaplah?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ha. Bersih lagi nampak cat itu. *Aerator and backwash tank*. Ini barulah, gambar-gambar selepas siap.

Kita juga di tapak loji itu kita ada kuarters *semi-D* iaitu ada enam pintulah. Kuarters *semi-D* dua dan *apartment* ada empat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kuarters ini kita tak tengok hari itu. Berapa bilik kuarters ini?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Ada dua *semi-D*, empat—yang tadi empat, kan? Ha, yang ini empat. [Merujuk pada paparan di skrin] Ini semua didudukilah *kot*. Kalau ada—semua ada ya? Untuk pekerja-pekerja yang menguruskan loji rawatan tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah digunakan sekarang? Siapa yang tinggal?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Penuh, kan?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Datuk Pengerusi. Ya, ia digunakan sekarang. Semua diduduki oleh staf di loji ini.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Hari itu tak tengoklah. Nampak tepi-tepi itu.

Okay, next. Bangunan kimia (*chemical building*).

Okay, next. Rumah pam.

Seterusnya, iaitu maklumat asas projek bagi projek BALB sistem retikulasi tahun 2016 negeri fasal khususnya Sandakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada sesiapa YB nak bertanya pasal yang Jaya Bakti? *Anyone?*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak tanya sikit, boleh?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. Kita *go one by one*. Boleh?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *Okay, one by one.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita *go one by one* ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Mengenai Kampung Jaya Bakti, isu yang ditimbulkan ialah sistem pam, peralatan sokongan bagi sistem *electrochlorination* berjumlah RM1.21 juta dan sistem pemprosesan enap cemar bernilai RM469,000. Hari itu kita ada melawat tempat ini, kan? Yang kita tengok di sistem enap cemar ada masalah-masalah tertentu terutamanya yang bilik yang tutup kita masuk kemudian itu, dia tak beroperasi ya. Betul ya, Wangsa Maju? Yang kita masuk dalam bilik itu, yang ada bau sikit itu.

Soalan dia ialah apakah kemajuan yang dicapai untuk menangani isu ini? Di samping itu, tentang *chlorination*, apa kemajuan telah dicapai? Terima kasih.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Datuk Pengerusi, dengan izin, saya memohon sekali lagi Puan Mimi, KPP Kualiti untuk menjelaskan.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: *Assalamualaikum* dan selamat petang. Untuk isu kerosakan komponen pengklorinan sistem *chlorination* di LRA Jaya Bakti, asalnya memang *design* adalah untuk menggunakan *electrochlorination* tapi sistem *electrochlorination* itu dia ada kerosakan *major*. So, sekarang kita menggunakan sistem konvensional gas klorin lah sebagai kita punya rawatan *disinfection*.

In the meantime, untuk kerosakan sistem *electrochlorination* itu, di peringkat ibu pejabat, kita sedang dalam peringkat penyediaan untuk panggilan tender *which* kita jangka pada bulan hadapan kita boleh *start* panggilan tender untuk pembelian isi baru. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yalah, dalam pemerhatian kita hari itu, dia ada *liquid* yang keluar daripada sistem itu, dia terus pergi ke sungai, kan? Dan kita tidak pasti apa yang terkandung dalam cecair yang masuk ke sungai itu. Sebab, dia tidak ada tapisan dan tidak ada pemeriksaan ataupun pensampelan oleh pihak-pihak tertentu ataupun daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Dia terus ke sungai.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey, Datuk Pengerusi, saya sekali lagi memohon KPP Bahagian Pengeluaran, Encik Asabri untuk menjawab.

■1530

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Terima kasih kepada Tuan Pengarah. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan selamat petang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan ahli mesyuarat. Saya Asabri bin Robonson selaku KPP Cawangan Pengeluaran di Jabatan Air Negeri Sabah.

Jadi, untuk makluman semua, Loji Rawatan Air Jaya Bakti ini mempunyai sebuah kolam enap cemar dan pada masa lawatan dibuat, kerja-kerja pembersihan loji tersebut baru sahaja diselesaikan oleh kontraktor *building facilities maintenance* yang baru dilantik bagi seluruh daerah Sandakan, Beluran dan Kinabatangan. Setelah kerja-kerja pembersihan, pengorekan *sludge* di kolam enap cemar tersebut barulah pemeriksaan dapat dibuat terhadap sistem M&E di kolam enap cemar tersebut dan mendapati bahawa beberapa komponen M&E perlu diselenggara, diperbaiki.

Kerja-kerja pembaikan *insya-Allah* akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Kita jangka bahawa dalam tempoh sebulan, kerja-kerja penyelenggaraan sistem ataupun komponen M&E tersebut akan dapat disiapkan dan apa-apa efluen ataupun *discharge* akan melalui kolam enap cemar tersebut dan tidak lagi akan di-*bypass* terus ke sungai. *Insya-Allah*.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, berkenaan dengan enap cemar itu, daripada kita lihat di tapak, *the building* untuk *decanter* itu nampak macam jadi *store room*. Motosikal pun ada dalam itu dan barang-barang yang lain ada dalam itu. Maknanya, *that facility* nampak gayanya dah lama tak pakailah.

Boleh kita *put on record* tak bila *exactly* proses itu tidak berlaku dan dah berapa lama? Kalau itu dapat kita *establish*, kita juga nak tahulah macam mana – kita tahu juga bahawa

setakat ini *sludge is a scheduled waste*. Jadi, bila *scheduled waste* ini maknanya dia perlu di – *disposal* dia ada kaedah-kaedah tertentu. Jadi, perkara itu menjadi satu kesalahan dan kesalahan itu kalau perlu diambil tindakanlah.

Itu nak tahu bila *exactly* perkara itu berlaku, berapa lama dan macam mana nak *way forward*? Saya difahamkan masa lawatan tapak itu macam ada masalah nak *disposal of scheduled waste* ini tetapi itu yang kita nak minta penjelasan lanjut.

Encik Asabri bin Robonson [JANS]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah, Encik Richard bahawa sistem rawatan enap cemar tersebut telah tidak beroperasi lebih daripada setahun dan kerja-kerja pemeriksaan tidak dapat dibuat sebab sistem M&E di kolam enap cemar tersebut *and particular submersible pump* tidak dapat diperiksa. Jadi, setelah pelantikan kontraktor *building facilities maintenance* tersebut dibuat, barulah kerja-kerja pembersihan, pengorekan dapat dilaksanakan.

Untuk pembuangan bahan pepejal terjadual, *scheduled waste* itu, memang di Sabah ini kita tidak ada tempat pelupusan. Buat masa ini yang ada hanya di Sarawak. Tetapi *alhamdulillah*, kerajaan negeri telah dalam proses untuk menyediakan satu pusat pelupusan di sekitar daerah Sipitang. Akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan *insya-Allah* semua *scheduled waste* itu akan dibuang di sana. Buat sementara ini, kerja-kerja pengorekan bahan terjadual tadi hanya dapat dibuat dan dimasukkan ke dalam *geo bag* dan diletakkan di sekitar loji dan tidak di-*disposed* di mana-mana kawasan yang tidak sepatutnya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Hari itu masa kita lawatan tapak, tak nampak pun mana yang *tank* itu dah penuh dan korekan daripada *tank* itu dah keluarkan. Mana? *Sludge* itu dekat mana? Dekat tapak tak nampak hari itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Keduanya, saya nak tanya, atas nasihat siapa ya untuk membuat saliran tersebut yang dekat tepi?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Diversion.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, *diversion* dia itu, atas nasihat ataupun pandangan siapa yang perlu dilakukan sedemikian? Maksudnya, tidak ada opsyen lainkah selain daripada melakukan *diversion* tersebut?

Encik Asabri bin Robonson [JANS]: Saya kira *diversion* ke *downstream* stesen muka sauk di Loji Jaya Bakti itu dibuat oleh – atas inisiatif pihak operator dan pengurusan loji buat masa itu sebab tidak ada proses rawatan enap cemar yang boleh dibuat disebabkan kerosakan tersebut. Saya juga dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah bahawa Jabatan Alam Sekitar telah juga membuat pemeriksaan dan tidak ada makluman bertulis tentang teguran yang dibuat. Hanya *verbal* menyatakan bahawa macam tiada halangan juga sebab terpaksa dibuat sedemikian sementara menunggu kerja-kerja pembaikan di kolam enap cemar tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, sedikit ya. Tambahan sedikit ya yang LRA Jaya Bakti ini. Isu yang kita lihat ketika dalam lawatan itu saya nampak tidaklah terlalu *complicated*. Punca asasnya ialah pam itu rosak sahaja. Itu sahaja. Daripada situ mula dan berlarutanlah isu-isu lain. Jadi, kenapa mengambil masa yang terlalu lama, setahun untuk – jadi pam itu berapa harga dia? Kenapa jadi susah untuk kita nak tukar benda itu ya? Itu benda yang sangat *basic* untuk kita nak selesaikan. Tidak sampai perlu – itu sebab ada penemuan oleh audit. Kalau tidak, itu mungkin lebih lama.

Jadi, perlu dilihat benda itu sebagai satu pengajaran bahawa perkara-perkara asas itu tidak boleh menunggu begitu lama. Dia akan ada *effect* kepada isu-isu yang lain. Jadi, itu mungkin boleh – kalau tadi sebut masih lagi tidak ada tarikh tetap bila nak disiapkan ataupun nak di-*supply* kembali motor itu. Jadi, itu saya ingat mudah sangat nak diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lanjut sedikit sahaja. Lanjut sedikit daripada Sik punya itu. Maknanya, tolong buat *timeline* dia. Kalau tidak, dia akan berterusan. *Sludge* itu akan terus pergi *divert direct* ke sungai. Jadi, kita nak tahulah *exactly timeline* bila *target* sasaran dia, kita sasar untuk siapkan apa yang perlu disiapkan, apa perlu digantikan supaya *sludge treatment plan decanter* itu dapat dimanfaatkan, digunakan daripada bilik *decanter* itu sebahagiannya jadi stor. Nak *timeline* dia.

Encik Asabri bin Robonson [JANS]: Saya dimaklumkan oleh Pegawai Kerja Air Daerah tadi, sebentar tadi bahawa kerja-kerja pemeriksaan telah siap dilaksanakan dan anggaran kos akan dikemukakan kepada ibu pejabat, Cawangan Mekanikal dan Elektrikal. Dia komited bahawa kerja tersebut akan siap dilaksanakan dalam tempoh sebulan, *insya-Allah*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya sambung. Sambung lagi. Ini berhubung dengan dapatan audit dalam isu nombor empat, Datuk Wira Pengerusi. Nombor empat, isu nombor empat dan bilangan nombor tiga mengenai komponen aset projek yang rosak.

Kelmarin, 30 hari bulan, 1 hari bulan ya, *yesterday*. Kita buat lawatan. Pertamanya, dimaklumkan bahawa saluran paip bocor, set generator rosak, gangguan bekalan air. Ini disebut dalam laporan yang kita terima ataupun maklum balas kawasan LRA Bukit Garam Kinabatangan yang membekalkan air ke Kampung Semawang belum mempunyai bekalan elektrik, menyebabkan LRA beroperasi menggunakan set generator yang mengalami kerosakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Actually, itu isu... *[Tidak jelas]* Jadi kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kemudian? Belum sampai lagi?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita *settle* dulu yang terlibat dulu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Saya *advanced* sedikitlah.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak— sebelum itu kan, saya nak tanya pasal klorin tadi, *chlorine system*.

■1540

Nak tanya lah *timeline* juga pasal *chlorine system* ini. Bila nak *put to operationalise* kan *chlorine system* yang telah ditender dan sebagainya?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Kita sudah buat semakan bulan lepas. Bulan lepas. So, kita memang dalam proses penyediaan panggilan tender. Kita jangka *by* November kita boleh buat panggilan tender.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Panggilan tender November?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Evaluation of tender*, bila *award target*?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: *Quarter* satu tahun hadapan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Q1 2025?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Pelaksanaan berapa lama? 12 bulan? Tender?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: 12 bulan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, kita boleh jangkakan *chlorination system* itu akan beroperasi akhir tahun 2025?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: *Insyaa-Allah*.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Datuk Pengerusi. Ya. *In the meantime, for the immediate action* yang kami ambil ialah *we install temporary chlorination system* lah pada 12 Julai 2024 yang lepas. So, *we maintain* klorin di dalam air sekarang.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dekat Sabah ini kan macam banyak loji kan. Jadi, bila banyak loji, so pastinya berlaku kerosakan itu banyak juga. Jadi, boleh tak terangkan pada PAC, *standard of procedure* sekiranya berlaku sesuatu kerosakan peralatan dan sebagainya? Dia ada KPI tak? Bukan KPI, dia panggil dalam tempoh satu hari laporkan pada ini, dalam tempoh dua hari tindakan diambil. Boleh tak terangkan ini? Ada tak dibuat rangka kerja seumpama dari segi itu dan juga dari segi pelaporan dan juga diambil tindakannya? Boleh terangkan pada PAC ataupun tidak? Ada ataupun tidak? Kalau ada bagaimana?

Yang ketiganya, kalau ada, bagaimana dan juga setakat status pemakaian di seluruh Sabah bagaimana? Adakah pekerja-pekerja telah dilatih untuk membuat pemakluman dan

sebagainya? Sebab bila kita turun ke lapangan, ya lah maksudnya yang orang atas tak tahu pun tentang kerosakan yang berlaku. Kalau dia kata kalau setakat dalam 1,000 ke 2,000 ini *immediate* dia boleh selesaikan daripada terpaksa menelan belanja yang lebih besar disebabkan kerosakan yang kecil itu menjadi lebih besar disebabkan tidak diselenggara lebih awal.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey, Datuk Pengerusi. Okey, untuk *maintenance*, kita memang ada *level of action*-lah. Ada peringkat daerah kecil (*subdistrict*), *district*, ibu pejabat, peringkat KPP dan juga Pengarah. Okey, untuk sebarang kerosakan, pihak— *let's say for* untuk contohnya ialah loji ini. Apabila berlaku kerosakan, mereka akan menyediakan *incident report*. *Incident report*, gambar dan juga *explanatory notes* berkenaan dengan kerosakan tersebut dan akan dilaporkan kepada ibu pejabat dan *normally* ditujukan kepada Ketua Penolong Pengarah yang berkaitan. Kalau berkaitan dengan kualiti, Puan Mimi, berkaitan dengan M&A, *another* KPP. Okey.

Kemudian, selepas itu kita melihat kepada tahap kerosakan. Bila kita menilai kos awal, *let's say indicative*. Katalah kita membenarkan di sini mana-mana kerja yang bernilai RM20,000 ke bawah, jurutera air daerah yang akan *handle* perolehan tersebut. *Now, we consider this is a* kerja-kerja kecemasan. *So*, dia akan memanggil *local contractor, local supplier*. Kalau *available* di sana, yang ada kemahiran dengan kerja yang boleh dibuat, mereka boleh panggil *straightaway*. *So*, tindakan ini sebenarnya diambil *within* tidak lebih daripada empat jam selepas berlaku kerosakan.

Tetapi, jika didapati bahawa kerosakan tersebut bernilai lebih daripada RM20,000, maka kebenaran daripada pengarah adalah diperlukan. *So, this is the thing that* yang— Pengarah akan keluar berdasarkan kepada AP. Kalau tiada peruntukan, AP55, kalau ada peruntukan, AP173.2. Jadi, di situ juga kita benarkan jurutera air daerah untuk mencari pembekal ataupun kontraktor untuk membuat kerja-kerja tersebut. Kita memang ada *what we call* kontraktor panel untuk *certain trade*. Untuk elektrik, mekanikal dan sebagainya. Kalau tidak ada didapati di sana, mungkin kebanyakannya adalah berpusat di Kota Kinabalu. Sama juga, tempoh masa adalah *within four hours*, tindakan mesti diambil.

Bagi sistem yang kritikal seperti pengdosan kimia sebab *without* pengdosan kimia yang baik, kita tidak boleh *produce* air. Jadi, apa yang kita buat ialah— *actually our system is that* selalunya kita *install* dua sistem sebagai satu *spare* dan satu *running*. Jadi, itu yang selalu kita buat. Bukannya selalu, memang *that is our design, practice*.

Jadi, selepas itu kerja-kerja ini akan dilaksanakan serta-merta tanpa mengira masa malam ataupun siang, *public holiday or whatever*. Selepas itu, bila siap kita akan *certify* dan *test and commissioning*-lah. Jika— masalah kita di Sabah di sini ialah kebanyakan banyak juga benda-benda ini keperluan *spare part* dan apa semua yang tidak terdapat di negeri Sabah. Jadi, apa yang kami buat ialah selalunya *our design oleh [Tidak jelas]* di sini ialah kami

menggunakan seboleh-bolehnya pam jenis yang sama, *brand* yang sama, sistem yang sama. Supaya apabila berlaku begini, kami bila mencari alat ganti, kami mengambil daripada loji-loji lain yang menggunakan sistem dan peralatan yang sama. *That is our problem in Sabah because* untuk order benda-benda ini daripada Semenanjung *take time. Maybe* dua, tiga hari baru sampai. Itu pun *by flight*. Jadi, *that is our SOP*.

Actually, kami memang tidak membenarkan sebarang kejadian yang berlarutan seperti yang berlaku di Loji Beluran ini, saya rasa ada kelemahan komunikasi di daerah yang tidak melapor ataupun tidak mengambil tindakan segera tentang kerosakan inilah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira. Saya nak tanya pasal apa sebenarnya *the difference* (perbezaan) antara sistem *electrochlorination* dan sistem *chlorine gas*. Satu. Yang kedua daripada segi *effectiveness, efficiency*-nya. Yang ketiga, daripada segi *side effects*-nya. Kesan sampingan. Sebab yang mungkin yang selalulah menggunakan air ini kan wanitalah, ibu-ibu dan sebagainya. Kita tahu dia biasa guna *clorox* dan sebagainya kan. Dia tahulah bau *clorox*. Sebab ini di antara aduan mungkin. So, saya nak tahu, *what's the difference your electro* dan *what is exactly*— maknanya *chlorine gas* itu *you* buat macam mana itu kepada air? Kepada apa ini...

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Okey. Kedua-dua sistem itu fungsinya adalah untuk disinfeksi. Untuk mematikan kuman di dalam air. Sistem konvensional gas klorin kita guna *the gas chlorine itself*. Manakala, *electrochlorination* yang tiada gas klorin *but we produce hypochlorite, we produce the...*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *What hypochlorite?*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: *Hypochlorite is the...*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *No, no, no. What is the ini— I mean sodium hypochlorite* kah, apa benda punya *hypochlorite* kah?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Dua-dua adalah agen yang boleh mematikan kuman. So, *conventionally* kita guna gas klorin. *Electrochlorination is an alternative* kepada gas klorin. *Electrochlorination* ini...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [JANS]: Yes. Dia tiada gas klorin *inside*, dia gunakan garam *which will*— kita elektrolisis garam untuk menghasilkan *hypochlorite*. Macam *clorox which is* agen yang sama yang juga boleh mematikan kuman. Maksudnya, bila kita guna sistem *electrochlorination* di sesebuah loji itu macam untuk jabatan air, macam mana kita *decide whether* itu loji kita mahu guna *electrochlorination* ataupun gas klorin adalah *based on area factor*. Kalau loji itu berada di *area* yang ada *high dense population*, sekitar ada kampung *which is* kita tidak mahu ada gas klorin di loji itu.

So, kita *choose electro chlorination, which is a safe choice*. Kita *eliminate hazard of chlorine gas* punya *leaking* kepada kita punya *surrounding, outside of the loji* lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Udara? *What do you mean by—* apa? Kepada penduduk?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya. *Because...*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Udara? Melalui udara?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Having a chlorine gas* di dalam loji, kita ada *hazard* kalau gas klorin ada *leaking*, kebocoran. So, kalau kita punya kedudukan loji, lokasi loji berada—macam di Jaya Bakti, kita di luar itu adalah *area* kampung kan? Sebab itu kita pilih *electro chlorination* di situ *at the first place* supaya kita tidak ada *store of gas chlorine at site*. *That is the factor and the reason why* loji kita pilih *electro chlorination*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ini luar bandar punya ini—kementerian lah. Kementerian kan? Sebab banyak projek luar bandar sebab kita hendak tahu juga kan? Mungkin ini di Sabah. Di Beluran sahaja. Mungkin ada tempat-tempat lain, termasuklah dekat Kedah, mana ini kan? Mungkin ada dia akan pilih—ada dua pilihan itu. *So, it is safe— it's electro chlorination* daripada gas.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Garam. Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya. Daripada—lebih selamat daripada *chlorine gas* lah?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Daripada ini—ya. Kalau *electro chlorination*, kita tiada stor klorin di dalam loji. Kita guna garam, *which is food grade* garam. Garam masak. Dia akan melalui *the electrolysis* punya sistem *to produce the agent that can also* membunuh kuman.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya, yang sungai apa nama itu—yang Sandakan selalu sebut itu, pajak-pajak garam itu, boleh guna?

Seorang Ahli: Sungai sekali.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sepatutnya boleh gunakan untuk *your electro chlorination*. *You don't use that? Not relevant?*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Basically, cost wise* lah and O&M.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Hendak dapatkan kepastian ya. Nak dapat kan kepastian sahaja. Sekarang ini *electro chlorination* tak berfungsi. Kampung Jaya Bakti, sekarang ini pakai gas. Itu kita...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Setahun ya? Betul? *Because*, 12 Julai— *starting* guna itu 12 Julai. Ini baru bersihkan kolam itu kan? Dia belum gunakan *electro chlorination* lagi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Buka ini bila nak jawab. Buka *mic* sebab nanti suara tak dengar.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Kolam enapcemar dengan *electro chlorination* itu lain proses.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Your problem is* dekat loji itu sendiri. Bukan enapcemar kan?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Electro chlorination is for the process disinfection. Water treatment.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *The air. Supply* air itu. Loji air itu.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Kolam enapcemar *is* tadi *because of the discharge. Because of the selective charge.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, loji ini daripada *day one* memang pakai gas lah?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Original design* memang pakai EC.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Daripada *day one* siap loji ini, pakai apa? Pakai gas?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Electro chlorination.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Memang dia pernah pakai?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya. Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lepas itu dia *breakdown*?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dia rosak. Lepas itu pakai gas.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Sementara hendak tukar ini?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Alright.* Terima kasih.

Seorang Ahli: Hendak tanya sedikit?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tadi ada sentuh pasal DOE tak? Jabatan Alam Sekitar untuk *sludge* yang dibuangkan ke sungai itu? Ada dibuat sebarang— bukan uji kaji. Apa nama itu? Diuji ke tidak? Ada tak? *Sampling* kah?

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Untuk makluman Yang Berhormat. Saya hanya dimaklumkan oleh pegawai kerajaan daerah bahawa lawatan telah dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar tetapi *detail* masa lawatan tidak dinyatakan lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak pernah tanya pun?

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Verbal...*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada usaha tanya?

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Saya tanya tetapi sebab PKAD ada— *so called* PKAD, pegawai kerajaan daerah baru sahaja ditukarkan di sana lah. Mungkin lawatan itu telah dibuat sebelum beliau berada di sana lagi lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti boleh *update* kepada kami?

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Boleh, *Chairman*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Hasil daripada ujian oleh pihak DOE.

Encik Asabri bin Robonson [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Hendak tanya sedikit Datuk Pengerusi Datuk Wira. Gas dengan EC tadi, *in terms of cost* dia, macam mana yang— *of course, the preferred always* EC lah kan? Sebab dia *less hazardous*, ke tidak?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *For ration wise, the preferred is gas chlorine* sebenarnya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Oh, gas.

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Yes. EC, *their O&M is* lebih tinggi *and* sebab banyak elektronik. Cuma kalau kita *review it on a safety factor*, EC lebih selamat lah. Itu sahaja.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Nak *confirm* sahaja. *The design of the plant, initially was EC*. Rosak, lepas itu pergi pakai gas. *Confirm* gas kan? *You* tak pakai *solid*, bancuh sendiri. Tak ada eh? Gas ya. *Now, when they design the plant* pakai EC, lepas itu pergi tukar ke gas. Satu daripada sebab pakai EC oleh kerana kita nak pastikan dari segi keselamatan. Jadi, *when you* pakai gas itu, *all the necessary safety measure* telah diambil kira ke tidak? Maknanya, untuk *all the necessary* lah. Kalau hendak *list*, banyak tetapi *when you* pakai— Bila EC tak boleh pakai, *you* pakai gas. *But, the plant was designed* untuk pakai EC. *So, all the necessary safety measures* dah ambil kira tak dalam penggunaan gas itu?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Basically*, masa kita buat *this emergency exercise* kan, kita memang *work out for a new*

chlorination system, because kita tahu procurement of new EC takes masa yang lama. So, basically memang kita pasang a new chlorination system for gas chlorine.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi, *all the necessary safety measure* lah. *Because, once you have a chlorine gas tank* itu, dia ada *certain...*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ada *certain. Yes.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Procedure* untuk pastikan bahawa dari segi *safety. So, all the necessary—I am just asking.* Hari itu tak sempat...

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *Yes. Unsafe. Betul.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Hendak pergi dah, lepas itu, hendak bergerak dari itu. *So, all the necessary safety measure* untuk menggunakan *chlorine gas* itu *is there on the ground.*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Ya. Betul. Sebab operator kita pun sebenarnya dia orang lebih arif *with using the conventional gas chlorine. EC is rather like a new technology for us* lah tetapi *we still have to use it at certain loji, because of the safety issue.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Hendak tanya juga. *This chlorine gas* ini, *how do you bring it?* Macam *oxygen hyper pressurised* punya, *hyper baric* punya kah? Dengan apa-*tanks of—the chlorine gas is like a tanks* kah? Apakah?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Dia datang dalam bentuk *drum chlorine*, 930 kilogram. *Yes. So, dia ada dua drum chlorine* atau pun silinder. 68 kilogram. *So, kita memang shipped from Johor* lah. *From Pasir Gudang.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak lagi mahal kah? Nak kena *shipped from Johor* lagi. Nak pergi masuk *all. So, this one is rural* kan? *And then, nak jaga dia* punya keselamatan, takut bocor *whatever* lagi. Dia ini *inflammable* kah?

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Gas klorin? *Yes. Hazard, yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Inflammable?*

Puan CHM Mimi Fiona binti Hamidon [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: *If it leaks. It is a hazard* bila dia ada kebocoran.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Lagi bahaya kan? Kena *move forward* lah. Mungkin kita kalau boleh— Boleh tak kita dapat senarai itu? Saya rasa PAC minta daripada kementerian, berapa *you* punya loji ini menggunakan sistem *electro chlorination*? Berapa yang masih guna sistem klorin gas? *That's the* lama punya kan? *Chlorine gas.* Saya hendak tahu juga seluruh apa— Semenanjung?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright.* Ada ini? Kalau tak ada, *then* kita *next* ini, *presentation*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: So, kita pergi kepada projek kedua lah yang merangkumi di Kampung Semawang dan Kampung Lalasun. Dari segi maklumat asas projek, ini merupakan satu projek sistem retikulasi. Sangat macam— sistem yang mudah lah. *Straight forward*. Kos projek pun RM11 juta. Perunding, PNS yang ambil. Juruukur, kontraktor, milik tapak pada 22 Mei 2019. Siap kerja, *certificate* 2020. Ada tiga EOT dan denda kelewatan pun telah dikenakan kepada kontraktor dan siap sepenuhnya pada tahun 2021. Memakan masa lima tahun lah lebih kurang, 2016 - 2021.

Daripada skop projek. Skop kerja ialah pemasangan paip transmisi sepanjang dua kilometer dan paip agihan sepanjang 23,100 meter. Pelbagai saiz berserta paip komunikasi iaitu meter *stand* ke rumah— sampai ke rumah. Pembinaan dua unit rumah pam yang di Kampung Semawang dan juga Kampung Lalasun tadi lah. Ini lawatan dan pembinaan empat unit tangki sedutan 2,000 gelen dan juga pembiayaan dua unit tangki simpanan air, 0.5 juta liter sehari dan penerima manfaat bagi projek sistem [*Tidak jelas*] sebanyak 255 buah rumah lah pada masa tersebut. *Next*.

■1600

Ini gambar-gambarlah yang kita pergi pada bulan yang lepas ya, 30 September... [*Merujuk pada paparan di skrin*] Di Kampung Lalasun dan Kampung Semawang. Sama saja *the scope*. Dan juga ada *pipe bridge* merentasi sungai.

Ini maklum balas terkini. [*Merujuk pada paparan di skrin*] Ada soalan daripada Tuan Haji. Silakan.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Isu yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan bekalan elektrik yang selalu terganggu. Kedua ialah berkenaan dengan paip bocor yang membekalkan air ke kawasan Lalasun lah.

Jadi, apa tindakan yang telah kami ambil? Sukacita dimaklumkan bahawa Loji Kinabatangan menggunakan *full time genset* dan kita memang berlaku juga kerosakan tetapi tidaklah sering berlaku, kita akui juga. Tetapi, kita ada mempunyai tiga buah *genset* dan beroperasi. Dua *running* dan satu *standby*. Kontrak *maintenance* memang ada untuk buat *maintenance* terhadap *genset* tersebut.

Jadi, untuk jangka panjang, pihak Jabatan Air telah memohon penyambungan bekalan elektrik daripada Sabah Electricity dan projek ini telah siap pada bulan ini, dan pada 29 September, pihak SSB telah mula membekalkan tenaga ke stesen tersebut. Jadi, *insya-Allah*, isu berkaitan dengan kerosakan *genset* tidak timbul lagi dan kita *convert genset* ini daripada *full time prime genset* kepada *standby genset*.

Inilah kerja-kerja yang telah dilaksanakan. [*Merujuk pada paparan di skrin*]

Untuk paip itu, paip ini memang selalu bocor. Paip 200 milimeter diameter, jenis NSL. Paip ini adalah sepanjang lebih kurang 14 kilometer dan kadar kebocoran memang tinggi. Kami punya rekod menunjukkan bahawa kadar kebocoran lebih daripada 10 per kilometer *per year*. Oleh itu, kami telah mengambil tindakan dan memasukkan projek penggantian paip ini dalam projek menaik taraf sistem bekalan air termasuk tangki simpanan di Sandakan yang juga dilawat kelmarin. Jadi, kami telah memberi keutamaan kepada penggantian paip ini, iaitu sepanjang 16 kilometer, dan dijangkakan akan siap dan mula beroperasi pada bulan November tahun inilah.

So, for the time being, apa yang kami buat untuk mengurangkan kehilangan air, kami cuma boleh buat *pressure management*-lah and *flow management control*.

Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ya, Dato'. Lepas itu, saya bagi pada PAC Sabah ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, tadi saya hendak cakap mengenai yang Kampung Semawang ini. Pertamanya, mengenai LRA beroperasi menggunakan *genset* ya. Tadi, Tuan Haji dah jawab dah bahawa kemudahan *genset* ini akan ditukar kepada *permanent*. Ertinya, pergi kepada grid lah. Itu satu keputusan yang amat baiklah.

Saya hendak tanya kepada Tuan Haji ataupun pihak Jabatan Bekalan Air. Di Sabah ini, banyak lagi kah LRA yang pakai *genset*, bukannya pakai grid *electricity* yang lebih *permanent*? Sebab, *genset* ini ia sebenarnya untuk *backup*-lah, *you know*. *Backup*. Bukan *supposed to be the main generation for electricity* ya. Jadi, jawapan Tuan Haji itu memang cantiklah. Tetapi, soalan saya, di Sabah ini banyak tidak? Sebab, kalau pakai *genset* pun, tidak murah juga. Pakai banyak diesel, kan, Tuan Haji? Dan ia selalu *break down* dan *you* kena ada *spare to backup* dan sebagainya.

Soalan saya— sebab Tuan Haji dah jawab yang ini. Di seluruh Sabah ini, apa kedudukan mengenai penggunaan *genset*? Terima kasih.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita kena akuilah Sabah ini luas. So, memang banyak kita punya loji di luar bandar yang *off-grid*. *Not just* loji tetapi juga *intake* dan juga *pump house*. Jadi, loji air saja di Sabah sekarang ini kita ada 15 buah loji yang menggunakan *full time prime power genset*. Isunya, samalah seperti yang Yang Berhormat nyatakan, memang kos tinggi— diesel. Kemudian, *maintenance*, servis.

Jadi, apa yang kami buat— sebab kebanyakan inikan di luar bandar, jauh daripada grid SESB, jadi kos memang tinggi. Tetapi, *we work on it*. Kami telah cuba melaksanakan ini setahun satu atau dua lokasi. Memang kita akui memang tidak *reliable*...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Untuk *long-term*, semua *genset* mungkin boleh digantilah, kan?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya. Kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sedikit demi sedikitlah. *Cannot do one go*.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Betul. *Progressively*, kita tukar.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, terima kasih, Tuan Haji.

Datuk Mokran Ingkat [Ahli PAC Sabah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Kalau yang belum kenal dengan saya, saya Mokran Ingkat, Ahli PAC Sabah.

Saya mahu tanya. Yang di Kampung Lelas ini, berapa kampung yang terlibat yang menerima bekalan air daripada ini, dari loji ini, ataupun daripada sistem yang dibuat di sana? Kemudian, saya juga ingin tahu, bila siap penggantian paip? Sebab, ada satu kampung yang hampir dengan Kampung Lelas ini sering kali mengadu tidak dapat air. Sampai sekarang ya. Jadi, minta penjelasanlah.

Tuan Tam Yin Foon [JANS]: Yang Berhormat, untuk jumlah meter yang kena sambung ini, setakat ini, *off-hand*, kita tiada maklumatlah. Kita mahu minta daripada DE di Sandakan dulu. Nanti kita akan maklumkanlah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Soalan adalah daripada YB Mokran. / *mean— ya. [Ketawa]*

Tuan Tam Yin Foon [JANS]: *Sorry. [Ketawa]*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Walaupun di Sandakan tetapi di— ya. Saya ada satu soalan mengenai— *when we're talking about the genset* ya. Sebab, notis yang diberikan pada 16 September 2024 mengenai penutupan sementara Loji Rawatan Air Bukit Garam, Kinabatangan disebabkan kekurangan bekalan minyak diesel di *pre-sedimentation facility* loji. Boleh saya dapatkan pencerahan mengenai kenapa kekurangan bekalan diesel di mana sepatutnya diesel ini di-*provided* oleh kementerian yang sama juga, kan? *Under* Kementerian Jabatan Kerja Raya Sabah. Boleh saya dapatkan ulasan daripada pihak JANS?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey, Yang Berhormat. Isu diesel sebenarnya tidak ada isu sebarang kekurangan diesel di Sandakan pada kejadian tersebut. Sebenarnya adalah lebih kepada komunikasi di antara Jabatan Air dengan JKR begitu. Sebab apa, diesel ini adalah dibekalkan oleh JKR Sabah. Kami akan menghantar ePOL iaitu *online order* di mana kami akan order bekalan diesel dan sekali dengan peruntukan untuk digunakan.

Apa yang berlaku ialah bahawa pada masa tersebut, kami ada masalah berkenaan dengan peruntukan. Sebab, kalau kita nampak tadi projek sambungan elektrik ini, kalau kita tengok ini kan... [Merujuk pada slaid pembentangan] “JANS difahamkan bahawa kontraktor SESB dalam proses permohonan EOT”.

■1610

Sebenarnya projek ini dirancang sudah sepatutnya siap pada awal tahun ini. *By that time*, bila kami buat bajet untuk keperluan diesel pada tahun ini, kami memang *omit* keperluan pada sebahagian besar tahun ini sebab dijangkakan awal tahun akan siap. Jadi *by that time* kita tidak perlu diesel, kita sudah menggunakan *power* daripada *national*, daripada SESB grid.

Jadi apa yang berlaku ialah apabila berlaku kelewatan, kita bajet pun lari. Pada masa tersebut, apabila kita mendapati bahawa keperluan diesel di seluruh Sabah pada masa itu telah meningkat dan juga harga diesel ini sebenarnya, kita bukan *order* satu tahun. Kita *order* sebulan sekali. Mengikut pihak JKR, harga diesel ini adalah berbeza-beza, satu liter berapa bulan ini, bulan depan. Jadi, menyebabkan ketidakcukupan peruntukan pada masa tersebut.

Jadi, apabila kami memohon peruntukan khas daripada MOF Sabah, kami telah mendapat kelulusan pada hujung minggu sebab kejadian ini berlaku sebenarnya pada Hari Malaysia, 16 September lepas. Jadi, pada masa tersebut *holiday* dan kemudian apabila *order* telah dibuat, peruntukan telah diterima, *holiday* lagi, *tanker* yang menghantar tidak *available*. Maka hari Selasa, 17 hari bulan, malam baru dapat dibekalkan. Jadi, pada masa tersebut kita ada lebih kurang dalam 36 jam loji tidak beroperasi disebabkan masalah diesel itu. *That is the reason*-lah. Bukan diesel tidak ada tapi lebih kepada komunikasi di antara jabatanlah, JKR dan Jabatan Air.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak tanya *because* banyak pakai *genset* dan sebagainya, ini *about the diesel* pula.

So, Sabah ini banyak matahari kan? [Ketawa] *Why don't you explore solar energy to operate you* punya ini, segala loji airkah, *whatever* itu kan? Boleh *synergize* – bukannya Jabatan Airlah sahaja. Dia kena inilah dengan orang lain, orang lain *about solar farm*-kah, supaya *just for your* keperluan ini sahaja, segala LRA-kah, *you* punya enap cemar itukah. *Rather than we think for* nak buat semuanya nak tunggu grid lagi, kata jauh ke dalam, tak dapat grid dan sebagainya.

So, I actually got a message – ini saya inikan ya, orang yang bagi mesej. *Last four, five days*, Likas – Likas dekat sini sahaja kan? Tapi di bawah Kementerian Luar Bandarkah? Kan, Pengerusi kan? “*And the surrounding areas have no piped water supplying including my office area...*” Bukan saya tahu. Ini orang ini. “*Located at Kingfisher Plaza. Last year and this year, ours frequently no water supply, affecting all businesses especially F&B*”. Food and beverage kan. *So, it is quite* ini jugalah, teruk jugalah kan? Kalau nak kena catu sebab dengarnya banyak kena catu dan sebagainya, maknanya *quite* teruk jugalah, *acute* jugalah. Maknanya

you kena *explore*, *how do you get the energy* selain daripada grid. Nak tunggu grid lagi, banyak lagi ini, banyak duit lagi yang diperlukan. Kita banyak elektrik, bukan dekat Antartikakah apa.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Yang Berhormat, Jabatan Air memang – okey, kita memang ada *explore* dan akan melaksanakan satu *pilot project* untuk plot solar, sistem di Empangan Babagon. Kita akan buat dan *to produce about 50 megawatt*.

Tapi *the rest of the district* sebab solar ini bila kita buat kajian bahawa dia memerlukan satu kawasan yang luas dan *as we know that* bahawa loji-loji di Sabah ini bukannya besar-besar pun. Banyak tapi kecil. *The biggest one Segaliud*, 1.25 MLD. Sekecil-kecilnya, 0.5 MLD dan kebanyakan loji kita *almost 50* buah daripada 89 buah loji di Sabah, 50 buah itu adalah berada dalam kapasiti di bawah 10 MLD. Jadi, loji kita kecil.

So, *the* kawasan loji memang kecil. *Roof surface area* memang kecil, jadi untuk menggunakan itu memang tidak *feasible*-lah tapi *we look into another place* seperti di ORS Milau, Kudat, ORS Segaliud *because* kita ada luas kawasan takungan di sana. Itu sahaja yang mungkin.

Mungkin di Babagon ini kalau kami kira keperluan tenaga untuk loji air di Penampang, Kasigui dan Moyog, kita ada berlebihan dan daripada tenaga itu memang kita akan jual balik pada pihak SESB-lah. *This one is still* dalam *design stage*-lah tapi secara *principle*, kita sudah meluluskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, mungkin sikit maklumat ya. Jumlah LRA keseluruhan di seluruh Sabah yang masih menggunakan...

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 89 YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang masih menggunakan *genset*. Berapa daripada 89 itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 15.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 15?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi dalam proses – adakah ketika awal *design* LRA ini memang menggunakan *genset* ataupun ada masalah ketika dalam, selepas itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Memang dari awal direka bentuk menggunakan sumber kuasa *genset*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, dalam pelan JANS sendiri, 15 ini akan beralih untuk gunakan grid ataupun *still* kita akan terus menggunakan *genset* ini ataupun bagaimana?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Kita memang dalam proses untuk – *progressively*, kita akan tukar kepada bekalan elektrik daripada grid SESB-lah tetapi kekangan kewangan, menyebabkan kita tak boleh buat sekalilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*, Tuan Pengarah ya. Semalam, semasa lawatan semalam, saya dimaklumkan oleh pegawai daripada Ahli Parlimen Beluran bahawa beliau masih lagi bergantung kepada air hujan. Jadi, betulkah? Saya merujuk kepada Beluranlah *for that matter*. Memang masih lagi banyak kawasan di situ bergantung kepada sumber air hujan berbanding dengan sumber air rawatan, telah dirawat dan disalurkan oleh KKDW-lah. Jadi, *is it true?*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: 30 per cent katanya.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Yup. Okay, our rural water supply – treated water supply coverage is about 68 per cent but the...*

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: 60 per cent ya? 60 peratus.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 68.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: 68.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *Urban 100 per cent-lah*. Jadi, kita memang bekerja rapat dengan pihak KKDW ini seboleh-bolehnya untuk membekalkan air ke kawasan luar bandar tetapi KKDW juga saya rasa mereka boleh jelaskanlah apa syarat-syarat sebab kedudukan kampung-kampung di Sabah ini kalau sudah *rural* itu memang *remote* betul.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Sengaja saya tanya sebenarnya tuan, fasal KKDW ada di sini. Terima kasih.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya. *[Ketawa]* Jadi memang masih banyak. Mana-mana yang tidak memenuhi kriteria KKDW, memang kami sedang memikirkan macam mana. *We come to the stage that we conclude*, kita buat keputusan bahawa kalau kita tidak dapat bekalkan air terawat, kita bekalkan air bersih seperti air bawah tanah yang ada *minimum treatment, rainwater harvesting, gravity-fed water supply system* dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tambah sikit saja. Kalau 68 per cent itu *rural and bandar 100 per cent, overall* berapa persen yang belum menerima air terawat? *Roughly-lah. Overall?* Yang tidak...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, sikit soalan. *I think* sama juga, sama topiklah dengan Kuala Pilah tadi.

■1620

Tapi nak lihat gambaran sebenarnya YB, saya rujuk kepada Zon 9 ini, daerah Sandakan sahaja yang apabila projek yang kita bincangkan ini siap dengan jayanya. Apakah

gambaran sebenarnya yang dalam bandar Sandakan itu okeylah *100 percent*, yang di luar itu, dalam daerah Sandakan itu, berapa banyakkah bilangan rumah yang sudah terima bekalan air bersih, berapa banyak lagi yang menggunakan sistem alternatif ataupun air hujan? Dari situ sahaja, dari segi *overall* tadi 64 persenlah di seluruh luar bandar Sabah yang sudah menerima bekalan air. Tapi saya nak fokus kepada Zon 9 ini, daerah Sandakan. Mohon pencerahan. Terima kasih.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Yang Berhormat, saya ingat data ini saya perlu— saya akan bagi kemudianlah sebab kita perlu rujuk di pejabat. *This is not that* yang kita anggap ini yang sudah *connected* ya, *connected*. Rumah yang *connected to the system*. Kawasan yang diliputi *not necessarily* orang kampung sambung. Di Sabah ini kalau di luar bandar ini ada sistem graviti lagi. Kita pasang paip pun, paip air terawat, kadang-kadang dia orang tidak sambung. Dia masih dia kata, kami guna air graviti sebab kos untuk penyambungan baru tidak juga tinggi, tapi dia memang kebanyakan di luar kemampuan mereka. Kita akan *share* makluman tersebutlah.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Dalam perkara yang sama, adakah skop projek KKDW ini tadi termasuk kos sampai ke dapur rumah? Dia punya apa ini, retikulasi itu.

Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: Kes yang untuk yang projek retikulasi, memang kos kita paip memang akan sampai ke dapurlah, dia punya sampai meter untuk retikulasi. Memang sampai.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ia bermaksud tuan rumah itu tadi tak perlu mengeluarkan belanja lagi untuk menyambung paip sampai ke rumah?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Memang ada kos lagi yang perlu *consumer* bayar kepada Jabatan Air iaitu deposit. Deposit ada. Tapi yang lain, *connection fee and meter fee* memang termasuk dalam *project cost*.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Boleh saya dapatkan maklumat mengenai kos untuk rumah ini nak bayar kepada Jabatan Air? Berapa kos sebenar? Kelmarin kita jumpa penduduk, dia cakap kena bayar RM1,000 lebih sebagainya. Boleh kita tahu tak kos-kosnya, deposit ataupun ada kos-kos lain?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Yang Berhormat, kos...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli Parlimen]: Satu lagi bila dah bayar itu, berapa lama Jabatan Air boleh *connect*, pasang? Sebab ada yang aduan daripada penduduk, tunggu begitu lama sangatlah nak masuk meter.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey. Yang Berhormat, okey. Bayaran yang perlu *consumer* bayar kepada Jabatan Air cuma dalam RM230. RM100 deposit, RM130 *meter and connection fee*. Itu kalau *connection fee* itu tidak di-*covered by this project*. Jadi, kos sebenar yang dia bayar kepada Jabatan Air ialah itu saja. RM230, deposit dengan

connection fee and meters dan RM10 lagi untuk setem hasil. Jadi, RM240 sahaja sebenarnya. Tapi material dan paip apa semua itu adalah tanggungan pemohon sendiri. Apa yang menjadikan kos dia sampai RM1,000 lebih itu saya rasa itu adalah kos daripada pihak kontraktor tukang paip, termasuk kos material *and labour cost*.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kos tukang paip ini maknanya mungkin projek-projek yang terdahulu, KKDW ini tak *cover* sampai ke tangki air dia orang ataupun dapur dia orang?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Betul.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Itu yang RM1,000 lebihlah?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Betul.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kalau dah ada projek-projek KKDW yang baru ini, dia memang *reticulation* sampai ke tangki rumah itulah. Betul ya? Kalau yang itu hanya RM200 lebih? Yang lama dulu kena RM1,000 lebihlah sebab dia perlukan tarik paip daripada meter ke rumah. Betul ya?

Encik Azman bin Kassim [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: YB, saya Azman daripada Bahagian Prasarana KKDW. Tentang soalan tadi, saya ulang balik bahawa memang selepas 2018, barulah kita *cover* sampai ke dapurlah. Sebelum itu tidak kita *cover*. Itu adalah salah satu penambahbaikan yang kita buat selepas 2018 selain daripada *cost per house* daripada RM100,000 kepada RM120,000 *per house*. Itu sahaja YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya, hari itu kita pergi Sandakan kata diwajibkan pemohon itu ada tangki, ada tangki air dulu. Kalau tak, tak bagi air dekat dia. Betul ya? Tak sambung air dekat dia walaupun dia dah ada paip kah apa benda semua itu. Betul?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: *This a* keperluan perundanganlah, dari segi undang-undang. Kemudian dari segi *practicability* dia, *practical*-lah sebab kita tidak jangkakan gangguan ya, kerosakan loji, paip pecah. *For* gangguan setengah hari apa semua itu kan, so dia boleh *cover*-lah *by the* air dalam tangki. Tak besar pun tangki itu sebenarnya, *equivalent to one day demand* sahaja. Kita tak minta yang besar. Katalah...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak ada *standard size* tangki?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ada *standard size*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Berapa harganya itu? Sebab tadi RM230 kata. So, *what is the additional cost?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: 400 galon untuk sebuah rumah *dwelling house* ataupun lebih kurang 1,000 literlah. Kos berbeza-bezalah di seluruh Sabah. Tapi purata kalau tangki untuk 1,000 galon dalam RM600, RM600. Tangki plastik ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So maknanya, minimum RM1,000 jugalah satu rumah itu, *individual dwelling house?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Memang syarat wajib mesti ada tangki air? Walaupun rumah-rumah kampung ataupun rumah kecil kat kampung itu, mesti ada tangki air? Jabatan Air Sabah memang mewajibkan mesti ada tangki? Sebab negeri lain ada tak perlu tangki, dia masukkan saja. Tapi, tak tahulah Sabah macam mana.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Susulan daripada soalan Tampin, saya nak tanya, macam tadi sebab prosiding pagi tadi kejap-kejap juru runding, perunding, konsultan, kajian dan sebagainya. Tapi yang untuk yang ini, keperluan ini, ada tak dibuat kajian yang mencukupi, keperluan— maksudnya macam inilah, keperluan yang sebenar yang patutnya kita sebenarnya perlu ataupun tidak nak pakai dia punya tangki dan sebagainya. Itu ada tidak buat kajian yang mencukupi untuk melihat keperluan rakyat Sabah ini dalam konteks yang ini? Bagaimana? Ada tak pakai perunding yang bertauliah untuk tengok permasalahan ini?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey YB. Okey *first*, berkenaan dengan wajib kah tak wajib, *law* cakap wajib. Tapi bila pelaksanaan, kadang-kadang kita ini pun— yalah, bila bercakap dengan di luar bandar kan, memang kadang-kadang kita pun pertimbangkan juga kemampuan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli Parlimen]: Tak, kenapa nak— *law*, *law* mana ini? *State* kah *federal*?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Enakmen, Enakmen Air Negeri Sabah. Enakmen Air Negeri Sabah. Jadi, kita pun *consider* juga. Memang kita tak boleh paksa juga, tapi itulah kan. Kami pun pesan, kalau ada apa-apa berlaku gangguan bekalan air, memang dia tak ada airlah untuk tempoh tersebut. Jadi, *to say that* tak ada tangki tak boleh sambung, *actually* tidak jugalah kami begitu kejam kan. Memang kami ada jugalah *lenient* juga kan. Kadang-kadang dia kata saya tak mampu nak beli tangki 1,000 liter, 400 liter pun okeylah, kita kata okeylah.

Jadi berkenaan yang kedua tadi, yang Datuk Pengerusi katakan tadi. *How we determine capacity of the* tangki. Kita menggunakan sifir kita bersama KKDW iaitu *consumptions* satu orang ialah 220 liter. Jadi anggaran kita di Sabah, Sabah ini *ada* juga banyak anak. Dalam sebuah rumah dalam lima atau enam penduduk. So, kalau 220 kali enam atau kali lima, *we are more or less 1,000 liter* lah. So, *that is the way* kita inilah. Sebab apa, kita tentukan ini waktu mereka memohon bekalan air.

■1630

Apabila mereka menyatakan bahawa apa aktiviti di rumah itu dan berapa isi rumah di situ. Jadi, kita boleh anggarkan keperluan *storage* mereka.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *I think*— saya boleh tambah lagi juga. Untuk Sandakan, kami ada satu lagi *building by-law*, di mana semua perumahan mesti ada tangki.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Perumahan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Ya, perumahan. *So, on top of* Jabatan Air punya, kami ada *building by-law*. *So, just for Sandakan, because* kemungkinan pada masa itu *when this law was enacted*, kami boleh *predict* kami tidak cukup air. *So, they will make sure every house has* tangki *and also*, Kerajaan Negeri Sabah *also* sangat gigih untuk agihkan tangki kepada semua rakyat sekitar yang tidak mampu. *So*, Kerajaan Negeri Sabah pun ada jalankan dia punya tanggungjawab bagi tangki-tangki kepada keluarga yang dalam keperluan. Tapi soalan saya adalah kepada Pengarah Jabatan Air. Berapa pegawai ataupun *your officers that is in Sandakan* yang *serve the whole* sampai ke Beluran? Sebagaimana saya tahu, *team* di Sandakan ada berapa petugas ataupun kontraktor ataupun *the team is how big* dan perlu *serve* berapa kawasan yang jarak sampai mana?

Sampai ke Beluran kah *also team from* Sandakan atau ada *team you already* agihkan sebab walaupun ada yang saya dapatkan *feedback, eventhough* mereka ada duit nak *kasi*, nak dapatkan *meter*, perlu tunggu sangat lama. *The queue is too long, because there's not enough manpower to even install the meters*. *So*, boleh dapatkan *the number of team members that is able to do this job and then, serve* sampai kawasan ke mana? *Thank you*.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Yang Berhormat, okey. Setiap Daerah Beluran, Sandakan dan juga Kinabatangan ada pejabat air daerah sendiri dan ada *team* dia. *In terms of* kecukupan staf, saya rasa kami tiada masalah dari segi itu. Isu kelewatan meter lambat dipasang pun sebenarnya tidak ada isu sebab kita membenarkan selain daripada kakitangan Jabatan Air untuk *install meter* ini, *fixed the meter*, tukang paip yang dilantik oleh pemohon itu juga dibenarkan untuk pasang meter ini. *We allow them*. Jadi, sebenarnya isu kelewatan ini mungkin perkara lainlah. Jadi, bukan pasal ini sebab ia tidak ada isu yang katakan bahawa staf tidak cukup, sebab kita benarkan *the plumber itself* yang dilantik oleh pemohon.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Memandangkan banyak berlaku kebocoran, jadi semalam saya dah tanya tapi nak dalam rekod sahaja. Apakah kaedah pemantauan yang dibuat oleh pihak Jabatan Air Sabah untuk mengenal pasti kebocoran dan juga dapat— parameter yang digunakan dan juga dapat dibuat pembaikan dengan secepat mungkin?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: *Okay, alright*. Satu sistem bekalan air ini, kita bahagi-bahagikan kepada beberapa zon, *metered zone we called it, district metered zone* (DNZ). Jadi, setiap zon itu *comprises of about* mungkin 500, 1,000 premis. Jadi, dari situ kita akan ada *district metered zone* dan juga kita *monitor district meter* untuk kita *monitor flow*, berapa masuk di sana dan kita *compare* dengan berapa banyak pengguna di sana. *Secondly*, dalam sistem tersebut, kita juga memasang *pressure sensor* di *inlet* dan juga di *critical point*. *What you called critical point is the— mostly* kita punya sistem adalah menggunakan sistem graviti. Sistem graviti *means*, mana yang paling rendah, sana lah *pressure* yang paling tinggi.

Mana tempat yang tinggi, berbukit, *the pressure will be low*. Jadi, kita punya *principle* bahawa *pressure* di *inlet* iaitu di *district metered zone*, di *inlet* ke kawasan tersebut dan juga kita *compare* dengan *critical point*.

Critical point, ertinya kita pasang *pressure gauge* di tempat yang paling tinggi, di mana *it is a* tempat yang paling tinggi. Kalau di sana tak ada *pressure*, ertinya ada bahagian di sana memang tidak ada air. Tapi kalau di *critical point* ada *pressure*, ertinya *the whole area* ada air. *It's one of the* anu lah. Tapi *as we*— seperti yang saya katakan pagi itu, walaupun Program NRW yang telah kita laksanakan berjalan tapi tidak semua, mungkin di Sabah, DNZ yang dipasang adalah lebih kurang 60 peratus baru *cover the whole system*-lah. Yang lain, yang kami buat ialah pemantauan secara *remote* ataupun manual. Kita pasang *pressure gauge* di tempat-tempat yang strategik dan di-*monitor* setiap masa lah. Selepas itu, kita juga ada sistem secara *online real time* di beberapa tempat, di mana kita boleh mengesan jika berlaku *abnormality*. *Flow* yang tidak normal seperti *high flow* dan *low pressure*. Sebab air ini, bila *high flow*, *low pressure*, ertinya bocor. Bila *low flow*, *high pressure*, ertinya sistem dalam keadaan baik.

Walau bagaimanapun, *coverage* sistem ini adalah masih rendah tapi *we work on it* dan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, sebenarnya kami menganggarkan untuk DNZ *coverage* adalah lebih kurang 75 peratus dan untuk Program NRW National Pendekatan 2, pihak BBA telah meminta Jabatan Air untuk menghantar cadangan pemasangan DNZ untuk seluruh negeri Sabah. Jadi, *100 percent coverage*. So, *this is a long term* anu lah. *This is the way* kita boleh— satu, *to detect* kebocoran lebih awal dan kedua, kita boleh kawal kebocoran.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada, *anyone*?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Tuan *Chairman*, *chairman*?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, Kuala Pilah

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Saya dimaklumkan dalam prosiding sebelum ini bahawa kadar NRW agak tinggi di Sabahlah. Ada lebih kurang tadi dalam 55 peratus. Soalan saya Tuan, penyumbang kepada kadar ini adalah kerana paip usang ataupun kecurian?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Yang Berhormat, kadar sehingga bulan Ogos tahun ini, kadar NRW di Sabah ialah 54 peratus. Kadar NRW di Sabah ialah 54 peratus, nombor tiga tertinggi di Malaysia. Punca utama ialah infra yang sudah uzur, kebocoran paip. *That is the— contribute almost 60 percent*-lah daripada *collect—* kehilangan dan 80 peratus adalah daripada kehilangan komersial. Komersial ini majoritinya adalah disebabkan oleh kecurian (*water theft*) dan kita juga buat analisa bahawa juga disebabkan oleh meter tidak *accurate*. Jadi, program penggantian meter pun kami jalankan dari masa ke semasa.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, dua— bukan soalanlah. Nak *confirmation* je, pengesahan. Tadi Tuan sebut bahawa satu adalah masalah gunakan

diesel *genset* itu adalah *fluctuation* harga diesel. Bukankah *diesel* itu kawalan dia terkawal ataupun di luar kawalan? Itu persoalan pertama. Keduanya, rujuk kepada slaid nombor 29. Nombor 29 ini nak pengesahan *je*. Yang belah kanan *title itu*, kerja-kerja pemasangan paip jenis PVC-O itu, nak pasti *je*. Kiri kanan itu memang PVC kah ataupun macam mana itu? Soalan mudah *je*.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: *Alright*, diesel dululah. Okey, diesel di luar memang harga— kalau di Semenanjung sama, Sabah pun sama. Tapi di Sabah ini, untuk bekalan kepada jabatan-jabatan kerajaan, sebenarnya dia ke JKR dulu. Kemudian kami yang beli dari JKR. So, ada peningkatan kos.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: JKR *control* harga diesel?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: Ya.

Ahli-ahli PAC: *[Berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JNS]: ...adik-beradik. Tapi kita pun tak tahulah. *I think* kita pun tak tahu. Tapi memang begitulah. Semua jabatan kerajaan negeri, kita *order* untuk *genset*. Tapi untuk kereta sebenarnya, kita guna Petron. Untuk ini sahaja, untuk *bulk order* ini. Kita *order* satu treler ini sebenarnya.

■1640

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, harga JKR boleh jual ini tanpa *ceiling price* kah apa?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Tak tahulah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Minta maaf. *First time* saya dengar ini. Itu sebab saya nak jelas itu. JKR boleh jual harga mana-mana tanpa harga siling kah? Macam mana ini? Minta maaf. Saya kena tanya ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Rasanya begitulah. Rasanya begitu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bukan ada 'harga adik-beradik', kah? Tak ada?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Tiada 'harga saudara' ini. *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because it is was supposed to be* ada subsidi. Ada *mark up* lagi?

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ada *mark up* tetapi kami tidak tahu apa mekanisme dia buatlah. Sebab, kami memang dari tiap-tiap bulan atau setengah bulan, kami akan diberitahu harga. *You order* hari ini, inilah harga dia.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Maybe* boleh kongsi *the latest price you purchase* untuk bulan lalu. *What is the price? For how many liters?*

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Okey, nanti kami semak dahulu.

Kedua itu tadi— ha, betul yang ini. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Okey, yang biru itu PVC lah. Sebelah kanan itu *Mild Steel Concrete Lining (MSCL) pipe*. Satu *steel*, satu plastik ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itu nak kepastian sajalah. Setahu saya pun, yang putih itu bukanlah.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tetapi *title* itu kan, PVC ini, makna... [Ketawa]

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Tak apa. Nanti saya... [Ketawa]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, terima kasih. Kita berbincang mengenai apa yang penemuan auditlah sini. Saya nak tanya, berapakah projek-projek KKDW yang tengah berjalan sekarang dan apakah peratus ataupun siap— *progress project*. Ada maklumat tak? Kita tak naklah projek-projek yang kemudian ini sampai setahun *delay*, dua tahun *delay*. So, kita nak tahu juga. Dan ada tak projek-projek baharu yang telah diluluskan pada tahun ini?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sementara dia orang nak cari jawapan itu, saya ini— soalan samalah kepada JANS. Sebab ini kementerian lain, kan? *What is your wish list* supaya *your problems* untuk bekalan air luar bandar ini boleh diselesaikan supaya kementerian *take note and* bagaimana nak boleh bantu daripada *Federal*?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar dah ambil soalan Naib Pengerusi. Tak ada lah. [Ketawa]

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, sebelum itu, saya nak tanya JANS jugalah. Apa status bekalan air di UMS sekarang? Adakah dah *settle*?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tambah boleh? Datuk Wira, boleh tambah? Berkaitan. Fasal *wish list*. [Ketawa] Berkaitan.

Sabah ada menetapkan sasaran untuk— saya pinjam kata-kata PMX— menoktahkan penduduk yang belum lagi menerima air terawat. Terima kasih.

Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah [JANS]: Memang harapan kita luar bandar ini kita bagi air semua sebenarnya. Tetapi— itu sahajalah yang saya harapkan. Sebab, kalau pra syarat untuk kita bekalkan air ini daripada KKDW, *correct me if I'm wrong*-lah, unit kos ialah RM120,000 per premis. Jadi, kalau lebih daripada itu memang tidak diluluskan. Jadi, apa yang kita dapati bahawa kebanyakan kampung-kampung di luar bandar di Sabah ini jarak di antara rumah-rumah ini memang jauh. Orang kampung ini tanah dia luas. Satu orang boleh dapat 20, 30 ekar. Rumahnya sebuah. Jadi, apabila kita ingin melaksanakan projek air, *to lay* satu batang paip 20, 30 kilometer, mungkin kita cuma *serve* beberapa buah rumah, menyebabkan unit kos dia sangat tinggi.

Jadi, itu yang kita— itulah. Kalaupun kita tidak dapat membekalkan air terawat, air bersih pun saya rasa sudah mencukupi. Jadi, *that is our wish*-lah supaya kita boleh— *our*

target is that memang agak mustahillah dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini untuk mencapai *target, let's say*, 80 peratus. *Even*, kami berpendapat juga bahawa *to achieve 100 percent rural coverage* pun agak sukar. Sebab, kalau tengok di Sabah ini, masih banyak kawasan yang kita tidak boleh capai dari segi perhubungan. Banyak lagi masih melalui sungai, melalui bot. Jadi, di samping— sebab itulah kami cuba mempelbagaikan sistem bekalan air di luar bandar sebenarnya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *I'm worried about what—* RM120,000 itu untuk apa? Untuk sebuah rumah? Kos untuk sebuah rumah yang diluluskan oleh kementerian? Macam mana itu?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, YB, untuk maksud RM120,000 itu, maknanya *total* kos projek, kita akan bahagi bilangan rumah dan *make sure less than* RM120,000 itulah. *Total cost* itu dengan bilangan. Sebabnya, dari segi projek ini, kita tak nak terlalu tinggi untuk sebuah rumah itu. Makna, kita kos semua sekali *total* itu seboleh-bolehnya *less than* RM120,000. Ini berdasarkan keputusan daripada *central agency*-lah, yakni Kementerian Ekonomi semua. Sekiranya ada terlebih sikit, contohnya RM129,000 bila kita *calculate*, kira tadi, kita biasa akan dapat kebenaran khaslah. Itu pun ada beberapa kes untuk kita luluskan projek untuk pertimbangan kementerian.

Ini projek yang telah lulus ya. Bila kita pergi masuk projek atau kita masuk *site*, perunding kita dah buat semua sekali dari segi *design* dan kita kira balik semula, kita akan pastikan bahawa setiap projek itu mematuhi kadar untuk sebuah rumah tadi RM120,000. Dengan sifir tadilah, formula tadi. Kalau ada terlebih sikit-sikit itu, kita akan *consider* jugalah. Macam RM130,000, kita tengok macam mana. Kita untuk menyampaikan— kadang-kadang ini penduduk ini masa permohonan itu, dia nampak ramai. Bila kita pergi ke *site*, perunding yang kita lantik tengok, sebenarnya dia turun balik bilangan rumah itu sebenarnya. Itu dari segi datalah pada masa permohonan itu.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kalau kos itu melebihi RM120,000 untuk satu rumah kan, kita ada alternatif lain. Ada yang dah *start* mula *tube well* dan sebagainya. Ada tak cadangan daripada KKDW?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: *Assalamualaikum*, YB. Pertama sekali, untuk di bawah Jabatan Air Negeri Sabah ini, hanya *cover* air terawat sahaja. Air tidak terawat ataupun air bersih dibuat oleh agensi lain. Dalam kes KKDW, kita memberikan peruntukan secara *average*-nya setiap tahun RM5 juta kepada KKDW Sabah untuk melaksanakan projek-projek bekalan air alternatif. Jadi, kalau projek yang macam tadi, kalau tengah buat projek tak cukup duit, kita tak akan buat telaga tiub dan sebagainya. Sebab, ia tidak air terawat. *Unless*, memang kita ambil sumber air bawah tanah.

Okey, yang keduanya, tentang peruntukan sama ada RM120,000 cukup kah tak cukup. Sekiranya— sebagai contoh ya, projek itu 500 rumah. So, kali dengan RM120,000,

dia punya kos siling adalah RM60 juta. Tetapi, dalam kita membuat kajian perunding dan sebagainya, sekiranya lebih ataupun kurang, kalau katakan lebih daripada RM120,000, kita akan minta kelulusan khas daripada KSU dan juga pihak KE lah. Biasanya tiada halanganlah. Sebab, biasanya macam Sabah ini, kebanyakannya projek-projeknya berada di luar bandar ini dia *less than* RM120,000. Sebab, rumahnya banyak. Kita buat sebanyak mungkin *coverage* yang dibuat.

Kalau saya boleh sambung terus jawapan kepada berapa banyak projek yang diluluskan pada 2024 untuk Sabah. Kita luluskan sebanyak *total* 14 projek baharu dengan kos siling peruntukan asal RM1.4 juta dengan kos keseluruhan sebanyak 601,500 juta untuk 2024. Banyak projeknya dan sebahagian projek-projek tersebut kita serahkan pada negeri ataupun JKR yang di bawah RM50 juta dan ke bawah.

Okey, seterusnya. Tadi, berapakah projek keseluruhannya? Okey, projek keseluruhan untuk Sabah, *total* keseluruhan yang ada dalam rekod kami adalah 77 projek dengan siling asas sebanyak RM135.860 juta dengan kos keseluruhan Sabah RM3.8 bilion. RM3.846,120 bilion. Sebab, dia campur bukan sahaja yang baharu tetapi termasuk projek-projek sambungan.

■1650

Untuk makluman YB Datuk Pengerusi, kita punya di bawah KKDW ini, saya ingat projek kita, saya ingat hampir dalam RM40 bilionlah keseluruhan kos untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kos sambungan dan juga – projek sambungan dan projek baharulah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Untuk tahun ini?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Untuk tahun ini, maksudnya untuk sambungan dan juga baharu, RM3.8 bilion koslah tetapi termasuk yang telah siap tetapi masih lagi berjalan sehingga sekaranglah. Tetapi, untuk *this year* sahaja, seperti yang saya maklum tadi, untuk Sabah tadi, 14 projek dengan kos keseluruhan projek, RM601.500 juta. Memang besar, YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada projek yang sakit tak sekarang?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Sakit sekarang?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Yang sampai setahun tak siap itu, ada lagi tak? Yang tak ditemui oleh audit?

Tuan Tam Yin Foon [JANS]: Ya. Sekarang, memang ada satu projek yang ini, bekalan air luar bandar punya ini. Memang ada satu projek sakit iaitu projek menaik taraf Loji Rawatan Air Pitas. Pitas, ya. *Sorry*, Pitas 2.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Boleh berikan maklumat itu nanti kepada PAC? *The details of the* maklumat itu, boleh berikan kepada PAC? Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *Last* sekali. Tadi, saya tertariklah mengenai bekalan alternatif RM5 juta setahun kepada Sabah. Sejauh manakah kejayaan

projek-projek tersebut sebab kalau di luar bandar yang agak jauh, *better use* alternatif ini daripada air yang terawat.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia – projek ini sebenarnya adalah projek-projek *quick win* atau *touch point*-lah. Maksudnya, sepatutnya disiapkan dalam tempoh tahun semasa, yang mana dari segi prosesnya kita tak akan melibatkan *tender process* dan setakat sebut harga sahaja sehingga – kita ada kelulusan khas daripada MOF, RM1 juta ya? RM1 juta dan senarai permohonan ini biasanya dikemukakan oleh KKDW Sabah dan tajuk-tajuk itu akan dimohon ke kementerian pada awal tahunlah sebab dia *quick win*, untuk tempoh yang singkat.

Cuma, untuk tahun 2024 ini – ada *details* tak? Kena bagi balik. *[Merujuk kepada pegawai]* Kita akan maklumkan baliklah. Bermakna, yang ini merupakan projek yang cepat dan sepatutnya tak ada projek sakitlah. Butiran dalam itu, yang ada senarai-senarailah, termasuk biasanya air graviti, lepas itu apa? Telaga tiub kan? *[Merujuk kepada pegawai]* Telaga tiub pun ada, graviti ya...

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Jadi, sejauh mana keberkesanannya, saya lihat memang sangat berkesanlah YB, sebab tiap-tiap tahun memang dipohon untuk guna RM5 juta. *Average* dalam 10 projeklah, lebih kurang macam itulah dan projek ini memang kena siap segeralah dalam tempoh tahun semasa secara *general*.

Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: Mungkin dari segi pemilihanlah. Kalau kata, *water* retikulasi kita tak boleh laksanakan ataupun alternatif pun, kita bergantung kepada kesesuaian ataupun situasi di mana kita dicadangkan. Sebab kalau ada, sumber air tadi ada air bukit, kita boleh buat air bukit dan kalau kata untuk yang telaga tiub pun, ia bergantung kepada kesesuaian tempat dan juga dari segi peruntukan tadilah. Kita cuba yang *based on* peruntukan yang diluluskan pada tahun berkenaan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kalau RM120,000 serumah, kalau telaga tiub ini, *I think* RM10,000 pun boleh dapat *kut* untuk satu rumah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Tak terpakai, YB. Tak terpakai.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tak dapat sekarang?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Yang itu tak terpakai untuk projek-projek tadi.

Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: Untuk projek tadi.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia – maksudnya rendahlah di situ. Kita tak tengok sangat. Boleh saja...

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: YB, untuk RM120,000 sama ada alternatif ataupun terawat, RM120,000 itu adalah maksimum. So, kalau kawasan-kawasan pendalaman ini biasanya kosnya tidaklah sampai macam itu. Ada RM40,000, ada RM50,000 sebab dia seramai boleh di kampung atau kawasan pendalaman tersebutlah.

Tetapi, untuk kita punya *calculation*, untuk satu projek, *this is the maximum*. Kalau berapa rumah, itulah kali RM120,000 tetapi bukan semestinya sampai maksimum RM120,000.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Wish list* tadi tak jawab lagi. I nak... [Ketawa]

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Saya mohon penjelasan, Datuk Wira, hal RM120,000 – mengenai RM120,000 untuk sebuah rumah tadi yang maksimum itu. Adakah ia hanya untuk retikulasi sahaja atau termasuk sumber air?

Encik Azman bin Kassim [KKDW]: Projek untuk RM120,000 per rumah, sama ada melibatkan loji, ada melibatkan retikulasi sahaja ataupun alternatif, memang itu semua formula yang sama. Ya, sebab itu kadang-kadang kalau kita lihat projek retikulasi seolah-olah macam *simple*, retikulasi sahaja tetapi ada projek-projek retikulasi yang memerlukan rumah pam, memerlukan tangki simpanan. Jadi, kos-kos itu lebihlah tinggi sebab kawasan ni memang kadang-kadang *stretch out* dia sampai 35 kilometer, 40 kilometer dan sebagainya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada nak jawab tadi, soalan daripada YB Kapar tentang *wish list*? Jabatan Air, tadi, KKDW.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Anak minta dengan ayah, ayah cakap apa-apa dekat anak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Secara ringkas sajalah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ini peluang nak bertanya dengan kementerian, dengan kami PAC menyaksikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *I think* – okey. Tambahan, *what* YB Halimah nak bentangkan ini, katanya *wish list* kan? Saya lebih suka ialah kerana kita ada pelbagai agensi kerajaan berada di sini dan ini – kita sudah duduk sini satu hari dan sebelum ini juga sudah ada banyak persidangan tentang masalah pengurusan air di Sabah.

So, in the end kita kena keluarkan laporan kan? Laporan mesti ada cadangan. *So, you are the people on the ground, you know*. Mungkin anda boleh bagi pandangan, cadangan apa yang kerajaan pada masa yang akan datang haruslah ambil perhatian. Apakah cadangan kamu? Macam mana boleh elakkan isu ini daripada berlakulah? *What is the best way so that we can put in our report?*

I think, everyone can speak-lah. Jangan bimbanglah *because we are, you know, backbenchers, we want to* mengutarakan yang *real* masalah *on the ground, so that* pelbagai agensi dalam kerajaan itu, kita nak lihat macam mana kita boleh beritahu pemimpin kitalah.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Nak saya jawab dululah? *Wish list* ya, *wish list*. Tadi, berhubung dengan *wish list* daripada kerajaan negerilah ya, Kerajaan Sabah. Cuma, berdasarkan trend semasa yang kita luluskan di bawah RP termasuk RP1, 2, 3, 4 dan 5, cuma untuk negeri Sabah dan Sarawak, untuk RP4 ini kita lulus projek yang amat banyaklah.

Even untuk Sarawak, 17 asal dan diteruskan 17 dan Sabah pun sebenarnya 17. Kemudian, Kementerian Ekonomi telah meluluskan 17 projek, 14 dah – 17 tolak 3, bukan? Memang 14 asal? Asal 14 ya? *[Merujuk kepada pegawai]*

Maknanya, dari segi keperluan asas untuk pengurusan air di kawasan pedalaman, pengurusan di luar bandar sebab sekarang ini di luar bandar. Maknanya dari segi trend semasa sekarang ini, kita di peringkat kementerian yang mana permohonan-permohonan yang dipohon melalui UPEN Sabah khususnya dalam kes ini, kita akan pertimbang berdasarkan keperluan dan melebihi – maknanya, keutamaan telah diberikanlah.

Maknanya, senarai projek itu semakin meningkat daripada semasa ke semasa dan di bawah RP4 ini telah melonjak dengan tinggilah berbanding RP3. Berapa kita bagi? Empat sahaja. So, di bawah RP4 tahun 2024, 14 ada pertambahan 10-lah. Bermakna, dari segi kita di kementerian berusaha untuk mencapai liputan air. Di kawasan pedalaman, kalau ikut di bawah kerajaan negeri, untuk *coverage* liputan air untuk di kawasan pedalaman akan – kalau ikut sasaranlah, 90 peratus sehingga tahun 2035. So, kita akan cuba membantulah dari segi aspirasi kerajaan negeri.

■1700

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Yang lain boleh bagi cadangan?

Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: *Based on* dari segi *wish list* kita lah, kementerian dari segi peringkat perancangan seperti yang disebut Yang Berhormat tadi, dari segi jumlah projek yang kita luluskan, projek baharu 14 dan juga projek sambungan 63 yang kita kata tadilah. Cuma isu yang berbangkit tadi yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi perkara-perkara yang kenapa projek-projek yang kita luluskan lambat— orang kata lambat siaplah, lambat siap memakan masa lebih daripada tiga, empat tahun.

Ini sebenarnya ada sebab. Untuk yang proses untuk paip kita melibatkan tanah, urusan tanahlah yang menyebabkan jajaran-jajaran yang memerlukan kerjasama daripada pihak agensi jabatan negeri yang terlibat dengan urusan-urusan tanah. So, ini kadang-kadang urusan tanah yang menyebabkan proses untuk kita buat— bermulanya projek itu dan di peringkat *design* dan sebagainya akan meningkat ataupun bertambah daripada yang kita rancanglah. So, yang ini pun saya di peringkat kementerian, kita amat memerlukan kerjasama di peringkat negeri untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu tanah, isu-isu kebenaran-kebenaran oleh jabatan-jabatan supaya kita boleh cepatkan proses air ini dan diberikan air kepada rakyat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, boleh sedikit kalau...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. Sik punya fasal, saya bagi. Saya sudah cakap pukul 8.00 tadi kan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Saya mungkin tidak ada soalan, cuma mungkin hendak pandangan secara umum ya. Prosiding kita ini atas beberapa dapatan dan teguran audit, secara umum iaitu apabila disebut bahawa Projek Bekalan Air masyarakat Sabah ini tidak mencapai objektifnya seperti disebut dalam laporan itu. Jadi, itu mungkin sebagai satu muhasabah lah kita semua untuk kita melihat bahawa ini tanggungjawab kitalah, setiap agensi dan— setiap di pihak kerajaan negeri ataupun *federal* sendirilah.

Mungkin juga kalau dapat dilihat dari segi akauntabiliti dan integriti projek-projek kita ini supaya ia— maknanya *value to money*, setiap apa yang telah diperuntukkan oleh kerajaan sendiri. Jadi, mungkin di pihak kementerian sendiri, saya kira sudah ada Unit Integriti untuk kita memastikan bahawa setiap sen peruntukan kerajaan itu hasilnya ialah air sampai ke dalam rumah rakyat kitalah.

Disebut dalam Dewan Undangan Negeri Sabah kata memerlukan lebih RM18.37 bilion lagi untuk keseluruhan projek bekalan air di Sabah ini sebuah yang sangat besarlah ya, mungkin ada pelan yang lebih panjang. Jadi, saya yakin pihak kementerian sendiri sudah ada satu— kalau tidak *task force* pun, satu badan yang bersama kita kolaborasi dengan Jabatan Bekalan Air Sabah ini supaya hal-hal yang disebut oleh laporan audit itu kita— maknanya, ke depan itu sudah tidak ada. Dan yang pentingnya rakyat melihat bahawa projek bekalan air masyarakat ini dapat dilaksana dan dapat diterima oleh rakyat ini dengan sebaiknya.

Itu harapan kitalah di PAC dan *insya-Allah* kita akan perbaikilah dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. Boleh saya tanya yang cadangan itu kerana sudah satu hari saya dengar, saya rasa yang halangan selain daripada COVID lah semua itu, kadang-kadang selain daripada tanah yang kerajaan negeri harus bagi kerjasama supaya semua boleh dipercepatkan. Saya rasa peranan JKR juga satu masalah kan? *Let's* terus terang, *so that we know we can see* macam mana kita boleh bagi cadangan. JKR, saya tadi ada dengar yang tunggu itu *aviation department* sudah tiga bulan pun tidak ada apa-apa. Semalam saya ada dengar TNB juga ada masalah sebagainya.

So, I mean kalau kita hendak cepatkan, adakah— bukannya itu perlu ada satu *task force*, *multiple agency* kena masuk sekali dan ada mungkin *monthly meeting on what to deal with the progress*. Mungkin ini melibatkan Ketua Menteri Sabah ataupun Menteri Sabah untuk jadi macam *monitor* mempengerusikan *special task force* supaya semua ini boleh dipercepatkan.

Ini— saya pandangan— saya hanya bangkitkan sebagai seorang *observer*-lah, apakah ini benar?

Tuan Mohd Kamal bin Husin [KKDW]: Terima kasih YB. Berkaitan dengan apa yang – terima kasih YB yang mencadangkan supaya kita ada [*Tidak jelas*]. Cuma untuk yang proses setiap kelulusan projek-projek yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi, dari segi *costing*

supaya *costing* yang diluluskan ataupun kos projek yang diluluskan adalah satu kos projek yang sebenar yang kita perlukan. Sebab kita ada proses *value management* di peringkat Kementerian Ekonomi, kita ada *value engineering* di peringkat JKR untuk pastikan bahawa setiap *design*, *design* yang diperlukan adalah merupakan *design*, *design* yang diperlukan oleh pihak PBAN ataupun JANS negeri supaya isu-isu yang berkaitan dengan klorin tadi. Itu *based on* keperluan *design*.

Dari segi integriti memang kita di peringkat kementerian kita ada— dari segi urusan perolehan, pelantikan kontraktor dan sebagainya kita memang *follow* dengan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak *central agency* dan juga kita pun sentiasa bekerjasama dengan— *anything* yang berkaitan dengan perkara-perkara yang kita hendak cepatkan, kita akan bekerjasama dengan— ataupun mohon kelulusan ataupun perkara-perkara yang dengan *central agency*, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Ekonomi.

Ketiga, berkaitan dengan— dari segi pengurusan projek-projek yang disandarkan di peringkat di Sabah, kita memang, kementerian kita memang ada satu mesyuarat yang kita panggil Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan di peringkat KKDW yang mana jawatankuasa ini akan— kita akan *go through* semua berkaitan dengan pengurusan projek-projek dengan jabatan-jabatan teknikal di Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung inilah.

So, yang ini kita akan ada berkala mesyuarat yang kita monitor kalau ada perkara-perkara, projek-projek yang lewat jadual dan sebagainya ataupun masalah-masalah yang— *on the ground* supaya di peringkat kementerian kalau ia melibatkan satu perkara polisi, kita akan bawalah kepada *central agency* dan sebagainya.

Kalau tadi macam JKR, memang JKR ini pelaksana untuk projek kita JKR Sabah dan Sarawak dan juga JANS. So, yang ini jabatan teknikal yang ada, memang saya tidak nafikan dari segi kekangan *workload* yang ada, jabatan-jabatan teknikal ini, tetapi kita akan sentiasa bantu di mesyuarat-mesyuarat berkala tadilah supaya isu-isu permasalahan di *on the ground*, peringkat pelaksanaan dapat kita selesaikan supaya tidak ada projek— kalau boleh *mostly* kita pun di peringkat kementerian kita tak nak ada projek yang sakitlah, sakit. Lewat jadual, dia macam ICU-lah, tetapi kalau sudah sakit itu, tak tahulah dia jadi CCU atau apa.

So, kementerian memang kita— kalau boleh, tetapi itu [*Tidak jelas*] kita lah, tetapi dengan adanya Jawatankuasa Teknikal dan juga pengurusan-pengurusan, so kita harap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan projek-projek yang diluluskan bukan hanya di Sabah, tetapi di Sarawak juga supaya dapat berjalan dengan lancar. So, itu sebenarnya di peringkat kementerian yang kita boleh laksanakan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi kah Pengerusi hendak, dua-dua boleh. Tambahan maklumat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Berhubung dengan... [*Tidak jelas*] ...pemantauan projek.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey silakan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey dia macam ini, kita bukan di sini sahaja, seluruh negara kita banyak isu projek lambat, projek lama-lama jadi sakit, projek tiga tahun jadi lima tahun dan sebagainya.

Saya selalu fikir juga apa sebab-sebab utama. Kalau kita *list down* lima sebab, faktor-faktor yang menyebabkan perkara-perkara ini berlaku. Umpamanya, dari segi kekurangan tenaga kerja. Kekurangan tenaga kerja termasuk Jabatan Bekalan Air, termasuk JKR dan sebagainya. Ini berlaku di seluruh negara termasuk di Kedah pun sama juga.

Seterusnya, pemantauan dan lagi dari segi kerjasama penyelarasan projek antara jabatan-jabatan yang terlibat atau ada isu-isu *corporate governance* (tadbir urus) ataupun ada isu-isu ketirisan dan sebagainya. Itu sebahagian contoh sahaja, sebab saya rasa semua ini perlu di-*address* dengan sebaik-baiknya supaya tahun-tahun yang akan datang ini isu ini mungkin dapat diminimumkan kalau tidak boleh dibasmikan sama sekali, boleh dikurangkan supaya masalah yang kita hadapi selama ini dapat dikurangkan sebaik-baiknya.

■1710

Itu apa yang saya dapat katakanlah, apa dia. Kalau *you* bagi *top five*, isu utama dia apa sebab? *Since* kita nak dapatkan maklum balas dari mereka dan ini pun dah *last part* kita—*our proceeding*. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dapat respons tadi? Yes.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey, saya respons dululah dari segi cadangan Yang Berhormat Puan Teresa berhubung dengan penubuhan *task force*. Cuma, di peringkat kerajaan, kita ada pelbagai agensilah yang akan memantau. Contohnya, saya bagi kes Sabah ya, projek-projek pembangunan. Salah satunya, di peringkat— kita juga ada ICU. Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Ini kita ada JPP Sabah yang akan memantau setiap projek lewat jadual, sakit dan juga *certain* projek yang kita panggil *aging project*, yang lama, di peringkat perancangan dan tak bergerak-gerak. Maknanya, di peringkat perancangan ini di peringkat *drawing*, di peringkat untuk memuktamadkan harga kos projek itu, dia tak bergerak-gerak, lambat. Juga, kita menghadapi kekangan dari segi kelulusan-kelulusan *drawing*, *building plan*, *development plan* di peringkat PBT. Pengurusan tanah, ada yang melibatkan dari segi perolehan tanahlah dan juga kerjasama masyarakat setempat di sesuatu projek itu. Kalau ada bangkangan, ada *certain* projek kita akan batalkan.

Maknanya, dia menentang projek tersebut. Ada lah beberapa kes di Sabah dan semua itu dari segi pemantauan, dibuat— salah satunya ICU, di peringkat ICU dan juga di peringkat Setiausaha Persekutuan Sabah. Di mana ada *from time-* dari semasa ke semasa kita akan membuat laporanlah untuk tindakan. Kadang-kadang ini kita juga meminta peranan ICU sebagai satu agensi Pusat yang akan menyelaras dari segi untuk memastikan projek itu atau

facilitate projek itu akan dapat dilaksanakan dengan segera. Kita akan pastikan projek itu kalau boleh—seberapa segera yang boleh. Kalau setakat itu, kita akan cuba untuk mempercepatkan dan memudahkanlah dari segi kelulusan atau sebarang keperluan untuk meneruskan projek-projek tersebut. Apa Yang Berhormat? *Top five*? Saya beri dululah *top five*. Nombor satu, dari segi isu pelaksanaan projek. Pengurusan dia.

Di peringkat kementerian, kita tengok dari segi isu pra pelaksanaan, di mana dari segi kelulusan di peringkat PBT yang melibatkan pelbagai agensi. Sekiranya ada satu agensi yang lambat memberi respons ataupun memberi maklum balas untuk memberi satu kelulusan, dia akan mengganggu dari segi kelancaran atau kelancaran projek tersebut. Nombor dua, *even* dari segi kenaikan kos projek tersebut ya. Bila terlalu lama, projek kos. Bila kita buat balik, kita *review* balik *drawing*, kita tengok dari skop projek, ada pertambahan, ia akan naik. Bila naik projek ini dan telah melebihi kelulusan asal yang diperoleh daripada Kementerian Ekonomi, kita perlu memohon—mendapatkan kelulusan balik semula. Biasanya, Kementerian Ekonomi ini dia akan memberikan guna peruntukan sedia ada. So, kita terpaksa mencarilah di peringkat kementerian, untuk mencari mana-mana projek lain yang ada *savings*. Kita akan cuba buat dari segi *Notice of Change (NOC)* dalam bahasa mudahnya untuk kita menyediakan kos yang berpatutanlah untuk suatu projek tersebut.

Nombor tiga, dari segi keupayaan kontraktor yang kita lantik itu sendiri. Ada sesetengah kontraktor ini, bila kita nampak nama, kita dah tahu dah, ini kontraktor yang boleh melaksanakan projek dengan jayanya. Ada sesetengah kontraktor itu, kita tengok, kadang-kadang ini, dia bagi *total sub* kepada subkontraktor. Makna dia, dia dapat komisen awal dan sub kon itu yang akan buat dan *margin of the profit*—*the margin profit* itu akan biasanya akan turun sedikitlah. So, bila kita tengok ini, ada pelbagai isulah. Nombor empat dan lima ini ada lagi kah, Kamal? *[Ketawa]*

[Pembesar suara dimatikan]

[Tidak jelas] Dia—Ini merupakan salah satu projek yang di peringkat asal lagi, makna di peringkat awal lagi kita dah minta. Biasanya kita akan jemput *even DO* sendiri untuk mengenal pasti dan bila perunding yang kita lantik itu pergi ke tapak projek, biasanya dia akan membuat satu sesi libat urus (*engagement*) dengan penduduk untuk kita dapatkan—Ada setengah itu kita buat *townhall* untuk kita dapatkan *feedback* daripada penduduk sendiri sama ada nak tak projek ini? Ada setengah projek itu dia kadangkala dia merentas daerah kan? Dia merentas daerah. Ada setengah projek ini muka sauk di sini, dia akan mengganggu aliran sungai di situ dan semua apa ini dari segi manfaat itu pergi kepada kampung lain. Ada satu projek itu yang jadi. Kita terpaksa batalkan ya. Bila ada banyak penduduk daripada yang kita ganggu sungai dia itu.

Kita ambil air (*water intake*) daripada sungai tersebut. Ada lagi? Lima, nombor lima ada? Ini nombor lima, isu *climate change* lah. Hujung-hujung tahun, hujan, banjir, dia akan

mengganggu muka sauk. Kalau ada pembinaan muka sauk, dia akan ganggu. Ini antara salah satu isu yang biasanya dibawa oleh kontraktor untuk mendapatkan *extension of time of the project* lah. Dari segi cuaca itu. Makna, cuaca-cuaca buruk itu akan mengganggu dari segi proses pembinaan sesuatu projek. Itu sajalah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Datuk Wira...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sikit lagi lah, Datuk Wira Pengerusi ya. Berhubung dengan kontraktor ini. Saya ingat ambil lima-lima ini ingat kontraktor itu tinggi juga tahu? Isu dia, kita tahu kontraktor itu memang dia tak *perform*. Bagi berapa kali pun tak *perform* dan kita tahu dia bagi pula *total sum*. Tapi dia masih lagi dapat kontrak. Itu masalah besar bagi sayalah. Tak tau lah siapa yang terlibat yang itu. Tapi sama-sama kita kena selesaikan isu ini, peringkat kepimpinan kah, peringkat mana-mana kan? Kalau tidak, sampai bila kita ada masalah dengan kontraktor-kontraktor yang ada keupayaan pun, kadang-kadang dia ada sebab-sebab tertentu, dia lambat kan? Ataupun lebih teruk lagi, dia tidak ada keupayaan dan kita masih lagi beri kepada dia dan kita tahu siapa mereka. Saya pun tahu kawasan saya itu, kan. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu pandangan orang lama, Yang Berhormat Kubang Pasu. Ada lagi Kubang Pasu nak tanya? Tak ada dah. Okey, *alhamdulillah*.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, saya kira itu pandangan yang terakhir untuk petang ini, dalam prosiding pada petang ini. Saya harap prosiding berjalan dengan baik, *alhamdulillah*. Terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada YBr. Tuan Mohd Kamal bin Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW yang mewakili Datuk KSU; YBr. Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian (Prasarana) KKDW; YBr. Tuan Haji Suhaimi bin Haji Asbullah, Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah dan semua pegawai-pegawai yang terlibat dan termasuklah *ex-officio* dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat PAC sekalian.

Kita harapkan— bagaimana yang kita harapkan pada prosiding awal pada pagi tadi, kita harapkan apa juga yang kita lakukan pada kali ini dapat memberikan impak yang positif dan dilaksanakan dengan baik, apa juga yang telah pun dirancang dan juga dihasratkan. Terima kasih sekali dan kita tangguhkan prosiding kita hari ini, pada jam 5.18 petang. Saya harap kita dapat sama-samalah berikan tepukan gemuruh kepada diri sendiri. *[Tepuk]* Terima kasih sekali lagi kepada— Saya nak rakamlah, orang yang dah bersara ini, kita beri tepukan sekali lagi yang terakhir untuk beliau lah ya. Selamat menyambut hari ulang tahun, *belated birthday*, semalam. Saya rasa itu sahaja. Terima kasih sekali lagi. *Enjoy Sabah*. Terima kasih di atas segala hospitaliti yang telah pun diberikan. Terima kasih.

Untuk Ahli PAC, berada di bawah, di pintu lobi, jam 4.50 petang. Terima kasih— Eh, 4.50 petang pula. Lima...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: 5.30, 5.30.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 5.30 petang. Nanti Yang Berhormat Seputeh nak bawa kita ke tempat rahsia.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.19 petang]




DOKUMEN PEMBENTANGAN





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

LATAR BELAKANG

- **RMKe-2** - Dilaksanakan di bawah Skim *Accelerated Rural Water Supply*
 - Kaedah pembiayaan
 - 80% pinjaman
 - 20% geran Kerajaan Persekutuan
 - Pihak Berkuasa Air Negeri sebagai agensi pelaksana
- **RMKe-8** - KKDW telah dilantik sebagai agensi pelaksana
 - Kaedah pembiayaan secara 100% geran Kerajaan Persekutuan

OBJEKTIF

Menyediakan kemudahan bekalan air bersih & terawat agar taraf kesihatan & kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan.

(Sumber: GP Program BALB 31 Mei 2017 & dikemaskini November 2021)

SKOP PENGAUDITAN

Meliputi projek sambungan dari RMKe-10 dan RMKe-11 (2016 – 2020)

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

PERUNTUKAN & PERBELANJAAN (2016 – Okt 2023)



- Penyaluran: **RM0.922 Bilion**
- Perbelanjaan: **RM0.831 Bilion** (90.1%)
- Baki Peruntukan: **RM0.092 Bilion** (9.9%)

Kos Projek: RM1.647 Bilion



- Penyaluran: **RM1.097 Bilion**
- Perbelanjaan: **RM1.030 Bilion** (93.9%)
- Baki Peruntukan: **RM0.067 Bilion** (6.1%)

Kos Projek: RM1.735 Bilion



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



**Bilangan Projek Lulus
Sambungan RMKe-10 & RMKe-11
96 Projek**

KESELURUHAN PROJEK



- **28** BALB Retikulasi
- **7** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **61** BALB Alternatif

75 Projek Siap

- **17** BALB Retikulasi
- **58** BALB Alternatif

6 Projek Dalam Pelaksanaan

- **5** BALB Retikulasi
- **1** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji

12 Projek Dalam Perancangan

- **6** BALB Retikulasi
- **6** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji

3 Projek Batal

- **3** BALB Alternatif



**Bilangan Projek Lulus
Sambungan RMKe-10 & RMKe-11
477 Projek**

KESELURUHAN PROJEK



- **361** BALB Retikulasi
- **16** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **100** BALB Alternatif

430 Projek Siap

- **327** BALB Retikulasi
- **3** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **100** BALB Alternatif

8 Projek Dalam Pelaksanaan

- **5** BALB Retikulasi
- **3** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji

24 Projek Dalam Perancangan

- **15** BALB Retikulasi
- **9** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji

15 Projek Batal

- **14** BALB Retikulasi
- **1** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji




KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

ISU PENGAUDITAN – PENCAPAIAN PROJEK

Isu 1: 44,059 Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



Isu 2: Penyambungan Meter Tidak Dibuat (Sabah)

12 SAMPEL PROJEK BALB SABAH

- 1,382 (36.1%) daripada 3,824 rumah yang disasarkan dalam kontrak telah buat penyambungan meter
- **2,442 (63.9%)** daripada 3,824 rumah **tidak membuat penyambungan meter**



SEBAB PENYAMBUNGAN METER TIDAK DIBUAT

Ketidakmampuan penduduk menanggung **kos penyambungan meter yang tinggi** antara **RM750 hingga RM1,000** bagi setiap rumah (termasuk deposit pemasangan meter berjumlah RM230)



Isu 3: Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan (Sarawak)

- Tangki perkhidmatan bernilai RM9.20 juta bagi Projek Saluran Paip Utama Dari Loji Batu Kitang Ke Tangki Bukit Entingan dan Ke Tangki Batu 9 ³/₄ Samarahan **tidak digunakan selama 5 tahun 9 bulan** oleh pihak LAK sejak projek siap pada 19 Mac 2018.



Tangki Air tidak digunakan oleh pihak Lembaga Air Kuching (LAK)



Pintu Penyenggaraan Tangki Air Pecah Akibat Vandalisme





KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

ISU PENGAUDITAN – STATUS SELEPAS PENYERAHAN PROJEK

Isu 4: Komponen Aset Projek Rosak (Sabah)

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

01 2 pam *submersible* bernilai RM99,000 (seunit) rosak & 1 *unit Air Blower* bernilai RM36,458 **tidak berfungsi** – LRA Kg. Limbawang, Beaufort



- Pam Submersible Yang Rosak

02 Sistem pam, peralatan sokongan bagi sistem *Electro Chlorination* (EC) berjumlah RM1.21 juta & sistem pemproses enap cemar bernilai RM469,959 **berkarat dan rosak** - LRA Jaya Bakti, Beluran



- Sistem Pemproses Enap Cemar Loji Rawatan Tidak Digunakan

03 Saluran paip **bocor** & set generator **rosak** – **gangguan bekalan air** kerap berlaku di 2 projek BALB Retikulasi iaitu Kg. Lalasun & Kg. Semawang



Saluran Paip Utama Ke Kg. Lalasun
- Saluran Paip Utama Ditenggelami Air



RUMUSAN

**Secara keseluruhan, objektif BALB
Sarawak & Sabah adalah**

TIDAK TERCAPAI 



SYOR AUDIT

01

Mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik, boleh diukur dan konsisten berdasarkan kebolehcapaian serta kemampuan melaksanakan projek

02

Menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih komprehensif dengan mengambil kira koordinasi dengan Kerajaan Negeri melalui perbincangan isu-isu berkaitan sebelum projek bermula dan selepas penyerahan projek yang meliputi aspek penguatkuasaan dan penyenggaraan


03

Memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanja mengikut keperluan dan ketetapan



STATUS AG's DASHBOARD

Susulan oleh JAN akan dilaksanakan terhadap:



DALAM
TINDAKAN

Prestasi Pencapaian Projek BALB

01

Prestasi Pencapaian Projek BALB Sarawak

- Bukti pelantikan kontraktor bagi 12 projek dalam perancangan (Jadual 1)
- Sekiranya projek dibatalkan, kemukakan bukti pembatalan projek

02

Prestasi Pencapaian Projek BALB Sabah

- Bukti pelantikan kontraktor bagi 17 projek dalam perancangan (Jadual 2)
- Sekiranya projek dibatalkan, kemukakan bukti pembatalan projek

03

Pencapaian Projek BALB Retikulasi & BALB Naik Taraf/ Bina Baru Loji Sarawak & Sabah

- Bukti pelantikan kontraktor bagi 12 projek dalam perancangan (Jadual 1)
- Bukti pelantikan kontraktor bagi 17 projek dalam perancangan (Jadual 2)
- Sekiranya projek dibatalkan, kemukakan bukti pembatalan projek

Pengurusan Projek BALB

04

Pengurusan Kewangan

- Hasil semakan semula keperluan dan baki peruntukan di RISDA
- Minit Mesyuarat/ Nota Perbincangan/ Surat Keputusan hasil perbincangan KKDW dan MOF berkaitan isu berbangkit

05

Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan

- Bukti tangki Batu 9 ¾ digunakan sepenuhnya

06

Komponen Aset Projek Rosak

- Bukti kontrak penyelenggaraan bangunan yang meliputi sistem pemprosesan enap cemar telah dimuktamadkan dan dilaksanakan


07

Komponen Aset Projek Rosak

- Gangguan bekalan air kepada pengguna – bukti kerja penyambungan bekalan elektrik di LRA Kinabatangan terus dari SESB telah dilaksanakan



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



TERIMA KASIH





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH



PERUNTUKAN & PERBELANJAAN PROJEK BALB SARAWAK DAN SABAH DARI TAHUN 2016 HINGGA OKTOBER 2023

TAHUN	KOS PROJEK	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN DIPINDA (a)	PERBELANJAAN (b)		BAKI (c) = (a) – (b) (RM Juta)
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	%	
1. BALB SARAWAK						
Projek BALB Retikulasi, Projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji dan Projek Alternatif						
2016	613.54	202.00	153.00	152.46	99.6	0.54
2017	652.41	217.00	125.00	123.75	99.0	1.25
2018	377.80	140.04	117.18	114.68	97.9	2.50
2019	1.97	195.50	119.32	118.03	98.9	1.29
2020	1.00	115.00	101.20	95.51	94.4	5.69
2021	-	204.70	102.96	100.71	97.8	2.25
2022	-	131.20	87.39	86.85	99.4	0.54
2023	-	64.45	116.37	38.83	34.0	77.54
JUMLAH BALB SARAWAK	1,646.72	1,269.89	922.42	830.82	90.1	91.60
1. BALB SABAH						
Projek BALB Retikulasi, Projek BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji, Projek BALB Sekunder dan Projek BALB Alternatif						
2016	663.09	206.00	89.90	88.27	98.2	1.63
2017	400.46	236.00	84.00	82.54	98.3	1.46
2018	415.77	164.00	77.87	76.02	97.6	1.85
2019	96.39	360.88	177.46	169.11	95.3	8.35
2020	81.70	464.05	244.17	232.65	95.3	11.52
2021	77.33	361.96	210.80	200.99	95.3	9.81
2022	-	129.00	141.89	139.25	98.1	2.64
2023	-	117.35	70.43	41.03	58.3	29.4
JUMLAH BALB SABAH	1,734.74	2,039.24	1,096.52	1,029.86	93.9	66.66

Sumber: Buku Vot dan Laporan Perincian Status Terkini Pelaksanaan Projek BALB Sarawak dan Sabah di bawah Sambungan RMKe-10 dan RMKe-11

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SARAWAK

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Januari 2024)
1. Retikulasi						
1.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 4 - Sri Aman	8.60	2016	7	82	Tender ditutup 29.09.2023 dan peringkat penilaian tender kontraktor
2.	Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching	129.00	2017	6	1,424	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku kedua 2024
3.	Kawasan Bau/Lundu/ Sematan, Bahagian Kuching	129.00	2017	6	980	Permohonan iklan tender dikemukakan ke Bahagian Perolehan pada 02.11.2023
4.	Jalan Oya, Bahagian Sibu	15.40	2018	5	126	Projek ditender - suku kedua 2024
5.	Jalan Lubok Bembau/ Bk Engkerbai/Ulu Sikat, Bahagian Mukah	17.90	2018	5	400	Projek ditender - suku ketiga 2024
6.	Jalan Ulu Pandan, Bahagian Bintulu	51.00	2018	5	660	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku ketiga 2024
2. Naik Taraf Loji						
7.	Projek Menaiktaraf Loji Air Sekuau, Selangau, Bahagian Sibu	117.04	2017	6	980	Makmal Kejuruteraan Nilai - Februari 2024
3. Bina Baru Loji						
8.	Wilayah Sangan, Bahagian Bintulu	137.28	2017	6	1,128	Makmal Kejuruteraan Nilai - suku kedua 2024
9.	Kawasan Ulu Limbang, Bahagian Limbang	44.20	2018	5	216	Projek ditender - suku pertama 2024 (tertakluk pengesahan JBALB)
10.	Kawasan Long Lama, Bahagian Miri	58.00	2018	5	602	Makmal Kajian Nilai - Januari 2024
11.	Kawasan Julau Fasa II, Bahagian Julau	78.90	2018	5	882	Makmal Kejuruteraan Nilai - Suku ketiga 2024
12.	Kawasan Pantu Fasa III, Bahagian Sri Aman	102.00	2018	5	2,128	Makmal Kajian Nilai - Julai 2024
JUMLAH KESELURUHAN		888.32			9,608	

Sumber: Maklumat Peruntukan Program BALB Sarawak sehingga Oktober 2023 Mengikut Butiran Projek, KKDW dan Maklum Balas KKDW bertarikh 18 Januari 2024



STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SABAH

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
1. Retikulasi						
1.	Jalan Bukit Quion dan Kawasan Sekitarnya, Balung, Tawau	33.00	2016	7	640	Projek sedia ditender, namun perlu angkat Nota Perubahan (NOC) kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
2.	Pembinaan Telaga Tiub di Loji Rawatan Air Pekan, Kota Belud	8.50	2016	7	4,420	SST 22.11.2023
3.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 7 - Daerah Semporna	10.00	2016	7	416	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
4.	Kg. Maang, Kg. Limbanak, Kg. Sugud dan Sekitarnya	43.90	2017	6	434	Reka Bentuk Terperinci
5.	Kg. Bangingod, Kg. Sri Hak Dan Kg. Telibas, Tungku, Lahad Datu	15.50	2017	6	211	SST 22.11.2023

STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SABAH (samb..)

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
1. Retikulasi						
6.	Sistem Retikulasi Tahun 2017/2018 Negeri Sabah - Bahagian Ranau	14.10	2017	6	105	SST 06.09.2023
7.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Kota Kinabalu	11.50	2018	5	650	Reka Bentuk Terperinci
8.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Tawau	14.32	2018	5	220	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
9.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Sandakan	15.00	2018	5	331	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
10.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Keningau	18.00	2018	5	650	SST 14.09.2023



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SABAH (samb..)

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
1. Retikulasi						
11.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Lahad Datu	12.00	2018	5	146	SST 27.09.2023
12.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Ranau	12.70	2018	5	916	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
13.	Mesej Kaingaran dan Kawasan Sekitarnya, Tambunan	17.52	2018	5	1,098	Reka Bentuk Konsep
14.	Sistem Agihan dan Retikulasi Daerah Pitas	96.45	2018	5	4,693	Tender dijangka suku pertama 2024
15.	Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah - Bahagian Beaufort	10.30	2018	5	249	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan daripada JANS. NOC jangka diangkat pada suku pertama 2024.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

STATUS PROJEK DALAM PERANCANGAN BALB SABAH (samb..)

BIL.	PROJEK BALB	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (Tahun Kelulusan)	TEMPOH KELEWATAN (Tahun Sehingga Tempoh Pengauditan)	PENERIMA MANFAAT (Bil. Rumah)	STATUS TERKINI (Disember 2023)
1. Retikulasi dan Naik Taraf Loji/ Bina Baru Loji						
16.	Kg. Moyog Atas dan Kawasan Sekitarnya, Penampang	48.00	2016	7	984	Selesai Makmal <i>Value Assessment</i> (VA) pada Jun 2023. <i>Value Engineering</i> (VE) dijangka pada 2024.
17.	Pekan Sepulut dan Kawasan Sekitarnya	37.00	2016	7	534	Reka Bentuk Terperinci
18.	Mukim Bundu Tuhan, Ranau	35.00	2016	7	905	Projek sedia ditender, namun perlu angkat NOC kepada Kementerian Ekonomi kerana skop projek berubah. Sedang dapatkan maklumat dan pengesahan JANS. NOC jangka diangkat suku pertama 2024.
19.	Loji Air Mahua, Tambunan	64.70	2017	6	832	Makmal VA Julai 2024
20.	Kg. Kapa - Kg. Sinalapak dan Sekitarnya, Tamparuli	86.35	2017	6	1,458	Projek dibatalkan JANS 07.09.2023 dan dipersetujui Pengurusan Tertinggi KKDW 16.10.2023.
21.	Loji Air Bongawan, Membakut	34.00	2017	6	784	Reka Bentuk Terperinci
22.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Senagang	41.00	2018	5	1,098	Projek perlu Makmal VA pada 2024 kerana kos projek terkini melebihi RM50 juta. VA dijangka April 2024.
23.	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Kanibongan	10.00	2018	5	112	SST 04.10.2023
24.	Kuala Penyu, Sabah	70.00	2018	5	735	VE pada 2024
JUMLAH KESELURUHAN		758.84			22,621	

Sumber: Maklumat Peruntukan Program BALB Sabah Sehingga Oktober 2023 Mengikut Butiran Projek, KKDW dan Maklum Balas KKDW Bertarikh 27 Disember 2023





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

BILANGAN RUMAH YANG MEMBUAT PENYAMBUNGAN METER BAGI BALB SABAH

BIL.	PROJEK BALB	TARIKH SIAP	PENERIMA MANFAAT (Bilangan Rumah)				
			KONTRAK (a)	MEMBUAT PENYAMBUNGAN METER (b)	%	PERBEZAAN (Bil. Rumah) (c)=[(b)-(a)]	%
1.	Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 9 - Daerah Sandakan	01.11.2021	354	296	83.6	(58)	(16.4)
2.	Tapak Mesej Kg. Bunang Fasa 1, 2 & 3, Sook, Keningau	30.06.2021	494	270	54.7	(224)	(45.3)
3.	Kg. Bakung-Bakung di Pulau Lihak-Lihak, Semporna	30.09.2021	135	63	46.7	(72)	(53.3)
4.	Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang Dan Sekitarnya, Sandakan	13.11.2018	588	259	44	(329)	(56)
5.	Kawasan Apin-Apin, Keningau	23.03.2022	1,589	185	11.6	(1,404)	(88.4)
6.	Pekan Menumbok, Kuala Penyu	01.09.2021	528	142	26.9	(386)	(73.1)
7.	Sistem Paip Sekunder Kg. Merungin 2 Ranau	29.06.2021	30	36	120	6	20
8.	Sistem Paip Sekunder Kg. Lintuhun Lingkudau Ranau	29.06.2021	20	47	235	27	135
9.	Sistem Paip Sekunder Kg. Dambalang Marakau Ranau	29.06.2021	20	41	205	21	105
10.	Sistem Paip Sekunder Kg. Tanjung Aru Kuala Penyu	07.04.2021	26	16	61.5	(10)	(38.5)
11.	Sistem Paip Sekunder Kg. Kabunau Manumpang Kuala Penyu	10.03.2021	20	17	85	(3)	(15)
12.	Sistem Paip Sekunder Kg. Kalampun Kuala Penyu	07.04.2021	20	10	50	(10)	(50)
JUMLAH KESELURUHAN			3,824	1,382	36.1	(2,442)	(63.9)

Sumber: Dokumen Kontrak dan Senarai Penyambungan Meter JANS



OBJEKTIF DAN PENCAPAIAN PROJEK BALB SARAWAK & SABAH



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

Objektif Utama Progam BALB Sarawak dan Sabah

bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan. Memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Objektif Projek

1

SARAWAK

Menyediakan **kemudahan bekalan air bersih & terawat** agar taraf kesihatan & kualiti hidup masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan.

SABAH

Menyediakan **infrastruktur bekalan air** bagi memastikan penyaluran bekalan air bersih & terawat ke masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan.

Output Projek

2

SARAWAK

40,000 rumah dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat.

SABAH

Menyediakan bekalan air kepada **38,000 rumah** melalui sistem retikulasi.

Keberhasilan Projek

3

SARAWAK

- Akses kepada kemudahan air bersih & terawat dapat dinikmati oleh semua rakyat.
- Taraf kesihatan penduduk bertambah baik.

SABAH

Kemudahan asas kepada **190,000 isi rumah**.

Pelaksanaan semula objektif, output dan keberhasilan projek pada 3 Mei 2023

PROJEK LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11



Objektif Projek

1

SARAWAK DAN SABAH

Menyediakan infrastruktur bekalan air bagi memastikan penyaluran bekalan air bersih & terawat ke masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan.

Output Projek

2

SARAWAK

Menyediakan akses bekalan air bersih dan terawat kepada **6,100 rumah**.

SABAH

Menyediakan akses bekalan air bersih dan terawat kepada **6,300 rumah**.

Keberhasilan Projek

3

SARAWAK

30,500 penduduk mendapat akses bekalan air bersih dan terawat.

SABAH

31,500 penduduk mendapat akses bekalan air bersih dan terawat.





KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC), PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 8(B) TAHUN 2024**

**PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK DAN SABAH**

**2 OKTOBER 2024
HOTEL LE MERIDIEN, KOTA KINABALU, SABAH**

LATAR BELAKANG PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)

PUNCA KUASA

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ini mula dilaksanakan di bawah skim *Accelerated Rural Water Supply* di dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2) (1971-1975) dan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)


Objektif pelaksanaan Program BALB KKDW adalah bagi **meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air**

Bidang kuasa berhubung **bekalan dan perkhidmatan air** adalah terletak di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan

Pelaksanaan projek BALB di bawah KKDW adalah tertakluk kepada **dasar/ peruntukan yang telah ditetapkan oleh agensi pusat** (Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan) dan diterjemahkan melalui Garis Panduan Pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

Pengguna akaun baharu yang belum ada meter/ daftar dengan PBAN

FUNGSI KEMENTERIAN DAN AGENSI



PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH

Maklumat Asas Projek

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Tahun Kelulusan	2014
Kos Projek	RM37,000,000.00
Perunding C&S	Petareka Perunding (S) Sdn. Bhd.
Juruukur Tanah	Jurukur Hermis dan Rakan-Rakan
Kontraktor	Alamsaba Construction Sdn. Bhd.
Milik Tapak	9 Mac 2016
Siap Kerja	9 September 2017
EOT 1	10 September 2017 - 31 Ogos 2018 (356 Hari) - lewat masuk tapak akibat pengambilan balik tanah belum selesai
Denda Kelewatan	(74 Hari - 31 Ogos 2018 hingga 13 November 2018)
Siap Sepenuhnya	13 November 2018

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH

Maklumat Asas Projek

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Skop Kerja	1. Kerja-kerja pembinaan dan penyambungan paip pelbagai jenis dan saiz dengan panjang 35 km; 2. Pembinaan LRA dan <i>Intake</i> 6 MLD; 3. Tangki Simpanan 4 ML; 4. Kerja-kerja M&E
Penerima Manfaat	588 buah rumah

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



Muka Sauk



Tangki R1

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



Loji Rawatan Air (LRA) *Package Plant*

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



Loji Rawatan Air (LRA) *Package Plant*

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



Loji Rawatan Air (LRA) *Package Plant*

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - *Sludge Press Building & Tank*

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - Aerator & Backwash Tank

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - Kuarters (Semi D)

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - Kuarters (Teres)

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - *Chemical Building*

PROJEK BEKALAN AIR KE KG JAYA BAKTI, KG MEMANJANG DAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH



LRA - Pump House

PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI TAHUN 2016 NEGERI SABAH ZON 9 - DAERAH SANDAKAN

Maklumat Asas Projek

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Tahun Kelulusan	2016
Kos Projek	RM11,000,000.00
Perunding C&S	Prima Vista Consult Sdn. Bhd
Juruukur Tanah	Platinum Survey Consultant
Kontraktor	Malamega Sdn. Bhd.
Milik Tapak	22 Mei 2019
Siap Kerja	22 Mei 2020
EOT 1	23 Mei 2020 - 14 Ogos 2020 (84 Hari) - PKP
EOT 2	15 Ogos 2020 - 17 Februari 2021 (186 Hari) - 1. Ubah reka bentuk 2. Lewat izin lalu JKR di Kg Balat Paris 1 3. Ubah lokasi paip 4. Lewat masuk tapak
EOT 3	18 Februari 2021 - 13 Julai 2021 (145 Hari) - PKPB & PKP 3.0
Denda Kelewatan	14 Julai 2021 - 1 November 2021 (111 Hari)
Siap Sepenuhnya	1 November 2021

PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI TAHUN 2016 NEGERI SABAH ZON 9 - DAERAH SANDAKAN

Maklumat Asas Projek

PERKARA	BUTIRAN/TARIKH/KOS
Skop Kerja	1. Pemasangan paip trasmisi sepanjang 2,020m dan paip agihan sepanjang 23,100 m pelbagai saiz berserta paip komunikasi (<i>meter stand</i>) 2. Pembinaan dua (2) unit rumah pam penggalak 3. Pembinaan empat (4) unit tangki sedutan 10,000 gallons 4. Pembinaan dua (2) unit tangki simpanan air 0.5 JL
Penerima Manfaat	255 buah rumah

PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI TAHUN 2016 NEGERI SABAH ZON 9 - DAERAH SANDAKAN



Tangki Air di Kg. Lalasun & Kg. Semawang

PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI TAHUN 2016 NEGERI SABAH ZON 9 - DAERAH SANDAKAN



Pipe Bridge Kg. Semawang

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

1

Tajuk Isu:
Pengurusan Projek BALB
Sarawak dan Sabah - Status
Selepas Penyerahan Projek -
Pengoperasian dan
Penyenggaraan -
Komponen Aset Projek Rosak

Perenggan: 5.2.2.2.

Maklumat Penemuan

- i. Komponen projek iaitu sistem pam dan peralatan sokongan bagi *sistem electro chlorination* (EC) dan sistem pemproses enap cemar rosak serta tidak berfungsi di LRA Jaya Bakti, Beluran.

Maklum balas/Status Terkini

LRA Jaya Bakti, Beluran

1. Kerosakan terhadap komponen aset di LRA Jaya Bakti, Beluran adalah seperti berikut:

Komponen projek iaitu sistem pam dan peralatan sokongan bagi sistem *electro-chlorination* (EC) dan sistem pemproses enap cemar telah rosak serta tidak berfungsi di LRA Jaya Bakti, Beluran.

- Permohonan kerja pembaikan sistem EC telah dibuat dan status terkini adalah perbincangan untuk memuktamadkan skop kerja yang akan dibuat pada bulan September 2024.
- Pembaikan sementara telah dibuat iaitu menggunakan sistem klorin gas pada 12 Julai 2024.
- Pembersihan kolam enap cemar telah siap pada 22 Ogos 2024.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Sistem gas klorin yang digunakan bagi membasmi kuman di tangki simpanan air terawat

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Sludge masih dalam proses pelaksanaan pembersihan melalui kontrak *facilities maintenance*



Mesin *belt filter press* dalam keadaan baik dan berfungsi dengan normal

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Penggantian dua (2) unit *chlorine dosing pump*



Penggantian dua (2) unit *chlorine booster pump*

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Pemasangan *chlorine dosing pump* dan *chlorine booster pump*



Pemasangan *chlorine booster pump*

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

Kerja-kerja kejuruteraan awam dan struktur akan diselenggarakan di bawah tender Program Biayaan Negeri bertajuk "***Building Facilities Maintenance Work at Zone 4 (Sandakan, Kinabatangan dan Beluran) for 2 Years***"

Maklumat Projek

Contract No: JANS/HQ:28/2023(S)

Client: Jabatan Air Negeri Sabah

Contractor: MNI Pride Sdn. Bhd.

Contract Value: RM5,825,000.00

Project Duration: 24 months

Project Commencement Date: 11 December 2023

Project Completion Date: 11 December 2025

Performance Bond Value: RM291,250.00

No. of WTP: 6

List of WTP:

1) LRA Sukau Kinabatangan, 2) LRA Batu Putih, Kinabatangan, 3) LRA Kg. Muanad, Beluran, 4) LRA Kg. Jaya Bakti, Beluran, 5) LRA Botition, Beluran, 6) LRA Paitan, Beluran

SO: Pengarah JANS

SOR: Jurutera Air Daerah Sandakan

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

	<i>Way Forward</i>
1 Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Komponen Aset Projek Rosak Perenggan: 5.2.2.2.	KKDW kini dalam usaha untuk menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasar yang terlibat. JANS telah mengambil beberapa inisiatif tindakan segera bagi menangani masalah-masalah tersebut seperti melaksanakan kerja-kerja <i>routine maintenance</i> dan <i>preventive maintenance</i> bagi komponen-komponen mekanikal dan elektrik termasuklah pam-pam air mentah dan air terawat di bawah kontrak penyelenggaraan rumah pam, muka sauk dan loji rawatan air.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

2

Tajuk Isu:
Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Komponen Aset Projek Rosak - Gangguan Bekalan Air Kepada Pengguna

Perenggan: 5.2.2.2.c.

Maklumat Penemuan

- i. Saluran paip sedia ada yang menyambungkan sumber air terawat dari LRA Segaliud ke projek BALB di Kg. Lalasun sering mengalami kebocoran kerana kedudukan saluran paip air tersebut berhampiran *earth drain* ditenggelami air.
- ii. Kawasan LRA Bukit Garam, Kinabatangan yang membekalkan air ke Kg. Semawang belum mempunyai bekalan elektrik menyebabkan LRA beroperasi menggunakan set *generator* yang sering mengalami kerosakan.

Maklum balas/Status Terkini

- i. Status bekalan air terkini di Kg. Lalasun:
 - Kg. Lalasun telah mendapat bekalan air terawat. Sistem pam telah dibaikpulih dan tangki utama telah diisi.
 - Kerja-kerja pembaikan paip bocor utama bersaiz 200mm dibuat secara berterusan.
 - Kerja-kerja penggantian paip bersaiz 200mm dari MSCL kepada PVC-O dalam pelaksanaan di bawah Projek Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Termasuk Tangki Simpanan di Sandakan di mana skop tersebut dijangka siap pada penghujung tahun 2024.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Kerja-kerja pemasangan paip di Kawasan Batu 10 Sungai Batang

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Kerja-kerja pemasangan paip jenis PVC-O

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

2

Tajuk Isu:
Pengurusan Projek BALB
Sarawak dan Sabah -
Status Selepas Penyerahan
Projek - Pengoperasian dan
Penyenggaraan -
Komponen Aset Projek
Rosak - Gangguan
Bekalan Air Kepada
Pengguna

Perenggan: 5.2.2.2.c.

Maklum balas/Status Terkini

ii. Status bekalan air terkini di Kg. Semawang:

- Kg. Semawang telah mendapat bekalan air terawat seperti biasa dan rumah pam berfungsi dengan baik.
- Masalah set janakuasa di LRA Bukit Garam telah selesai dan bekalan air terawat telah pulih.
- Kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik juga telah dipohon .
- JANS difahamkan bahawa Kontraktor SESB dalam proses permohonan EOT bagi kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik tersebut.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Kerja-kerja pembinaan struktur Pencawang SESB

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Factory Acceptance Test (FAT) pada Panel dan Switchgear

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

2

Tajuk Isu:

Pengurusan Projek
BALB Sarawak dan
Sabah - Status Selepas
Penyerahan Projek -
Pengoperasian dan
Penyenggaraan -
Komponen Aset Projek
Rosak - Gangguan
Bekalan Air Kepada
Pengguna

Perenggan: 5.2.2.2.c.

Way Forward

KKDW kini dalam usaha untuk menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasaran yang terlibat.

JANS telah mengambil beberapa inisiatif tindakan segera bagi menangani masalah tersebut seperti melaksanakan kerja-kerja *routine maintenance* dan *preventive maintenance* bagi komponen-komponen mekanikal dan elektrik termasuklah pam-pam air mentah dan air terawat di bawah kontrak penyelenggaraan rumah pam, muka sauk dan loji rawatan air.

GAMBAR-GAMBAR LAWATAN PAC



GAMBAR-GAMBAR LAWATAN PAC



GAMBAR-GAMBAR LAWATAN PAC



SEKIAN, TERIMA KASIH



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC), PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 8(A) TAHUN 2024**

**PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK DAN SABAH**

30 JULAI 2024

BILIK JAWATANKUASA I, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA

SKOP PENGAUDITAN

1

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama audit iaitu prestasi pencapaian projek dan pengurusan projek

2

Pengurusan projek merangkumi pengurusan kewangan dan status selepas penyerahan projek iaitu pengoperasian dan penyelenggaraan

3

Pengauditan meliputi projek sambungan BALB Sarawak dan Sabah dari RMKe-10 dan RMKe-11 (2016 - 2020)

RUMUSAN AUDIT

1

Kelemahan terhadap fungsi dan pelaksanaan projek yang tidak selari dengan objektif BALB berkaitan taraf kesihatan dan kualiti hidup yang tidak dapat diukur

2

Sasaran pencapaian projek tidak konsisten kerana diturunkan dari penetapan asal tanpa justifikasi

3

Projek yang telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri tidak diguna dan tidak diselenggara

4

Peruntukan disalurkan tidak dibuat pembayaran pada tahun semasa


MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

1 Tajuk Isu: Prestasi Pencapaian Projek BALB - Prestasi Pencapaian Projek BALB Sarawak Perenggan: 5.1.1.	Maklumat Penemuan
	12 projek yang diluluskan pada RMKe-11 (2016 - 2020) lewat siap antara 5 hingga 7 tahun bagi BALB Sarawak.
	Maklum balas/Status Terkini
	Antara sebab kelewatan: i. Projek memerlukan tempoh bagi pelantikan perunding; ii. Penyediaan rekabentuk dan kelulusan mengambil masa lama; iii. Perubahan skop kerja semasa Makmal Kajian Nilai; dan iv. Bantahan dan pencerobohan di tapak.
	Way Forward
	i. Makmal Kajian Nilai dilaksanakan lebih awal setelah rekabentuk konsep dan <i>schematic diagram</i> diluluskan oleh PBAN; ii. Penglibatan Jabatan Tanah dan Survei dalam Mesyuarat Rekabentuk Projek BALB yang dilaksanakan secara berkala; dan iii. Mengenalpasti isu-isu utama yang menghalang kebolehlaksanaan projek dengan lebih awal seperti bantahan penduduk, pertindihan projek dan sumber air.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

2 Tajuk Isu: Prestasi Pencapaian Projek BALB - Prestasi Pencapaian Projek BALB Sabah Perenggan: 5.1.2.	Maklumat Penemuan
	24 projek yang diluluskan pada RMKe-11 (2016 - 2020) lewat siap antara 5 hingga 7 tahun bagi BALB Sabah.
	Maklum balas/Status Terkini
	Antara sebab kelewatan: i. Projek memerlukan tempoh bagi pelantikan perunding; ii. Penyediaan rekabentuk dan kelulusan mengambil masa lama; iii. Perubahan skop kerja semasa Makmal Kajian Nilai; dan iv. Bantahan dan pencerobohan di tapak.
	Way Forward
	i. Makmal Kajian Nilai dilaksanakan lebih awal setelah rekabentuk konsep dan <i>schematic diagram</i> diluluskan oleh PBAN; ii. Penglibatan Jabatan Tanah dan Ukur dalam Mesyuarat Rekabentuk Projek BALB yang dilaksanakan secara berkala; dan iii. Mengenalpasti isu-isu utama yang menghalang kebolehlaksanaan projek dengan lebih awal seperti bantahan penduduk, pertindihan projek dan sumber air.

PROSES KERJA PROJEK BALB



FAKTOR KELEWATAN

- Bantahan dan pencerobohan penduduk
- Pertindihan pelaksanaan dengan projek lain
- Cuaca buruk
- PKP - COVID-19 (Mac 2020-April 2022)

- Brif projek tidak tepat
- Penyediaan rekabentuk dan kelulusan mengambil masa yang lama
- Bantahan dan pencerobohan penduduk
- Perubahan skop kerja selaras dengan keputusan Makmal VA
- Pengambilan balik tanah dan izin lalu
- Prestasi perunding yang tidak memuaskan
- PKP - COVID-19 (Mac 2020-April 2022)

- Tempoh pelantikan perunding mengambil masa lama
- Perubahan dasar melibatkan kaedah perolehan

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

3 Tajuk Isu: Prestasi Pencapaian Projek BALB - Pencapaian Projek BALB Retikulasi dan BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji Sarawak dan Sabah Perenggan: 5.1.3.	Maklumat Penemuan
	• Pencapaian sebenar 35 projek sehingga Oktober 2023 hanya sebanyak 51.9% bagi BALB Sarawak. • Pencapaian sebenar 377 projek sehingga Oktober 2023 hanya sebanyak 34.4% bagi BALB Sabah.
	Maklum balas/Status Terkini
	Antara sebab kelewatan: i. Maklumat awalan/brief projek tidak komprehensif; ii. Pengambilan balik tanah mengambil masa yang lama; iii. Pertindihan projek BALB dengan projek yang dilaksanakan oleh pihak lain; dan iv. Halangan di tapak.
	Way Forward
	i. Mengiktiraf JKR dan JPS di Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik bagi melaksanakan projek yang bernilai sehingga RM50 juta; dan ii. Kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dipertingkatkan dengan mengadakan sesi libat urus bagi memantau pelaksanaan projek.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

4 Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Pengurusan Kewangan Perenggan: 5.2.1.	Maklumat Penemuan
	KKDW menyalurkan peruntukan sejumlah RM109.56 juta kepada RISDA sebagai agensi pembayar. RM12 juta disalurkan pada 6 Disember 2017 untuk BALB Sarawak manakala RM97.56 juta disalurkan pada 16 November 2020 untuk BALB Sabah.
	Maklum balas/Status Terkini
	KKDW telah mengemukakan emel kepada MOF pada 31 Mei 2024 bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas berhubung kaedah terbaik menguruskan baki peruntukan projek di RISDA tersebut. Susulan itu, MOF telah memohon penjelasan lanjut daripada KKDW. KKDW telah memberikan maklumbalas dan maklumat tambahan kepada MOF.
	Baki terkini peruntukan di RISDA bagi BALB Sarawak sebanyak RM3.64 juta (30.33%) manakala BALB Sabah sebanyak RM13.61 juta (13.95%).
	Way Forward
	Selaras dengan syor audit, KKDW akan memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanja mengikut keperluan dan ketetapan.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

5 Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan Perenggan: 5.2.2.1	Maklumat Penemuan
	Tangki perkhidmatan bernilai RM9.2 juta di Projek Saluran Paip Utama dari Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9 $\frac{3}{4}$ Samarahan tidak digunakan oleh Lembaga Air Kuching sejak projek siap pada 19 Mac 2018.
	Maklum balas/Status Terkini
	Tangki Batu 9 $\frac{3}{4}$ berada dalam selenggaraan pihak Lembaga Air Kuching (LAK) secara bulanan oleh pihak kontraktor dilantik secara berpenggal selama 2 tahun (<i>Term Contract for 2 Years</i>). Tangki tersebut telah mula digunapakai pada 15 Disember 2023 secara berperingkat bergantung kepada keadaan tekanan di kawasan Mambong dan Samarahan. Tangki air akan beroperasi sepenuhnya mengikut sistem yang telah direkabentuk berdasarkan <i>Kuching Master Plan Study</i> pada tahun 2026 setelah siap Projek Naik Taraf Loji No. 4 Batu Kitang yang telah ditender pada 8 November 2023 dan akan siap pada Disember 2026. Rekabentuk ini dicadangkan dalam <i>Master Plan</i> untuk bekalan air terus ke Tangki Bukit Entingan di Samarahan.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

	<i>Way Forward</i>
Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan Perenggan: 5.2.2.1	KKDW kini dalam usaha untuk menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasar yang terlibat. Pihak LAK telah menambah bekalan air sebanyak 10 JL ke tangki tersebut untuk penggunaan di Samarahan sebelum Projek Naik Taraf Loji No. 4 Batu Kitang siap. Penambahan ini adalah berdasarkan pelaksanaan Projek Naik Taraf Loji No. 2 Batu Kitang yang akan beroperasi sepenuhnya pada 31 Julai 2024. Pada masa sekarang, tangki tersebut telah digunakan sepenuhnya untuk bekalan 24 jam.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

6

Tajuk Isu:
Pengurusan Projek
BALB Sarawak dan
Sabah - Status Selepas
Penyerahan Projek -
Pengoperasian dan
Penyenggaraan -
Komponen Aset Projek
Rosak

Perenggan: 5.2.2.2.

Maklumat Penemuan

- i. Komponen projek iaitu pam *submersible* rosak dan *blower* tidak berfungsi di Loji Air Kg. Limbawang, Beaufort.
- ii. Komponen projek iaitu sistem pam dan peralatan sokongan bagi *sistem electro chlorination* (EC) dan sistem pemproses enap cemar rosak serta tidak berfungsi di LRA Jaya Bakti, Beluran.

Maklum balas/Status Terkini

- i. Pam *submersible* yang rosak telah dibaiki pada 5 Disember 2023 dan kini telah beroperasi seperti biasa. Tali sawat motor *blower* yang telah haus dan putus telah dibaiki sepenuhnya pada 14 Disember 2023 dan *blower* kini beroperasi seperti biasa.
- ii. Pembaikan sistem klorin melalui kerja kecemasan AP173.2 telah dibuat pada 25 Jun 2024 dan sistem klorin di LRA Jaya Bakti berada di dalam keadaan biasa.

Pembersihan *sludge lagoon* di bawah kontrak *Facilities Maintenance* Zon 3 telah dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada 22 Ogos 2024.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

	<i>Way Forward</i>
Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Komponen Aset Projek Rosak Perenggan: 5.2.2.2.	KKDW kini dalam usaha untuk menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasar yang terlibat. JANS telah mengambil beberapa inisiatif tindakan segera bagi menangani masalah-masalah tersebut seperti melaksanakan kerja-kerja <i>routine maintenance</i> dan <i>preventive maintenance</i> bagi komponen-komponen mekanikal dan elektrik termasuklah pam-pam air mentah dan air terawat di bawah kontrak penyelenggaraan rumah pam, muka sauk dan loji rawatan air.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Loji Limbawang Beaufort mempunyai pam tunggu sedia dan pam yang beroperasi

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Tali sawat yang haus dan putus diganti dengan yang baharu

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Sistem gas klorin yang digunakan bagi membasmi kuman di tangki simpanan air terawat

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT



Sludge masih dalam proses pelaksanaan pembersihan melalui kontrak *facilities maintenance*



Mesin *Belt Filter Press* dalam keadaan baik dan berfungsi dengan normal

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

7

Tajuk Isu:
Pengurusan Projek BALB
Sarawak dan Sabah -
Status Selepas Penyerahan
Projek - Pengoperasian dan
Penyenggaraan -
Komponen Aset Projek
Rosak - Gangguan
Bekalan Air Kepada
Pengguna

Perenggan: 5.2.2.2.c.

Maklumat Penemuan

- i. Saluran paip sedia ada yang menyambungkan sumber air terawat dari LRA Segaliud ke projek BALB di Kg. Lalasun sering mengalami kebocoran kerana kedudukan saluran paip air tersebut berhampiran *earth drain* ditenggelami air.
- ii. Kawasan LRA Bukit Garam, Kinabatangan yang membekalkan air ke Kg. Semawang belum mempunyai bekalan elektrik menyebabkan LRA beroperasi menggunakan set *generator* yang sering mengalami kerosakan.

Maklum balas/Status Terkini

- i. Status bekalan air terkini di Kg. Lalasun:
Kg. Lalasun telah mendapat bekalan air, sistem pam dan tangki utama Lalasun telah diisi. Kerja-kerja pembaikan paip bocor paip utama bersaiz 200mm dibuat secara berterusan.

Di samping tu, kerja-kerja penggantian paip bersaiz 200mm di bawah projek menaiktaraf sistem bekalan air berserta tangki utama sedang dalam proses pemasangan dan dijangka siap pada hujung tahun 2024.

Kekangan kawasan ini adalah disebabkan oleh kebocoran paip utama yang menyalurkan air ke rumah pam. Oleh itu, Jabatan Air Sandakan secara berterusan membuat kerja-kerja pembaikan sekiranya terdapat kebocoran di sepanjang laluan ini.

MAKLUMBALAS TERKINI BERDASARKAN PENEMUAN AUDIT

Tajuk Isu: Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah - Status Selepas Penyerahan Projek - Pengoperasian dan Penyenggaraan - Komponen Aset Projek Rosak - Gangguan Bekalan Air Kepada Pengguna Perenggan: 5.2.2.2.c.	Maklum balas/Status Terkini
	ii. Status bekalan air terkini di Kg. Semawang: Kg. Semawang juga telah mendapat bekalan air seperti biasa dan rumah pam berfungsi dengan baik. Masalah <i>genset</i> daripada Loji Bukit Garam telah selesai dan bekalan air telah pulih seperti biasa.
	Way Forward
	KKDW kini dalam usaha untuk menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasaran yang terlibat. JANS telah mengambil beberapa inisiatif tindakan segera bagi menangani masalah tersebut seperti melaksanakan kerja-kerja <i>routine maintenance</i> dan <i>preventive maintenance</i> bagi komponen-komponen mekanikal dan elektrik termasuklah pam-pam air mentah dan air terawat di bawah kontrak penyelenggaraan rumah pam, muka sauk dan loji rawatan air.

PENEMUAN AUDIT (AG *DASHBOARD*)

BIL.	ISU	STATUS
1.	PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK BALB SARAWAK	DALAM TINDAKAN
2.	PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK BALB SABAH	DALAM TINDAKAN
3.	PENCAPAIAN PROJEK BALB RETIKULASI DAN BALB NAIK TARAF/BINA BARU LOJI SARAWAK DAN SABAH	DALAM TINDAKAN
4.	AKSES BEKALAN AIR BERSIH DAN TERAWAT KEPADA PENDUDUK - PENYAMBUNGAN METER DAN PAIP DARI <i>METER STAND</i> KE RUMAH TIDAK DIBUAT	SELESAI
5.	PENGURUSAN PROJEK BALB SARAWAK DAN SABAH - PENGURUSAN KEWANGAN	DALAM TINDAKAN
6.	STATUS SELEPAS PENYERAHAN PROJEK - PENGOPERASIAN DAN PENYENGGARAAN - TANGKI PERKHIDMATAN TIDAK DIGUNAKAN	DALAM TINDAKAN
7.	STATUS SELEPAS PENYERAHAN PROJEK - PENGOPERASIAN DAN PENYENGGARAAN - KOMPONEN ASET PROJEK ROSAK	DALAM TINDAKAN
8.	STATUS SELEPAS PENYERAHAN PROJEK - PENGOPERASIAN DAN PENYENGGARAAN - KOMPONEN ASET PROJEK ROSAK - GANGGUAN BEKALAN AIR KEPADA PENGGUNA	DALAM TINDAKAN

SYOR AUDIT

1

Mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik, boleh diukur dan konsisten berdasarkan kebolehcapaian serta kemampuan pelaksanaan projek

2

Menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih komprehensif dengan mengambil kira koordinasi dengan Kerajaan Negeri melalui perbincangan isu-isu berkaitan sebelum projek bermula dan selepas penyerahan projek yang meliputi aspek penguatkuasaan dan penyelenggaraan

3

Memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanja mengikut keperluan dan ketetapan

SEKIAN, TERIMA KASIH



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac